Shri Sai Satcharita

श्री साई सच्चरित्र

Bahasa Melayu

The Life & Teachings of Shirdi Sai Baba

The original in Marathi by Govind Raghunath Dabholkar (Hemadpant).
Translated into Malay from Shri Nagesh Vasudev Gunaji's English version,
commissioned by I Love Sai to HK School of Foreign Languages.

First edition September 2016 · Published by I Love Sai
ilovesai.com · sai@ilovesai.com

About this reading edition

This digital reading edition of I Love Sai's Malay translation of *Shri Sai Satcharita* was prepared in 2026 from the text of the 2016 first edition, so that families everywhere can read Baba's life and teachings in Malay.

The text follows the first edition as written. If you notice a typing error, please write to sai@ilovesai.com so it can be corrected in a future update.

I Love Sai is a volunteer-driven humanitarian nonprofit inspired by the life and teachings of Shirdi Sai Baba. Love All. Serve All. Help Ever. Hurt Never.

Kandungan

Bab I Salam – Kisah Pengisaran Gandum dan Kepentingan Falsafah. **6**

Bab II Tujuan Penulisan - Ketidakmampuan dan Ketabahan di dalam Pekerjaan - Perbincangan Hangat - Perbincangan Penting dan Tajuk Kenabian Untuk Hemadphant - Keperluan Seorang Guru. **11**

Bab III Persetujuan dan Perjanjian Sai Baba - Tugasan Kerja Untuk Para Pengikut - Kisah Baba sebagai Penunjuk Arah - Cahaya - Sikap Keibuannya - Kisah Rohilla - Kebaikan dan Kemanisan Sikap Baba - Seperti kata - kata **21**

Bab IV Kedatangan Awal Sai Baba Ke Shirdi **29**

Bab V Kepulangan Baba Bersama Rombongan Perkahwinan Chand Patil - Disambut dan Digelar sebagai " Sai " - Hubungan dengan Orang - orang Keramat Lain - Pakaian dan Rutin Harian - Kisah Paduka - paduka - Gusti dengan Mohdin dan **40**

Bab VI FESTIVAL RAMA - NAVAMI DAN MEMBAIKI MASJID **52**

Bab VII Penjelmaan Menakjubkan - Kelakuan Sai Baba - Amalan Yoga Beliau - Sikap Baba yang Sangat Meluas - Khidmat Pengikut yang berpenyakit kusta - Gangguan dari Tuan Khaparde - Kes - Pergi ke Pandharpur. **64**

Bab VIII Kepentingan Kelahiran Manusia - Sai Baba Mengemis Makanan - Khidmat Bayabajai - Kediaman Sai Baba – Kasih - sayang Baba pada Kushalchand. **76**

Bab IX Kesan mematuhi pesanan dan yang melanggar pesanan Baba sewaktu hendak berangkat pergi - Beberapa contoh - Hidup meminta dan keperluan - Pengalaman para pengikut (Keluarga Tarkhad) - Baba mendapat makanan yang **85**

Bab X Cara hidup Sai Baba - Cara tidur - tilam - Kehidupan di Shirdi - Pengajarannya -Kerendahan hatinya - Jalan Termudah **95**

Bab XI Sai sebagai Sagun Brahman - Pemujaan Dr. Pandit - Haji Sidek Falke - Kawalan ke atas Elemen - elemen **105**

Bab XII Leela Sai - Pengalaman (1) Kaka Mahajani - (2) Dhumal Pleader - (3) Puan Nimonkar - (4) Moolay Shastri - (5) Seorang Doktor **112**

Bab XIII Lebih banyak Leela Sai – Penyakit - penyakit yang disembuhkan - (1) Bhimaji Patil - (2) Bala Shimpi - (3) Bapusaheb Booty - (4) Swani dari Alandi - (5) Kaka Mahajani - (6) Dastopant dari Harda. **119**

Bab XIV Ruttonji Wadia dari Nanded - Saint Moulisaheb - Dakshina Mimansa. **127**

Bab XV Kirtan Naradiya – Paddhati – Teh tanpa gula En. Cholkar – Dua ekor Cicak. **137**

Bab XVI & XVII Kedua - dua bab ini adalah berkaitan dengan seorang lelaki kaya yang mahukan Brahma - Jnana, dengan cepat dari Sai Baba. **142**

Bab XVIII & XIX Bagaimana Hemadpant Diterima dan Direstui **151**

Bab XX Masalah Dasganu Diselesaikan oleh Pembantu Rumahi Kaka **170**

Bab XXI Cerita tentang (1) V.H. Thakur (2) Anantrao Patankar dan (3) Pembela Pandharpur . **177**

Bab XXII Menyelamat dari gigitan ular - (1) Balasaheb Mirikar (2) Bapusaheb Booty (3) Amir Shakkar (4) Hemadpant - Pendapat Baba tentang Membunuh Ular Pendahuluan **185**

Bab XXIII Yoga dan Bawang - Shama Sembuh daripada Gigitan Ular - Ordinan Kolera Dihapuskan - Pengalaman pahit Guru Bakti. **194**

Bab XXIV Kecerdasan dan kelucuan Baba - Leela Chanak - (1) Hemadpant (2) Sudama (3) Anna Chinchanikar vs. Mavsibai. **202**

Bab XXV Damu Anna Kasar dari Ahmednagar - (1) Spekulasi - (2) Leela - Amra Pendahuluan **210**

Bab XXVI Cerita - Cerita tentang (1) Bhakata Pant (2) Harishchandra Pitale dan (3) Gopal Ambadekar **219**

Bab XXVII Bantuan Ditunjukkan dengan Memberi Bhagwat dan Vishnu - Sahasra Nam - Visi Dixit Vithal - Gita Rahasya - Khapardes. **227**

Bab XXVIII Burung Pipit Ditarik Ke Shirdi (1)Lakhamichand - (2) Wanita Burhanpore -(3) Megha **237**

Bab XXIX Cerita - Cerita (1) Madrasi bhajani Mela - (2) Tendulkars (Bapa dan anak) - (3) Dr. Kapten Hate - (4) Waman Navakar. **247**

Bab XXX Tertarik untuk ke Shirdi (10 Kakaji Vaidya dari Vani - (2) Punjabi Ramalal dari Bombay Di dalam bab ini diterangkan cerita tentang dua orang lagi pengikut yang **256**

Bab XXXI Kematian Sewaktu Kehadiran Baba – (1) Sannyasi Vijayanand – (2) Balaram Mankar – (3) Noolkar – (4) Megha and – (5) Harimau **263**

Bab XXXII Dalam usaha Guru dan Tuhan – Puasa tidak Dibenarkan. **271**

Bab XXXIII Kehebatan Udi **281**

Bab XXXIV Kehebatan Udi (Sambungan) (1) Anak saudara lelaki Doktor - (2) Dr. Pillay - (3) Adik ipar Shama (4) Anak perempuan Irani - (5) Lelaki Harda - (6) Wanita Bombay **293**

Bab XXXV Diuji dan Tidak Pernah Dipersoalkan **301**

Bab XXXVI Kisah menarik tentang (1)Dua lelaki Goa - (2) Puan Aurangabadkar. **310**

Bab XXXVII Perarakan Chavadi **318**

Bab XXXVIII Handi Baba - Tidak menghormati Kuil - Kala or Campur Aduk - Secawan Susu - Mentega **324**

Bab XXXIX & L Pengetahuan Baba Tentang Sanskrit **332**

Bab XL Cerita - cerita Baba (1)Menghadiri Majlis Udyapan En. Deo sebagai Sannyasi bersama dua orang lagi (Trio) dan - (2) Rumah Hemadpant dalam bentuk GambarNya. **342**

Bab XLI Cerita Mengenai Potret - Mencuri Kain dan Pembacaan Jnaneshwari. **349**

Bab XLII Baba' s Passing Away **356**

Bab XLIII & XLIV Kematian Baba (Sambungan) **363**

Bab XLV Keraguan kakasaheb dan Visi Anandrao - Papan Kayu Menggantikan Tempat Tidur dan Bukan Milik Bhagat **372**

Bab XLVI Perjalanan Baba ke Gaya - Cerita berkaitan dengan Kambing - kambing **379**

Bab XLVII Kenangan Baba **385**

Bab XLVIII Menghindarkan Masalah Para Pengikut **393**

Bab XLIX Kisah - kisah (1) Hari Kanoba - (2) Somadeva Swami - (3) Nanasehab Chandorkar **401**

Bab L Cerita - cerita tentang (!) Kakasaheb Dixit (2) Sri Tembye Swami (3) Balaram Dhurandhar **408**

Epilog **417**

Bab I

Salam – Kisah Pengisaran Gandum dan Kepentingan Falsafah.

Berdasarkan sejarah dan tradisi lama,Hemadpant memulakan tugasnya, Sai Satcharitra, dengan memberikan berbagai-bagai salam atau penghormatan. Pertama, dia melakukan penghormatan kepada Tuhan Ganesha untuk menjauhkan segala masalah agar pekerjaannya berjaya dan juga untuk menyatakan yang Sri Sai adalah Tuhan Ganesha.

Kemudian, dia memberikan penghormatan kepada Dewi Saraswati untuk memotivasikan dirinya dalam penulisan dan meyakini bahawa Sri Sai bersatu dengan Dewi ini dan Sri Sai sendiri yang menceritakan tentang kisah hidupnya.

Seterusnya, memberikan penghormatan kepada Tuhan - Tuhan seperti Brahma, Vishnu dan Shankar - masing-masing sebagai Pencipta, pelindung dan Pemusnah, dan menyatakan bahawa Sainath turut bersama mereka dan sebagai seorang Guru, beliau akan membawa mereka menyusuri Kehidupan Ini.

Selepas itu, dia memberikan pula penghormatan kepada Tuhan Penunggu Narayan Adinath yang menyatakan dirinya di dalam Konkan - tanah yang diperolehi oleh Parashurama, (Rama di dalam versi Hindi) dari laut dan kepada keluarga Adi (Asli) Purusha.

Setelah itu, memberikan penghormatan kepada Bharadwaja Muni yang berasal dari puak (clan) dan juga kepada Nivritti, Jnanadev, Sopan, Muktabai, Janardan, Ekanath, Namdev, Tukaram, Kanha, Narahari dan lain-lain.

Kemudian memberikan penghormatan kepada datuknya Sadashiv, bapanya Raghunath juga ibunya yang telah meninggalkannya kepada ibu saudara sebelah ayahnya semasa beliau masih bayi. Beliau membesarkannya dan akhirnya diserahkan dan dipelihara oleh abangnya. Selepas itu, memberikan penghormatan kepada semua pembaca dan berharap mereka akan memberikan sepenuh perhatian kepada hasil kerjanya.

Akhir sekali, memberikan penghormatan kepada Guru Sri Sainath - Penjelmaan Sri Dattatreya, satu-satunya penyelamatnya yang akan menyedarkannya bahawa Brahman adalah realiti dan dunia hanyalah illusi dan kebetulan, Tuhan akan sentiasa bersama dan ada di mana - mana.

Selepas penerangan secara ringkas tentang pelbagai penghormatan yang dilakukan menurut Parashara, Vyasa and Shandilya dan lain-lain, penulis meneruskan ceritanya.

“Pada suatu pagi yang hening, selepas tahun 1910 A.D, saya pegi ke Masjid di Shirdi untuk mendapatkan Sai Baba ‘darshan’. Saya kagum - terpukau melihat fenomena berikut. Selepas membersih mulut dan wajahnya, Sai Baba memulakan persediaan untuk mengisar gandum. Beliau menebarkan guni di atas lantai, seterusnya menyediakan pengisar tangan. Dia mengambil sedikit gandum dari nyiru lalu menyingsing lengan baju ‘ Kafni ‘ (robe). Sambil memegang pengepit pada pengisar gandum beliau mula mengisar gandum dengan memasukkan beberapa genggam gandum ke dalam pengisar dan mengisarnya. Saya terfikir ‘ Apa yang Baba buat dengan mengisar gandum sedangkan beliau tidak memperolehi atau menyimpan apa - apa darinya lagipun beliau hidup hanya bersandarkan sedekah! ’. Sesetengah orang yang datang ke situ berfikiran sebaliknya tetapi tidak ada seorang pun

yang berani bertanya kepada Baba tentang perbuatannya. Berita tentang Baba yang mengisar gandum ini tersebar ke kampung dengan serta merta dan sekaligus ramai lelaki dan wanita berlari ke Masjid dan berkumpul di sana untuk menyaksikan perbuatan Baba. Dari kesesakan itu tiba tiba muncul empat wanita dan dengan beraninya menolak Baba dan merampas penyepit darinya, lalu memegang mendendangkan lagu keramat Baba sambil mula mengisar. Pada mulanya Baba merasa sangat marah tetapi setelah melihat kekhusyukan dan kesungguhan wanita - wanita tersebut, dia merasa sangat gembira dan mulai tersenyum. Semasa mereka sedang mengisar, mereka mula terfikir yang Baba tidak mempunyai rumah, harta, anak dan tidak ada siapa yang menjaganya. Beliau hidup bersandarkan sedekah. Beliau tidak memerlukan gandum - tepung untuk membuat roti jadi apakah yang beliau hendak buat dengan jumlah tepung yang begitu banyak? Baba adalah seorang yang baik hati jadi ada kemungkinan beliau akan membahagikan tepung tersebut di kalangan kami. Dengan berfikiran demikian sambil terus mendendangkan lagu keramat tersebut, mereka akhirnya menyelesaikan tugas mengisar gandum. Mereka mula membahagikan tepung tersebut kepada empat bahagian dan mengambil bahagian masing - masing. Baba yang dari tadi hanya diam dan tenang, mula bertindak kasar dan berteriak kepada mereka, “ Adakah anda semua gila? Adakah ini milik bapa anda? Pernahkah saya meminjam gandum dari anda sehingga anda senang - senang sahaja mengambil semua tepung ini? Sekarang tolong lakukan ini. Sila ambil tepung ini dan buangkan di pinggir sempadan “. Mendengar kata - kata itu, wanita - wanita tersebut merasa malu dan berbisik sesama sendiri. Mereka keluar dari kampung dan mula membuang tepung tersebut seperti yang diarahkan oleh Baba. Saya bertanya kepada orang -

orang Shirdi - “ Apa yang sebenarnya Baba lakukan? “ Mereka memberitahu bahawa wabak kolera yang sedang merebak di kampung sudah dihapuskan. Orang - orang kampung sangat

gembira dan semua ini adalah atas usaha Baba. Sebenarnya bukan gandum yang dikisar tetapi wabak tersebut yang dihancurkan dan dihapuskan dari kampung mereka. Mulai dari sekarang wabak kolera sudahpun berakhir dan orang kampung sangat gembira. Saya juga sangat gembira mendengar berita tersebut tetapi dalam masa yang sama timbul rasa ingin tahu. Saya mula tertanya sendiri - apakah kaitan sebenar di antara tepung dan kolera? Apa kaitan keduanya dan bagaimana untuk memahaminya? Kejadian tersebut sukar untuk difahami. Saya harus menulis sesuatu tentang kejadian ini dan memahami lagu keramat Baba. Dengan berfikiran demikian perasaan saya menjadi sungguh seronok dan bersemangat untuk menulis kisah hidup Baba - Satcharita.

Sebagaimana yang kita ketahui, dengan izin dan restu Baba usaha ini telah berjaya dihasilkan.

Falsafah Berdasarkan Kepentingan Mengisar

Selain daripada maksud yang telah orang - orang di Shirdi terangkan mengenai insiden tentang mengisar gandum, kami rasa ia juga berkaitan dengan kepentingan falsafah juga. Sai Baba telah menetap di Shirdi selama lebih kurang enam tahun dan di sepanjang tempoh itu beliau telah melakukan tugas mengisar gandum hampir setiap hari - bukan hanya mengisar gandum semata - mata tetapi juga menghapuskan dosa - dosa, penderitaan mental dan fizikal serta kesengsaraan para pengikutnya. Dua jenis batu dari pengisar gandum mengandungi Karma dan Bakti. Karma adalah di peringkat rendah dan Bakti pula di peringkat yang tinggi.

Penyepit atau pemegang pada Pengisar pula mengandungi Ilmu (Jnana). Baba sangat yakin bahawa Ilmu dan Kesedaran diri aadalah mustahil kecuali jika disertai dengan dorongan, keinginan, dosa dan tiga elemen iaitu Sattva, Raja dan Tama serta Ahamkara yang tidak dapat dilihat melalui mata kasar. Oleh itu sukar untuk mengelak diri darinya.

Perkara ini mengingatkan kita kepada cerita mengenai Kabir. Beliau ternampak seorang wanita yang mengisar jagung berkata kepada Guru, Nipathiranjana, " Saya menangis sebab terasa seolah-olah dihancurkan oleh roda kehidupan seperti jagung yang dikisar diatas pengisar ". Nipathiranjana menjawab, " Jangan takut. Berpeganglah pada ilmu mengenai pengisar ini dahulu seperti saya sendiri dan jangan fikirkan tentang perkara lain sebaliknya berada lah di tengah - tengah maka sudah pasti awak akan selamat ".

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera untuk semua

Bab II

Tujuan Penulisan - Ketidakmampuan dan Ketabahan di dalam Pekerjaan - Perbincangan Hangat - Perbincangan Penting dan Tajuk Kenabian Untuk Hemadphant - Keperluan Seorang Guru.

Di dalam bab terakhir, penulis menyatakan melalui buku Marathi yang asli bahawa beliau akan membeitahu sebab yang mendorong beliau untuk menulis dan orang - orang yang layak untuk membaca serta beberapa petunjuk yang lain. Sekarang di dalam bab ini beliau akan mula menceritakan benda yang sama. Tujuan Penulisan Pada bab yang pertama, saya telah menceritakan tentang keajaiban yang dilakukan oleh Sai Baba di dalam mengenalpasti dan menghapuskan wabak kolera dengan menggunakan pengisar gandum dan pembuangan tepung ke luar kampung. Saya juga mendengar tentang keajaiban Sai Baba yang lain dan ianya membuatkan saya merasa sangat seronok untuk meneruskan penulisan yang sangat puitis ini. Selain daripada itu, saya juga terfikir bahawa penceritaan tentang keajaiban besar Sai Baba adalah menarik dan akan menjadi pengajaran kepada para pengikutnya serta dapat menghapuskan dosa mereka. Oleh itu saya mula menulis kisah keramat dan pengajaran oleh Sai Baba. Kehidupan beliau tidak logik mahupun materialisme. Ini menunjukkan kita kepada jalan yang benar dan hebat.

Ketidakmampuan dan Keberanian dalam melakukan Tugas Hemadpant merasakan bahawa beliau tidak layak untuk mengambil tugas tersebut. Dia berkata, “ Saya tidak tahu tentang kehidupan kawan karib saya mahupun fikiran saya sendiri, jadi bagaimana saya hendak menulis tentang kehidupan seorang

keramat atau menerangkan tentang hakikat penjelmaan malah Veda sendiri tidak mampu untuk menerangkannya. Hanya seorang keramat mengenali seorang keramat yang lain jadi bagaimana saya hendak menerangkan keagungan mereka? Menceritakan tentang kehidupan seorang keramat adalah sangat sukar walaupun dengan menyukat kedalaman air di tujuh lautan atau memerangkap awan menggunakan kain. Saya tahu yang perkara ini sangat menyeronokkan dan mungkin mendatangkan cemuhan. Oleh sebab itu, saya memohon restu dari Sai Baba.

Seorang penyair Maharashtra yang ternama, Sri Jnaneshwara Maharaj, menyatakan bahawa Tuhan akan menyayangi sesiapa sahaja yang menulis cerita tentang orang - orang keramat dan orang - orang keramat ini juga mempunyai cara mereka tersendiri untuk memberikan khidmat yang diperlukan dan pengikutnya sangat berharap ianya berjaya diselesaikan. Orang - orang keramat ini adalah pendorong kepada tugasan tesebut dan para pengikut pula secara tidak langsung adalah penyebab atau sumber untuk menyelesaikannya. Sebagai contoh, dalan tahun Shaka 1700, penyair Mahipati telah berusaha untuk menghasilkan kisah hidup orang - orang keramat. Beliau mendapatkan bantuan Das Ganu. Mahipati telah menghasilkan empat buah kisah orang - orang

keramat iaitu Bhakta Vijaya, Santa Vijaya, Bhakta Leelamrit and Santa Kathamrit. Manakala Das Ganu pula telah menghasilkan Bhakta Leelamrit dan Santa Kathamrit dengan menggambarkan tentang keindahan kehidupan orang - orang keramat era moden. Di dalam buku Bhakta Leelamrit, Bab 31, 32, 33, dan di dalam buku Santa Kathamrit, Bab 57, kisah hidup Sai Baba telah digambarkan dengan cukup baik. Ianya telah diterbitkan secara berasingan melalui Majalah Sai Leela, No. 11 dan 12, Vol. 17. Para pembaca

digalakkan untuk membaca bab - bab tersebut. Kisah kehidupan Sai Baba ini juga diceritakan oleh Mrs. Savitribai Raghunath Tendulkar dari Bandra. Beliau menulisnya di dalam sebuah buku kecil yang menarik yang dinamakan Sri Sainath Bhajana Mala. Das Ganu Maharaj juga telah mengubah beberapa buah sajak yang menarik mengenai Sai Baba. Salah seorang pengikut Sai Baba yang benama Amidas Bhavani Mehta turut menerbitkan beberapa kisah hidup Sai Baba di Gujarathi. Beberapa kisah juga dihasilkan oleh Sainath Prabha melalui majalah yang diterbitkan oleh Dakshina Bhiksha Sanstha dari Shirdi. Begitu banyak kisah hidup tentang Sai Baba telah dihasilkan jadi persoalan yang dibangkitkan sekarang adalah kenapa kisah ini (Satcharita) ditulis dan adakah ianya perlu?

Jawapannya mudah dan ringkas sahaja.Kisah hidup Sai Baba sangat besar dan mendalam umpamakan lautan yang tak terhingga dan semua orang boleh menyelam ke dasarnya untuk mendapatkan mutiara yang berharga (Ilmu dan Bakti), dan kemudian mengedarkannya kepada orang-orang yang bercita - cita tinggi. Cerita tersebut, perumpamaan dan pangajaran oleh Sai Baba adalah sangat menarik. Ianya akan memberikan ketenangan dan kegembiraan kepada orang - orang yang berdukacita kerana dibebani oleh kesengsaraan hidup, juga dikurniakan ilmu dan kebijaksanan di dalam dunia yang penuh dengan pancaroba serta dikurniakan ilmu dan kebijaksanaan di alam di dunia dan di alam kerohanian. Sekiranya pengajaran oleh Sai Baba yang menarik dan banyak memberi pelajaran seperti cerita Veda ini diceritakan dan dihayati maka para pengikutnya akan mendapat apa yang mereka inginkan iaitu impian, penyatuan dengan Brahman (Creator), menguasai lapan cara gerakan Yoga, nikmat meditasi dan lain - lain. Oleh kerana itu saya merasakan bahawa saya harus menulis

semula cerita ini. Di samping itu ia juga akan menjadi Upasana yang terbaik buat diri saya. Naskah ini bakal menjadi sesuatu yang menarik buat mereka yang tidak pernah bersemuka dengan Sai Baba. Jadi untuk itu saya mula menulis tentang pengajaran dan percakapan Sai Baba - memperolehi ilmu yang tidak terhingga. Sai Baba adalah orang yang telah mendorongnya untuk menulis malahan saya telah menyerahkan jiwa saya sepenuhnya kepadanya dan berharap perjalanan saya akan menjadi mudah. Saya juga berharap beliau akan memberikan kebahagiaan kepada saya di dunia dan di akhirat.

Saya meminta bantuan dari pengikut Sai Baba yang paling setia iaitu En. Madhavrao Despande alias Sharma untuk memohon kebenaran dari Sai Baba

disebabkan saya tidak mampu melakukannya sendiri. Dia meminta penjelasan dari saya dan kemudiannya berkata kepada Sai Baba, “ Annasaheb ini berhasrat untuk menulis biografi anda. Tolong jangan kata yang anda adalah seorang peminta sedekah dan tidak perlu untuk menulis cerita ini tetapi jika anda bersetuju untuk membantu, beliau akan menulis dan dengan anugerah anda beliau akan berjaya menyelesaikan tugasnya “ . Sebaik sahaja Sai Baba mendengar permintaan ini, beliau merestui saya dan memberikan saya Udinya (sacred ashes) dan meletakkan tangannya di atas kepala sebagai tanda restu lalu berkata, “ Benarkan dia menulis cerita dan pengalaman saya, simpan semua nota dan memo. Saya akan membantunya. Saya sendiri akan menulis auto biografi diri saya untuk memuaskan hati semua para pengikut saya. Dia harus menghapuskan sikap ego dan menyerah diri. Sesiapa yang berserah diri seperti ini di dunia, saya akan membantu mereka. Cerita apa yang awak hendak tulis? Saya akan membantu dia

dengan apa cara sekalipun. Apabila sikap egonya sudah hilang sepenuhnya dan tiada tinggal walau sedikitpun saya sendiri yang akan menulis kisah hidup saya. Dengan mendengar cerita dan pengajaran saya, dapat meningkatkan keyakinan di hati para pengikut saya dan dengan mudah mereka akan memperolehi ilmu dan restu. Semoga tidak ada paksaan dalam menyatakan pandangan, tidak ada perbezaan pendapat, tidak ada perbincangan tentang kebaikan dan keburukan tentang apa - apa subjek “. Perkataan ‘ perbincangan ‘ mengingatkan saya tentang janji untuk menerangkan cerita bagaimana saya mendapat gelaran Hemadpant dan sekarang say sedang melakukan benda yang sama. Saya menjalinkan hubungan baik dengan Kakasaheb Dixit dan Nanasaheb Chandorkar. Mereka memaksa saya pergi ke Shirdi untuk bersemuka dengan Baba dan saya telahpun berjanji dengan mereka . Sesuatu telah berlaku di pertengahan jalan menyebabkan saya belum dapat pergi ke Shirdi. Anak lelaki kepada sahabat saya yang tinggal di Lonavala telah jatuh sakit. Sahabat saya telah mencuba berbagai usaha, fizikal dan rohaniah tetapi sakitnya masih tidak dapat disembuhkan. Dia kemudiannya meminta pertolongan Guru untuk duduk di sisi katil anaknya namun masih tdak memberi apa - apa kesan. Mendengar ini, saya terfikir ‘ Apakah kelebihan Guru jika beliau tidak dapat menyelamatkan anak sahabat saya? Jika Guru tidak mampu untuk melakukan apa - apa untuk kita, kenapa saya harus pergi ke Shirdi? ‘ Perkara ini menyebabkan saya menunda perjalanan saya ke Shirdi namun begitu beliau tetap tidak dapat mengelaknya. Sesuatu telah berlaku. En. Nanasehab Chandorkar iaitu Pegawai Prant, telah pergi melawat ke Bassein. Dari Thana beliau telah datang ke Dadar dan sedang menunggu keretapi untuk ke Bassein. Apabila keretapi Bandra Local sudahpun sampai, diapun masuk ke dalam keretapi

dan memanggil saya. Dia memarahi saya kerana membatalkan perjalanan ke Shirdi. Penerangan Nana tentang perjalanan ke Shirdi sungguh meyakinkan dan menyeronokkan jadi saya mengambil keputusan untuk memulakan semula perjalanan ke Shirdi pada malam itu juga. Saya mengemaskan bagasi dan memulakan perjalanan ke Shirdi. Saya merancang

untuk singgah ke Dadar dan dari sana akan menaiki keretapi ke Manmad maka saya pun membeli tiket ke Dadar dan terus menaiki keretapi. Ketika keretapi hendak bergerak, seorang lelaki muslim tergesa - gesa masuk ke dalam gerabak sambil memerhati bagasi saya lalu bertanya destinasi saya. Saya memberitahu perancangan saya. Dia kemudiannya mencadangkan supaya saya harus pergi terus ke Boribunder dan tidak turun ke Dadar sebab Manmad Mail (keretapi) tidak akan berhenti di Dadar. Tanpa sedikit keajaiban ini atau Leela, saya mungkin tidak akan sampai ke Shirdi keesokannya seperti yang telah dirancang dan akan mendatangkan masalah kepada saya. Nasib menyebelahi saya. Saya akhirnya sampai ke Shirdi keesokannya lebih kurang pukul 9 atau 10 pagi. En. Bhausehab (Kaka) Dixit sudahpun menunggu saya di sana. Ianya berlaku pada tahun 1910 A.D. di suatu tempat bernama Sathe Wada, tempat penginapan untuk para musafir yang berziarah. Selepas turun dari Tonga, saya teruja untuk bersemuka dengan Baba bila pengikut nya yang hebat Tatyasehab Noolkar datang dari masjid dan memberitahu bahawa Sai Baba berada di tepi Wada. Saya harus mandi dan bersedia dahulu sebelum bersemuka dengannya. Di waktu lapang baharulah saya bejumpa dengannya. Saya terus berlari dan meniarap di hadapan Baba dengan perasaan gembira yang tidak terhingga. Saya mendapat lebih dari apa yang Nana Chandorkar beritahu saya. Seluruh pancaindera saya merasa puas dan saya tidak merasa lapar dan dahaga. Di saat saya

menyentuh kaki Sai Baba, saya memasuki alam kehidupan yang baru. Saya menerima banyak bantuan dan dorongan untuk bersemuka dengan Baba dan saya menganggap mereka sebagai keluarga sendiri dan tidak tahu bagaimana untuk membalas jasa mereka semua. Saya tidak akan melupakan mereka dan turut mendoakan mereka. Keistimewaan bersemuka dengan Sai Baba adalah, ia berjaya mengubah cara pemikiran kita, sikap buruk kita sebelum ini juga lenyap dan perlahan - lahan sikap materialistik turut tehapus.Di sebabkan amalan baik pada kelahiran dahulu, memberikan saya peluang untuk bersemuka dengan Baba. Hanya dengan melihat Sai Baba, segalanya mengingatkan kita kepada Sai Baba.

Perbincangan Hangat

Pada hari pertama saya berada di Shirdi, berlaku perbincangan di antara saya dengan Balasehab Bhate mengenai keperluan Guru. Saya menegaskan, “ Kenapa kita harus hilang kebijaksanaan dan menyerah kepada orang lain? Apabila kita perlu melakukan tugasan kenapa seorang Guru diperlukan? Seseorang perlu berusaha sebaik mungkin untuk menyelamatkan diri nya sendiri. Apa yang Guru boleh lakukan terhadap seorang lelaki malas yang hanya tahu tidur sahaja? “ Begitulah saya menyatakan secara jujur manakala En. Bate pula bercakap tentang takdir. Dia berkata, “ Apa yang telah ditakdirkan berlaku akan tetap berlaku. Sedangkan lelaki yang hebat pun pernah gagal. Kita merancang sesuatu tetapi Tuhan yang akan menentukan segalanya. Ketepikan

sikap menunjuk pandai. Sikap sombong dan ego tidak akan membantu anda “. Perbincangan tentang kebaikan dan keburukan ini berterusan lebih kurang sejam namun jalan penyelesaian

belum juga ditemui. Akhirnya kami terpaksa berhenti rehat kerana sudah keletihan. Apa yang pasti, fikiran saya agak terganggu. Saya mengambil keputusan bahawa tanpa memiliki tubuh badan yang sihat, kesedaran serta sikap ego, perbincangan ini tidak akan dapat diteruskan.Dengan kata lain, sikap ego itulah yang menjadi nadi perbincangan. Kemudiannya, ketika kami semua pergi ke masjid, Baba menanyakan soalan berikut kepada Kakasehab Dixit:- " Apa yang berlaku di (sathe) Wada? Apakah yang dibincangkan? " Sambil memerhati saya, Baba meneruskan pertanyaannya. " Apakah yang dikatakan oleh Hemadpant ini? " Saya sangat terkejut mendengar kata - katanya. Masjid berada tidak berapa jauh dari Sathe Wada iaitu tempat tinggal saya dan tempat berlakunya perbincangan tersebut. Bagaimana Baba boleh mengetahui tentang perbincangan kami kecuali jika beliau adalah seorang yang serba tahu atau memiliki kuasa batin? Kepentingan dan Tajuk Kenabian Saya mula berfikir kenapa Sai Baba memanggil saya dengan nama Hemadpant. Perkataan ini berasal dari perkataan Hemadripant iaitu seorang menteri yang sangat terkenal bagi raja Mahadev dan Ramadev dari Devgiri yang berasal dari dinasti Yadav. Beliau sangat bijak, baik hati dan seorang penulis yang baik yang telah menulis buku seperti Chaturvarga Chintamani (berkaitan dengan subjek kerohanian) dan Rajprashasti. Beliau lah yang menemui dan memulakan cara perakaunan yang baru dan penulis asal skrip Modi (Penulis trengkas Marathi) sedangkan saya pula adalah sebaliknya. Saya seorang yang jahil, membosankan dan tidak begitu bijak. Disebabkan itu saya tidak faham mengapa nama atau gelaran itu diberikan kepada saya. Namun begitu, apabila difikirkan secara serius, saya merasakan gelaran itu adalah satu cara untuk menghapuskan sikap ego saya supaya saya sentiasa bersikap lembut dan merendah diri. Ianya juga sebagai

menghargai kebijaksanaan saya semasa di dalam perbincangan. Pada masa akan datang, kita rasa kata - kata Baba (memanggil En. Dabholkar dengan gelaran Hemadpant) adalah berseeuaian dan bersifat kenabian. Sebagaimana yang kita ketahui beliau menjaga pengurusan untuk Sai Sansthan dengan bijaksana, mengurus akaun dengan teratur dan juga seorang penulis yang bagus untuk " Sai Satcharita. " Beliau yang berurusan dengan subjek yang penting dan mengenai kerohanian seperti Jnana, Bakti dan mempunyai sikap berkecuali (tidak memihak), berserah diri dan kesedaran diri.

Mengenai Keperluan seorang Guru

Hemadpant tidak menulis apa - apa nota atau memo mengenai apa yang Baba katakan tentang subjek ini tetapi Kakasehab Dixit telah menerbitkan notanya yang berkaitan dengan perkara tersebut. Keesokannya, selepas perjumpaan Hemadpant dengan Sai Baba, Kakasehab telah berjumpa dengan Baba untuk bertanya samada beliau boleh meninggalkan Shirdi. Baba mengatakan, " Boleh ". Kemudian sesorang bertanya, " Baba, ke mana harus pergi? " Baba menjawab, " Naik ke atas. " Seorang lelaki pula bertanya, " Bagaimana caranya? " Baba menjawab ". Terdapat banyak cara untuk menuju ke situ. Dari sini (Shirdi) juga boleh pergi ke situ. Caranya amat sukar. Terdapat banyak harimau dan serigala di sepanjang perjalanan di dalam hutan ". Saya (Kakasehab) bertanya, " Tapi Baba, macam mana kalau kami membawa pemandu jalan bersama - sama kami? " Baba pula menjawab, " Kalau macam itu ianya tidak akan menjadi sukar. Pemandu jalan akan membawa anda terus ke destinasi dan di sepanjang perjalanan anda dapat mengelak dari bertembung dengan serigala , harimau, gaung dan lain - lain. Tanpa pemandu jalan,

besar kemungkinan anda akan sesat di dalam hutan atau jatuh ke dalam gaung “. En. Dabholkar juga turut berada di situ ketika itu dan terfikir mungkin ini adalah jawapan kepada soalannya samada Guru diperlukan atau tidak (Rujuk kapada Sai Leela Vol. I, No. 5, Muka surat 47) dan dia kemudiannya mengambil itu sebagai petunjuk bahawa perbincangan samada sesorang itu bebas atau terikat, tidak mendatangkan makna di dalam masalah kerohanian sebaliknya Paramartha yang sebenar boleh diperolehi hasil daripada pengajaran oleh Guru. Ia telah diillustrasikan di dalam bab yang asal. Sebagai contohnya kisah hebat Avatar (mereka yang berkemampuan luar biasa) seperti Rama dan Krishna, yang menyerahkan diri mereka kepada Guru masing - masing iaitu Vasishta dan Sandipani, untuk mendapatkan kesedaran diri dan hanya dengan memiliki sikap terpuji itu sahaja, seseorang itu mampu untuk mengekalkan keyakinan dan kesabaran. (Rujuk kepada Sai Satcharita,Bab II, 191 - 92).

Penghormatan kepada Sri Sai - Sejahtera untuk semua

Bab III

Persetujuan dan Perjanjian Sai Baba - Tugasan Kerja Untuk Para Pengikut - Kisah Baba sebagai Penunjuk Arah - Cahaya - Sikap Keibuannya - Kisah Rohilla - Kebaikan dan Kemanisan Sikap Baba - Seperti kata - kata

Persetujuan dan Perjanjian Sai Baba

Sebagaimana yang telah diterangkan di dalam bab yang sebelum ini, Sai Baba telah memberikan persetujuan yang sepenuhnya tentang penulisan mengenai Sat - Chatrita dan berkata, “ Saya bersetuju sepenuhnya berkaitan dengan penulisan biografi Sat Chatrita. Lakukan tugas anda, jangan merasa khuatir, tenangkan fikiran anda dan yakinlah dengan kata - kata saya. Apabila Leela saya ditulis, Avidya (nescience) tdak akan ada lagi dan sekiranya mereka benar - benar

memberikan tumpuan dan mendengar dengan penuh perasaan, pemikiran tentang kewujudan duniawi akan turut hilang dan akan timbul perasaan untuk mengabdikan diri sekaligus perasaan kasih sayang akan meningkat. Sekiranya seseorang benar - benar menyelami Leela saya ini pastinya beliau akan memperolehi ilmu yang sangat berharga “.

Sebaik sahaja penulis mendengar kata - kata tersebut, dengan serta merta perasaan gementarnya hilang dan mula rasa yakin bahawa usahanya akan berjaya. Kemudian Baba berpaling kepada Shama (Madhavrao Deshpande) dan berkata, “ Sekiranya seseorang menyebut nama saya dengan penuh kasih sayang, Saya akan memenuhi semua permintaannya dan meningkatkan pengabdiannya.

Sekiranya seseorang menyanyikan lagu tentang kehidupan dan perbuatan saya, saya akan sentiasa berada di depan dan di belakang serta di sekelilingnya. Para pengikut yang mendampingkan diri dengan saya, jiwa dan perasaan, sewajarnya akan merasa bahagia apabila mendengar kisah ini. Percayalah pada saya bahawa sesiapa yang menyanyikan Leela saya, saya akan memberikannya kebahagian yang tak terhingga dan kesenangan selamanya. Keistimewaan saya adalah saya akan membebaskan sesiapa sahaja yang menyerahkan diri dan memuja saya dengan penuh keyakinan, juga sesiapa yang mengingati saya serta bertafakur berterusan. Bagaimana mereka boleh menyedari hal keduniaan dan keindahannya sedangkan mereka sentiasa menyebut nama saya, memuja saya, memikirkan cerita saya dan sentiasa mengingati saya? Saya akan menyelamat para pengikut saya dari kesakitan mati. Apabila kisah saya didengarkan, semua penyakit dapat dihapuskan. Jadi dengarlah cerita saya dengan rasa hormat, fikir serta bertafakur dan serapkan ke dalam diri anda. Inilah caranya untuk mencapai kebahagiaan dan kepuasaan. Sikap sombong dan ego para pengikut saya akan terhapus. Minda mereka akan merasa aman. Jika dia mempunyai keyakinan yang sepenuhnya dengan seluruh jiwa raga maka dia akan mempunyai kesedaran yang amat tinggi. Hanya sekadar mengingati nama saya seperti ‘ Sai, Sai ‘ akan menghapuskan dosa yang dilakukan samada melalui perbuatan mahupun perkataan”.

Pembahagian Tugas kepada Para Pengikut

Tuhan telah mengamanahkan tugas - tugas kepada para pengikutnya. Ada yang diberikan tugas untuk membina kuil - kuil dan mutt atau ghat (membuat tangga) di pinggiran sungai. Beberapa orang yang lain pula diberikan tugas untuk menyanyikan

lagu ketuhanan, ada pula yang ditugaskan untuk berziarah tetapi saya ditugaskan untuk menulis tentang Sai Charita. Sebagai seorang yang mempunyai perniagaan tetapi tidak memiliki apa - apa. Saya sebenarnya tidak layak untuk tugasan ini jadi kenapa saya harus memikul tugas yang berat ini? Siapa yang dapat menceritakan kisah hidup sebenar Sai Baba? Hanya restu dari

Sai Baba sahaja yang membolehkan seseorang menyelesaikan tugas ini. Oleh itu apabila saya mula memegang pen, Sai Baba telah menghapuskan ego saya dan menulis sendiri kisah hidupnya. Penghargaan di atas penghasilan buku ini seharusnya diberikan kepada Sai Baba bukannya saya. Walaupun berketurunan Brahmin, saya kekurangan dua mata (penglihatan atau pandangan) Shruti dan Smriti. Oleh kerana itu saya tidak mampu untuk menulis Sat-Charita, namun dengan izin Tuhan orang yang bisu boleh berkata - kata, membolehkan orang yang lemah merentasi gurun. Haya beliau sendiri yang mengetahui bagaimana untuk menyelesaikan tugasnya sebagaimana yang dikehendakinya. Serunai dan harmonium sendiri pun tidak mengetahui bagaimana bunyi dihasilkan. Inilah tugas sebenar pemuzik. Sinaran dari batu permata Chandrakant dan cahaya dari laut bukanlah disebabkan oleh batu permata dan laut tersebut tetapi sebenarnya dari sinaran cahaya bulan.

Kisah Baba sebagai Rumah Api - Cahaya

Rumah api dibina di beberapa tempat di laut untuk membolehkan pelayar mengelak terumbu karang dan bahaya sekaligus membolehkan mereka belayar dengan selamat. Cerita Sai Baba ini juga memberikan maksud yang sama di dalam lautan kehidupan yang mencabar. Ianya mengeluarkan madu di dalam kemanisan

dan menjadikan perjalanan hidup lebih lancar dan mudah untuk diterokai. Kisah Keramat ini adalah rahmat. Apabila ia menyentuh hati kita melalui pendengaran, badan - kesedaran atau keegoan, pendualan akan terhapus. Apabila ia disimpan di dalam hati, syak wasangka akan berterbangan ke segenap sudut, keangkuhan badan akan jatuh dan kebebasan akan mengisi segenap ruang. Keterangan tentang Baba dari peminat setianya dan mendengar sendiri dengan kasih sayang, akan menghapuskan dosa para pengikut. Inilah cara Sadhana yang mudah untuk mendapat keampunan. Sadhana untuk Krita Age adalah Shamadama (ketenangan minda dan badan), untuk Treta Age, pengorbanan, untuk Dwapara, pemujaan dan untuk Kali (masa kini) Age, menyanyikan nama dan keagungan Tuhan. Sadhana yang terakhir ini terbuka kepada orang- orang yang berasal dari empat varnas (Brahmin dan lain - lain). Sadhana yang lain seperti Yoga,Yagya (Pengorbanan), Dhyana (meditasi) dan Dharana (fokus) adalah sangat sukar untuk dipraktikkan namun menyanyi dan mendengar cerita kehebatan Tuhan (Sai Baba) sangatlah mudah. Kita hanya perlu menumpukan perhatian terhadapnya. Dengan mendengar dan menyanyikan cerita ini akan mengalih perhatian dari memikirkan perkara lain dan akan menjadikan para pengikut melupakan perkara tersebut sebaliknya akan menimbulkan kesedaran diri. Dengan cara inilah Sai Baba membantu saya menulis kisah hidupnya, Sat- Charitamrita. Sekarang ini, para pengikutnya dengan mudah dapat membaca kisah Sai Baba dan dalam masa yang sama bertafakur, membayangkan rupanya dan seterusnya menanam perasaan untuk mentaati Guru dan Tuhan (Sai Baba), pengasingan diri untuk mencapai kesedaran diri. Dalam penyediaan dan penulisan kisah ini, Sat - Charitamrita,

restu dari Sai Baba lah yang telah menyelesaikan segalanya dengan menggunakan saya sebagai alat perantaraan.

Sikap Keibuan Sai Baba

Semua orang tahu bagaiman seekor kerbau menyayangi anaknya .Kantung susunya sentiasa penuh dan bila anak - anaknya perlukan susu dan menghempaskan diri di bawah kantungnya, susunya akan terus mengalir tanpa henti. Persamaannya adalah seorang manusia yang bergelar ibu juga mengetahui kemahuan anaknya dan akan menyusukannya tepat pada waktunya. Begitu juga dengan pakaian dan pembersihan anak, seorang ibulah yang akan memastikan segalanya dilakukan dengan sebaik mungkin. Walaupun anak - anak tidak mengetahui dan tidak mengambil peduli tentang ini, namun sebagai seorang ibu dia tetap menjalankan tugasnya dan gembira bila dia melihat anaknya berpakaian cantik dan bersih. Kasih sayang seorang ibu sangat aneh, istimewa dan tidak menarik dan tidak berpenghujung. Sadgurus mempunyai perasaan ini terhadap pengikutnya.Sai Baba juga mempunyai perasaan yang serupa terhadap saya.Saya berikan contohnya seperti di bawah:- Dalam tahun 1916 A.D. saya telah bersara dari bekerja dengan kerajaan. Pencen yang saya terima tidak mencukupi untuk menyara keluarga saya. Pada Guru-Pournima (15hb Ashadha) dalam tahun tersebut, saya pergi ke Shirdi bersama para pengikut lain. Di sana En. Anna Chinchanikar, dengan kehendaknya sendiri memohon kepada Baba seperti berikut:- “ Tolong bantu dia. Pencen yang dia perolehi tidak mencukupi, keluarga dia semakin membesar. Berikan dia tugasan yang lain juga, hilangkan kerisauannya dan gembirakan dia “. Baba menjawab, “ Dia akan mendapat tugasan lain, namun sekarang dia harus bertugas untuk saya dan bergembira.

Makanannya akan sentiasa ada dan tidak akan pernah habis. Dia harus menumpukan sepenuh perhatiannya kepada saya dan menjauhi orang yang tidak percayakan Tuhan, tidak beragama dan menyiksa manusia. Dia harus berlemah lembut dan merendah diri kepada semua dan memuja saya sepenuh jiwa dan raga. Jika dia melakukan ini, dia akan mendapat kebahagian yang abadi “.

Pertanyaan siapa kah DIA, yang begitu dipuja, telahpun dijawab di dalam nota mengenai “ Siapa Sai Baba? “ di dalam prolog, di permulaan buku ini. Kisah Rohilla Penceritaan oleh Rohilla menerangkan tentang Kasih sayang Sai Baba. Rohilla, seorang yang tinggi dan segak, kuat seperti lembu, telah datang ke Shirdi, memakai Kafni (pakaian) yang panjang, merasa gembira kerana Sai telah menetap di sana. Siang dan malam dia membaca dengan kuat dan nyaring Kalimah (ayat dari Al- Quran) dan berteriak “ ALLAH HU AKBAR “ (Tuhan maha Besar). Pada siang hari, kebanyakan orang - orang di Sirdi sedang bekerja

di ladang jadi bila mereka balik ke rumah masing - masing pada malam hari, mereka disambut dengan teriakan Rohilla yang kuat dan nyaring. Mereka tidak dapat tidur dan terganggu serta merasa tidak selesa. Mereka hanya berdiam diri untuk beberapa hari tetapi apabila mereka tidak dapat bertahan lagi, mereka terus berjumpa dengan Baba lalu memintanya berjumpa dengan Rohilla supaya berhenti melakukan perbuatan tersebut. Baba tidak melayani rungutan mereka sebaliknya Baba membawa mereka untuk melakukan kerja dan menasihati mereka untuk tidak mempedulikan Rohilla. Dia memberitahu mereka bahawa Rohilla mempunyai isteri yang jahat, Zantippi, yang cuba masuk dan membawa masalah kepada Rohilla dan dia sendiri. Setelah mendengar Rohilla berdoa, dia tidak berani masuk dan mereka

merasa aman dan gembira. Sebenarnya Rohilla tidak mempunyai isteri tetapi isteri yang dimaksudkan oleh Baba adalah DURBUDDHI iaitu pemikiran jahat. Oleh kerana Baba sangat suka berdoa dan berzikir kepada Tuhan melebihi dari segalanya , maka dia menyebelahi Rohilla dan menyuruh orang kampung untuk bersabar dengan perkara itu yang pasti akan berakhir juga apabila sampai waktunya.

Kebaikan dan Kemanisan Sikap Baba – Sperti Kata - Kata Pada suatu hari selepas Arti, para pengikut kembali ke rumah masing - masing, Baba telah memberikan beberapa nasihat yang cantik:- “ Pergilah kemana anda suka,buatlah apa yang anda mahu, ingatlah baik- baik bahawa semua perbuatan awak akan saya ketahui. Saya adalah Raja batin kepada semua dan telahpun berada di dalam hati anda. Saya yang menguasai segalanya samada yang hidup mahupun yang mati. Saya adalah pengawal - pengawal segala lakonan di dunia ini. Saya adalah seorang ibu - permulaan bagi semua makhluk - Harmoni untuk tiga Guna, pendorong pancaindera, pencipta, pelindung dan pemusnah.Tidak ada sesuatupun yang dapat memudaratkannya, yang cuba melakukan sesuatu terhadapnya tetapi Maya akan mendera dan menyiksa mereka yang melupakan saya. Semua serangga, semut, semua benda nyata, yang hidup mahupun mati, adalah badan atau imej saya.

Mendengar kata - kata yang indah dan berharga ini, saya membuat keputusan dengan serta merta untuk berbakti dengan Guru saya sahaja tetapi jawapan Baba kepada Anna Chinchanikar terhadap soalannya (sebenarnya adalah soalan dari saya) yang saya akan mendapat kerja, mula bermain di fikiran saya. Saya mula berfikir samada perkara ini akan berlaku. Akhirnya, kata - kata Sai Baba

ternyata benar apabila tidak berapa lama kemudian, saya telah mendapat tawaran bekerja dengan kerajaan tetapi hanya untuk jangka masa yang pendek sahaja. Kemudian saya berhenti semula dan berbakti kepada Guru - Sai Baba. Sebelum saya mengakhiri Bab ini, saya meminta pembaca untuk menjauhkan segala gangguan iaitu kemalasan, tidur, berangan - angan, menggunakan pancaindera berlebihan dan lain - ain. Berikan perhatian yang tidak berbelah

bahagi kepada kisah Sai Baba. Biarkan kasih sayang mereka berlaku secara semulajadi, biar mereka mengetahui rahsia berbakti. Jangan mereka memenatkan diri dengan Sadhanas yang lain, biarlah mereka berpegang kepada satu penawar yang mudah ini sahaja iaitu mendengar cerita Sai Baba. Ini akan menghapuskan sikap tidak ambil peduli mereka dan akan menyelamatkan mereka. Seorang yang kedekut mungkin berada di beberapa tempat tetapi masih tetap memikirkan hartanya. Jadi biarkan Sai Baba bermastautin di hati mereka. Pada bab yang seterusnya, saya akan bercakap tentang bagaimana kedatangan Sai Baba di Shirdi.

Penghormatan untuk Sai Bab - Sejahtera untuk semua

Bab IV

Kedatangan Awal Sai Baba Ke Shirdi

Misi Orang - orang Keramat - Shirdi Tirth Suci - Personaliti Sai Baba - Pepatah Goulibuva - Kemunculan Vithal - Kisah Kshirsagar - Tempat mandi Das Ganu di Prayag - Konsep Sai Baba Yang Amat Bersih dan Kedatangan awal nya ke Shirdi - Tiga Wada.

Di dalam bab yang sebelum ini, saya telah menerangkan tentang situasi yang membawa kepada penulisan Sai Sat-Charita. Sekarang saya akan menerangkan bagaimana kedatangan awal Sai Baba ke Shirdi.

Misi Orang - orang Keramat

Tuhan Krishna berkata di dalam Bhagvadgita (Bab IV, 7-8) iaitu " Apabila kurangnya Dharma (kebenaran) dan bertambahnya Adharma, Saya menunjukkan diri saya dan untuk melindungi kebaikan dan menghapuskan kejahatan, jadi untuk mengembalikan kebaikan saya akan menunjukkan diri saya dari masa ke semasa" .

Ini adalah misi Tuhan, Orang - bijaksana dan Orang - orang keramat, yang menjadi wakil kepadanya dan yang muncul di sini pada masa yang sesuai, membantu dengan cara mereka sendiri untuk menyelesaikan misi tersebut. Contohnya, pada kelahiran kedua iaitu Brahmin, Kshatriya dan Vaishya tidak memperdulikan tugas mereka dan apabila Shudra cuba untuk merampas hak milik kasta tertinggi, apabila guru kerohanian tidak dihormati tetapi dimalukan, apabila tidak ada yang mengambil berat tentang

arahan keagamaan, apabila semua orang merasakan diri mereka berilmu, apabila orang mula mencuri makanan dan minuman beralkohol, apabila seorang yang memakai pakaian keagamaan tetapi melakukan perbuatan yang salah, apabila mereka yang berlainan kumpulan bermusuhan sesama sendiri, apabila Brahmin gagal untuk menyembah Sandhya dan masih mengamalkan amalan keagamaan yang lama,

apabila Yogi - yogi tidak lagi bertafakur, apabila mereka mula berfikir harta, anak - anak dan isteri sahaja yang penting dan berpaling dari kebenaran akhirat. Baharulah orang - orang keramat akan muncul dan cuba untuk membetulkan perkara tersebut dengan kata - kata dan perbuatan. Mereka berfungsi sebagai rumah api - cahaya dan menunjukkan kapada kita jalan yang benar untuk kita ikuti. Dengan cara ini banyak orang - orang keramat seperti Nivritti, Jnanadev, Muktabai, Nmadev, Gora, Gonayi, Ekanath, Tukaram, Narahari, Narsi Bhai, Sajan Kasai, Sawata, Ramdas dan beberapa orang lagi akan muncul beberapa kali untuk menunjukkan orang ramai ke jalan yang benar dan kemudian muncul Sri Sai Baba daripada Shirdi.

Shirdi – Tirth yang Suci

Tebing sungai Godavari di Daerah Ahmednagar sangat bertuah kerana melahirkan banyak orang - orang keramat. Yang paling terkenal di kalangan mereka adalah Jnaneshwar. Shirdi juga termasuk di dalam Kopargaon Taluka dari Daerah Ahmednagar. Selepas menyeberangi sungai Godavari di Kopargaon, seseorang boleh sampai ke Shirdi. Bila anda pergi tiga Koss (9 batu), anda akan sampai ke Nimgaon. Dari situ, Shirdi sudah kelihatan. Shirdi sangat termashyur dan terkenal sebagaimana tempat suci lain

seperti Gangapur, Narsinhwadi dan Audumbar yang di tebing sungai Krishna. Sebagai pengikut Damaji mengembangkan dan memberkati Mangalvedha (berhampiran Pandharpur) seperti Samarth Ramdas di Sajjangad, seperti Sri Narasimha Saraswati di Saraswatiwadi, jadi Sainath mengembangkan ke Shirdi dan merestuinya.

Personaliti Sai Baba

Shirdi menjadi penting disebabkan oleh Sai Baba. Mari kita lihat bagaimanakah personaliti Sai Baba. Beliau menawan Samsar (kewujudan duniawi), yang sangat payah dan sukar untuk direntasi. Mental yang tenang dan damai adalah perhiasannya dan beliau adalah gedung ilmu. Beliau adalah rumah kepada para pengikut Vaishnava, paling liberal (seperti Karna) di kalangan para liberal, terunggul daripada yang unggul. Beliau tidak tertarik kepada fana dan juga sentiasa khusyuk di dalam kesedaran diri, yang lebih penting bagi jiwanya. Dia tidak tertarik dengan barang - barang di dunia ini mahupun selepasnya. Antara (hati) nya sejernih cermin dan kata - katanya semanis hujan madu. Orang kaya ataupun miskin sama sahaja baginya. Dia tidak memilih orang yang bermaruah atau tidak bermaruah. Beliau adalah Tuhan kepada semua benda hidup. Dia bebas bercakap dengan semua orang, melihat lakonan dan tarian gadis - gadis Nautch dan mendengar nyanyian Gazal. Namun dia tetap tidak mengelak dari Samadhi (keseimbangan mental). Nama Allah sentiasa di bibirnya. Semasa dunia bangun, beliau tidur dan semasa dunia tidur, beliau berjaga. Abdomen (dalaman) nya tenang seperti lautan dalam. Ashram beliau tidak dapat

dipastikan begitu juga dengan perbuatannya yang tidak dapat dijangka dan walaupun dia menetap (tinggal) di satu tempat, dia mengetahu apa yang berlaku di dunia ini. Darbar beliau sangat besar. Beliau menceritakan beratus cerita, namun beliau masih tetap kekal dengan sikap berdiam diri. Beliau sentiasa menyandar di dinding Masjid atau berjalan di pagi hari, tengahari dan petang ke arah Lendi (Nala - anak sungai) dan Chavadi. Namun beliau masih berada di tempat yang sama setiap masa. Walaupun beliau adalah Siddha, beliau berlagak seperti Sadhaka. Beliau adalah seorang yang lembut hati, merendah diri dan tidak ego serta menyenangkan semua orang. Itulah Sai Baba. Apabila tanah Shirdi dipijak oleh kaki Sai Baba, tempat itu akan menjadi sangat masyhur, seperti Jnaneshawar menbangunkan Alandi, Ekanath membangunkan Paithan begitu juga Sai bab membangunkan Sirdi. Rumput dan batu di Shirdi sangat berkat sebab mereka dengan mudah mencium kaki suci Sai Baba dan membawa debu di kakinya di atas kepala mereka. Bagi kami, para pengikut, Sirdi adalah umpama tempat seperti Pandharpur, Jagannath, Dwarka, Banaras (Kashi), Rameshwar, Badrikedar, Nasik, Tryambakeshwar, Ujjain dan Mahakaleshwar atau Mahabaleshwar Gokarn. Hubungan Sai Baba dengan Shirdi adalah seperti Veda dan Tantra. Ia menenangkan Samsara kami (kesedaran dunia) dan memberi kesedaran diri dengan mudah. Persemukaan dengan Sri Sai adalah Yoga - Sadhana kami dan bercakap dengan beliau menghapuskan dosa kami. Membersihkan kakinya adalah seperti mandi di dalam Triveni Prayag dan meminum air suci dari kakinya memusnahkan keinginan. Arahannya adalah Veda dan menerima (makan) Udi beliau (debu suci) dan Prasad adalah pembersihan. Beliau adalah Sri Krishna dan Sri Rama kami yang memberikan kami kedamaian dan beliau adalah Para Brahma (Realiti sebenar). Beliau adalah

dirinya sendiri menjangkaui pasangan Dwandwas (bertentangan), tidak pernah risau ataupun gembira. Beliau sentiasa khusyuk di dalam dirinya seperti ‘ Wujud, Ilmu dan Rahmat ‘. Shirdi adalah tempat tinggaltnya tetapi kehadirannya jauh meluas ke Punjab, Calcutta, India Selatan, Gujarat, Dacca (sekarang dalam Bangladesh) dan Konkan. Oleh sebab itu, keagungan Sai Baba merebak jauh dan luas. Orang - orang dari semua tempat datang untuk darshana dan untuk mendapat restunya. Dengan hanya darshan, minda orang - orang samada bersih atau tidak bersih akan menjadi tenang serta merta. Mereka juga mendapat keseronokan yang tidak berpenghujung sama seperti yang para pengikut perolehi di Pandharpur dengan melihat Vithal Rakhumai. Ini bukanlah berlebihan. Pertimbangkan apa yang dikatakan oleh para pengikut tentang hal ini.

Pepatah Goulibuva

Seorang pengikut yang sudah tua, beerusia 95 tahun adalah Varkari dari Pandhari.Beliau menetap selama 8 bulan di Pandharpur dan empat bulan - Asadha ke Karthik (Julai-November) di atas tebing Ganges. Beliau memepunyai binatang untuk membawa bagasinya dan pembantu sebagai teman. Setiap tahun

beliau melakukan Vari atau berziarah ke Pandharpur dan datang ke Shirdi untuk berjumpa dengan Sai Baba yang beliau sangat sayangi. Kebiasaannya beliau akan memandang Baba dan berkata, “ Ini adalah penjelmaan Pandharinath Vithal, Tuhan pemurah bagi orang yang miskin dan tak berdaya “. Goulibuva adalah pengikut lama Vithoba dan telah banyak berziarah ke Pandhari. Dia mengesahkan bahawa Sai Baba adalah Pandharinath yang sebenar.

Vithal Menampakkan Dirinya

Sai Baba sangat suka mengingati dan menyanyikan nama Tuhan. Dia sentiasa menyebut Allah Malik (Tuhan adalah Raja) dan kehadiran beliau membuatkan orang lain juga menyanyikan nama Tuhan siang dan malam selama tujuh hari berturut - turut. Ini dipanggil Namasaptaha. Pernah beliau meminta Das Ganu untuk melakukan Namasaptaha Das Ganu memberitahu dia akan melakukannya dengan syarat Vithal akan keluar pada hari yang ke tujuh, hari terakhir. Baba, kemudiannya meletakkan tangannya ke dada dan meyakinkannya bahawa sudah pasti vithal akan muncul tetapi pengikut mesti ‘ tekun dan khusyuk ‘. Dankapuri (Takore) dari Takurnath, Pandhari dari Vithal, Dwarka dari Ranchhod (Krishna) ada di sini (Shirdi). Tidak perlu perlu pergi jauh untuk melihat Dwarka. Adakah Vithal akan datang ke sini dari tempat lain? Dia ada di sini. Hanya apabila pengikut penuh dengan kasih sayang dan khusyuk, Vithal akan menunjukkkan dirinya di sini (Shirdi).

Selepas Saptaha berakhir, Vithal telah menunjukkan dirinya dalam keadaan seperti berikut. Kakasaheb Dixit, seperti biasa akan duduk bertafakur selepas mandi dan dia telah melihat bayangan Vithal. Bila dia pergi untuk bersemuka dengan Baba pada tengahari, Baba bertanya tanpa diberitahu - “ Adakah Vithal datang? Adakah awak nampak beliau? Dia sangat cepat hilang, tangkap dia dengan rapi, kalau tidak dia akan lar,i kalau anda tidak benar - benar berusaha “. Perkara ini berlaku pada waktu pagi dan pada tengahari muncul pula Vithal darshana yang lain. Seorang pedagang dari luar telah datang untuk menjual 25 hingga 30 gambar Vithoba. Gambar ini memang nampak benar - benar seperti bayangan yang muncul dalam bayangan yang Kakasaheb nampak. Bila saja dia melihat ini

dan mengingati kata - kata Baba, dia sangat terkejut dan gembira. Dia membeli sebuah gambar Vithoba dan meletakkannya di tempat sembahyangnya untuk dipuja.

Kisah Bhagwantrao Kshirsagar

Kegembiraan Baba terhadap pemujaan Vithal telah digambarkan di dalam kisah Bhagwantro Kshirsagar. Bapa kepada Bhagwantro adalah pengikut Vithoba dan pernah melakukan Varis (ziarah tahunan) ke Pandharpur. Dia juga pernah ternampak imej Vithoba yang dipujanya di rumah. Selepas kematiannya, anaknya menghentikan semuanya - Vari, pemujaan dan upacara Shradda serta yang lain - lain. Apabila Bhagwantro datang ke Shirdi, dengan mengingati ayah

beliau, Baba terus berkata, “Bapa beliau adalah sahabat saya jadi saya bawa dia (anak lelaki) ke sini.Dia tidak pernah melakukan Naivaidya (bersedekah makanan). Oleh sebab itu dia menyebabkan saya dan Vithal kelaparan.Untuk itu saya bawa dia ke mari. Saya akan memaksanya dan membuat beliau melakukan pemujaan sekarang.

Das Ganu Mandi di Prayag

Orang - orang Hindu merasakan bahawa mandi di air suci Tirth di Prayag, di mana Ganga dan Yamuna bertemu, adalah sangat bermanafaat dan beribu - ribu orang - orang alim pergi ke sana dari masa ke semasa untuk menyuci kan diri. Satu hari, Das Ganu terfikir untuk pergi mandi di Prayag dan dia berjumpa dengan Baba untuk meminta kebenaran untuk berbuat demikian. Baba memberitahu,” Tidak perlu pergi terlalu jauh. Prayag kita ada di sini, percayalah “. Kemudian tanpa diduga! Apabila Das Ganu

meletakkan kaki Baba di atas kepalanya, anak sungai Ganga - Yamuna mengalir keluar dari kedua - dua belah jari kaki Baba. Melihat keajaiban ini, Das Ganu diselubungi oleh perasaan sayang dan takjub serta menangis. Jauh di sudut hati beliau terasa mendapat ilham. Ucapannya terus berubah menjadi lagu yang memuja Baba dan Leela beliau.

Konsep Pembersihan oleh Sai Baba dan Kedatangan Pertamanya ke Shirdi Tiada yang mengetahui siapa ibubapa, kelahiran dan temapt lahir Sai Baba. Banyak soalan yang dikemukakan, banyak soalan yang ditanya kepada Sai Baba dan juga kepada orang lain berkaitan perkara tersebut tetap tidak ada jawapan yang memuaskan hati ataupun belum lagi terjawab. Secara praktikalnya kita tidak mengetahui apa - apa mengenai perkara ini. Namdev dan Kabir tidak dilahirkan seperti manusia biasa. Mereka ditemui semasa bayi lagi di dalam ibu mutiara - mutiara. Namdev ditemui di atas tebingan sungai Bhamrathi oleh Gonayee manakala Kbir pula ditemui di atas tebingan sungai Bhagirathi oleh Tamal. Begitu juga kisahnya dengan Sai Baba,Dia mula menampakkan dirinya sebagai anak muda berusia enam belas tahun di bawah pokok Neem di Shirdi, demi Bhakta - Bhakta. Namun pada ketika itu pun beliau sudah mempunyai ilmu yang cukup tentang Brahman. Dia tidak berminat dengan harta benda dunia walau di dalam mimpi sekalipun. Dia menendang Maya dan Mukti (kelahiran) dilayani di kakinya. Seorang wanita tua di Shirdi, ibu kepada Nana Chopdar, menerangkan secara begini. Anak muda ini putih, kemas dan sangat tampan.Dia mula ditemui di bawah pokok Neem yang terletak di Asan. Orang - orang kampung tersebut begitu kagum melihat anak muda yang sedang bertapa tanpa memperdulikan panas dan hujan. Pada siang hari beliau tidak bergaul dengan sesiapa, pada malam hari beliau tidak takut pada sesiapapun.

Orang ramai tertanya - tanya dari manakah datangnya anak muda itu. Rupa parasnya sangat kacak sehinggakan hanya dengan melihat beliau boleh menimbulkan rasa

sayang. Dia tidak pergi ke rumah sesiapa, sentiasa duduk dekat pokok Neem. Pada luarannya beliau nampak masih sangat muda tetapi perbuatannya menunjukkan beliau berjiwa hebat. Beliau adalah penjelmaan yang mengasingkan diri dan sukar untuk difahami oleh semua. Pada suatu hari sesuatu telah berlaku, God Kkandoba telah merasuk ke dalam badan salah seorang pengikut dan orang ramai mula bertanya, “ Deva (Tuhan), tolong tanyakan siapakah anak muda yang baik ini dan dari mana dia datang “. Tuhan Khandoba meminta mereka membawa kapak dan menggali tempat tersebut. Bila ia sudah digali, banyak bata yang telah dijumpai di bawah batu yang rata. Apabila batu itu dialihkan, terdapat koridor yang menuju ke struktur yang berbentuk seperti mulut lembu, diperbuat daripada kayu dan kelihatan juga rantai di lehernya. Khandoba berkata - “ Anak muda ini telah bertapa di sini selama 12 tahun “. Mereka kemudiannya mula bertaya kepada anak muda tersebut tentang perkara ini. Beliau hanya menjawab dengan memberitahu bahawa tempat tersebut adalah tempat Guru suci beliau iaitu Watan dan meminta mereka untuk mengawal dengan baik. Mereka akhirnya menutup koridor tersebut seperti sebelumnya. Oleh kerana pokok - pokok Ashwattha dan Audumbar dianggap suci, Baba menganggap pokok Neem juga sama dan lebih menyayanginya. Mhalasapati dan para pengikut lain di Shirdi menganggap tempat ini sebagai tempat rehat (Samadhi-Sthana) untuk Guru Baba dan meniarap tanda hormat di situ.

Tiga Wada

(1)Tempat ini serta pokok Neem dan kawasan sekelilingnya telah dibawa oleh En. Hari Vinayak Sathe, dan di sini juga bangunan besar ala Sathe telah dibina. Wada ini adalah tempat merehatkan jiwa bagi para penziarah yang berkumpul di situ. Par (tapak) itu telah dibina di sekeliling pokok Neem dan serambi dengan tangga telah turut dibina. Di bawah tangga, terdapat ceruk menghadap ke selatan manakala para pengikut duduk di atas Par yang berhadapan dengan utara. Adalah dipercayai bahawa sesiapa yang menghidu bau wangi di situ pada malam Khamis dan Jumaat akan nerasa bahagia dengan izin Tuhan. Wada ini sudah tua dan buruk dan perlu dibaiki . Pembaikian , penambahan dan pembetulan telahpun dibuat oleh Sansthan sekarang. (2) Selepas beberapa tahun kemudian Wada yang lain iaitu Wada Dixit telah dibina. Kakasehab Dixit, Peguamcara dari Bombay telah pergi ke England. Beliau mendapat kecederaan kaki di sana. Kecederaannya tidak dapat dirawat dengan pelbagai cara. Nanasehab Chandorkar menasihati beliau untuk cuba berubat dengan Sai Baba. Jadi beliau telah pergi berjumpa Sai Baba pada 1909 A.D., dan sebaliknya meminta beliau untuk merawat mindanya bukan kakinya. Beliau sangat gembira dengan darshana Sai Baba lalu bercadang untuk menetap di Shirdi. Jadi beliau membina Wada untuk dirinya dan juga untuk para pengikut yang lain. Tapak bangunan ini telah dibina pada 10-12-1910. Pada hari itu terdapat dua peristiwa penting yang berlaku. (1) En. Dadasaheb Khaparde telah dibenarkan kembali

dan (2) malam Arti di Chavadi telah bermula. Wada telah siap dan didiami pada hari Rama-Navami dalam tahun 1911 A.D. dengan upacara selamat. (3) Kemudian Wada atau rumah besar telah

dibina oleh orang kaya terkenal, En. Booty dari Nagpur. Banyak wang yang digunakan untuk membina bangunan tersebut tapi ianya telah digunakan secara baik sebab jasad Sai Baba sedang berehat di Wada tersebut yang sekarang disebut sebagai Samadhi Mandhir. Kawasan Mandhir ini sbelum ini adalah sebuah taman yang sentiasa disirami dan dijaga oleh Baba. Tiga Wada kemudiannya muncul yang sebelum ini tidak pernah ada. Di antaranya Wada Sathe adalah yang paling berjasa untuk semua pada masa itu.

Kisah taman yang dijaga oleh Sai Baba dengan dibantu oleh Vaman Tatya, kehilangan sementara Sai Baba dari Shirdi, kepulangan beliau ke Shirdi pada majlis perkahwinan Chand Patil, ditemani oleh Devidas, Jankidas dan Gangagir, perlawanan gusti di antara Baba dengan Mohdin Tamboli, orang - orang di Masjid, kasih sayang En. Dengal, para pengikut yang lain dan peristiwa – peristiwa yang lain akan diterangkan di dalam bab yang seterusnya. Penghormatan Untuk Sai Baba – Sejahtera untuk semua

Bab V

Kepulangan Baba Bersama Rombongan Perkahwinan Chand Patil - Disambut dan Digelar sebagai “ Sai “ - Hubungan dengan Orang - orang Keramat Lain - Pakaian dan Rutin Harian - Kisah Paduka - paduka - Gusti dengan Mohdin dan

Perubahan Hidup - Menukarkan Air menjadi Minyak - Yang Palsu - Guru Javhar Ali.

Kepulangan Bersama Rombongan perkahwinan Chand Patil Sebagaimana yang telah diterangkan di dalam Bab yang terdahulu, sekarang saya akan menerangkan bagaimana Sai Baba pulang ke Shirdi selepas menghilangkan diri.

Seorang lelaki islam yang kaya, bernama Chand Pathil tinggal di Daerah Aurangabad (Bandar Nizam), di sebuah kampung bernama Dhoop. Semasa di dalam perjalanan ke Aurangabad, beliau telah kehilangan kuda betinanya. Sepanjang dua bulan beliau berusaha untuk mencari kuda betina tersebut tetapi masih belum menjumpainya. Dengan rasa kecewa, beliau kembali dari Aurangabad dengan memikul pelana kuda di belakangnya. Selepas berjalan empat Koss setengah, dia berhenti sebentar di bawah pokok mangga iaitu tempat duduk RATNA (orang aneh). Dia memakai topi, Kafni (baju panjang) dan juga “ Satka “ (kayu pendek) yang diletakkan dicelah ketiaknya. Beliau sedang bersedia untuk menyedut Chilim (paip). Ketika ternampak Chand Patil melintas, beliau memanggil dan menjemputnya menyedut bersama - sama sambil berehat sebentar. Fakir itu bertanyakan tentang pelana kudanya. Chand

Patil memberitahu bahawa kuda betinanya telah hilang. Orang aneh atau Fakir itu menyuruhnya mencari di kawasan berhampiran Nala. Diapun pergi. Ajaib! Dia telah menjumpai kuda betinanya. Dia merasakan bahawa Fakir ini bukanlah sembarangan orang tetapi seorang Avalia (orang keramat yang hebat). Dia kembali kepada Fakir dengan membawa kuda betina itu. Chilim sudahpun disediakan tetapi dua perkara lagi diperlukan; (1) api untuk paip, (2) air untuk memadam Chhapi (kain yang digunakan untuk menyedut paip) Fakir mengambil kayu pendeknya dan menghentaknya ke tanah dan serentak dengan itu arang yang berapi terkeluar lalu dia meletakkkan ke atas paipnya. Kemudian beliau menghentakkan pula satka sekali lagi ke tanah dan air mula terpancar keluar. Chhapi yang basah oleh air itu diperah dan digunakan untuk membalut paip tersebut. Selepas semuanya selesai, Fakir menyedut Chilim dan menghulur pula kepada Chand Patil. Melihatkan semua ini, Chand Patil merasa sungguh kagum. Dia menjemput Fakir ke rumahnya dan tinggal di situ untuk seketika. Patil berasal dari kampung - pegawai di Dhoop. Anak lelaki kepada abang iparnya akan berkahwin dan pengantin perempuan berasal dari Shirdi. Jadi Patil membuat persediaan ke Shirdi untuk perkahwinan tersebut. Fakir juga menemani rombongan perkahwinan itu. Perkahwinan itu berjalan dengan lancar. Semua mereka kembali ke Dhoop kecuali Fakir. Beliau tinggal di Shirdi dan menetap di situ selamanya.

Bagaimana Fakir mendapat Gelaran Sai

Apabila kumpulan jemputan perkahwinan sampai ke Shirdi, mereka turun di kaki pokok Banyan di padang Bhagata Mhalsapati berdekatan dengan kuil Khandoba. Kenderaan mereka diletakkan di di kawasan terbuka kuil Khandoba, kemudian kumpulan

tersebut pun mula turun termasuklah Fakir. Bhagat Mhalsapati ternampak Fakir yang muda itu turun dan mengucapkan “ YA SAI “ (Welcome Sai). Yang lain pun memanggil beliau sebagai Sai dan sejak itu beliau dikenali sebagai Sai Baba.

Berhubungan dengan Orang - orang Keramat yang lain Sai Baba mulai tinggal di Masjid yang terpencil. Seorang Keramat yang bernama Devidas telah menetap di Shirdi selama bertahun - tahun sebelum kedatangan Baba ke situ. Baba sukakan kehadirannya. Beliau menetap bersamanya di kuil Maruti, di Chavadi dan kadang - kadang dia tinggal sendirian. Kemudian datang pula seorang keramat yang bernama Jankidas. Baba menghabiskan banyak masa berbual dengannya atau Jankidas yang akan bertandang ke rumah Baba. Seorang Keramat pemilik rumah Vaishya dari Puntambe bernama Gangagir juga kerap datang ke Shirdi. Apabila dia mula - mula ternampak Sai Baba, membawa kendi yang berisi air di kedua - dua tangannya untuk menyirami taman. Beliau sangat hairan lalu berkata “ Shirdi sangat bertuah kerana memiliki permata yang berharga ini. Lelaki ini hanya

sekadar membawa air tetapi sebenarnya beliau sangat istimewa. Oleh kerana tanah ini (Shirdi) bertuah dan bermenafaat, ia melindungi permata ini “ . Seorang lagi Keramat yang terkenal bernama Anandnath dari Yewala Math, murid kepada Akkalkot Maharaj telah datang ke Shirdi bersam - sama dengan beberapa orang - orang Shirdi Apabila dia ternampak Sai Baba, dengan jujur dia berkata, “ Inilah berlian yang sangat berharga di dalam realiti. Walaupun dia nampak macam lelaki biasa, dia bukanlah ‘gar’ (batu biasa) tetapi adalah sebutir berlian. Awak akan mengetahuinya pada masa akan datang “. Selepas berkata begitu diapun kembali ke Yewala. Perkara ini berlaku ketika Sai Baba masih muda lagi.

Pakaian Baba dan Rutin Harian Beliau

Semasa muda,Sai Baba tidak pernah mencukur rambutnya. Beliau berpakaian seperti atlit. Apabila dia pergi ke Rahata (3 batu dari Shirdi), beliau membawa bersama tumbuhan kecil dari Merry Gold, Jai dan Jui. Selepas membersihnya, dia akan menanam serta menyiraminya. Seorang pengikut yang bernama Vaman Tatya yang menyediakan beliau dengan dua buah kendi tanah yang sering digunakan oleh Baba menyiram tanamannya. Dia mengambil air dari telaga dan memikul di atas bahunya. Pada malamnya kendi tanah itu disimpan di kaki pokok Neem. Sebaik sahaja diletakkan di situ ia lalu pecah disebabkan ianya diperbuat dari tanah biasa yang tidak dibakar. Keesokan harinya, Tatya menyediakan dua kendi tanah yang baru. Rutin ini berlanjutan selama 3 tahun. Dengan kerja kerasnya merek berjayaa membina taman bunga. Sekarang ini, rumah besar - Samadhi Mandhir kerap digunakan olen para pengikutnya. Kisah Sepasang Paduka (tapak kaki) di bawah Pokok Neem Pengikut Akkalkot Maharaj yang bernama Bhai Krishnaji Alibagkar memuja gambar Akkalkot Maharaj. Dia pernah terfikir untuk pergi ke Akkalkot (Daerah Sholapur), mengambil darshana kepada sepasang Paduka (tapak kaki) Maharaj dan melakukan pemujaan di situ tetapi dia tidak dapat pergi. Dia berjumpa dengan imej itu melalui mimpinya. Akkalkot Maharaj muncul di dalam mimpinya dan berkata, “ Sekarang Shirdi adalah tempat istiherat saya, pergilah ke sana dan lakukan pemujaan anda “. Jadi Bhai mengubah perancangannya dan pergi ke Shirdi, memuja Baba dan tinggal di sana selama enam bulan dan beliau merasa sangat gembira. Sebagai pembaharuan untuk imej dan lain - lain, beliau menyediakan sepasang Paduka dan memasangnya pada hari yang istimewa iaitu Sharavan, Shaka1834 (1912 A.D.) di bawah pokok Neem dengan sambutan upacara dan

ritual, dilakukan oleh Dada Kelkar dan Upasani. Seorang Dixit Brahmin telah ditugaskan melakukan pemujaan dan pengurusan pula ditugaskan kepada Pengikut Sagun.

Versi Penuh Kisah Ini

En. B.V.Deo, bekas Mamalatdar dari Thana dan pengikut setia Sai Baba, bertanya tentang perkara ini kepada Sagun Meru Naik dan Govind Kamlakar Dixit dan menerbitkan versi penuh tentang sepasang Paduka di dalan buku Sai Leela Vol.11, no.1, mukasurat 25. Ianya adalah seperti berikutt:

Dalam 1834 Shaka (1912 A.D.) seorang Doktor, Ramarao Kothare dari Bombay telah datang ke Shirdi untuk darshana Baba. Ahli farmasi dan kawannya, Bhai Krishnaji Alibagkar, menemaninya. Ahli farmasi dan Bhai menjadi rapat dengan Sagun Meru Naik dan G.K. Dixit. Semasa berbincang, beliau berfikir mungkin ada beberapa tanda tentang kedatangan awal Sai baba ke Shirdi dan duduk di bawah pokok suci Neem. Mereka terfikir untuk meletakkan Sepasang Paduka Baba di situ dan akan membuatnya menggunakan batu yang keras. Kemudian sahabat Baba, ahli farmasi, mencadangkan perkara ini perlu dibincangkan dengan ketuanya, Dr. Ramarao Kothare, orang yang akan bertanggunjawab di dalam penyediaan sepasang Paduka yang bagus untuk tujuan ini. Kesemua mereka bersetuju dengan cadangan tersebut dan Dr. Kothare pun diberitahu tentang perkara itu. Beliau datang ke Shirdi dan melukis plan sepasang Paduka itu. Beliau pergi kepada Upasani Maharaj di kuil Khandoba dan menunjukkan plannya. Upasani Maharaj telah membuat banyak perubahan, melukis lotus, bunga, cakera, orang dan lain - lain dan mencadangkan SHLOKA (seloka) berkaitan kehebatan pokok Neem dan kuasa Yoga Baba juga diukir. Seloka tersebut adalah seperti berikut:

"Sada Nimbarvrikshasya mooladhiwasat, Sudhasravinam tiktamapi-apriyam tam, Tarum Kalpavrikshadhikam sadhayantam Namameeshwaram Sadgurum Sai Natham"

Cadangan Upasami telah diterima dan dijalankan. Sepasang Paduka dibuat di Bombay dan dihantar ke Shirdi bersama dengan ahli farmasi. Baba mengatakan ia seharusnya diletakkan di atas Pournima (15hb) Shravan. Pada hari itu, pukul 11 pagi, G.K. Dixit membawanya di atas kepala dari kuil Khandoba ke Dwarkamai (Masjid) di dalam perbarisan. Baba menyentuh Sepasang Paduka itu sambil berkata bahawa ia adalah kaki Tuhan dan meminta orang ramai untuk meletakkannya di bawah pokok Neem. Sehari sebelum itu, seorang pengikut Parsi dari Bombay benama Pastha Shet telah mengirim wang sejumlah Rs.25/- melalui kiriman wang. Baba memberikan wang tersebut untuk pemasangan Sepasang Paduka. Jumlah perbelanjaan pemasangan mencapai ke Rs.100/-. Sejumlah RS.75/- telah dikutip melalui sumbangan. Sepanjang 5 tahun, setiap hari G.K. Dixit memuja sepasang Paduka kemudian ianya telah dilakukan pula oleh Laxman Kacheswar Jakhadi. Dalam masa lima tahun, Dr.Kothare menghanatar Rs.2 sebulan untuk pencahayaan dan dia juga menghantar pagar untuk dipasang di sekeliling sepasang paduka. Perbelanjaan untuk membawa

pagar dan atap dari stesen ke Shirdi (Rs.7- 8 - 0) (sekarang ini Rs. 7.50p) telah ditanggung oleh Sagun Meru Naik. Sekarang, Jakhadi (Nana Pujari) yang melakukan pemujaan dan Sagun Meru Naik melakukan Naivaidya dan memasang api pada waktu malam.

Bhai Krishnaji sebenarnya adalah pengikut Akkalkot Maharaj. Dia telah datang ke Shirdi pada masa pemasangan sepasang Paduka di Shaka 1834 semasa di dalam perjalanan untuk ke Akkalkot. Dia

ingin pergi ke Akkalkot selepas melakukan darshana bersama Baba. Dia telah memohon persetujuan Baba untuk tujuan tersebut. Baba berkata “ Oh, apa yang ada di Akkalkot? Kenapa hendak pergi ke sana? Orang penting Maharaj bagi tempat itu ada di sini iaitu saya sendiri “. Mendengar begitu, Bhai membatalkan niat untuk pergi ke Akkalkot. Dia datang ke Shirdi dari masa ke semasa selepas pemasangan sepasang Paduka.

Mr. B.V. Deo mebuat kesimpulan bahawa Hemadpant tidak mengetahui dengan jelas tentang perkara ini. Sekiranya dia mengetahui, sudah pasti dia tidak akan lupa untuk menceritakan tentangnya di dalam Sat-charita.

Perlawanan Gusti Dengan Mohdin Tamboli dan Perubahan dalam Hidup Cerita lain dalam buku Kisah hidup Baba. Ada seorang ahli gusti yang bernama Mohdin Tamboli. Baba dan beliau tidak bersependapat terhadap beberapa perkara dan mereka berdua berlawan. Baba telah dikalahkan. Sejak itu, Baba telah menukar cara berpakaian dan cara hidupnya. Dia mengenakan Kafni, memakai Langlot (ikat pinggang) dan mengikat kepalanya dengan kain. Dia mengambil sedikit kain guni untuk dijadikan tempat duduknya, iaitu kain untuk alas tilamnya sebab ianya telah koyak rabak. Beliau selalu berkata “ Kekurangan adalah lebih baik darpida Kemewahan malah lebih baik dari Pangkat. Tuhan adalah saudara (sahabat) kepada orang miskin “. Gangagir juga sangat berminat dengan gusti. Semasa beliau bergusti suatu ketika dulu, beliau juga pernah merasa hilang minat tetapi seorang pakar memberitahunya bahawa dia harus menggunakan badannya untuk beribadat kepada Tuhan. Maka, beliau juga telah berhenti Samsara dan mula merapatkan dirinya dengan Tuhan. Dia mebina

tangga di atas tebingan sungai di Puntambe dan tinggal di sana bersama muridnya.

Sai Baba tidak bergaul dan bercakap dengan orang lain. Dia hanya memberikan jawapan apabila ditanya. Setiap hari beliau duduk di bawah pokok Neem. Kadangkala, beliau berteduh di bawah dahan pokok Babul yang berhampiran dengan anak sungai di hujung kampung. Pada sebelah petangnya, beliau kadangkala pergi ke Nimgaon. Di sana beliau selalu pergi ke rumah Balasaheb Dengale. Baba sukakan En. Balasaheb. Adiknyayang bernama Nanasaheb tidak mempunyai anak walaupun sudah berkahwin dua. Balasaheb menghantar Nanasehab untuk melakukan darshana dengan Sai Baba dan tidak berapa lama

selepas itu, dengan resti Baba Nanasehab dikurniakan seorang anak lelaki. Mulai hari itu ramai orang yang datang berjumpa dengan Sai Baba .Kemashyurannya mula tersebar hingga ke Ahmednagar dan bermula dari situlah Nanasehab Chandorkar dan Keshav Chidamber dan banyak lagi mula datang ke Shirdi. Baba dikelilingi oleh para pengikutnya di siang hari tapi pada malam hari beliau tidur di Masjid yang sudah lama dan usang. Peralatan Sai Baba pada masa itu adalah Chilim, tembakau, “ Tumrell “ (belanga), Kafni yang panjang, kain yang dililit di kepalanya dan Satka (kayu pendek) yang sentiasa bersamanya. Kain putih di atas kepalanya di belit seperti rambut yang kusut dan dijatuhkan ke bawah dari telinga kirinya ke belakang. Kain ini sudah tidak dicuci selama berminggu - minggu. Dia tidak menggunakan kasut atau selipar. Secebis kain guni adalah pelapik duduknya untuk sepanjang hari. Beliau memakai coupin (kain ikat pinggang) dan untuk mengelakkan sejuk beliau sentiasa duduk di depan Dhuni (api suci) yang menghadap ke selatan dan tangan kirinya

diletakkan di atas pagar kayu . Di Dhuni tersebut, beliau akan melakukan ibadat kepada Allah. menghapuskan keegoaan, keinginan dan semua perasaan. Beliau sentiasa menyebut perkataan Allah Malik (Tuhan Maha Pemilik). Masjid yang didiaminya hanya mempunyai keluasan dua bilik, di situlah para pengikut berjumpa dengannya. Selepas 1912 A.D., berlaku perubahan. Masjid lama itu telah diperbaiki dan jalan kecil telah dibina. Sebelum Baba datang dan tinggal di Masjid itu, dia telah lama menetap di Takia dan di sana beliau selalu menyanyi lagu cinta sambil menari dengan diiringi GHUNGUR (loceng kecil) di kakinya.

Menukar Air Menjadi Minyak

Sai Baba sangat sukakkan cahaya. Dia selalu meminjam minyak dari tuan kedai dan menyalakan lampu minyak sepanjang malam di Masjid dan kuil. Ini berterusan untuk beberapa waktu. Orang - orang Bania yang selalu menyediakan minyak untuknya telah bersepakat untuk tidak memberikan lagi minyak kepadanya. Apabila seperti biasa Baba datang meminta minyak,mereka semua mengatakan tidak. Tanpa rasa gentar, Baba kembali ke Masjid dan memasukkan sumbu yang kering ke dalam lampu minyaknya. Orang - orang Bania memerhati perbuatannya dengan penuh tanda tanya. Baba mengambil Tumrel (belanga) yang berisi dengan sedikit minyak (beberapa titik), memasukkan air ke dalamnya dan meminumnya. Kemudian meluahkan semula ke dalam belanga. Selepas menyucikan belanga itu dengan cara ini, dia mengambil air dari belanga dan mengisi semua lampu minyak tadi dan menyalakan api. Orang - orang Bania yang memerhati, merasa kesal dan terperanjat apabila lampu minyak mula menyala dan

terus menyala sepanjang malam. Mereka memohon ampun dan maaf dari Baba dan Baba memaafkan

mereka dan menasihati mereka supaya lebih bersikap jujur pada masa akan datang.

Palsu - Guru Javhar Ali

Lima tahun selepas perlawanan gusti yang diceritakan sebelum ini, seorang Fakir dari Ahmednager bernama Javhar Alitelah datang ke Rahata bersama muridnya dan tinggal di Bakhal (bilik yang luas) berdekatan dengan kuil Virabhadra. Fakir tersebut sungguh bijak, hafal Al - Quran dan bermulut manis. Ramai orang kampung yang alim dan yang sentiasa bertafakur datang berjumpa beliau dan mula menghormatinya. Dengan bantuan orang - orang ini, beliau mula membina Idgah (dinding yang digunakan oleh penganut Mohamedan sembahyang pada hari Igdah), berdekatan kuil Virabhadra. Ada pertengkaran yang berlaku mengenai hubungan ini yang menyebabkan Javhar Ali meninggalkan Rahata. Dia kemudiannya datang ke Shirdi dan tinggal di masjid bersama Baba. Orang ramai tertarik oleh tutur katanya yang manis dan dia mula memberitahu bahawa Baba adalah muridnya. Baba tidak membantah dan bersetuju menjadi Chela nya. Kemudian kedua - dua Guru dan Chela mengambil keputusan kembali ke Rahata dan tinggal di sana. Guru (Cikgu) itu tidak mengetahui keistimewaan muridnya tetapi muridnya mengetahui kesalahan Guru itu namun beliau tetap menghormatinya serta menjalankan tugas dengan berhati - hati. Dia malahan melayan Guru nya dalam pelbagai cara. Mereka pergi ke Shirdi dari masa ke semasa tapi tempat tinggal utama adalah di Rahata. Pengikut - pengikut kesayanagan Baba di Shirdi tidak suka baba tinggal di Rahata dan berada jauh dari

mereka lalu menghantar wakil untuk membawa Baba balik ke Shirdi. Apabila mereka bertemu dengan Baba di Idgah dan memberitahu tujuan mereka datang, Baba memeberitahu mereka bahawa Fakir itu adalah seorang yang panas baran. Dia tidak akan meninggalkannya dan mereka harus kembali ke Shirdi tanpa beiau, sebelum Fakir pulang. Tatkala mereka sedang bercakap, Fakir itu muncul dan memarahi mereka kerana cuba membawa pergi muridnya. Perbincangan dan perbalahan berlaku dan akhirnya mereka membuat keputusan bahawa kedua - dua Guru dan Chela harus kembali ke Shirdi. Maka mereka pun kembali dan tinggal di Shirdi. Walau bagaimanapun, selepas lima hari, Devidas telah cuba menduga Guru dan dia medapati beliau adalah orang yang dikehendaki. Dua belas tahun sebelum Baba sampai ke Shirdi bersama - sama dengan rombongan jemputan perkahwinan, Devidas berusia 10 atau 11 tahun. Dia datang ke Shirdi dan tinggal di kuil Maruti. Devidas memiliki wajah yang kacak dan sepasang mata yang menarik. Beliau tidak berminat tentang penjelmaan dan Jnani. Banyak yang menganggapnya sebagai Guru terutama sekali Tatya Kote dan Kashinath. Mereka membawa Javhar Ali hadir bersama Devidas dan di dalam perbincangan seterusnya, Javhar akhirnya melarikan diri dari Shirdi. Dia pergi ke Bijapur dan menetap di situ. Beliau kembali semula ke Shirdi beberapa tahun kemudian dan meniarap di kaki Sai Baba untuk memohon maaf. Salah faham

tentang beliau adalah Guru dan Sai Baba pula adalah Chela telahpun diselesaikan. Oleh kerana beliau sudah bertaubat, Sai Baba telah melayaninya dengan hormat. Di sini Sai Baba telah menunjukkan cara sebenar bagaimana untuk menghilangkan sikap ego dengan menjalankan tugas sebagai murid untuk mencapai penyudahan yang sangat baik iaitu kesedaran diri. Kisah

yang diceritakan ini adalah berdasarkan versi yang diberi oleh Mhalsapati (pengikut setia Baba).

Bab yang seterusnya akan menceritakan tentang Festival Rama - Navami, Masjid, keadaan asalnya serta perubahan yang dibuat dan lain - lain. Penghormatan Untuk Sri Sai – Sejahtera untuk semua

Bab VI

FESTIVAL RAMA - NAVAMI DAN MEMBAIKI MASJID

Kemujaraban Sentuhan Tangan Guru - Festival Rama - Navami - Keturunannya, Transformasi dan lain lain Pembaikian Masjid.

Sebelum menerangkan tentang Festival Rama - Navami dan membaik pulih Masjid, penulis memberi sedikit pengenalan tentang Sad - Guru seperti berikut:- Kemujaraban Sentuhan Tangan Guru Apabila seorang Guru yang sebenar atau Sad - Guru adalah pengemudi , sudah pasti dia akan membawa kita dengan selamat dan melepasi dunia lautan. Perkataan Sadguru mengingatkan kita kepada Sai Baba. Dia muncul di depan saya dan menyapu Udi (debu suci) di atas dahi saya kemudian meletakkan tangannya di atas kepala saya untuk merestui saya. Hati saya begitu seronok dan rasa sayang terpancar di mata saya. Sentuhan tangan Guru sungguh menakjubkan. Badan (termasuk fikiran dan keinginan) yang tidak dapat dibakar oleh api yang menghancurkan dunia, tetapi musnah hanya dengan sentuhan tangan seorang Guru sekaligus dosa - dosa pada kelahiran lepas telah terhapus. Malahan mereka yang tidak suka bila mendengar percakapan tentang keagamaan dan ketuhanan juga akan menjadi tenang. Melihat wajah Sai Baba yang tampan, memyebabkan kita tersedak, mata dipenuhi airmata dan perasaan jadi penuh emosi. Ia membangkitkan di dalam diri kita perasaan seperti ‘ Saya adalah Dia (Brahman) ‘, kesedaran diri mula menghilangkan perbezaan di sesama diri kita dan menjadikan kita satu dengan yang Teragung (Satu Realiti). Apabila saya mula membaca kitab, ia setiap masa mengingatkan saya kepada kepada Sadguru, dan Sai Baba umpama

Rama atau Krishna yang membuatkan saya mendengar kisah hidupnya. Sebagai contoh, apabila saya duduk mendengar Bhagwat atau Uddhava Gita (lagu yang diajar oleh Tuhan Sri Krishna kepada Murid, Uddhava) untuk kebajikan para pengikut. Apabila saya mula bercakap, serta merta kisah Sai Baba bermain di minda saya yang

membolehkan saya memberi penerangan yang bersesuaian. Apabila saya hendak menulis, saya tidak dapat menulis beberapa perkataan atau ayat tetapi apabila dia dengan kemahuannya sendiri mahu menulis, saya akan terus mendapat ilham menulis tanpa henti. Jika keegoan muridnya tiba - tiba muncul, dia akan menekannya dengan tangannya, menggunakan kuasanya untuk membuat dia mencapai objektifnya kerana itu mampu memuaskan dan merahmatinya. Jika ada sesiapa meniarap di kaki Sai dan menyerahkan jiwa dan raga kepadanya maka tanpa diminta semua objektif penting di dalam kehidupan, seperti Dharmr (kebenaran), Artha (kekayaan), Kama (Keinginan) dan Moksa (pembebasan), akan didapatinya dengan mudah. Empat langkah mudah iaitu Karma, Jnana, Yoga dan Bakti akan membawa kita secara berasingan kepada Tuhan. Di antara semua ini, Bakti lah yang payah dan dipenuhi dengan ranjau dan duri.Oleh sebab itu lah ianya sukar untuk dilaksanakan. Namun begitu jika anda percaya kepada Sadguru, menghindari ranjau dan duri dan terus melangkah, anda akan sampai ke destinasi (Tuhan). Begitulah Sai Baba menerangkan. Selepas menerangkan tentang falsafah Kesedaran Diri Brahman, Kuasanya (Maya) untuk mencipta dunia, kemudian mencipta dunia dan menerangkan bahawa ketiga - tiga ini adalah satu dan sama, penulis memetik kata - kata Sai Baba tentang kepastian kebajikan untuk para Bakta. “ Tidak akan ada kematian atau kekurangan, berkaitan makanan dan pakaian di

rumah para pengikut saya. Adalah menjadi tugas saya untuk sentiasa memastikan dan menyediakan demi kebajikan mereka yang memuja saya sepenuh jiwa dan sentiasa memikirkan saya.Tuhan Krishna juga telah megatakan perkara yang sama di dalam Gita. Oleh sebab itu jangan risau tentang makanan dan pakaian. Sekiranya anda berkehendakkan sesuatu, merayulah pada Tuhan, lupakan dunia, cuba dapatkan restu dan rahmat dari Tuhan dan berbangga lah dengan anugerahnya. Jangan terpengaruh dengan kemewahan dunia. Ingatlah Tuhan sentiasa. Biarkan semua sensasi dan minda memuja hanya Tuhan, tanpa apa - apa gangguan dan pastikan minda anda hanya mengingati saya supaya ia tidak memikirkan badan, harta dan rumah. Baharulah ia akan merasa tenang, aman dan bebas. Itulah tandanya minda dipenuhi dengan kebaikan. Jika minda dipenuhi dengan kajahatan, ia tidak dapat disebut penyatuan yang sempurna “.

Selepas memetik kata - kata tersebut, penulis meneruskan pula cerita Festival Rama - Navami di Shirdi. Oleh kerana Rama - Navami adalah sebuah festival yang disambut dengan besar - besaran di Shirdi, sebuah lagi buku, yang diterbitkan oleh Majalah Sai Leela pada 1925, muka surat 197, turut dirujuk dan pendekatan yang serupa seperti ringkasan festival yang diterangkan di dalam kedua - dua buku tersebut telah diguna pakai.

Keturunan

En. Gopalrao Gund adalah seorang Polis Inspektor (daerah) di Kopergaon. Dia adalah pengikut setia Baba. Dia mempunyai tiga orang isteri namun tidak menimbulkan masalah. Dengan restu Sai Baba, dia telah dikurnikan dengan seorang anak lelaki. Dia merasa sungguh gembira lalu terfikir untuk membuat pesta atau ‘ Urus “

pada tahun 1897 dan diapun bertanyakan pendapat para pengikut yang lain seperti Tatya Patil, Dada Kote, dan Madhavran Dashpande (Shama). Mereka semua bersetuju dengan ideanya dan dia juga mendapat persetujuan dan keizinan dari Sai Baba. Kemudian beliau membuat permohonan bagi menyambut pesta urus tetapi disebabkan Kampung Kulkarni membantah tentang pesta tersebut maka permohonan itu telah ditolak. Namun begitu, disebabkan Sai Baba telah memberi keizinan, mereka mencuba lagi dan akhirnya berjaya mendapat kebenaran . Selepas perbincangan dengan Sai Baba, hari yang ditetapkan untuk Urus adalah pada hari Rama - Navami . Beliau mempunyai pandangan sendiri iaitu, menyatukan dua festival, Urdu dan Rama - Navani dan menyatukan dua komuniti - Hindu dan Mohomedan. Beliau berharap pesta tersebut akan menjadikan objektif tersebut dapat dicapai. Walaupun permohonan telahpun diperolehi, masalah lain pula yang timbul. Shirdi adalah sebuah kampung dan mempunyai masalah kekurangan air. Ada dua telaga di kampung tersebut, Telaga yang digunakan sekarang hampir kering dan telaga yang satu lagi pula masin airnya. Air masin ini telah ditukarkan menjadi manis oleh Baba dengan melontarkan bunga ke dalamnya. Air telaga ini tidak mencukupi maka Tatya Patil terpaksa berusaha mengambil air telaga dari parit yang dipasang benteng (guni getah) melalui jarak yang berpatutan. Kedai - kedai sementara juga dibina dan perlawanan gusti juga diuruskan. Gopalrao Gund mempunyai seorang kawan yang bernama Dammu Anna Kasar dari Ahmednagar. Dia juga menghadapi masalah tidak mempunyai anak walaupun mempunyai dua orang isteri. Namun, dengan rest Sai Baba dia telah dikurniakan seorang anak lelaki. En. Gund menggembirakan kawannya dengan menyedia kan sebuah bendera untuk pesta perarakan nanti. Beliau juga berjaya

memujuk En. Nanasehab untuk menyediakan sebuah lagi bendera yang bersulam. Kedua - dua bendera tersebut telah di arak di sepanjang kampung dan kemudian akhirnya diikat di kedua - dua sudut Masjid yang diberi nama oleh Sai Baba sebagai Dwarkamai. Perkara ini masih dilakukan sehingga sekarang.

Perarakan ‘ Sandal ‘

Terdapat satu lagi perarakan yang diadakan di pesta tersebut. Idea untuk mengadakankan perarakan ‘ Sandal ‘ ini datangnya dari En. Amir Shakkar Dalal, Bakta Mahomedan dari Korhla. Perakan ini diadakan untuk menghormati Orang - orang Keramat Muslim. Sandal atau adunan dan cebisan Chandan dimasukkan ke dalam THALI (dulang leper). Ia dibawa bersama dengan diiringi oleh asap setanggi di dalam perarakan sambil diiringi oleh muzik dan paluan

gendang, berarak di sepanjang kampung kemudian kembali semula ke Masjid. Isi kandungan di dalam dulang leper di lontar menggunakan tangan ke ‘ Nimbar ‘ (ceruk kecil) dan dinding Masjid. Perbuatan ini telah dilakukan oleh En. Amir Shakkar untuk tiga tahun pertama dan selepas itu dilakukan pula oleh isterinya. Perarakan ‘ Bendera ‘ oleh penganut Hindu dan perarakan ‘ Sandal ‘ oleh orang Muslim sambil berjalan bersebelahan, masih lagi dilakukan sekarang.

Persediaan

Hari ini sangat bemakna dan suci bagi semua pengikut Sai Baba. Hampir kesemua mereka hadir di dalam peristiwa tersebut dan melibatkan diri di dalam pengurusan pesta tersebut. Tatya Kote Patil menguruskan hal di luar manakala urusan dalaman pula diserahkan kepada Radha Krisna Mai, seorang pengikut wanita Sai

Baba. Kediamannya dipenuhi oleh tetamu pada hari itu, dia perlu menjaga keperluan mereka dan juga menyediakan segala kelengkapan untuk pesta tersebut. Selain dairpada itu, beliau juga sanggup membasuh dan membersih seluruh Masjid. Lantai dan dindingnya telah menjadi hitam disebabkan debu yang dihasilkan oleh ‘ Dhuni ‘ (api suci) Sai Baba. Pekerjaan ini beliau lakukan pada malam hari semasa Sai Baba sedang tidur di Chavadi. Beliau terpaksa mengambil keluar semua barang termasuk Dhuni dan meletakkannya semula selepas kesemuanya dicuci dengan sebersih - bersih nya. Memberi makan orang - orang miskin yang sangat bermakna pada Sai Baba juga adalah salah satu perkara penting dalam pesta tersebut. Untuk tujuan ini, mereka telah memasak dengan jumlah yang banyak dan menyediakan berbagai manisan. Ia dilakukan di kediaman Radha Krishna Mai. Ramai para pengikut yang kaya dan berharta mengambil bahagian dalam pesta ini. Transformasi Urus kepada Festival Rama - Navami Keadaan berterusan seperti ini dan pesta tersebut menjadi semakin penting sehinggalah tahun 1912 A.D., perubahan berlaku. Salah seorang pengikut, En.Krishnarao Jageshwar Bishma (penulis lampiran ‘ Sai sagunopasana ‘), telah datang ke pesta bersama Dadasehab Khaparde dari Amraoti dan telah bermalam di Dixit Wada pada hari sebelumnya. Semasa beliau sedang berbaring di Beranda dan ketika En. Laxmanrao alias Kaka Mahajani telah pergi ke Masjid dengan peralatan puja, sesuatu yang baru telah menyapa fikirannya. Memang telah ditakdirkan Tuhan bahawa pesta Urus disambut di Shirdi pada hari Festival Rama - Navami. Hari ini adalah hari yang sangat bermakna bagi kaum Hindu jadi kenapa tidak dimulakan Festival Rama - Navami - sambutan hari lahir Sri Rama di sini pada hari ini? Kaka Mahajani bersetuju dengan idea itu dan berusaha untuk mendapatkan persetujuan Sai Baba tetapi

masalah nya adalah siapa yang akan menperolehi Haridas, siapa yang akan melakukan ‘

Kirtan ‘ dan menyanyikan lagu ketuhanan pada majlis itu nanti. Namun, Bhisma telah menyelesaikan masalah ini dengan memberitahu bahawa ‘ Rama Akhyan ‘ (karangan tentang kelahiran Rama) telah pun disediakan olehnya dan dia sendiri yang akan melakukan ‘ Kirtan ‘ manakala Kaka Mahajani akan bermain harmonium. ‘ Sunthavada ‘ (serbuk halia bercampur gula) dikenali sebagai Prasad disediakan oleh Radha - Krishna Mai. Jadi mereka segera pergi ke Masjid untuk mendapatkan persetujuan Baba. Baba yang sememangnya mengetahui apa yang sedang berlaku di sana bertanya kepada Mahajani apa yang berlaku di Wada. Mahajani yang agak bingung dan tidak faham dengan tujuan soalan tersebut hanya berdiam diri lalu Baba bertanya pula kepada Bhisma. Dia menerangkan tentang idea untuk menyambut Festival Rama - Navami dan meminta keizinan dari Baba dan Baba dengan senang hati memberikan persetujuannya. Semua bergembira dan mula membuat persiapan untuk Festival Jayanti. Keesokan harinya, Masjid telah dihiasi dengan panji - panji dan lain - lain. Radha - Krishna Mai telah menyediakan buaian dan meletakkannya di hadapan tempat duduk Baba lalu upacara pun dimulakan. Bhisma berdiri untuk melakukan Kirtan dan Mahajani memainkan harmonium. Baba menyuruh seorang lelaki memanggil Mahajani. Dia merasa ragu - ragu untuk berjumpa dengannya kerana merasa risau samada Baba akan membenarkan festival diteruskan tapi bila dia datang berjumpa Baba, beliau hanya hendak bertanya kenapa buaian diletakkan di situ. Dia memberitahu bahawa Festival Rama - Navami telah bermula dan buaian itu berada di situ atas tujuan tersebut. Baba lalu mengambil kalungan bunga dari ‘ Nimbar ‘ (ceruk kecil) dan

menyarungkannya ke leher Mahajani dan mengirimkan satu lagi kalungan bunga untuk Bishma. Kirtan pun dilakukan. Apabila ianya hampir selesai, terdengar laungan " Kemenangan untuk Rama " dilaungkan dan Gulal (serbuk merah) ditabur di sekeliling, iaitu di celah - celah paluan gendang dan alunan muzik. Semua orang sedang bergembira apabila terdengar bunyi yang berderau. Serbuk merah yang ditaburkan di sekeliling telah terkena mata Baba dan beliau menjadi marah lalu mula mengherdik dan mencaci dengan kuatnya. Kesemua mereka menjadi takut melihat keadaan ini lalu lari bertempiaran. Para - pengikut setia yamg telah lama mengenali Baba mengambil kata - kata cacian dan herdikan ini sebagai restu dalam penyamaran. Mereka menganggap apabila Rama dilahirkan, sudah sepatutnya Baba menjadi marah dan berang kerana ianya untuk membunuh Ravana dan syaitan dalam bentuk pemikiran ego, kejam dan lain - lain. Lagipun mereka sudah tahu bahawa setiap kali ada perkara baru berlaku di Shirdi, sudah menjadi lumrah yang Baba akan menjadi liar dan marah. Oleh itu mereka hanya berdiam diri. Radha - Krishna Mai agak sedikit gementar dan menyangka Baba akan mematahkan buaiannya lalu menyuruh Mahajani untuk mengambil balik buaian itu. Apabila Mahajani hendak melonggarkan ikatan buaian itu, Baba datang kepadanya lalu menghalangnya memindah buaian itu. Tidak lama selepas itu, Baba kembali tenang dan program hari itu termasuk Mahapuja dan Arati akhirnya selesai.

Selepas itu Mahajani memohon untuk mengambil buaian tersebut tetapi Baba masih tidak membenarkan dan memberitahu bahawa festival belum lagi berakhir. Keesokan harinya, satu lagi ' Kirtan ' dan Upacara Gopal - Kala (belanga tanah yang berisi nasi kering bercampur dadih digantung kemudian dipecahkan selepas ' Kirtan ', isinya dibahagikan kepada semua sebagaimana dilakukan oleh

Tuhan Krishna kepada kawannya iaitu sekumpulan lembu) telah berlangsung. Selepas itu barulah Baba membenarkan buaian itu dipindahkan. Semasa Festival Rama - Navami sedang berlangsung, perarakan membawa dua bendera pada siang hari dan ‘ Sandal ‘ pada malamnya berlangsung dengan persembahan yang gilang - gemilang. Semenjak itu ‘ Urus Baba ‘ telah bertukar menjad Festival Rama - Navami.

Mulai tahun 1913, intipati di dalam program Rama - Navami semakin bertambah. Radha - Krishna Mai memulakan ‘ Nama - Saptah ‘ (menyanyikan lagu yang menyebut nama Tuhan selama tujuh hari tujuh malam berturut - turut), mulai 1 hb Chaitra. Semua para pemgikut bergilir - gilir mengambil bahagian dan beliau sendiri juga kadangkala terlibat sama pada awal pagi. Oleh kerana Festival Rama - Navami telah disambut di banyak tempat di seluruh Negara, masalah untuk memperolehi Haridas dirasai lagi. Walau bagaimanapun 5 atau 6 hari sebelum festival, Mahajani telah terserempak secara tidak sengaja dengan Balabuva, yang dikenali sebagai Tukaram yang moden dan dia berjaya memujuknya untuk melakukan ‘ Kirtan ‘ pada tahun itu. Mulai tahun 1914, seorang lagi Balabuva Satarkar dari Brihadsiddha Kavate , Daerah Satara, tidak dapat berlakon sebagai Haridas di kampungnya sendiri. Maka dia datng ke Shirdi. Dengan keizinan Baba, yang dijamin oleh Kakasaheb Dixit, dia melakukan Kirtan dan usaha kerasnya telah dikenang sehingga kini. Masalah untuk mencari Haridas yang baru setiap tahun akhirnya dapat diatasi oleh Sai Baba sejak tahun 1914 dan dia memberikan tugas tetap itu kepada Das Ganu Maharaj. Sejak dari itu beliau telah berjaya menjalankan tanggunjawabnya dengan baik sekali sehinggalah sekarang.

Semenjak 1912, festival ini telah mula berkembang setiap tahun. Dari 8hb hingga 12hb Chaitra, Shirdi umpamakan sarang lebah manusia, Kedai - kedai semakin bertambah, Ahli - ahli gusti yang terkenal mengambil bahagian dalam perlawanan gusti. Memberi makan kepada orang miskin juga dijalankan secara besar - besaran. Kerja keras dan usaha ikhlas oleh Radha - Krishna Mai telah mengubah Shirdi menjadi Sansthan (Negeri). Kelengkapan juda bertambah, kuda yang cantik, tandu, kereta kuda dan banyak barangan perak, belanga, baldi, potret, cermin dan lain - lain. Walaupun kelengkapan bertambah dengan banyaknya namun Sai Baba menhindari semua barangan ini dan mengekalkan kesederhanaan seperti sebelum ini. Dinyatakan bahawa kedua - dua penganut Hindu dan Mahomedan telah bekerjasama di dalam perarakan malah di sepanjang festival tidak ada apa - apa halangan atau pergaduhan berlaku di

antara mereka. Pada mulanya terdapat 5000 - 7000 orang yang biasanya berkumpul tetapi jumlah itu meningkat kepada 75000 pada dalam tahun - tahun tertentu. Namun, tidak berlaku wabak penyakit berjangkit atau rusuhan yang boleh mencemarkan sepanjang tahun - tahun tersebut.

Pembaikian Masjid

Satu lagi idea datang kepada Gopal Gund. Sebaik sahaja dia memulakan Urus atau pesta, dia terfikir untuk membaiki Masjid. Untuk mrnjalankan tugas membaiki, dia memungut batu dan menghiaskannya tetapi tugas ini bukanlah untuk beliau. Ianya ditugaskan kepada Nanasaheb Chandorkar dan tugas membuat jalan ditugaskan kepada Kakasaheb Dixit. Pada mulanya Baba tidak bersetuju membenarkan mereka membuat pekerjaan

tersebut tetapi dengan campurtangan Mhalsapati, pengikut Baba dari sana, akhirnya Baba memberikan keizinannya. Apabila jalan yamg dibina siap pada satu malam sahaja, Baba mengambil Gadi yang kecil untuk tempat duduknya dan membuang kain guni yang digunakannya selama ini. Pada tahun 1911, Sabha - Mandap (halaman) juga dibuat dengan kerja dan tenaga buruh yang banyak. Kawasan lapang di depan Masji terlalu kecil dan tidak bersesuaian. Kakasaheb ingin untuk menambahnya dan memasang atap. Dengan mengeluarkan perbelanjaan yang banyak, dia membeli tiang besi, tiang dan bandela dan memulakan kerja. Pada malam hari kesemua pengikut bekerja keras memasang tiang tetapi keesokan pagi apabila Baba balik dari Chavadi, dia mencabut dan membuang semuanya. Pernah satu ketika Baba terlalu marah lalu memegang dengan sebelah tangan sahaja dan menggoncang serta mencabutnya, sebelah tangan lagi memeluk tengkuk Tatya Patil. Dia merampas Petha milik Tatya, memasang api dan membakarnya lalu membuangnya ke dalam lubang tanah. Pada ketika itu mata Baba menyala seperti bara api. Tidak ada sesiapun berani memandangnya. Semua berada di dalam ketakutan. Baba mengeluarkan duit dari poketnya dan membuangnya ke dalam lubang tersebut juga seolah - olah sedang menjalankan upacara untuk nasib baik. Tatya juga merasa sangat takut. Tidak ada sesiapa yang tahu apa akan berlaku kepada Tatya dan tiada siapa yang berani campur tangan. Bhagoji Shinde, pengikut Baba yang berpenyakit kusta dengan berani bergerak ke hadapan sedikit tetapi beliau ditolak oleh Baba. Madhavrao juga menerima tindakbalas yang serupa.Beliau dilempar dengan cebisan bata. Jadi semua yang cuba ke tengah akan menerima kesan yang sama dari Baba namun setelah beberapa ketika, kemarahan Baba mula hilang. Dia memanggil tuan kedai,

mendapatkan Pheta bersulam darinya dan mengikat sendiri ke kepala Tatya seolah - olah dia diberikan penghormatan. Semua mereka tertanya - tanya dengan sikap aneh Baba itu. Mereka tidak tahu kenapa Baba tiba - tiba menjadi berang. Kenapa dia menyerang Tatya Patil dan bagaiman kemarahannya boleh hilang dengan sekelip mata. Sebelum itu, Baba hanya diam dan tenang sahaja dan bercakap dengan manis tentang kasih - sayang tapi tanpa sebab tiba - tiba

menjadi berang. Banyak kali perkara ini berlaku tetapi saya tidak tahu yang mana satu untuk dipilih dan diceritakan maka saya hanya menceritakan apa yang terjadi pada diri saya.

Di dalam bab yang seterusnya persoalan samada Baba adalah penganut Hindu atau Mahomedan akan diterangkan. Juga tentang pengamal Yoganya dan kuasa - kuasa serta perkara - perkara lain juga.

Penghormatan Untuk Sri Sai Baba - Sejahtera untuk semua

Bab VII

Penjelmaan Menakjubkan - Kelakuan Sai Baba - Amalan Yoga Beliau - Sikap Baba yang Sangat Meluas - Khidmat Pengikut yang berpenyakit kusta - Gangguan dari Tuan Khaparde - Kes - Pergi ke Pandharpur.

Penjelmaan Menakjubkan

Sai Baba memahami semua amalan yoga beliau. Dia sangat mahir di dalam keenam - enam proses termasuklah Dhauti (Perut - membersih menggunakan kain yang 3" lebar dan 221/2 " panjang), Khandayoga, seperti memisahkan anggota badannya kemudian menyambungnya semula, Samadhi dan lain - lain. Kalau anda menyangka beliau seorang Hindu, beliau nampak seperti Yavan. Kalau anda rasa beliau adalah Yavan, beliau nampak seperti seorang Hindu yang alim. Tidak ada sesiapa yang benar - benar tahu samada beliau adalah seorang Hindu atau Mahomedan. Beliau meraikan festival Hindu, Rama - Navami secara formal dan dalam masa yang sama mengizinkan perarakan ' Sandal ' bagi penganut Mohamedan. Beliau menggalakkan perlawanan gusti di festival tersebut serta memberikan hadiah yang menarik kepada para pemenang. Apabila Gokul Ashtami datang, dia membenarkan ' Upacara Gopal - Kala ' dilakukan sebaiknya dan pada festival Id (Aidil Firi) pula dia membenarkan penganut Mohamedan mengerjakan sembahyang di Masjidnya. Pernah sekali, ketika sambutan Muharram, beberapa orang penganut Mohamedan Mencadangkan untuk membina Tajiya atau Tabut di dalam Masjid, menyimpannya di sana untuk beberapa hari dan kemudian mengaraknya ke kampong. Sai Baba membernarkan Tabut disimpan di Masjid selama empat hari dan pada hari ke lima

membawanya keluar dari Masjid tanpa rasa menyesal. Kalau kita mengatakan beliau penganut Mohamedan, kedua - dua telinga beliau bertebuk (ada berlubang seperti fesyen Hindi). Kalau anda rasa beliau seorang Hindu, dia menyokong amalan bersunat (walaupun menurut En. Nanasahed Chandorkar,yang mengamatinya secara dekat, Baba sendiri tidak bersunat. Artikel Vide di dalam Sai Leela tentang " Baba Hindu Ki Yavan " yang ditulis

oleh B.V. Deo, muka surat 562). Kalau kita memanggilnya Hindu, dia sentiasa tinggal di dalam Masjid, jika Mohamedan, beliau sentiasa menyimpan Dhun - api suci di situ dan juga dan juga barang - barang berikut yang bertentangan dengan agama Mohamedan seperti mengisar gandum, meniup kulit kerang dan membunyikan loceng, ibadat menggunakan api, Bhajan, memberi makanan, memuja kaki Baba dengan maksud ARGHYA (air) sentiasa dilakukan.

Sekiranya anda merasakan beliau adalah Mohamedan, penganut Brahmin dan Agnihotris, meninggalkan cara kolot mereka sanggup meniarap di kaki Sai Baba. Orang - orang yang hendak bertanyakan kewarganegaraannya, tidak memperolehi jawapan apa - apa sebaliknya terpukau dengan darshana beliau. Maka tiada siapapun yang benar - benar dapat mengenalpasti samada Sai Baba adalah seorang Hindu atau Mohamedan * .(lihat di bawah perenggan ini) Ini tidak menghairankan; Sebagai seorang yang sentiasa menyerahkan diri sepenuhnya kepada Tuhan, menghapuskan keegoaan dan badan - kesedaran diri yang telah menjadi satu dengannya dan tidak melayani sebarang soalan berkenaan dengan kasta atau kewarnegaraan. Sai Baba adalah seorang yang tidak membezakan di antara kasta mahupun di

antara manusia. Beliau makan daging dan ikan bersama Fakir tapi tidak bersungut apabila anjing menyentuh makanan mereka dengan mulut.

[* Nota - (1) Mhalsapati, seorang pengikut setia Sai Baba yang sentiasa tidur dengannya di Masjid dan Chavadi mengatakan bahawa Sai Baba memberitahunya yang beliau adalah Brahmin dari Pathari kemudian diserahkan kepada Fakir semasa masih bayi. Apabila dia memberitahu demikian, beberapa orang dari Pathari telah datang dan Baba telah bertanyakan tentang beberapa orang dari tempat itu. Vide Sai Leela 1924, muka surat 179. (2) Puan Kashibai Kanitkar, wanita bijak yang terkenal dari Poona, memberitahu pengalaman No. 8, diterbit di muka surat 79, Sai Leela Vol.11, 1934, - " Mendengar keajaiban Baba kami berbincang berdasarkan kelaziman tasauf dan fesyen samada beliau berada dalam kelompok Hitam atau Putih. Apabila saya datang ke Shirdi dulu, saya memikirkan dengan serius tentang perkara ini. Sebaik shaja saya menjejakkan kaki ke tangga Masjid, Baba bergerak ke hadapan dan menuding jari ke dadanya dan berkata dengan agak bersemangat, " Ini adalah Brahmin, Brahmin yang tulin. Dia tidak ada kaitan dengan benda Hitam. Tidak ada Musalman yang berani menjejakkan kaki ke sini. Dia tidak akan berani ". Sekali lagi menuding jari ke dadanya - Brahmin ini akan membawa banyak orang - orang ke laluan Putih dan membawa mereka ke destinasi mereka. Ini adalah Masjid Brahmin dan saya tidak akan membenarkan Mahomedan Hitam menunjukkan bayang mereka ke sini ".] Sai Baba adalah penjelmaan yang unik dan menakjubkan. Hasil dari kebaikan saya pada kelahiran yang lepas, saya bernasib baik dapat duduk di kakinya dan seronok dengan ditemaninya. Kegembiraan dan kegirangan yang saya rasai

sukar untuk dibandingkan. Sebenarnya Sai Baba adalah Anand dan Kesedaran yang tulin. Saya tidak mampu untuk menerangkan tentang kebesaran dan keunikan Sai Baba sepenuhnya. Beliau yang menggembirakan melalui kakinya dan telah menetapkannya sendiri. Banyak Sanyasis, Sadhakas dan orang - orang yang memerlukan bantuan datang kepada Sai Baba, Beliau sendiri berjalan, bercakap dan ketawa bersama mereka dan sentiasa menyebut ‘ Allah Malik ‘ (Tuhan pemilik jiwa) di bibirnya. Beliau tdak sukakan perbincangan atau pertengkaran, sentiasa tenang dan terkawal walaupun ada ketikanya cepat marah, sentiasa memberikan dakwah Vedanta namun tiada yang tahu siapa sebenarnya Baba sehingga lah ke akhirnya. Anak raja atau orang miskin dilayan dengan sama rata. Beliau juga mengetahui rahsia peribadi semua orang dan mereka sungguh terkejut apabila beliau menyebutnya di depan di hadapan mereka. Sai Baba juga umpamakan sebuah gudang ilmu namun begitu, masih berpura - pura tidak berilmu. Beliau juga tidak sukakan penghormatan. Begitulah kelakuan Sai Baba. Walaupun memiliki badan seperti manusia tetapi perbuatannya menyerupai sikap Ketuhanan. Semua penduduk di Shirdi menganggap beliau umpama Tuhan.

Kelakuan Sai Baba

Saya rasa seperti bodoh kerana tidak mampu untuk menerangkan tentang keajaiban Sai Baba. Dia membolehkan hampir semua kuil di Shirdi dibaiki. Melalui Tatya Patil, kuil Shani, Ganapati, Shankar - Parvati, Kampung Deity dan Maruti telah dibaiki. Kerja amal beliau juga sungguh luar biasa. Duit yang diperolehinya dari hasil sedekah dibahagikan setiap hari sebanyak Rs.20 kepada beberapa orang dan Rs. 15 atau 50 kepada yang lain pula. Penerima

menganggap ianya sebagai sedekah kebajikan dan Baba berharap ia digunakan dengan cara yang betul.

Orang ramai merasakan beruntung sekali mendapat darshana Baba, Ada di antara mereka menjadi kuat dan sihat walafiat, orang yang jahat berubah menjadi baik. Beberapa kes Kusta (Leprosy) dapat disembuhkan. Banyak yang berjaya mencapai impian mereka. Ada di antara orang yang buta dapat melihat semula dan ada juga orang yang caacat dapat berjalan semula tanpa menggunakan atau memakan ubat. Tiada yang dapat menjangka samada kemampuan luarbiasanya akan berakhir. Kemashyurannya tersebar luas dan jauh. Penziarah dari segenap sudut datang berkumpul ke Shirdi. Baba sentiasa duduk berdekatan dengan Dhuni dan merehatkan dirinya di sana, sambil duduk bertafakur. Kadang - kadang sebelum mandi dan kadang - kadang selepas mandi.

Dia sering melilit turban putih di kepalanya dan memakai Dhotar yang bersih di pinggangnya serta memakai baju. Beginilah cara beliau mula - mula berpakaian.

Beliau juga mula mempraktikkan perubatan di kampung, memeriksa pesakit dan memberikan mereka ubat. Beliau sentiasa berjaya dan akhirnya terkenal sebagai Hakim (Doktor). Kes aneh juga akan diceritakan di sini. Salah seorang pengikut menghadapi masalah anak mata yang merah dan bengkak dan tiada doktor berada di Shirdi ketika itu. Seorang pengikut yang lain membawanya berjumpa dengan Baba. Kebiasaaanya doktor mungkin akan menggunakan minyak, Anjan, susu lembu, ubat menthol dan lain - lain. Cara Baba pula sangat unik. Beliau menumbuk sedikit ‘ BEEBA ‘ (sedikit Carpus Ana Cardium cth: kacang penanda) dan membuat dua ketulan kecil dan

meletakkannya pada mata pesakit kemudian membungkus sekeliling mata dengan kain pembalut. Keesokannya, kain pembalut akan dibuka dan air akan dituangkan ke mata pesakit di anak sungai. Bengkak itu hilang dan anak matanya menjadi putih dan bersih semula. Walaupum mata sangat lembut tetapi BEEBA tidak memedihkan mata sebaliknya menyembuhkan penyakit mata. Banyak penyakit yang berjaya disembuhkannya dan ini adalal salah satu daripada contohnya.

Amalan Yoga Baba

Baba mengetahui kesemua proses dan amalan yoga. Dua daripadanya akan diterangkan di sini:

(1)DHAUTI atau PROSES PEMBERSIHAN: Baba pergi ke telaga yang berdekatan dengan pokok Banyan yang agak jauh dari Masjid setiap tiga hari dan mencuci mulut serta mandi. Pada suatu hari dia dilihat memuntahkan ususnya, membersih luar dan dalam dan meletakkanya di atas pokok Jamb untuk dikeringkan. Ada beberapa penduduk Shirdi yang melihat kejadian ini dan telah menjadi saksi. Kebiasaannya Dhauti dibuat dengan menggunakan kain lembab 3 inci lebar 221/2 inci panjang. Kain ini akan ditelan dan dibiarkan di dalam perut selama setengah jam untuk bertindak. Kemudian barulah dikeluarkan semula. Namun Dhauti yang dilakukan oleh Baba sangat unik dan sungguh luar biasa.

(2) KHANDA YOGA: Dalam amalan yoga ini, Baba memisahkan beberapa anggota badannya dan meletakkannya di tempat berasingan di dalam Masjid. Pernah satu ketika, seorang lelaki datang ke Masjid, dia ternampak anggota badan Baba bertaburan di tempat yang berasingan. Dia sangat terperanjat, dan pada mulanya dia terfikir untuk berlari mendapatkan Pegawai

Kampung kerana menyangka Baba telah dibunuh dan badannya dipotong- potong. Namun begitu, dia merasakan dia mungkin dituduh bertanggungjawab sebab dia orang pertama yang melapurkan dan mungkin dituduh terlibat dengan kejadian itu maka diapun mendiamkan diri.Pada keesokan harinya, semasa beliau ke Masjid, beliau merasa sangat terkejut melihat Baba masih kuat dan sihat

walafiat seperti sebelumnya. Dia menyangkakan apa yang dilihatnya semalam adalah mimpi semata - mata.

Baba telah mengamalkan Yoga semenjak bayi lagi dan tidak ada siapa yang tahu atau dapat meneka kemampuan yang beliau telah capai. Beliau tidak pernah meminta upah untuk rawatan yang diberikannya dan menjadi terkenal serta ternama atas kebaikan yang beliau lakukan iaitu menyembuhkan mereka yang hidup susah dan miskin. Doktor yang baik adalah doktor yang bukan bekerja untuk kepentingan dirinya sahaja tetapi untuk kepentingan dan kebajikan orang lain. Beliau sendiri juga selalu mengalami sakit yang teruk dan tidak tertahan semasa proses. Saya akan kongsikan di bawah tentang sikap Sai Baba yang sangat meluas dan sangat pemurah.

Sikap Baba yang Sangat Meluas dan Pemurah

Pada tahun 1910 A.D., Baba sedang duduk berdekatan dengan Dhuni, pada hari cuti Devali untuk memanaskan badannya. Dia sedang menolak kayu api ke dalam Dhuni, yang sedang marak. Tidak berapa lama kemudian Baba tidak lagi menolak kayu api ke dalam Dhuni tapi sebaliknya menolak tangannya sendiri ke dalam Dhuni. Tangannya terbakar dan melecur. Perkara ini telah disedari oleh pembantu Madhava dan juga ole Madhavarao Deshpande

(Sharma). Serta-merta mereka berlari kepada Baba dan Madhavarao memeluk pinggang Baba dari belakang dan menariknya ke belakang secara paksa dan bertanya, “ Deva, kenapa awak melakukan ini? “ Baba kembali tenang dan menjawab, “ Isteri kepada tukang besi yang tinggal agak jauh dari sini sedang bekerja menghembus api dapur aluminium tetapi dipanggil oleh suaminya. Dia terlupa yang dia sedang mendukung anaknya di pinggang. Beliau berlari tergopoh - gapah menyebabkan anaknya terjatuh ke dalam dapur aluminium tersebut. Saya segera memasukkan tangan ke dalam dapur tersebut untuk menyelamatkan anak itu. Saya tidak peduli tangan saya terbakar tetapi saya gembira anak itu terselamat “.

Khidmat Pengikut yang Berpenyakit Kusta

Apabila mendengar berita yang tangan Baba terbakar dari (Sharma) Madhavrao Deshpande, En. Nanasehab Chandorkar telah segera datang ke Shirdi dengan ditemani oleh Doktor Parmanand dari Bombay dengan peralatan perubatannya yang mengandungi minyak angin, kain tiras, kain pembalut dan lain- lain. Beliau memohon Baba membenarkan Dr. Parmanand memeriksa tangannya dan merawatnya, Beliau menolak permohonan itu sebab ia telah dirawat oleh pengikutnya yang berpenyakit kusta, Bhagoji Shinde. Rawatannya termasuk mengurut bahagian yang terbakar dengan minyak sapi dan meletakkan sehelai daun disekelilingnya kemudian membungkusnya dengan ketat menggunakan

pattis (kain pembalut). En. Nanasehab Chandorkar memujuk Baba berkali - kali supaya membuka patties agar kecederaan itu dapat diperiksa dan dirawat oleh Dr. Parmanand dengan tujuan supaya

ia lebih cepat sembuh. Dr. Parmanand sendiri turut memohon benda yang sama tetapi Baba menolak dengan mengatakan Allah adalah Doktornya dan tidak membenarkan tangannya diperiksa. Ubat Dr.Parmanand masih dalam keadaan baik sebab tidak terdedah kepada udara di Shirdi tetapi beliau bernasib baik kerana mendapatkan darshana Baba. Bhagoji dibenarkan merawat tangannya setiap hari. Selepas beberapa hari, tangan Baba telah sembuh dan semua merasa gembira. Namun begitu, kita tidak mengetahui samada beliau masih merasa sakit atau tidak. Setiap pagi Bhagoji akan membuka kain pembalut, mengurut tangan dengan minyak sapi dan membalut semula dengan ketat. Perkara ini berterusan sehingga Sai Baba meninggal dunia (kematian). Sai Baba adalah Siddha yang sempurna, dia tidak benar - benar memerlukan rawatan tetapi atas rasa sayangnya pada pengikutnya, dia membenarkan ‘ Upasana ‘- khidmat dari Bhagoji tidak pernah diganggu. Apabila Baba pergi ke Lendi, Bhagoji memegang payung untuknya dan menemaninya. Setiap pagi, apabila Baba duduk dekat tiang yang berdekatan dengan Dhuni, Bhagoji akan datang dan memberikan khidmatnya. Bhagoji telah banyak melakukan dosa di kelahiran lepas. Dia menghidap penyakit kusta. Jarinya berkedut, seluruh badannya dipenuhi oleh nanah dan berbau busuk. Walaupun pada zahirnya beliau nampak tidak bernasib baik, beliau sebenarnya sangat gembira dan bertuah kerana dia adalah pembantu Baba yang terpenting dan berpeluang menemaninya.

Gangguan dari Tuan Khaparde - Kes

Saya akan menerangkan sekarang tentang contoh lain tentang Leela Baba yang menakjubkan. Puan Khaparde, isteri kepada Dadasaheb Khaparde dari Amraoti telah menetap di Shirdi

bersama anak lelakinya yang masih muda untuk beberapa waktu. Pada suatu hari anak lelakinya terkena demam panas yang kemudiannya merebak menjadi pembengkakan limpa. Si ibu merasa takut dan tidak selesa. Dia berhasrat meninggalkan Amraoti sebentar untuk berjumpa dengan Baba pada malam itu ketika Baba datang ke Wada (sekarang dikenali sebagai Samadhi Mandhir) untuk membuat rondaan malam. Dia hendak meminta izin. Dia memberitahu Baba dengan suara yang terketar - ketar yang anaknya telah dijangkiti penyakit. Baba bercakap dengan baik dan perlahan dengannya, memberitahu bahawa awan sedang diselaputi mendung, namun ianya akan berarak pergi dan segalanya akan menjadi bersih dan terang. Selepas itu beliau mengangkat kafni ke paras pinggang dan menunjukkan kepada semua yang hadir, empat bengkak yang besar, sebesar telur dan berkata, “ Lihat, bagaimana saya menderita demi pengikut - pengikut saya, kesusahan mereka adalah milik saya “. Melihat perbuatan (Leela) yang unik dan menakjubkan ini,

para pengikutnya kini yakin bagaimana Baba sanggup menanggung kesakitan demi mereka. Pemikiran orang - orang Keramat lebih lembut dari lilin.Ianya lembut, luar dan dalam, seperti mentega. Mereka sayangkan para pengikutnya tanpa mengharapkan balasan dan menganggap mereka seperti keluarga. Pergi ke Pandharpur dan Menetap Di Situ Saya akan mengakhiri bab ini selepas menerangkan bagaimana Sai Baba sayangkan para pengikutnya dan mengantisipasikan impian dan pergerakan mereka. Pengikut Baba yang hebat adalah En. Nanasaheb Chandorkar iaitu seorang pengikut Baba yang setia adalah Mamlatdar dari Nandurbar di Khandesh. Dia mendapat arahan untuk berpindah ke Pandharpur. Ketaatannya kepada Baba membuahkan hasil apabila dia diarahkan untuk berpindah ke

Pandharpur yang dianggap sebagai ‘ BHUVAIKUNTHA ‘ - Syurga dunia.

Nanasaheb harus bertugas serta merta jadi beliau terpaksa pergi segera ke tempat itu tanpa menulis atau memberitahu sesiapa di Shirdi. Dia berniat untuk membuat lawatan mengejut ke Shirdi tetapi Sai Baba telahpun mengetahui perkara tersebut kerana matanya ada di mana - mana (maha mengetahui). Sebaik sahaj Nanasehab sampai ke Neemgaon, beberapa batu dari Shirdi, ada keriuhan berlaku di Masjid di Shirdi. Baba sedang duduk dan bercakap dengan Mhalsapati, Appa Shinde dan Kashiram apabila dia tiba - tiba berkata , “ Mari kita berempat melakukan Bhajan, pintu Phandari sedang terbuka, mari kita menyanyi dengan riang “.Mereka kemudiannya mula menyanyi bersama - sama lagu tersebut “ Saya terpaksa pergi ke Pandhapur dan saya terpaksa tinggal di situ kerana di situ adalah rumah Tuhan “.

Baba menyanyi dan para pengikutnya mengikut beliau. Tidak berapa lama kemudian Nanasehab telah datang ke sana bersama keluarganya lalu meniarap di kaki Baba dan memohon beliau untuk pergi bersama mereka ke Pandhapur dan tinggal bersama - sama mereka di sana. Permohonan ini adalah tidak pelu kerana para pengikutnya memberitahu Nanasehab bahawa Baba memang sudah merancang untuk pergi ke Pandhapur dan menetap di sana. Mendengar ini, Nanasehab merasa terharu dan jatuh di kaki Baba. Kemudian memohon izin, mendapatkan Udi (debu suci) dan restu. Nanasehab akhirnya pergi ke Pandhapur.

Tiada penghujung untuk kisah Baba tetapi biar saya berhenti di sini, menyimpan untuk bab seterusnya dan menceritakan juga tentang topik lain contohnya kepentingan kehidupan manusia,

kehidupan Baba berharapkan sedekah, khidmat Bayajabai dan kisah - kisah lain.

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua

Bab VIII

Kepentingan Kelahiran Manusia - Sai Baba Mengemis Makanan - Khidmat Bayabajai - Kediaman Sai Baba – Kasih - sayang Baba pada Kushalchand.

Sebagaimana disebutkan di dalam bab yang lepas, Hemadpant sekarang menerangkan dengan lebih jelas dalam nota pendahuluan ini yang berkaitan tentang kepentingan kelahiran manusia, kemudian diteruskan dengan bagaimana Sai Baba mengemis untuk makanan, bagaimana Bayajabai berkhidmat untuknya, bagaiman beliau tidur di Masjid bersama Tatya Kote Patil dan Mhalsapati serta bagaimana beliau menyayangi Kushalchand dari Rahata. Kepentingan Kelahiran Dalam cakerawala yang menakjubkan ini, Tuhan telah mencipta beribu juta (84 lacs berdasarkan pengiraan Hindusastra) makhluk atau benda hidup (termasuk Tuhan - Tuhan, separuh Dewa, serangga - serangga, binatang - binatang dan manusia) yang menghuni Syurga, Neraka, bumi, lautan, langit dan lain - lain wilayah perantaraan. Di antara semua ini, makhluk atau nyawa yang telah melakukan banyak kebaikan akan masuk ke syurga dan tinggal di situ hasil daripada perbuatan baik mereka dan selepas selesai mereka akan dihantar turun manakala mereka yang banyak melakukan kesalahan, akan dimasukkan ke neraka untuk menerima hukuman dan siksaan di atas kesalahan yang telah dilakukan. Apabila kebaikan dan keburukan mereka seimbang, mereka akan dilahirkan di bumi sebagai manusia dan diberi peluang untuk membuat amal kebajikan. Akhirnya apabila jumlah kebaikan dan keburukan mereka menurun (dibuangkan) sepenuhnya, mereka akan mendapat pembebasan dan menjadi

bebas. Secara ringkasnya, nyawa mendapat kelahiran semula berdasarkan perbuatan baik dan kepintaran (perkembangan minda mereka).

Keistimewaan Nilai Bada Manusia

Seperti yang kita tahu, ada empat kepentingan untuk makhluk hidup iaitu makanan, tidur, ketakutan dan hubungan seks. Seorang lelaki dianugerahkan dengan kebolehan yang istimewa seperti ilmu pengetahuan, yang akan membantu beliau mendapat Visi Ketuhanan yang telah gagal diperolehi pada kelahiran lepas. Itulah sebabnya Tuhan mencemburui nasib baik seorang lelaki lalu bercita - cita untuk dilahirkan sebagai lelaki di bumi pada kelahiran yang terakhir.

Ada yang mengatakan tiada yang lebih buruk daripada badan manusia yang dipenuhi dengan najis, lendir, kahak dan kekotoran, yang membawa kepada kerosakan, penyakit dan kematian. Kebenaran ini agak boleh diterima tetapi

disebalik kelemahan dan kecacatan ini, nilai istimewa badan manusia adalah - seorang lelaki berkemampuan untuk mendapatkan ilmu pebgetahuan. Hanya dengan ilmu pengetahuan manusia dapat memikirkan tentang hakikat badan itu sendiri yang mudah rosak atau yang fana, juga kenikmatan dunia yang menjijikkan, dapat membezakan di antara yang nyata dan yang tidak nyata, seterusnys mendapatkan Visi Ketuhanan. Kalau kita memanjakannya dan memilih nikmat dunia serta memganggap ianya berharga maka kita akan ke neraka. Oleh itu cara terbaik yang perlu kita lakukan adalah: Badan kita tidak harus dibiarkan atau dimanjakan sebaliknya harus dijaga dengan baik umpama seorang penunggang kuda yang menjaga kudanya sehingga dia

sampai ke destinasi dan kembali ke kediamannya. Baharulah badan dapat digunakan untuk menjalankan visi Ketuhanan atau Kesedaran diri iaitu pengakhiran hidup yang teragung.

Dinyatakan bahawa walaupun Tuhan telah mencipta berbagai - bagai makhluk tetapi dia tidak berpuas hati kerana tidak ada yang tahu untuk menghargai perbuatannya. Maka dia harus mencipta manusia istimewa - Lelaki, kemudian mengurniakannya dengan kebolehan istimewa seperti Ilmu Pengetahuan jika dia mendapati lelaki tersebut tahu menghargai Leelanya - menjalankan tugas yang mengkagumkan dan bijaksana. Dia akan merasa sangat gembira dan berpuas hati. (Vide, Bhagawat 11- 9 - 28). Jadi, sangatlah bertuah dapat hidup sebagai manusia, lebih beruntung bila dilahirkan di dalam keluarga Brahmin, yang terbaik adalah mendapat peluang untuk mendapat perlindungan di kaki Sai Baba serta menyerah diri kepadanya.

Keupayaan Lelaki

Menyedari betapa berharganya kehidupan seorang manusia dan kematian itu adalah pasti dan boleh berlaku pada bila - bila masa kita harus sentiasa bersedia untuk mencapai objektif kehidupan. Kita tidak harus melambatkannya sebaliknya harus berusaha dengan sebaik mungkin untuk mencapai objektif itu, sama seperti seorang duda yang sangat teruja untuk berkahwin semula atau sepertimana seorang Raja yang sanggup mencari ananknya hilang di mana - mana sahaja. Maka dengan sedaya upaya kita harus berusah untuk mencapai pengakhiran iaitu kesedaran diri. Untuk mengelak diri dari kelemahan dan kemalasan serta menghindari dari mengantuk, kita harus bertafakur siang dan malam. Jika kita gagal melakukan ini maka kita samalah seperti binatang.

Bagaimana Meneruskan Cara terbaik dan terpantas untuk mencapai objektif tersebut adalah dengan menghampiri orang Keramat atau orang yang Bijaksana yang layak - Sadguru, yang telah berjaya mencapai Visi Ketuhanan. Apa yang tidak dapat dicapai

dengan mendengar dan belajar tentang keagamaan, akan mudah diperolehi apabila kita bergaul dengan insan yang layak. Sebagaimana bintang - bintang yang walaupun dikumpulkan masih tidak dapat memberikan cahaya seperti matahari. Jadi hanya Sadguru dengan kebijaksanaan kerohaniannya yang mampu memaklumkan apa yang tidak dapat dlakukan oleh buku suci dan pendakwah. Perbuatannya dan kata - katanya yang mudah seolah - olah memberikan kita nasihat dalam ‘ senyap ‘. Kemampuan memberikan kemaafan, ketenangan, tidak pilih kasih, kebajikan, kemurahan, ketahanan badan dan minda, keegoaan dan lain - lain juga menjadi perhatian muridnya kerana semua itu dibuat dengan penuh ikhlas. Ini menenangkan minda mereka dan mengangkat mereka secara spiritual. Sai Baba adalah seorang yang bijaksana atau Sadguru. Walaupun beliau berlagak sebagai seorang Fakir (hidup meminta), beliau sentiasa mendalami dirinya. Beliau sentiasa menyayangi semua manusia yang dia dapati memiliki sikap ketuhanan atau kedewaan dalam diri mereka. Beliau tida terpengaruh dengan keseronokan. Beliau juga tidak bersedih dengan nasib malang. Seorang Raja dan seorang yang miskin adalah sama. Beliau yang mampu menukar seorang peminta sedekah menjadi raja hanya dengan jelingannya, pernah meminta makanan dari pintu ke pintu di Shirdi, dan sekarang mari kita lihat bagaimana dia melakukannya.

Baba Meminta Makanan

Penduduk Shirdi beruntun sentiasa mendapat rahmat. Di depan rumah - rumah mereka Baba pernah berdiri sebagai peminta sedekah dan memnaggil, “ Oh anak perempuan, berikan saya sedikit roti “ lalu menghulurkan tangannya untuk menerima. Dengan sebelah tangan beliau membawa Tumrel (belanga besi) dan sebelah lagi membawa zoli atau Choupadari iaitu kain berbentuk segiempat tepat. Setiap hari, beliau pergi dari rumah ke rumah. Cecair atau makanan separuh cecair seperti sup, sayur, Susu atau mentega susu akan diterima di dalam belanga besi manakala nasi yang sudah dimasak, roti dan semua makanan keras dimasukkan ke dalam zoli. Lidah Baba tidak dapat merasa sebab beliau tahu cara mengawalnya, Jadi bagaimana dia hendak merasa pelbagai rasa makanan yang telah dicampur sekaligus? Apa sahaja makanan yang diperolehi akan dicampur dan dimakan untuk mengisi keperluan dirinya. Samada makanan tersebut sedap atau tidak, baba tidak pernah mengetahui seolah - olah lidahnya telah tidak dapat mengenalpasti rasa lagi. Baba akan mengemis sehingga ke tengahari. Makanan yang telah dikumpul dimasukkan ke dalam kundi, iaitu belanga tanah. Anjing, kuching dan burung gagak bebas untuk memakannya dan Baba tidak pernag mengusir mereka. Wanita yang menyapu lantai Masjid mengambil 10 atau 12 keping roti untuk dibawa pulang dan tidak ada yang menghalangnya berbuat demikian. Beliau tidak pernah mengusir kuching dan anjing dengan menggunakan bahasa atau perbuatan yang kasar walau di dalam mimpi pun.

Menolak makanan demi untuk mmberikannya kepada orang miskin?

Sesungguhnys hidup seorang yang mulia penuh dengan rahmat! Pada mulanya, penduduk Shirdi menganggap beliau sebagai seorang Fakir yang gila. Dia dikenali di kampung itu dengan nama tersebut. Bagaimana seorang yang hidup dalam penuh kemiskinan dan meminta sedekah untuk secebis roti dipuja dan dihormati? Namun, Fakir ini memiliki hati dan tangan yang sangat liberal, tidak pilih kasih dan pemurah. Walaupun secara luaran, beliau nampak berubah - ubah dan gelisah tetapi dalamannya begitu tetap dan tegas. Perlakuannya sukar untuk diduga. Namun, masih ada beberapa orang penduduk kampung yang baik dan dirahmati yang mengenali dan menganggap beliau sebagai insan yang hebat. Satu contoh diberikan di bawah.

Khidmat Cemerlang Bayajabai

Ibu kepada Tatya Kote selalu pergi ke hutan pada waktu tengahari dengan membawa bakul di atas kepalanya yang mengandungi roti dan sayur. Dia berjalan jauh ke dalam hutan, koss selepas koss (3 batu), mengharungi hutan dan belukar untuk mencari Fakir. Setelah menemuinya, dia jatuh di kakinya. Fakir duduk dengan tenang dan tidak bergerak,sedang bertafakur sementara dia sedang meletakkan sehelai daun di hadapanya, mengeluarkan makanan, roti, sayur dan lain lain lalu menyuap Baba separuh paksa. Keyakinana dan khidmat beliau sungguh menakjubkan. Setiap hari dia akan berjalan ke dalam hutan pada waktu tengahari untuk memaksa Baba menghabiskan makanannya. Khidmat beliau, Upasana atau Penebusan, atau apa sahaja nama yang kita berikan tidak pernah dilupakan oleh Baba sehingga lah beliau meninggal dunia. Mengenang semula semua khidmat yang telah beliau berikan, Baba memberkati anaknya dengan penuh gemilang. Kedua - dua anak beranak tersebut mempunyai

keyakinan yang hebat kepada Fakir yang dianggap oleh mereka sebagai Tuhan. Baba selalu berkata kepada mereka, “ Fakir (orang miskin) adalah tuan sebenar sebab dia kekal dan tuan yang satu lagi (orang kaya) adalah sementara “. Selepas beberapa tahun kemudian, Baba telah keluar dari hutan dan mulai hidup di kampung dan mengambil makanannya di dalam Masjid. Semenjak dari itu, masalah Bayajabai berjalan ke dalam hutan telah berakhir.

Kediaman Trio

Orang - orang Keramat beroleh rahmat kerana Tuhan Vasudeo sentiasa bersemayam di hati mereka dan bertuahlah para pengikut yang bergaul dengan orang - orang keramat tersebut. Dua orang yang bertuah tersebut, Tatya Kote Patil dan Bhagat Mhalsapati, kedua - duanya bergaul dengan Sai Baba. Baba juga menyayangi mereka sama rata. Mereka bertiga tidur di dalam Masjid dengan kepala mereka mengarah ke timur, ke barat dan ke utara dengan kaki mereka bersentuhan di antars satu sama lain di tengah. Selepas membentang

katil mereka baring di atasnya, berbual - bual dan bergosip tentang banyak perkara sehingga ke lewat malam. Sekiranya salah seorang telah menunjukkan tanda - tanda sudah mengantuk, yang lain akan membangunkannya. Sebagai contohnya, jika Tatya mulai berdengkur, Baba akan segera bangun dan mengoyangkan badannya dan menekan kepalanya. Sekiranya Mhalsapati pula, beliau akan memeluknya dengan rapat, mengusap kakinya dan mengurut belakangnya. Beginilah keadaannya di sepanjang 14 tahun. Tatya, meninggalkan ibubapanya di rumah untuk tidur di Masjid disebabkan kasih sayangnya kepada Baba? Selepas ayahnya

meninggal dunia,Tatya mengambil alih tugas di rumah dan mulai tidur semula di rumahnya sendiri.

Khushalehand dari Rahata

Baba menyayangi Ganpat Kote Patil dari Shirdi. Beliau juga menyayangi Chandrabhanshet Marwadi dari Rahata sama rata. Selepas kematian Seth, Baba memberikan kaih sayang yang serupa kepada anak saudaranya Khushaland atau mungkin lebih menyayanginya, juga menjaga kebajikannya, siang dan malam. Baba pergi ke Rahata kadang - kadang menaiki kereta lembu, Pada masa yang lain pula menggunakan kereta kuda bersama rakan baiknya. Penduduk kampung tersebut akan keluar, menyambut dengan gendang dan muzik dan menyambut Baba di Ves atau di pagar kampung lalu meniarap di hadapan Baba. Kemudian beliau dibawa masuk ke kampung dengan sambutan penuh gemilang.

Khushalchand membawa Baba ke rumahnya, menyuruhnya duduk di tempat duduk yang selesa dan menyediakan makan tengahari untuknya. Selepas itu mereka akan berbual - bual dengan mesra untuk seketika dan setelah itu Baba akan pulang ke Shirdi memberikan restu dan rahmat untuk semua.

Shirdi terletak di tengah - tengah di antara Rahata (selatan) dan Nimgaon (utara). Baba tidak pernah pergi ke tempat - tempat tersebut di sepanjang hidupnya. Beliau tidk pernah melihat jalan keretapi atau menaikinya. Namun beliau tetap tahu bila keretapi itu sampai dan berangkat. Para pengikut yang menurut pesanan Baba (re: keberangkatan mereka) yang diberikan sebelum mereka berangkat sampai dengan selamat manakala yang tidak mengindahkan pesanannya menghadapi masalah dan kemalangan.

Banyak lagi tentang perkara ini dan juga perkara lain akan diberitahu di dalam bab yang seterusnya.

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua

NOTA: Kemalangan yang dicatatkan di akhir bab ini menunjukkan kasih sayang Baba kepad Khusalchand.Pada suatu petang beliau menyuruh Kakasaheb Dixit pergi ke Rahata dan membawa balik Khusalchand kepadanyadan pada masa yang sama muncul di dalam mimpi Khusalchand semasa beliau tidur sekejap, Baba meminta Khusalchand datang ke Shirdi.

Ianya tidak diterangkan di sini sebab ia diceritakan di dalam buku (Sai - Charita) nanti (Bab 30).

Bab IX

Kesan mematuhi pesanan dan yang melanggar pesanan Baba sewaktu hendak berangkat pergi - Beberapa contoh - Hidup meminta dan keperluan - Pengalaman para pengikut (Keluarga Tarkhad) - Baba mendapat makanan yang

mewah - Bagaimana?

Pada pengakhiran bab yang lepas, telah dinyatakan serba sedikit para Bakti yang patuh pada pesanan Baba semasa hendak berangkat pergi telah sampai dengan selamat manakala yang melanggar pesanan telah menghadapi banyak masalah. Kenyataan ini akan dijelaskan dan diterangkan melalui beberapa contoh yang ketara juga melalui beberapa masalah lain di dalam bab ini. Karakteristik Shirdi - Ziarah Satu keistimewaan yang aneh Shirdi - adalah ziarah, iaitu tiada siapa yang dapat meninggalkan Shirdi tanpa kebenaran dari Baba dan kalau dilakukan juga maka dia mengundang azab yang tidak terhingga. Namun, kalau sesiapa telah disuruh meninggalkan Shirdi, dia tidak boleh lagi tinggal di situ. Baba telah memberi beberapa pesanan atau isyarat kepada para Bakti semasa mereka hendak berangkat pergi. Pesanan ini harus dipatuhi. Kalau ianya tidak dipatuhi atau diketepikan dan melakukan sesuatu yang berlawanan dengan pesanan Baba, maka mereka pasti akan ditimpa kemalangan. Kita akan memberi beberapa contoh di bawah.

Tatya Kote Patil

Tatya Kote pernah menaiki kereta kuda ke pasar di Kopargaon. Dia datang tergopoh - gapah ke Masjid, memberi salam kepada Baba

dan memberitahu yang dia akan pergi ke Pasar Kopargaon. Baba berkata," Jangan tergopoh - gapah, berhenti sekejap, mari pergi ke pasar,jangan pergi ke luar kampung ". Melihat beliau sudah teruja untuk pergi, Baba menyuruh beliau sekurang - kurangnya membawa Shama (Madhavrao Deshpande) bersamanya. Tanpa mmempedulikan pesanan ini, Tatya Kote segera memandu kereta kudanya. Di antara dua ekor kudanya, seekor daripadanya berharga Rs.300 - sangat aktif dan cergas. Selepas melepasi telaga Sawul, tiba - tiba kudanya mulai berlari dengan pantas lalu menyebabkan pinggangnya tergeliat dan terus jatuh. Tatya tidak mendapat kecederaan teruk tetapi beliau teringat dengan pesanan Sai Baba yang telah dilanggarnya. Kejadian yang lain pula adalah semasa meneruskan

perjalanan ke kampung Kolhar, dia telah mengingkari pesanan Baba dan memandu kuda yang kemudiannya menghadapi kemalangan yang hampir serupa.

Lelaki Eropah

Pernah seorang lelaki Eropah dari Bombay datang ke Shirdi, membawa nota pengenalan dari Nanasaheb Chandorkar, dengan beberapa cadangan yang dikemukakan. Beliau disediakan dengan khemah yang selesa. Beliau hendak melutut dihadapan Baba dan mencium tangannya. Untuk itu dia mencuba sebanyak tiga kali untuk masuk ke dalam Masjid tetapi Baba menghalangnya dari berbuat demikian. Dia disuruh duduk di halaman di bawah,dan mengambil darshan Baba dari sana. Beliau merasa tidak senang hati dengan layanan tersebut menyebabkan dia hendak meninggalkan Shirdi dengan segera dan datang untuk mengucapkan selamat tinggal. Baba menyuruhnya pergi pada esok

hari dan tidak tergopoh - gapah. Orang ramai juga menasihatinya untuk mematuhi arahan Baba.Tanpa mempedulikan semua itu, diapun meninggalkan Shirdi menggunakan kereta kuda. Pada mulanya kuda - kuda tersebut berlari dengan elok tetapi setelah melintasi telaga Sawul, sebuah basikal tiba - tiba datang di hadapan menyebabkan kuda - kuda tersebut menjadi takut dan berlari dengan pantas. Kereta kuda menjadi tunggang - terbalik menyebabkan lelaki tersebut jatuh terpelanting ke luar. Beliau berjaya diselamatkan tetapi terpaksa menjalani rawatan bagi kecederaannya di hospital Kopargaon. Semua mendapat pengajaran dari pengalaman tersebut iaitu sesiapa yang melanggar arahan Baba pasti akan menemui berbagai - bagai kemalangan manakala yang patuh pula akan selamat dan bahagia.

Kepentingan Pengemis

Sekarang kita akan kembali ke persoalan tentang pengemis. Sesetengah orang akan tertanya - tanya jika Baba adalah seorang tokoh ternama - malahan Tuhan, kenapa beliau mengambil jalan keluar dengan menjadi peminta sedekah, di sepanjang hidupnya? Terdapat dua pandangan yang bebeza bagi menjawab soalan ini. (1) Siapakah yang layak untuk hidup sebagai peminta sedekah? Shastra kami memberitahu bahawa orang yang tidak memiliki atau bebas dari tiga perkara utama iaitu (1) keturunan, (2) harta, (3) untuk nama kecuali Sannyas, aalah mereka yang layak untuk menjadi peminta sedekah. Mereka tidak dapat memasak dan makan di rumah. Tugas untuk memberi mereka makan terletak di bahu mereka yang memiliki rumah. Sai Baba tidak memiliki rumah tidak juga Vanapratha. Beliau adalah sannyasi yang hidup membujang, sannyasi semenjak dari muda lagi. Beliau berpendirian teguh bahawa cakerawala ini adalah rumahnya,

beliau adalah Tuhan Vasuedo - penyokong cakerawala dan Brahman yang kekal abadi. Maka beliau layak untuk memilih

untuk menjadi peminta sedekah. (2) Sekarang melalui pandangan (1) Pancha - segera - lima jenis dosa dan taubat. Kita semua mengetahui untuk menyediakan makanan dan minuman, pemilik rumah harus melakukan lima perkara atau proses iaitu, (a)Kandani - Degupan, (b) Peshani - mengisar, (c) Udakumbi - Mencuci belanga, (d) Marjani - Menyapu dan membersih, (e) Chulli - Cahaya pendiang. Proses ini banyak melibatkan gangguan dari serangga dan makhluk kecil dan ini mendatangkan banyak dosa kepada pemilik rumah. Demi untuk bertaubat dari dosa tersebut, Shastra kami menulis lima cara untuk pengorbanan iaitu (1) Brahma - Yajna, (2) Vedadyayan - sumbangan untuk Brahman atau mempelajari Vedas. (3) Pitra - Yajna - sumbangan untuk keturunan, (4) Deva - Yajna - sumbangan untuk Tuhan, (5) Bhoota - Yajna - sumbangan untuk manusia, (6) Manshya – Atithi - Yajna - sumbangan untuk orang - orang lelaki dan tetamu yang tidak di jemput. Jika pengorbanan ini dan larangan dari Shastra dipatuhi secara sepatutnya, penbersihan minda mereka akan berhasil dan ini membolehkan mereka mendapat ilmu dan kesedaran diri. Dengan pergi dari rumah ke rumah, Baba sebenarnya mengingatkan penghuninya tentang tanggunjawab suci yang mereka perlu lakukan dan bertuahlah mereka yang dapat menerima pelajaran dari Baba di rumah mereka sendiri.

Pengalaman Para Pengikut

Sekarang kita akan merujuk pula kepada subjek yang lebih menarik. Tuhan Krishna telah memberitahu di dalam Bhagawadgeeta (9 - 26) “ Sesiapa yang dengan tulus

menyumbangkan kepada saya daun, bunga atau buah, saya akan menerima sumbangan dari mereka yang berhati mulia itu. Dalam kes Sai Baba pula, jika ada di kalangan pengikut yang hendak menyumbang sesuatu kepada Sai Baba tetapi kemudian telupa untuk melakukan perkara tersebut, Baba akan mengingatkannya atau kawannya berkaitan dengan sumbangan tersebut dan menyuruh beliau menunjukkan kepadanya kemudian menerimanya serta merahmati pengikut tersebut. Beberapa contoh diberikan di bawah.

Keluarga Tarkhad (Bapa dan Anak Lelaki)

Mr Ramachandra Atmaran alias Babaaheb Tarkhad, sebelum ini adalah Prarthana - Samajist, adalah seorang pengikut kuat Baba. Anak dan isterinya sangat menyayangi Baba. Suatu hari, Tuan Tarkhad telah dicadangkan untuk mengikut ibunya ke Shirdi dan menghabiskan cuti bulan Mei di situ tetapi anaknya tidak bersetuju pergi sebab dia merasakan sekiranya dia meninggalkan rumah di Bandra, tidak ada siapa yang akan melakukan pemujaan terhadap Sai Baba. Sebagai Prarthana Samajist, bapanya mungkin tidak akan memuja potret Sai Baba yang besar itu. Namun begitu, setelah bapanya telah meyakinkannya dengan berjanji akan melakukan pemujaan sebagaimana yang dilakukan

olehnya maka akhirnya beliau dan ibunya berangkat ke Shirdi pada malam Jumaat.

Keesokan harinya (sabtu) En. Tarkhad telah bangun awal, mandi dan sebelum melakukan Puja, meniarap di tempat suci dan berkata, “ Baba, saya akan melakukan Puja sebagaimana yang anak saya sering buat tapi tidak perlulah terlalu formal “. Selepas dia melakukan Puja, dia memberikan beberapa ketul gula sebagai

naivedya (sumbangan), yang diberikan pada waktu makan tengahari.

Pada malam Ahad, semuanya berjalan dengan lancar. Hari seterusnya iaitu hari Isnin aalah hari bekerja dan ia juga berlalu dengan lancar. En.Tarkhand yang sebelum ini tidak pernah melakukan Puja di sepanjang hidupnya, merasakan sangat yakin terhadap dirinya sehingga semuanya berjalan dengan lancar dan memuaskan seperti yang dijanjikan kepada anaknya. Pada hari Selasa, beliau melakukan Puja di waktu pagi seperti biasa kemudian pergi bekerja. Apabila beliau balik ke rumah pada tengahari, beliau mendapati tidak ada Prasa (gula)untuk diberikan semasa makan tengahari dihidangkan. Beliau bertanya kepada tukang masak, yang kemudian memberitahunya bahawa tiada sumbangan yang diberikan pada pagi itu dan dia telah benar - benar lupa untuk melakukan sebahagian dari amalan Puja (sumbangan untuk naivedya). Setelah mendengar itu, beliau terus meniarap di hadapan tempat sucinya, meluahkan rasa kesalnya dan pada masa yang sama memohon ampun pada Baba kerana menganggap semua ini adalah sekadar latihan formal saja. Kemudian beliau menulis surat kepada anaknya menceritakan segalanya dan meminta anaknya meniarap di kaki Baba serta memohon maaf di atas kesilapannya.

Perkara ini berlaku di Bandra pada Tengahari Selasa Pada waktu yang hampir sama, ketika waktu sembahyang Arati baru bermula di Shirdi, Baba berkata kepada Puan Tarkhad, “ Ibu, saya telah pergi ke rumah awak di Bandra dengan harapan untuk mendapatkan makanan. Saya dapati pintu berkunci dan selepas berjaya masuk ke rumah, saya merasa kecewa kerana Bhau

(En.Tarkhad tidak meninggalkan apa - apa makanan untuk saya. Saya telah kembali dari sana tanpa makan apa - apa.

Wanita itu tidak dapat memahami apa yang dimaksudkan oleh Baba tetapi anaknya yang berada berhampiran dengannya, memahami ada sesuatu yang tidak kena denga Puja di Bandra. Dia lalu meminta izin dari Baba untuk balik ke rumahnya. Baba menolak permintaannya tetapi membenarkan dia mengerjakan Puja di situ. Kemudian, anak itu menulis surat untuk ayahnya agar jangan mengenepikan sahaja Puja di rumah.

Kedua - dua surat tersebut telah bertembung di pertengahan jalan dan telah sampai ke tangan masing - masing keesokan harinya.

Adakah ini tidak mengkagumkan?

Puan Tarkhad

Mari kita lihat pula kes Puan Tarkhad sendiri. Dia menyumbangkan tiga jenis barang iaitu (1) Bharit (terung baker dicampurkan susu masam dan rempah), (2) Kacharya (terung bulat digoreng dengan minyak sapi), (3) Peda (bakso manis). Mari kita lihat bagaimana Baba menerimanya.

Pada suatu hari, En.Ragghuvir Bhaskar Purandare dari Bandra, seorang pengikut Baba berangkat ke Shirdi bersama keluarganya. Puan Tarkhad pergi berjumpa dengan Puan Purandare dan memberi dia dua biji terung. Beliau meminta sebiji terung itu dimasak Bharit dan sebiji lagi dimasak Kacharya dan memberikannya kepada Baba selepas dia sampai ke Shirdi kelak. Setelah sampai ke Shirdi, Puan Purandare pun membawa masakan tersebut ke Masjid dan kebetulan Baba baharu sahaja hendak makan. Baba mendapati bahawa Bharit sangat sedap lalu

mmbahagikan kepada semua kemudian beliau meminta Kacharya pula. Radha Krishna - Mai telah diberitahu yang Baba mahukan Kacharya. Beliau menjadi bingung sebab waktu itu bukanlah musim terung. Bagaimana hendak mencari terung? Bila pertanyaan diajukan juga kepada orang yang membawa Bharit, barulah mereka mengetahui bahawa Puan Purandare juga telah diarahkan untuk menyediakan Kacharya. Semua orang kini faham kaitan tentang pertanyaan Baba tentang Kacharya dan merasa kagum dengan kebolehan Baba mengetahui segalanya.

Dalam tahun 1915 A.D., seorang lelaki bernama Govind Balaram Mankar ingin hendak pergi ke Shirdi untuk melakukan doa pengkebumian ayahnya. Sebelum dia pergi, dia datang berjumpa dengan En. Tarkhad dan kemudian Pn. Tarkhad ingin mengirim sesuatu untuk Baba. Dia mencari di seluruh rumah tetapi masih tidak menjumpa0i apa - apa pun kecuali Peda, yang telahpun disumbangkan sebagai niavedya. Puan Mankar masih lagi di dalam tempoh berkabung tetapi disebabkan ketaatannya kepada Baba, dia mengirimkan Peda untuknya dengan harapan Baba akan menerima dan memakannya. Govind pergi ke Shirdi dan berjumpa Baba tetapi lupa untuk membawa Peda bersama. Baba hanya menunggu. Tengahari itu, sekali lagi dia berjumpa dengan Baba tanpa membawa Peda. Bab tidak sanggup lagi menunggu lalu bertanya kepadanya, “ Apa yang awak bawa untuk saya? “ “ Tiada “ adalah jawapan yang diberikan. Baba bertanya lagi dan jawapan yang sama diberikan. Kemudaian Baba pun bertanyakan soalan penting, “ Bukankah ibu (Pn. Tarkhad) mengirimkan sedikit bakso manis kepada awak untuk saya semasa awak hendak pergi ke sini? “

Budak itu kemudian tringat segalanya. Dia merasa malu dan memohon maaf dari Baba, berlari balik ke kediamannya lalu membawa Peda dan memberikan kepada Baba. Sebaik sahaja Baba menerima ditangannya, beliau terus memasukkan ke dalam mulut dan menelannya. Begitulah ketaatan Puan Tarkhad dapat di ketahui dan diterimanya. " Sebagaimana orang mempercayai saya, begitulah juga saya menerima " (Gita, 4-11) telah dibuktikan di dalam kes ini.

Baba diberikan Makanan yang Mewah – Bagaimana?

Pada suatu hari Puan Tarkhad telah berada di sebuah rumah di Shirdi. Pada waktu tengahari, makanan sedang disediakan apabila seekor anjing telah datang dan mula menyalak. Puan Tarkhad terus bangun lalu melontarkan sekeping roti kepada anjing tersebut lalu dikunyah dengan penuh selera. Pada waktu tengahari, semasa beliau ke masjid dan duduk di tempat yang berhampiran, Sai Baba berkata kepadanya " Ibu, awak telah memberikan saya makanan yang mewah sehingga ke kerongkong saya. Kehidupan malang (desakan hidup) saya telahpun dipenuhi hari ini.Lakukan ini selalu dan ini akan menjadikan awak seorang yang berguna. Saya tidak akan bercakap bohong di Masjid ini.Kasihanilah saya selalu seperti ini. Mula - mula berikan roti untuk orang yang lapar, kemudian barulah awak makan. Ingat lah ini dengan baik ". Pada mulanya dia tidak dapat memahami maksud kata - kata Baba lalu dia menjawab - " Baba bagaimana saya hendak memberi awak makan? Saya sendiri mengharapkan bantuan orang lain dan terpaksa membayar makanan saya ". Saya masih merasa kenyang dengan makanan yang bagus itu dan masih lagi sendawa. Anjing yang awak nampak dan yang awak berikan roti itu adalah bersatu dengan saya, begitu juga dengan makhluk

yang lain (kuching, khinzir, lalat, lembu dan lain - lain). Saya berjalan - jalan dalam bentuk mereka . Sesiapa yang boleh melihat saya di dalam bentuk makhluk - makhluk ini adalah kekasih saya. Maka jauhilah sikap pilih kasih dan perbezaan dan layan saya seperti yang awak ltelah lakukan tadi “. Kata - kata Baba yang manis itu membuatkan dia merasa terharu, matanya digenangi air mata, kerongkongnya terasa tersekat dan kegembiraannya tidak dapat dibayangkan.

Moral

“ Melihat Tuhan dalam berbagai benda hidup “ adalah moral di dalam bab ini. Upanishad, Geeta dan Bhagwat, semuanya menasihati kita untuk merasa kehadiran Tuhan atau Dewa melalui kesemua makhluk. Sebagaimana contoh yang telah diceritakan pada penghujung bab ini dan juga melalui cerita dari kebanyakan orang. Sai Baba telah mendemonstrasikan kepada kita bagaimana untuk mempraktikkan Upanishadir. Dengan cara ini Sai Baba adalah Pelopor atau Guru Upanishadir yang terbaik.

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua

Bab X

Cara hidup Sai Baba - Cara tidur - tilam - Kehidupan di Shirdi - Pengajarannya -Kerendahan hatinya - Jalan Termudah

Ingatlah Dia (Sai Baba) selalu dengan perasaan sayang, sebab Dia sangat asyik berbuat baik terhadap semua dan selalu menyabarkan dirinya. Hanya dengan mengingatinya boleh menyelesaikan teka - teki kehidupan dan kematian. Inilah Sadhana yang terbaik dan termudah, kerana ia tidak melibatkan perbelanjaan. Sedikit kepayahan akan membawa ganjaran yang besar. Jadi selagi termampu, kita harus mengamalkan Sadhana ini setiap minit. Kesemua Tuhan yang lain adalah menyesatkan. Guru adalah satu - satunya Tuhan. Kalau kita percaya pada kaki suci Guru, dia boleh mengubah nasib menjadi lebih baik. Jika kita melayaninya dengan baik, kita akan mengenepikan Samsar. Kita tidak perlu belajar falsafah seperti Nyaya dan Mimansa. Kalau kita menjadikannya pengemudi, kita akan dengan mudah merentasi lautan kesakitan dan dukacita. Sebagaimana kita percayakan pengemudi kapal untuk merentasi sungai dan lautan, maka kita harus percayakan Sadguru dalam lautan dunia yang penuh cabaran. Sadguru melihat kepada kegigihan perasaan dan kesetiaan para pengikutnya, memberkati mereka dengan ilmu dan kebahagiaan yang berkekalan.

Di dalam bab yang lalu, Baba sebagai peminta sedekah dan pengalaman para pengikut dan subjek lain telah dibincangkan. Sekarang biarkan pembaca mengetahui di mana dan bagaimana Baba hidup, bagaimana dia tidur, bagaimana dia mengajar dan lain - lain.

Katil Baba yang menarik -Tilam

Mari kita lihat di mana dan bagaimana Baba tidur. En. Nanasehab Dengale telah membawakan papan kayu untuk Sai Baba tidur yang berukuran 4 hasta panjang dan hanya sejengkal lebar. Baba tidak meletakkannya di lantai sebaliknya mengikat papan itu ke gelegar Masjid menggunakan kain yang koyak - rabak dan mulai tidur di situ. Masalahnya kain itu terlalu nipis dan buruk jadi bagaiman ia hendak menampung berat papan itu apalagi berat badan Baba. Namun, mungkin Leela Baba yang membolehkan kain itu mampu menanggung berat papan dan Baba di atasnya. Di keempat - empat sudut papan itu, baba menyalakan panatis (lampu tanah), satu di setiap sudut dan membiarkannya menyala sepanjang malam. Ia adalah seperti melihat Tuhan apabila melihat Baba duduk atau tidur di atas papan itu. Semua tertanya - tanya bagaimana Baba

naik dan turun dari papan tersebut. Disebabkan rasa ingin tahu, ramai yang memerhati dengan teliti proses naik dan turun itu tetapi tiada yang berjaya. Oleh kerana bertambahnya jumlah merka yang hendak mengetahui keadaan yang istimewa ini, maka suatu hari Baba telah memecahkan papan tersebut dan membuangnya. Baba mempunyai kesemua lapan Siddhi (power) di dalam arahannya. Beliau tidak pernah mengamal atau menginginkannya. Ianya datang sendiri disebabkan oleh kesempurnaannya.

Manifestasi Sagun untuk Brahman

Walaupun Baba kelihatan seperti seorang lelaki, tiga hasta setengah panjang, dia tetap sentiasa berada di dalm hati semua orang. Dalamannya tidak disentuh dan berbeza tetapi luarannya pula merindui kebajikan dari orang ramai. Pada luarannya

kelihatan penuh dengan keinginan demi untuk para pengikutnya manakala dalamannya pula penuh ketenangan. Luarannya nampak keletihan. Dalamannya umpamakan Brahman, luaran dia berlagak sepeti orang jahat. Dalamannya, dia mencintai Adwaita (Gabungan atau Satu), luaran dia terlibat dengan dunia. Kadangkala dia melihat semua dengan penuh kasih sayang, kadangkala melontar batu kepada mereka, kadangkala juga memarahi mereka dan ada masanya memeluk mereka dan begitu tenang, sabar, bertoleransi dan munasabah. Dia sentiasa berpegang pada janji dan khusyuk dan bersikap baik tehadap para Bakti. Dia sentiaa duduk di atas sebuah Asan dan tidak pernah merantau. Tongkatnya adalah kayu yang kecil yang sentiasa di tangannya. Beliau juga sentiasa tenang tanpa memikirkan apa - apa. Dia tidak pernah memikirkan tentang kekayaan dan nama malah hidup dengan mengemis.

Begitulah kehidupan beliau. Beliau sentiasa menyebut ‘ Allah Malik ‘ (Tuhan Pemilik Sebenar). Kasih sayangnya terhadap para Bakti tidak pernah menebal dan tidak pernah pudar. Beliau adalah lombong atau gedung simpanan untuk ilmu pengetahuan dan penuh dengan kebahagiaan yang berkekalan. Beginilah sikap kesucian Sai Baba, tiada batasan, tiada berpenghujung dan tidak pilih kasih. Satu prinsip yang merangkumi seluruh cakerawala, (Dari tiang batu ke Brahma) menjelma dalam Sai Baba. Mereka yang benar - benar bekerja keras dan bertuah mereka seolah - olah akan mendapat peti yang berisi harta karun ditangan mereka. Manakala mereka yang tidak mengetahui kepentingan Sai Baba hanya menganggap beliau seorang lelaki, manusia biasa dan sentiasa berada di dalam kekusutan.

Kehidupannya di Shirdi dan Kemungkinan Tarikh lahir Tiada yang mengetahui atau tahu siapa ibubapa dan tarikh lahir sebenar Sai Baba tetapi ia mungkin dapat diagak melaui tempoh beliau tinggal di Shirdi. Baba mula - mula tiba ke Shirdi semasa beliau masih lagi remaja yang berusia enam belas tahun dan tinggal di sana selama tiga tahun. Kemudian tiba - tiba dia

menghilangkan diri untuk seketika. Selepas beberapa ketika, beliau muncul di Bandar Nizam yang berhampiran dengan Aurangabad, kemudian datang semula ke Shirdi dengan rombongan perkahwinan Chand Patil. Ketika itu dia berusia dua puluh tahun. Semenjak itu beliau terus menetap di Shirdi selama enam puluh tahun iaitu sehingga beliau meninggal dunia dalam tahun 1918. Dari sini kita dapat simpulkan bahawa Baba dilahirkan pada tahun 1838 A. D.

Misi dan Nasihat Baba

Orang keramat Ramadas (1608 - 1681) berkembang dalam abad ke-17 dan berjaya menyelesaikan dengan baik misinya untuk melindungi lembu dan Brahmin daripada penganut Yavana (penganut Mohamedan) tetapi di dalam dua abad selepas beliau, berlaku perpecahan di antara kedua - dua komuniti tersebut - Penganut Hindu dan Mohamedan berkembang semula dan Sai Baba datang untuk merapatkan semula hubungan mereka. Nasihat yang selalu diberikan kepada semua adalah begini. “ Rama (Tuhan untuk penganut Hindu) dan Rahim (Tuhan untuk penganut Mohamedan) adalah satu dan sama. Tidak ada perbezaan sedikitpun perbezaan di antara mreeka jadi kenapa para pengikutnya harus bergaduh sesama sendiri? Kamu, orang - orang yang jahil, anak - anak, berpegang tanganlah dan bawa kedua - dua

komuniti bersama, betindaklah secara waras supaya kamu akan dapat mencapai objek kesatuan nasional. Adalah tidak elok bertelagah dan bertengkar. Jadi jangan bertengkar dan jangan mencontohi yang lain. Hendaklah mempertimbangkan minat dan kebajikan. Tuhan akan melindungi kamu. Yoga, pengorbanan. bertapa dan ilmu adalah cara untuk mendekatkan diri dengan Tuhan. Jika anda tidak berjaya di dalam ini maka ianya sangatlah tidak berguna. Jika sesorang melakukan sesuatu yang kejam kepada anda jangan membalas dendam. Jika anda mampu berbuat sesuatu, buatlah yang baik untuk orang lain “. Ini adalah nasihat pendek dari Sai baba untuk semua dan ini akan berguna untuk digunakan di dalam masalah material dan spiritual.

Sai Baba sebagai Sadguru

Terdapat banyak Guru. Ada yang menggelar diri mereka Guru yang pergi dari rumah ke rumah dengan membawa canang dan veena di tangan mereka. Mereka membaca mantera ke telinga murid - murid dan mengutip wang dari mereka. Mereka kononnya mengajar tentang ketakwaan dan agama kepada muridnya tetapi adakah mereka sendiri beriman dan tidak beragama. Sai Baba tidak pernah menunjuk - nunjuk ketaqwaan dirinya. Beliau tidak memiliki kesedaran mengenai keperluan badannya tetapi sangat menyayangi muridnya. Terdapat dua jenis Guru (1) ‘ Niat ‘ (dilantik atau ditetapkan) dan (2) ‘ Aniyat ‘ (tidak dilantik atau umum). Mereka yang menjadi Guru tanpa niat, akan menambahkan sifat baik pada diri kita, hati yang ikhlas dan membawa kita ke arah kebajikan sekiranya nasihat mereka diamalkan. Manakala jika

berhubungan dengan Guru yang dengan niat, maka ini akan menghapuskan kualiti diri kita(rasa perbezaan), dan juga

melibatkan persatuan dengan menyedarkan kita tentang “ Thou art that “. Terdapat banyak Guru yang memberikan kita berbagai jenis ilmu keduniaan tetapi yang akan menetapkan kita kepada asal semulajadi (diri sendiri) dan membawa kita merentasi kewujudan dunia penuh pancaroba ini adalah Sadguru. Sai Baba adalah Sadguru. Kehebatannya sukar untuk diterangkan. Jika sesiapa pergi mengambil darshananya, dia tanpa ditanya akan menceritakan dengan lengkap sejarah lamanya , sekarang dan akan datang. Dia melihat semua sebagai Dewa. Kawan atau lawan semuanya sama baginya. Beliau yang sangat seimbang dan tidak terpengaruh, mempunyai kewajiban yang harus dilakukan kepada mereka yang bersikap jahat.Begitu juga di dalam kemakmuran dan kesengsaraan. Beliau tidak pernah merasa ragu - ragu. Sebagai seorang manusia, dia tidak sedikitpun tertarik dengan badannya ataupun rumah.Walaupun mempunyai badan tapi tidak memilikinya, seolah - olah bebas dari segalanya.

Penduduk Shirdi yang memuja Sai sebagai Tuhan adalah dirahmati. Walaupun semasa sedang makan, minum, bekerja di belakang rumah atau di halaman dan membuat pelbagai keja rumah, mereka tetap mengingati Said dan kemuliaannya. Mereka tahu tiada Tuhan selain Sai. Apa yang hendak dicakap tentang cinta,kemanisan cinta wanita di Shirdi! Mereka juga penting tetapi cinta sejati mereka memberi mereka inspirasi untuk menulis sajak atau lagu menggunakan bahasa kampung yang mudah. Walaupun mereka tidak pernah belajar namun masih dapat dikesan sajak yang mudah melaluai lagu mereka. Ianya tidak dikarang dengan begitu bijak tetapi perasaan cinta memberi inspirasi kepada sajak yang sebenar. Sajak sebenar adalah manifestasi untuk cinta sejati dan hanya pendengar yang bijak yang dapat mengenal dan menghargainya. Koleksi lagi - lagu rakyat sangatlah diperlukan dan

dengan izin Baba, beberapa orang pengikut yang bertuah dibenarkan menjalankan tugas mengumpul dan menerbitkan lagu - lagu rakyat, samada di dalam Sai Leela atau melalui buku lain.

Kerendahan hati Baba

Tuhan atau Bhagwan dikatakan mempunyai enam kualiti iaitu (1) Nama, (2) kekayaan, (3) Tiada ikatan, (4) ilmu pengetahuan, (5) Kehebatan dan (6) Pemurah. Baba memiliki kesemua ini. Dia menjelma sebagai manusia demi untuk para Bakti. Kelembutan dan kebaikanya sangat mengkagumkan! Demi untuk para pengikutnya, Baba mengucapkan kata - kata yang tidak berani diucapkan oleh Goddness of Speech. Ini adalah contohnya. Dengan merendah diri, Baba mengucapkan seperti berikut:- “ Hamba kepada semua hamba saya seorang yang berdosa,saya berpuas hati dengan darshan awak. Melihat kaki awak adalah satu kurniaan yang hebat. Saya adalah serangga di dalam najis

awak. Saya menganggap diri saya dirahmati “. Sungguh merendah diri? Sekiranya dengan menerbitkan ini, akan ada yang hilang hormat kepada Sai, kami memohon maaf dan untuk menebus kesalahan in kami akan menyanyi dan meratib nama Baba.

Walaupun pada luarannya Baba nampak seperti menikmati derianya namun beliau sebenarnya sedikitpun tidak mempunyai citarasa ataupun keinginan untuk menikmatinya. Walaupun beliau makan tapi tidak dapat merasa makanannya dan walaupun dia dapat melihat tapi tidak pernah berminat dengan apa yang dilihatnya. Berkaitan dengan nafsu, beliau lelaki bujang yang sempurna seperti Hanuman. Dia tidak terikat pada apa - apa pun. Beliau adalah kesedaran yang tulin, tempat berehat bagi keinginan, kemarahan dan perasaan - perasaan yang lain. Secara ringkasnya,

Dia tidak mempunyai keinginan, bebas dan sempurna. Contoh yang jelas mungkin diperlukan untuk menjelaskan kenyataan ini.

Nanavalli

Terdapat seorang lelaki yang pelik dan aneh di Shirdi yang bernama Nanavalli. Dia memerhati kerja dan urusan Baba. Pada suatu hari, dia menghampiri Baba yang sedang duduk di Gadi (tempat duduk) nya dan menyuruh Baba bangun sebab dia hendak duduk di situ. Baba dengan segera bangun dan lelaki itu terus duduk di situ. Selepas duduk di situ untuk beberapa ketika, Nanavalli bangun dan menyuruh Baba duduk semula di tempat duduknya. Baba duduk semula dan Nanavalli meniarap di kakinya kemudian berlalu pergi. Baba sedikitpun tidak tersinggung bila di arah dan diusir.

Nanavalli sanagt menyayangi Baba sehinggakan beliau turut meninggal dunia pada hari ketiga belas Baba bersemadi.

Jalan Mudah

Mendengar ceria - cerita tentang oran - orang keramat dan bergaul bersama mereka:

Walaupun pada luarannya Baba seperti seorang lelaki biasa, perbuatannya menunjukkan kebijaksanaan dan kemahiran yang sungguh luar biasa. Apa saja yang dilakukannya adalah demi untuk para pengikutnya. Dia tidak pernah menulis apa - apa asan, peraturan pernafasan atau tatacara kepada para Baktinya. Beliau juga tidak meniup mantera ke telinga mereka, Beliau menyuruh mereka jangan berlagak pandai dan harus selalu ingat “Sai “ “Sai “. Belia memberitahu, “ Sekiranya anda berbuat demikian, semua

gari akan dibuka dan anda akan bebas “. Duduk di antara lima api, pengorbanan, berzikir, lapan

teknik yoga hanya untuk Brahmin sahaja. Ia tidak diperlukan oleh kelas yang lain. Fungsi minda adalah untuk berfikir, ia tidak akan diam walau seminitpun tanpa berfikir. Kalau ia diberi sesuatu objek untuk di rasa, ia akan memikirkan tentangnya. Kalau diberikan kepada Guru, ia akan berfikir tentang Guru. Anda telah mendengar dengan penuh perhatian, keagungan dan kebesaran Sai. Ini adalah kenang - kenangan yang biasa, pemujaan dan lagu tentang Sai. Mendengar cerita tentang Sai tidaklah susah, seperti yang disebutkan di atas oleh Sadhana yang lain. Semua cerita itu menghilangkan ketakutan terhadap Samsar (kewujudan dunia penuh pancaroba), dan menunjukkan anda ke jalan yang spiritual. Maka dengarlah tentang cerita ini, bermeditasi lah untuknya dan cuba memahaminya. Jika ini dilakukan, bukan sahaja Brahmin malahan wanita dan mereka yang bertaraf rendah juga akan menjadi tulin dan suci. Anda boleh membuat kerja anda atau menjalankan tanggungjawab di dunia ini tetapi serahkan minda anda kepada Sai dan ceritannya. Sudah pasti dia akan merahmati anda. Ini adalah jalan yang mudah tapi kenapa tidak semua melakukannya? Jawapannya adalah tanpa restu dari Tuhan, kita tidak akan berminat untuk mendengar cerita orang - orang keramat ini. Dengan restu Tuhan segalanya berjalan lancar dan mudah. Dengan mendengar cerita orang - orang Keramat seolah - olah kita sedang begaul dngan mereka. Kepentingan bergaul dengan orang - orang Keramat ini adalah sangat hebat. Ia akan menghilangkan kesedaran tentang badan dan keegoaan, memusnahkan sepenuhnya rantai tentang kelahiran dan kematian, melukakan dan menghancurkan simpulan di hati dan membawa kita kepaa Tuhan yang benar - benar memiliki kesedaran. Ia pasti

akan meningkatkan ketidakakraban kepada deria dan membuatkan kita merasa sedikit perbezaan tentang keseronokan dan kesakitan lantas menunjukkan kita ke jalan yang spiritual. Jika anda tidak ada Sadhana lain seperti menyebut nama Tuhan, pemujaan atau kesetiaan dan lain - lain, tetapi jika anda menyerahkan diri kepada mereka (orang - orang keramat) dengan sepenuh hati, mereka akan menyelamatkan anda dari kewujudan dunia yang penuh pancaroba ini. Inilah sebab untuk orang Keramat memanifestasikan diri mereka di dunia ini walaupun di dalam sungai suci seperti Ganges, Godavari, Krishna. Kaveri dan lain - lain yang membersihkan dosa manusia di dunia ini, membuatkan orang - orang keramat ini datang untuk mandi dan menyucikan diri mereka. Itulah kehebatan orang - orang Keramat. Adalah disebabkan kebaikan yang dilakukan pada kelahiran lepas menyebabkan kita boleh mencapai kaki Sai Baba.

Kita mengakhiri bab ini dengan menerangkan meditasi cara Sai. Dia, Sai yang kacak dan tampan, di tepi Masjid sambil membahagikan Udi kepada setiap seorang Bakti, dengan memikirkan kebajikannya. Dia yang memikirkan bahawa dunia ini kosong dan dia yang asyik dalam kebahagiaan yang agung - di hadapannya - dengan rendah diri meniarap di kakinya .

Penghormatan Untuk Sri Sai – Sejahtera Untuk Semua

Bab XI

Sai sebagai Sagun Brahman - Pemujaan Dr. Pandit - Haji Sidek Falke - Kawalan ke atas Elemen - elemen

Mari kita menerangkan manifestasi (Sagun) Sai Brahman. Bagaimana dia dipuja dan bagaimana dia mengawal elemen-elemen.

Sai sebagai Sagun Brahman

Terdapat dua aspek Tuhan dan Brahman: (1) Bukan manifestasi (Nirgun) dan (2) Manifestasi (Sagun). Nirgun adalah tanpa bentuk, manakala Sagun pula mempunyai bentuk dan kedua - duanya melambangkan Brahman. Sesetengah lebih memilih untuk memuja Nirgun dan sesetengah pula memilih Sagun. Sebagaiman yang telah dinytakan di dalam Gita (bab XII) pemujaan Sagun lebih mudah dan lebih baik. Oleh kerana seorang lelaki mempunyai bentuk (badan,deria, dan lain - lain), maka ianya biasa dan lebih mudah untuknya memuja Tuhan dengan bentuk. Cinta dan kesetiaan kita tidak akan meningkat keuali jika kita memuja Sagun Brahman untuk jangka maa tertentu dan setelah kita mencapai progres, ia akan membawa kita kepada pemujaan (bertafakur) untuk Nirgun Brahman. Mari kita mulakan dengan pemujaan Sagun. Imej, altar. api, matahari, air dan Brahman adalah tujuh objek untuk pemujaan tetapi Sadguru adalah yang tebaik daripada semua ini. Di dalam kesempatan ini, mari kita bawa ke minda kita bentuk Sai, penjelmaan yang tanpa pertalian, tempat berehat bagi para pengikutnya. Keyakinan kita terhadap perkataannya adalah tempat duduk Asan dan Sankalpa (azam untuk memulakan dan

menghabiskan Puja) kita adalah pembuangan untuk semua keinginan. Sesetengah orang mengatakan bahawa Sai adalah Bhagwad - bhakta (pengikut Tuhan), ada pula mengatakan beliau adalah Maha - Bhagwat (pengikut yang hebat) tetapi kepada kami beliau adalah Penjelmaan Tuhan. Beliau amat pemaaf, tidak cepat marah, lurus, lembut, bertoleransi dan ketenangan tanpa bandingan. Walaupun dia mempunyai badan (mempunyai bentuk), dia seperti tidak mempunyai badan, tanpa emosi, tiada pertalian dan dalaman yang bebas. Sungai Ganges mengalir ke laut, menyejuk dan menyegarkan makhluk yang terkena haba, membantu pokok dan tumbuhan untuk hidup dan menghilangkan dahaga. Samalah juga dengan Orang - orang keramat (jiwa) macam Sai, semasa mereka menjalani kehidupan mereka, memberi ketenangan dan keselesaan kepada semua. Tuhan Krishna telah berkata yang ‘ orang Keramat itu adalah Jiwa saya, imej kehidupan saya. Saya adalah Dia dan Dia adalah bentuk (manusia) Saya yang tulin ‘. Ini adalah Shakti yang digambarkan atau Kuasa Tuhan, dikenali sebagai Kewujudan bersih, Ilmu

pengetahuan dan Kebahagiaan, penjelmaan dalam bentuk Sai di Shirdi. Shruti (Taitiriya Upanishad) menerangkan Brahman adalah Kebahagiaan. Ini yang kita baca atau dengar setiap hari di buku - buku, tetapi mereka yang beriman mengalami Brahman dan Kebahagiaan i ni di Shirdi. Baba yang merupakan pembantu untuk semua tidak memerlukan sangga atau bantuan (Asan) dari sesiapa pun. Dia sentiasa menggunakan kain guni sebagai tempat duduknya, yang dilindungi dengan sebuah katil kecil oleh para baktinya dan guling juga diletakkan di situ untuk merehatkan belakangnya. Baba menghormati perasaan para pengikutnya terhadapnya dan mengizinkan mereka untuk memuja mengikut cara masing - masing. Ada yang Chamara atau mengipasnya, ada

pula yang membasuh tangan dan kakinya, yang lain pula menyapu pewangi, ada yang memberi sirih dan pinang dan barang lain, ada pula yang memberi Naivedya. Walaupun dia ada di Shirdi, dia hadir di mana - mana. Keadaan kemunculannya di mana - mana ini dialami oleh para pengikutnya setiap hari. Dengan rendah diri kami meniarap tanda penghormatan kepada Sadguru yang boleh muncul di mana - mana ini.

Pemujaan Dr.Pandit

Dr. Pandit, sahabat kepada Tatyasaheb Noolkar, telah datang ke Shirdi untuk darshana Baba. Selepas memberi salam kepada Baba, dia tinggal di Masjid untuk sementara waktu. Baba menyuruhnya pergi berjumpa Dadabhat Kelkar. Dia pergi kepada Dadabhat dan telah diterima dengan baik. Kemudian Dadabhat meninggalkan rumahnya untuk melakukan Puja dengan ditemani oleh Dr. Pandit, Dadabhat memuja Baba. Tiada ada sesiapa yang berani menyapukan pes sandal ke dahi baba.

Hanya Mhalsapati yang pernah menyapukan ke lehernya. Namun, Dr. Pandit yang alim ini, mengambil dulang yang berisi perkakasan untuk Puja dan mengambil pes sandal, melukis Tripundra iaitu garis melintang di dahi Baba. Agak memeranjatkan semua orang apabila Baba hanya senyap tanpa mengeluarkan sepatah kata pun. Pada malamnya, Dadabhat bertanya kepada Baba, “ Kenapa anda menolak jika orang hendak meletakkan pes sandal ke dahi anda sebelum ni, tetapi membiarkan Dr, Pandit melakukannya sekarang? “ Baba memberitahu bahawa Dr. Pandit menganggap beliau sama seperti Gurunya, Raghunath Maharaja dari Dhopeshwar, dikenali sebagai Kaka Puranik dan dia menyapu pes ke dahi Baba seolah - olah dia sedang melakukan untuk Gurunya.

Disebabkan itulah dia tidak menolaknya. Apabila ditanya, Dadabhat menberitahu bahawa dia menganggap Baba sebagai Gurunya sebab itu dia menandakan Tripundra ke dahi Baba seperti dia lakukan di dahi Gurunya. Walaupun Baba membenarkan para pengikutnya memujanya mengikut cara masing - masing, namun ada ketikanya, dia akan berkelakuan aneh.

Kadangkala, beliau akan melontar dulang Puja dan menjadi marah jadi siapa

yang berani untuk menghampirinya? Ada ketikanya beliau memarahi para pengikut, kadang - kadang nampak lembut dan kadang - kadang seperti ragu - ragu, arca ketenangan dan kemaafan. Walaupun dia nampak macam mengigil kemarahan dan matanya merah berpusing - pusing namun di dalam dirinya masih mengalir perasaan kasih sayang umpamakan seorang ibu. Dengan segera beliau memanggil para pengikutnya dan mengatakan, dia akan memarahi para pengiikutnya, jika si ibu memukul anaknya, kalau laut kembali ke sungai, dia tidak akan mempedulikan kebajikan para pengikutnya: Dia hamba kepada para pengikutnya, sentiasa mempertahankan mereka dan memberi respon setiap kali mereka memanggilnya, dan dia akan sentiasa merindui kasih saying mereka. Haji Sidik Falke Tidak diketahui bila Baba akan menerima pengikut. Ianya bergantung kepada citarasanya. Kisah Sidik Falke adalah contohnya. Seorang penganut Mohamedan yang bernama Sidik Falke dari Kalyan, telah datang ke Shirdi selepas mengerjakan haji ke Mekah dan Madinah. Dia tinggal di Chavadi , menghadap utara dan duduk di halaman Masjid. Selama sembilan bulan Baba tidak mempedulikannya dan tidak membenarkannya masuk ke Masjid. Falke merasa sangat kecewa dan tidak tahu

untuk berbuat apa. Seseorang menasihatinya supaya tidak merasa kecewa, sebaliknya cuba menghampiri Baba melalui Shama (Madhavrao Deshpande), pengikut Baba yang paling rapat dan akrab. Dia memberitahunya apabila mereka menghampiri Tuhan Shiva melalui pembantu dan pengikutnya, Nandi, jadi Baba perlu dihampiri melalui Shama. Falke sukakan idea tersebut lalu memohon pada Shama untuk menjadi perantara bagi dia. Shama bersetuju dan pada kesempatan yang baik telah bercakap dengan Baba tentang dia begini:- “ Baba kenapa anda tidak membenarkan Haji yang tua itu untuk masuk ke Masjid, sedangkan orang lain bebas keluar masuk, selepas mendapat darshan anda; kenapa tidak merahmatinya sekurang - kurangnya sekali? “ Baba menjawab, “Shama, awak terlalu muda untuk memahami perkara ini. Kalau Fakir (Allah) tidak mengizinkan, apa yang dapat saya lakukan? Tanpa izinNya siapa yang akan masuk ke Masjid? Sekarang pergi kepada dia dan tanya samada dia sanggup pergi ke jalan sempit berdekatan dengan telaga Barvi “. Shama pergi dan kembali dengan jawapan yang pasti. Baba berkata kepada Shama, “ Tanya dia samada dia sanggup membayar saya duit berjumlah Rs. 40,000/- dengan empat kali bayaran “. Shama pergi dan kembali dengan memberitahu bahawa dia malah sanggup membayar sebanyak 40 lacs. Baba berkata lagi kepada Shama, “ Kami akan menyembelih kambing di Masjid,jadi tanya pada dia samada dia mahu makan kambing biri - biri, daging paha atau biji kemaluan kambing “. Shama pergi dan kembali dengan memberitahu jawapan bahawa dia akan merasa gembira untuk menerima cebisan kecil dari kolamba (belanga tanah liat) milik Baba. Mendengar ini Baba menjadi gembira dan membuang baling

dan kolamba yang diperbuat dari tanah lalu terus pergi menemui Haji. Beliau mengangkat Kafninya dan berkata, “ Kenapa awak

bermegah - megah dan menunjuk - nunjuk yang awak hebat dan berlagak sebagai seorang Haji yang tua? Adakah awak membaca Al-quran seperti ini? Awak berbangga dengan penziarahan awak ke Mekah tetapi awak tidak mengenali saya “. Haji merasa malu apabila dimarahi. Baba kemudian kembali ke Masjid, membeli beberapa biji buah mangga dan menghantarnya kepada Haji. Kemudian sekali lagi Baba berjumpa dengan Haji dan mengambil duit Rs. 55/- dari poketnyadan memberikan kepada Haji. Sejak hari itu, Baba sayangkan Haji, menjemputnya makan. Akhirnya, Haji dibenarkan datang ke Masjid paa bila - bila masa sahaja. Kadangkala Baba memberinya wang dan itu bermakna Haji telah tersenarai di dalam Darbar Baba.

Pengawalan Baba ke atas Elemen - elemen

Kita akan menutup bab ini selepas menceritakan tentang dua insiden yang menunjukkan pengawalan Baba terhadap elemem - elemen tersebut. (1) Pada suatu malam, ribut yang kuat telah berlaku di Shirdi. Langit diselubungi oleh awan hitam yang pekat. Angin mula bertiup kencang, guntur serta kilat mula memancar dan hujan mulai turun dengan lebatnya. Dalam sekelip mata keseluruhan tempat itu dibanjiri oleh air. Kesemua makhluk seperti burung, haiwan, dan manusia menjadi amat takut dan mereka semua berkumpul di Masjid untuk berlindung. Terdapat banyak dewa - dewi di Shirdi tetapi tidak satupun yang datang membantu mereka. Maka mereka semua pun berdoa pada Baba - Tuhan mereka, yang gembira dengan kesetiaan mereka, untuk menjadi perantara dan menenangkan ribut. Baba merasa sungguh terharu. Beliau keluar dan berdiri di sudut Masjid, menyapa ribut dengan suara umpama guruh - “ Berhenti, hentikan kemarahanmu dan bertenang “. Dalam beberapa minit kemudian hujan pun

berhenti. Bulan mula menyinar di langit dan orang - orang juga balik ke rumah maing - masing dengan rasa senang hati. (2) Pada kejadian lain pula,iaitu pada waktu tengahari, api mula membakar di dalam Dhuni. Nyalaan api tersebut mencapai hingga kepuncak atap. Mereka yang duduk di dalam Masjid tidak tahu untuk berbuat apa. Meraka tidak berani untuk menyuruh Baba menuang air atau membuat sesuatu untuk memadam apai tersebut. Namun Baba akhirnya mengetahui apa yang sedang berlaku. Dia mengambil Satka (kayu pendek) dan menghempasnya ke tiang depan, sambil berkata, " Turun ke bawah, bertenanglah ". Setiap kali beliau menghempaskan Satka, api mula menjadi kecil dan perlahan. Dalam beberapa miinit kemudian Dhuni mula menjadi tenang dan normal.

Ini Sai kita, penjelmaan Tuhan.Dia akan merahmati mana - mana lelaki yang meniarap di kakinya dan menyerah diri kepadanya. Sesiapa yang membaca bab ini setiap hari dengan penuh keyakinan dan kesetiaan, kelak dia akan bebas dari

masalah, malahan bukan itu sahaja, jika dia sentiasa rapat dan setia kepada Sai, dia akan mendapat visi Tuhan kelak,semua impiannya akan tercapai dan sesiapa yang tidak mempunyai keinginan akan mencapai keagungan. Amin! Penghormatan Untuk Sai – Sejahtera Untuk Semua

Bab XII

Leela Sai - Pengalaman (1) Kaka Mahajani - (2) Dhumal Pleader - (3) Puan Nimonkar - (4) Moolay Shastri - (5) Seorang Doktor

Mari kita lihat bagaimana Para Pengikut diterima oleh Baba di dalam bab ini. Misi Orang – Orang Keramat Kita telah nampak sebelum ini bahawa penjelmaan abadi ini adalah untuk melindungi yang baik dan memusnahkan yang jahat. Bagi mereka yang jahat ataupun yang baik adalah sama sahaja. Mula - mula mereka akan melihat mereka yang berbuat jahat dan mengembalikan mereka semula ke jalan yang betul. Merka adalah seperti Agasti untuk memusnahkan Bhava Sagar (lautan yang mencabar) atau seperti matahari menghilangkan kegelapan. Tuhan bersemayam di dalam diri orang - orang Keramat. Sebenarnya mereka tidak berbeza darinya. Sai kita adalah seorang daripada ini, yang menjelma untuk kebajikan para pengikutnya, keagungan dalam ilmu pengetahuan dan dikelilingi oleh cahaya suci. Beliau menyayangi semua manusia sama rata. Beliau tiada ikatan. Musuh atau kawan, raja atau orang miskin sama saja baginya. Lihat pula pada kuasanya. Demi untuk para pengikutnya beliau menggunakan segala kebaikannya dan sentiasa bersedia untuk membantu mereka. Namun para pengikut tidak akan dapat menghampirinya kecuali jika beliau mahu menerima mereka. Kalau masa mereka belum tiba, Baba tidak akan dapat mengingati mereka dan Leelanya tidak dapat sampai ke telinga mreka. Jadi bagaimana untuk mereka berjumpa dengan beliau? Sesetengah orang berimpian untuk berjumpa dengan Baba tetapi tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan darshannya sehinggalah

beliau meninggal dunia. Terdapat banyak mereka yang ingin berjumpa darshan Baba tetapi tidak bepeluang. Jika mereka ini percayakan beliau, mendengar Leelanya, permintaan mereka untuk susu (darshan) akan dipenuhi dengan mentega susu (Leela). Sekiranya seseorang datang ke sana dengan harapan tipis dan mendapat darshan Baba, adakah mereka dapat berada di sana lama? Tidak. Tidak ada sesiapa pergi ke sana atas kemahuan sendiri dan tidak ada sesiapa yang dapat tinggal lama di sana walaupun mereka menginginkannya. Mereka hanya dapat tinggal di sana dengan keizinan Baba

dan terpaksa meninggalkan tempat itu jika diminta berbuat demikian. Jadi semuanya terletak kepada keputusan Baba.

Kala Mahajani

Pada suatu hari Kaka Mahajani telah pergi ke Shirdi dari Bombay. Dia berhasrat untuk tinggal di situ selama seminggu dan menikmati Festival Gokul - Ashtami. Sebaik sahaja dia mendapat darshan Baba, Baba bertanya kepaanya - “ Bila awak akan pulang? “ Dia agak terperanjat dengan soalan itu tapi dia terpaksa menjawab soalan itu. Dia memberitahu bahawa dia akan pergi jika Baba menyuruhnya berbuat demikian. Kemudian Baba pun berkata - “ Baliklah esok hari “. Kata - kata Baba umpamakan arahan dan perlu dipatuhi. Kak Mahajani akhirnya terpaksa meninggalkan Shirdi dengan segera. Bila dia pergi ke pejabatnya di Bombay, dia mendapati pekerjanya sedang teruja menanti kedatangannya. Pengurusnya yang brenama Munim tiba - tiba demam, maka kehadiran Kaka sangat diperlukan. Dia telah menghantar surat untuk Kaka ke Shirdi yang telah telah dihantar semula ke Bombay.

Bhausaheb Dhumal

Sekarang dengar pula cerita sebaliknya. Suatu hari, Bhausaheb Dhumal, seorang peguambela telah pergi ke Niphad untuk menyelesai satu kes. Di dalam perjalanan, dia singgah ke Shirdi, mengambil darshan Baba dan berniat untuk meneruskan perjalanan ke Niphad dengan segera tetapi Baba tidak membenarkan. Baba menyuruh dia tinggal dulu di Shirdi untuk seminggu atau lebih. Sementara itu Magistret di Niphad sedang menghadapi sakit di bahagian abdomennya menyebabkan kes terpaksa ditangguhkan. En. Dhumal kemudian dibenarkan untuk pergi menghadiri kesnya. Ianya berlanjutan sehingga beberapa bulan dan telah dicuba oleh empat orang Magistret. Akhirnya En. Dhumal telah memenangi kes tersebut dan kliennya dibebaskan.

Puan Nimonkar

En. Nanasaheb Nimonkar, Watandar dari Nomon dan Magistret Kehormat telah datang ke Shirdi bersama - sama isterinya. En. Nimonkar dan Puan Nimonkar telah menghabiskan kebanyakan masa mereka di Masjid dengan Baba dan melayaninya. Secara kebetulan anak lelaki mereka sedang sakit di Belapur dan si ibu mengambil keputusan untuk pergi ke Belapur, dengan izin Baba, dan menemui anaknya serta kaum keluarganya. Dia juga bercadang untuk tinggal di sana untuk beberapa hari tetapi En. Nanasaheb menyuruh dia balik pada keesokan harinya. Wanita itu berada di dalam keadaan serba - salah dan tidak tahu apa yang hendak buat tetapi Tuhan Sainya telah datang memberikan bantuan. Semas hengak meninggalkan Shirdi, dia telah berjumpa Baba yang

sedang berdiri di hadapan wada Sathe bersama dengan En. Nanasaheb dan yang lain - lain. Dia meniarap di kaki Baba dan memohon keizinan untuk pergi. Baba berkata kepadanya, “Pergi, pergi dengan cepat, betenanglah dan jangan risau. Tinggallah di Belapur untuk empat hari. Berjumpalah dengan semua kaum keluarga awak dan kemudian kembalilah ke Shirdi “. Betapa baiknya kata - kata Baba! Permintaan En. Nanasehab telah ditolak oleh arahan Baba.

Moolay Shastri dari Nasik

Seorang Agnihotri Brahmin yang kolot dari Nasik yang bernama Moolay Shastri, yang telah mempelajari enam Shastra dan mahir di dalam astrologi dan palmistry, suatu hari telah datang ke Shirdi untuk berjumpa En. Bapusaheb Booty, jutawan yang terkenal di Nagpur. Selepas menemui beliau, dia dan yang lain - lain pergi ke Masjid untuk berjumpa Baba. Baba membeli bermacam - macam buah - buahan dan barang - barang lain dari penjaja dengan duitnya sendiri lalu membahagikan kepada mereka yang hadir di Masjid. Baba biasanya akan memicit buah mangga dari semua sudut dengan mahir sekali dan sesiapa menerimanya dari Baba akan menghisapnya. Dia akan mendapat jusnya terus ke dalam mulutnya dan boleh membuang biji dan kulit mangga tersebut. Pisang raja akan dibuang kulit oleh Baba dan isinya akan dibahagikan kepada para pengikutnya, manakala kulit akan disimpan oleh Baba sendiri. Mooray Shastri, sebagai palmistry, ingin untuk menilik tapak tangan Baba lalu meminta Baba menghulurkan tangannya. Baba mengabaikan permintaannya dan memberikan empat biji pisang raja kepadanya. Kemudian, mereka semua kembali ke Wada dan Moolay Shastri pun mandi, mengenakan pakaian suci lalu memulakan rutin hariannya iaitu

Agnihotra dan lain - lain. Kemudian seperti bias Baba juga mula melakukan Lendi dan berkata, “ Ambilkan sedikit Geru (benda merah yang berlumpur, untuk mewarnakan baju - baju bewarna kuning jingga). Kita akan memakai baju bewarna merah jingga. Tiada yang faham dengan apa yang dimaksudkan oleh Baba. Selepas beberapa ketika apabila Baba balik dan persediaan untuk Arti tengahari sudah disediakan, Bapusaheb Jog bertanya kepada Moolay Shastri samada dia mahu menemaninya untuk Arti. Dia memberitahu yang dia hendak menemui Baba pada waktu tengahari nanti. Tidak lama kemudian Baba pun duduk di tempat duduknya,dipuja oleh para pengikutnya dan memulai Arti. Kemudian Baba berkata, “ Ambil sedikit Dakshina dari Brahmin baru (Nasik) “. Booty sendiri yang pergi untuk mendapatkan Dakshina dan bila dia memberitahu mesej Baba kepada Moolay Shastri, dia sangat bingung. Dia berfikir: “ Saya adalah Agnihotri Brahmin yang tulin, jadi kenapa perlu membayar Dakshina? Baba mungkin seorang Keramat yang hebat. Saya bukan bergantung kepadanya “. Oleh kerana seorang Keramat seperti Sai baba telah meminta Dakshina kepada seorang jutawan seperti Booty, dia tidak boleh menolak. Maka tanpa menghabiskan rutinnya, dia segera mengikut Booty ke Masjid. Merasakan dirinya alim dan suci dari Masjid, dia

hany berdiri di luar dan menghulurkan tanganya kepada Baba melalui bunga.Tiba - tiba! Dia tidak nampak Baba di tempat duduknya sebaliknya arwah Guru Gholap Swami yang berada di tempat duduk itu.Dia sungguh terpegun. Adakah ini mimpi? Tidak mungkin sebab dia bukannya tidur tetapi bagaimana Guru Gholap yang sudah meninggal boleh berada di sana? Dia terdiam untuk seketika. Dia mencubit dirinya dan berfikir lagi tetapi tidak dapat menerima kenyataan yang arwah Guru Gholap berada di Masjid.

Akhirnya, dengan mengenepikan perasaan curiga, dia naik ke atas, meniarap di kaki Gurunya dan bangun semula sambil mengenggam tangannya. Semua yang lain menyanyikan Arti Baba tetapi Moolay Shastri pula menyanyikan nama Gurunya. Kemudian dengan mengenepikan rasa bangga terhadap kastanya dan juga tentang kesucian, dia terus meniarap di kaki Gurunya sambil menutup mata. Apabila dia bangun dan membuka matanya, dia melihat Baba bertanyakan Dakshina. Melihat ketenangan wajah Baba dan kuasa yang tidak dapat dibayangkan, Moolay Shastri melupakan dirinya. Dia sangat - sangat gembira, matanya dibasahi air mata kegembiraan. Dia sekali lagi memberikan penghormatan kepada Baba dan memberikan Dakshina. Dia juga memberitahu bahawa kecurugaannya telah hilang dan dia nampak Gurunya. Dengan melihat Leela Baba yang mengkagumkan ini,semua orang termasuk Moolay Shastri, sangat terharu dan memahami maksud kata - kata Baba, “ Bawakan Geru, kita akan memakai pakaian berwarna kuning jingga “. Leela Baba begitu mengkagumkan.

Seorang Doktor

Pada suatu hari seorang Mamlatdar telah datang ke Shirdi dengan kawannya iaitu seorang doktor. Doktor itu memberitahu bahawa Dewanya adalah Rama dan dia tidak akan tunduk hormat kepada Mohamedan maka beliau tidak mahu pergi ke Shirdi. Mamlatdar membalas dengan mengatakan, tidak ada sesiapa yang akan memaksanya untuk melakukan tunduk hormat jadi dia sepatutnya pergi untuk menemaninya. Akhirnya mereka datang ke Shirdi dan pergi ke Masjid untuk mendapatkan darshan Baba. Semua orang terkejut kerana Doktor itu pergi terus kepada Baba untuk memberikan penghormatannya. Mereka bertanya bagaimana dia boleh lupa untuk tunduk hormat di hadapan Mussalman. Doktor

itu membeitahu bahawa dia ternampak dewa kesayangannya, Rama, duduk di situ jadi dia terus meniarap di kakinya. Kemudian, semaa dia sedang berkata - kata begitu, dia ternampak sai Baba yang berada di sana. Merasa kecewa, beliau pun berkata, “ Adakah ini mimpi? Bagaimana dia boleh menjadi Mohamedan? Dia adalah Yogasampanna (penuh dengan Yoga) Avatar yang hebat “.

Pada hari esoknya, dia memberi tunduk hormat dan berlalu dengan segera. Dia tidak menghadirkan diri di Masjid, merancang untuk tidak pergi ke sana

sehingga Baba merestuinya. Tiga hari berlalu dan pada hari keempat, kawan rapatnya dari Khandesh, muncul dan bersama beliau dia pergi ke Masjid untuk mendapatkan darshan Baba. Selepas memberi penghormatan, Baba bertanya kepadanya samada ada sesiapa yang memanggilnya untuk datang. Doktor itu merasa terharu dengan soalan penting itu. Pada malam itu beliau telah mendapat restu Baba dan dia telah tidur dengan sangat tenang. Kemudian dia balik ke bandarnya dan mengalami pengalaman yang sama selama dua minggu. Oleh kerana itu kesetiaannya kepada Baba telah meningkat berkali - kali. Banyak lagi Leela Sai Baba akan diterangkan dalam bab seterusnya.

Penghormatan Untuk Sri Sai – Sejahtera Untuk Semua

Bab XIII

Lebih banyak Leela Sai – Penyakit - penyakit yang disembuhkan - (1) Bhimaji Patil - (2) Bala Shimpi - (3) Bapusaheb Booty - (4) Swani dari Alandi - (5) Kaka Mahajani - (6) Dastopant dari Harda.

Kuasa Maya yang Ajaib

Kata - kata Baba sentiasa pendek, ringkas, dalam, penuh dengan makna, cekap dan tersusun. Beliau sentiasa tenang dan tidak peduli tentang apa - apa. Beliau berkata, “ Walaupun saya sudah menjadi Fakir, tidak ada rumah atau isteri, dan walaupun telah meninggalkan semuanya, dia masih tinggal di satu tempat, Maya, yang tidak dapat dielakkan sentiasa menganggunya. Walaupun saya melupakan diri saya , saya tidak dapat melupakannya. Dia sentiasa menyampul saya. Maya (kuasa illusi) saya dari Tuhan (Sri Hari) menganggu Tuhan Brahma dan lain - lain apa lagi Fakir yang miskin macam saya? Sesiapa yang berlindung dengan Tuhan akan dibebaskan dari segala masalah dengan rahmatnya “. Begitu sekali Baba menerangkan tentang Maya. Tuhan Sri Krishna pernah berkata kepada Uddhava di Bhagwat yang orang - orang Keramat adalah cara kehidupannya dan lihat apa yang Baba telah katakan demi untuk kebajikan para pengikutnya: “ Sesiapa yang bertuah dan sesiapa yang kesalahannya telah terhapus, buatlah pemujaan ke atas saya. Kalau awak sentiasa menyebut ‘ Sai, Sai ‘ saya akan membawa awak ke tujuh lautan. Percayalah pada kata - kata ini dan sudah pasti anda akan beruntung. Saya tidak perlukan perlengkapan untuk pemujaan - samada lapan cara lipatan atau enam belas cara lipatan. Saya akan berehat di tempat yang penuh dengan kesetiaan “. Sekarang bacalah apa yang Sai, kawannya dan

mereka yang menyerahkan diri kepadaya lakukan untuk kebajikan.

Bhimaji Patil

Seorang yang bernama Bhimaji Patil dari Narayanagaon, Taluka, Junnar, Dist. Poona, pada tahun 1901 A.D. telah menderitai penyakit dada yang parah dan kronik yang kemudiannya merebak menjadi batuk kering. Dia mencuba berbagai cara pathos (perubatan), tetapi tidak memberi kesan. Dia merasa putus asa lalu berdoa kepada Tuhan - “ Ya Tuhan Narayana, tolonglah saya sekarang “. Memang telah menjadi kebiasaan apabila kita sihat, kita tidak mengingati Tuhan, tetapi bila bermasalah dan kesengsaraan datang, kita mulai ingat kepadaNya. Bhimaji akhirnya berserah kepada Tuhan. Dia terfir bahawa dia harus berunding dengan En. Nanasaheb Changorkar, pengikut Baba yang paling setia mengenai hal ini. Maka, diapun menulis surat kepada beliau, memberitahu semua tentang masalahnya dam meminta nasihatnya. Mr. Nanasaheb membalas suratnya dengan memberitahu bahawa hanya ada satu cara perubatan saja lagi, iaitu dengan meminta bantuan di kaki Baba. Dengan bergantung harapan pada nasihat En Nanasaheb, dia membuat persediaan untuk pergi ke Shirdi. Dia dibawa ke Majid dan diletakkan di hadapan Baba. En. Nanasaheb dan Shama (Madhavrao Deshpande) turut berada di sana. Baba memberitahu bahawa penyakit tersebut adalah disebabkan oleh karma perbuatan jahat pada masa lalu, dan tidak mahu campurtangan pada mulanya. Pesakit itu dengan rasa kecewa merayu lagi dan mengatakan bahawa beliau sudah tidak berdaya dan memerlukan bantuan Baba, dan dia adalah harapan terakhirnya. Hati Baba menjadi lembut dengan rayuannya dan berkata, “ Jangan bergerak, hilangkan kekecewaan awak,

penderitaan awak sudah berakhir. Walaupun seseorang itu berada di dalam tertekan atau terganggu, sebaik sahaja dia msauk ke dalam Masjid, dia akan menemui kagembiraan. Fakir di sini sangat baik dan dia akan menyembuhkan penyakit dan melindungi semua dengan kasih sayang dan kebaikannya “. Pesakit itu muntah darah setiap lima minit sebelum ini tetapi dengan kehadiran Baba beliau tidak muntah lagi. Dari masa ke semasa Baba menyebut kata - kata semangat dan yang menggembirakan, penyakit mula beransur pulih. Baba menyuruhnya tinggal di rumah Bhimabai yang tidak begitu sesuai dan tidak sihat tetapi arahan Baba harus dipatuhi. Semasa dia tinggal di situ, Baba menyembuhkannya dengan dua mimpi. Di dalam mimpi yang pertama, dia nampak dirinya sebagai budak yang mengalami kesakitan yang teruk kerana sebatan yang diperolehinya kerana tidak membaca pelajaran ‘ Swami poetry ‘ oleh guru kelasnya. Dalam mimpi yang ke dua pula, seseorang mencederakannya dengan menggulingkan batu ke atas dan ke bawah dadanya menyebabkan dia merasa sangat sakit. Dengan kesakitan yang dirasainya dalam mimpi tersebut, dia telah sembuh sepenuhnya lalu pulang ke rumahnya. Dia kemudiannya selalu datang ke Shirdi kerana sebagai tanda terima kasih kepada Baba dan untuk meniarap di kaki Baba. Baba tidak pernah mengharapkan apa - apa balasan dari para pengikutnya. Cukup sekadar mengingatinya, keyakinan yang tidak pernah berunbah dan kesetiaan. Penduduk di Maharashtra selalu

menyambut Puja Satya - Narayana di rumah mereka setiap dua minggu atau sebulan sekali. Kemudian Bhimaji Patil telah memulakan Puja Sai Satya - Vrata yang baru di rumahnya setelah beliau pulang ke kampungnya.

Bala Ganpat Shimpi

Seorang lagi pengikut Baba bernama Bala Ganpat Shimpi, menderitai sakit Malaria yang merbahaya. Dia mencuba semua jenis ubat dan jamu tetapi gagal. Penyakit itu tidak juga sembuh walau sedikitpun maka diapun berlari ke Shirdi dan jatuh di kaki Baba. Baba memberinya resipi yang pelik seperti di bawah ini:- " Beri makan seekor anjing hitam sebutir nasi yang dicampur engan susu masam di hadapan kuil Laxmi ". Bala Shimpi tidak tahu bagaiman untuk melaksanakan resipi tersebut. Namun diapun balik dan menyediakan nasi dan susu masam. Selepas mencampurnya, di membawa campuran itu ke kuil Laxmi dan di sana dia menemui anjing hitam sedang mengoyang - goyangkan ekornya. Dia meletakkan campuran nasi dan susu masam itu di hadapan anjing tersebut. Anjing itu memakannya dan yang peliknya penyakit Malaria Bala telahpun sembuh.

Bapusaheb Booty

Shriman Bapusaheb Booty pernah menderita penyakit Disentri dan muntah. Almarinya dipenuhi dengan pil paten dan ubat, tetapi tidak ada yang memberi kesan.Bapusaheb menjadi semakin lemah disebabkan sentiasa muntah dan melakukan pembersihan. Ini menyebabkan dia tidak dapat pergi ke Masjid untuk darshana Baba. Baba kemudian menghantar orang untuk membawa Bapusaheb kepadanya. Baba kemudian berkata, " Sekarang jaga diri baik - baik, awak tidak akan membersih lagi " lalu malayang - layangkan jari tengahnya. " Awak akan berhenti muntah ". Lihatlah kesan perkataan Baba. Kedua - dua penyakit tersebut sembuh dan Booty menjadi sihat semula.

Pada waktu yang lain dia telah diserang kolera dan mengidap dahaga yang teruk. Dr. Pillai mencuba semua cara perubatan tetapi masih tidak boleh menyembuhkannya. Akhirnya dia pergi berjumpa Baba dan bertanya padanya apa yang harus diminum untuk menghilangkan dahaganya dan menyembuhkan penyakitnya. Baba mencadangkan infusi menggunakan badam, walnut, pistasio (buah - buahan kering), direbus bersama susu manis. Ini boleh dianggap sebagai perbuatan yang boleh membawa maut oleh doktor atau pakar tetapi untuk mematuhi arahan Baba, infusi itu telah dilakukan dan sungguh menakjubkan penyakit itu akhirnya berjaya disembuhkan.

Swami dari Alandi

Seorang Swami dari Alandi, berhasrat untuk mendapatkan Darshana Baba telah datang ke Shirdi. Dia menghidapi sakit di dalam telinga yang menyebabkan beliau tidak dapat tidur. Dia telahpun menjalani pembedahan untuk penyakit ini namun tidak memberi makna. Penyakitnya semakin parah dan dia tidak tahu untuk berbuat apa lagi. Dia datang berjumpa Baba untuk memohon izin untuk balik apabila Shama (Madhavrao Deshpande) meminta Baba untuk membuat sesuatu terhadp sakit telinga yang ditanggung oleh Swami. Baba memujuknya dengan mengatakan. “ Alla Accha Karega (Tuhan akan membantu) “. Swami itu kemudian balik ke Poona dan selepas seminggu dia menghantar surat ke Shirdi untuk memberitahu bahawa sakit telinganya sudah sembuh walaupun bengkak masih lagi di situ. Dia pergi ke Bombay untuk menjalani pembedahan bagi membuang bengkak di telinganya. Setelah memeriksa telinganya dia diberitahu bahawa pembedahan tidak diperlukan. Begitulah kesan menakjubkan dari kesan kata - kata Baba.

Kaka Mahajani

Seorang lagi pengikut yang bernama Kaka Mahajani mengalami cirit - birit. Untuk tidak menganggu khidmatnya kepada Baba, Kaka menyediakan tambya (belanga) yang berisi air di sudut Masjid. Apabila dia perlu, maka dia akan keluar. Kaka tidak memberitahu Baba tentang penyakitnya sebab menyangka Baba sendiri akan menyembuhkannya. Kerja untuk membina jalan di depan Masjid telah dibenarkan oleh Baba tetapi apabila kerja sebenar telah bermula, Baba mula menjadi marah dan menjerit dengan kuatnya. Semua orang berlari dan oleh kerana Kaka juga cuba lari, Baba menangkap tangannya dan menyuruh dia duduk di situ. Dalam kekeliruan, seseorang telah meninggalkan beg kecil berisi kacang tanah. Baba mengambil segenggam kacang tanah, menggosoknya di dalam tangannya, meniup kulitnya dan memberikan kacang yang sudah dibersihkan kepada Kaka dan menyuruh dia memakannya. Menjerit dan mencuci kacang tersebut kemudian menyuruh Kaka memakannya berlaku serentak. Baba sendiri juga memakan sedikit daripadanya. Kemudian, apabila beg itu telah kosong, Baba menyuruhnya mengambil air sebab dia merasa dahaga. Kaka membawa kendi yang dipenuhi dengan air lalu Baba minum sebahagian daripada air itu dan menyuruh Kaka turut minum air tersebut. Baba kemudiannya berkata, “ Sekarang cirit - birit awak sudah berhenti dan awak boleh menyambung semula kerja membuat jalan “. Sementara itu,mereka yang lari tadi telah datang semula dan mulai bekerja. Kaka yang sudah tidak cirit - birit lagi juga turut bersama mereka. Adakah kacang tanah ubat untuk cirit - birit? Menurut pendapat perubatan sekarang, kacang tanah akan memburukkan lagi penyakit tersebut bukannya mengubat. Ubat sebenar di dalam kes ini adalah kata - kata Baba.

Dattopant dari Harda

Seorang lelaki dari Harda bernama Dattopant menhidapi sakit perut selama empat belas tahun. Tiada ubat yang dapat menyembuhkannya. Mendengar kehebatan Baba, menyembuh penyakit hanya dengan melihat, dia telah pergi ke Shirdi dan meniarap di kaki Baba. Baba melihat dengan rasa saying dan merahmatinya. Apabila Baba meletakkan tangan di atas kepalanya dan apabila mendapat Udi Baba dengan restu, dia meraa sangat lega dan tidak lagi menghadapi masalah sakit perut lagi.

Di penghujung bab ini, tiga kes telah disebut di bawah:

1. Madhavrao Deshpande menghidapi buasir. Baba memberikannya jamu - jamuan dari Sonamukhi (kelopak senna). Ini melegakan beliau. Selepas dua tahun masalah tersebut datang lagi dan Madhavrao mengambil jamu yang sama tanpa memberitahu Baba. Ini menyebabkan penyakit nya semakin teruk namun akhirnya dapat disembuhkan oleh Baba .

2. Abang kepada Kaka Mahajani, Gangadharpan, telah beberapa tahun menghidapi sakit perut. Mendengar kehebatan Baba, dia lalu datang ke Shirdi dan meminta pertolongan Baba untuk menyembuhkannya. Baba menyentuh perutnya dan berkata, “ Tuhan akan menyembuhkan “. Sejak dari itu dia tidak merasa sakit perut lagi dan dia telah sembuh sepenuhnya.

3. Nanasehab Chandorkarjuga pernah menghidap sakit perut yang teramat sangat.Dia merasa sangat lemah sepanjang hari dan malam. Doktor memberikan suntikan tetapi tidak dapat menyembuhkannya lalu dia datang berjumpa Baba yang menyuruhnya memakan Burfi (sejenis manisan) dicampurkan dengan minyak sapi. Resipi ini telah menyembuhkannya.

Kesemua cerita ini menunjukkan bahawa ubat sebenar yang menyembuhkan terus pelbagai penyakit adalah kata - kata Baba dan restunya bukannya ubat-ubatan.

Penghormatan Untuk Sri Sai – Sejahtera Untuk Semua

Bab XIV

Ruttonji Wadia dari Nanded - Saint Moulisaheb - Dakshina Mimansa.

Dalam bab lepas, kita telah menerangkan bagaimana kata - kata Baba dan restunya menyembuh banyak penyakit yang tidak boleh disembuhkan.Sekarang,

kita akan menceritakan bagaimana Baba merestui Ruttonji Wadia dengan isunya.

Kehidupan Orang Keramat ini sememangnya manis di dalam dan di luar. Perbuatannya seperti makan, berjalan dan bahasa percakapannya juga manis. Hidupnya adalah penjelmaan kebahagiaan. Sai memberikannya sebagai menghargai para pengikutnya yang sentiasa mengingatinya. Dia menceritakan berbagai cerita tentang tanggungjawab dan aksi, yang akhirnya memimpin mereka kepada agama yang sebenar. Tujuannya mungkin supaya semua orang hidup bahagia di dunia ini tetapi harus sentiasa brewaspada dan mencapai tujuan hidup mereka seperti kesedaran diri. Kita memiliki badan manusia hasil dari perbuatan baik yang dilakukan pada kelahiran lepas dan ianya sangat berharga kerana dengan bantuan ini kita akan mencapai kesetiaan dan kebebasan dalam kehidupan ini. Jadi kita tidak sepatutnya bersikap malas sebaliknya harus sentiasa bersedia untuk mencapai tujuan hidup kita.

Kalau setiap hari anda mendengar Leela (cerita) Sai, anda akan sentiasa melihatnya. Siang dan malam akan mengingatinya di dalam minda anda. Apabila anda memahami Sai dengan cara ini, minda anda tidak akan berubah - berubah dan sekiranya anda

meneruskan cara ini, akhirnya ia akan bersatu dalam kesedaran yang sebenar.

Ruttonji dari Nanded:

Mari kita lihat cerita utama di dalam bab ini. Di Nanded di dalm Bandar Nizam, tinggal seorang kontraktor kilang dan peniaga Parsi yang bernama Ruttonji Shapurji Wadia. Dia memiliki jumlah duit yang banyak dan mempunyai banyak ladang dan tanah. Dia juga memiliki lembu, kuda dan kenderaan dan sangat kaya. Jika dilihat dari luaran dia kelihatan sangat gembira dan berpuas hati tetapi sebenarnya tidak. Memang sudah ditakdirkan bahawa tidak ada sesiapa yang hidup di dunia ini benar - benar kaya dan bahagia. Ruttonji juga tidak terkecuali. Dia adalah seorang yang liberal dan pemurah, memberi makanan dan pakaian kepada orang yang miskin dan membantu dalam berbagai cara. Orang menganggapnya sebagai seorang lelaki yang baik dan gembira. Namun begitu, Ruttonji merasa dirinya bermasalah kerana tidak mempunyai anak. Sebagaiman Kirtan (nyanyian keagungan untuk Tuhan) tanpa cinta dan kesetiaan, lagu dan nyanyian tidak seiringan, Brahmin tanpa benang sucinya, kecekapan dalam semua cabang seni tanpa akal yang sihat, penghijrahan tanpa keinsafan dan perhiasan tanpa rantai adalah buruk dan tidak berguna, jadi begitulah sebuah rumah tanpa suara anak - anak. Ruttonji selalu memikirkan tentang perkara ini dan berkata kepada dirinya, “ Adakah Tuhan akan memberikan aku seorang anak lelaki? “ Dia kemudian menjadi muram dan tidak berselera untuk makan.

Siang dan malam dia di selubungi oleh persoalan samada dia akan dikurniakan dengan seorang anak lelaki. Beliau sangat menghormati Dasganu Mahajat lalu berjumpa dengannya dan berkongsi masalahnya dengan dia. Dasganu menasihatinya supaya

pergi ke Shirdi untuk mengambil darshana Baba, meniarap di kakiNya dan memohon restu dariNya serta berdoa untuk masalah tersebut. Ruttonji menyukai idea itu lalu bercadang untuk pergi ke Shirdi. Beberapa hari kemudian, dia pun pergi ke Shirdi, mengambil darshan Baba dan meniarap di kakiNya. Selepas itu, dia mengambil kalungan bunga yang cantik dari bakulnya lalu dikalungkan di leher Baba dan memberiNya buah - buahan. Dengan segala hormatnya dia duduk di sisi Baba dan berkata, " Banyak orang yang mendapati diri mereka berada di dalam masalah telah datang kepada Anda, dan Anda telah melepaskan mereka dari masalah itu dengan serta merta. Oleh kerana itu saya benar - benar berhajat di kaki Anda dan tolonglah jangan hampakan saya ". Sai Baba kemudian meminta Dakshina sebanyak Rs.5 yang Ruttonji berhasrat untuk berikan tetapi menambah yang Dia sudahpun menerima Rs. 3 - 14 - 0 dari nya, dan sekarang dia hanya perlu membayar jumlah yang kurang sahaja. Ruttonji merasa agak keliru dan tidak dapat memahami apa yang dimaksudkan oleh Baba. Inilah kali pertama dia datang ke Shirdi jadi bagaimana Baba boleh mengatakan yang dia telah menerima Rs. 3 - 14 - 0 darinya? Dia tidak dapat mencari jawapan untuk itu. Dia duduk di kaki Baba dan memberikan jumlah Dakshina yang kurang yang diminta oleh Baba, menerangkan kepada Baba tujuan kedatangannya serta memohon bantuan dan berdoa agar Baba akan merestuinya dengan mengurniakannya seorang anak lelaki. Baba merasa terharu lalu memberitahu dia supaya jangan risau dan pada saat itu masalahnya telahpun berakhir. Baba kemudiannya memberikan dia Udi, meletakkan tangannya ke kepala Ruttonji dan merestuinya dengan menyatakan yang Allah (Tuhan) akan menunaikan hajatnya.

Selepas meminta izin untuk balik, Ruttonji pun pulang ke Nanded dan memberitahu Dasganu apa yang telah berlaku di Shirdi. Dia menyatakan bahawa semuanya telah berjalan dengan lancar di sana, dia telah mendapat darshana Baba dan direstui dengan Prasad namun ada satu perkara yang dia masih tidak faham. Baba mengatakan bahawa dia telah mendapat duit sebanyak Rs. 3 -14 - 0 darinya sebelum ini. Dia meminta Dasganu menerangkan apa yang dimaksudkan oleh Baba. “ Saya tidak pernah datang ke Shirdi sebelum ini, jadi bagaimana saya dapat memberiNya sejumlah duit yang disebutNya Itu? “ Dasganu juga merasa keliru dan memikirkan tentang perkara itu dengan agak lama. Kemudian dia tiba - tiba teringat yang Ruttonji ada menerima kedatangan seorang keramat Mohamedan yang bernama Moulisaheb beberapa hari yang lalu di rumahnya dan telah memberikan sejumlah wang kepadanya. Moulisehab ini adalah seorang Guru keramat yang terkenal di Nanded. Apabila Ruttonji hendak pergi ke Shirdi, moulisaheb secara kebetulan datang ke rumahnya. Ruttonji mengenali dan menyayanginya maka dia telah mengadakan

majlis kecil sebagai menghormatinya. Dasganu mendapatkan yadi atau memo tentang jumlah perbelanjaan bagi majlis ini dari Ruttonji. Semua terkejut apabila melihat jumlah perbelanjaan itu adalah memang tepat Rs.3 - 4 - 0, tidak lebih dan tidak kurang. Mereka sedar kini bahawa Baba adalah seorang yang serba tahu, walaupun tinggal di Shirdi tetapi Dia mengetahui apa yang berlaku di luar Shirdi. Malahan Dia juga tahu apa yang telah berlaku, sedang berlaku dan akan berlaku dan boleh menyerupai sesiapa sahaja. Dalam hal ini bagaimana Beliau boleh mengetahui majlis yang telah diberikan kepada Moulisaheb serta jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan kecuali Beliau telah menyerupai Moulisaheb dan menjadi satu dengaNnya.

Ruttonji telah berpuas hati dengan penerangan ini dan keyakinan terhadap Baba semakin meningkat. Tidak berapa lama kemudian dia telah dikurniakan dengan seorang anak lelaki dan merasa sangat gembira. Dinyatakan bahawa dia mempunyai sedozen (12) orang anak tetapi hanya empat orang yang hidup. Di dalam nota di penghujung bab ini, dinyatakan bahawa Baba memberitahu Rao Bahagur Hari Vinayak Sathe, selepas kematian isteri pertamanya, supaya berkahwin lagi dan dia akan mendapat anak lelaki. R.B. Sathe akhirnya berkahwin lagi. Dua orang anak yang dilahirkan oleh isterinya pada mulanya adalah perempuan dan dia merasa kecewa tetapi akhirnya anak ketiga yang dilahirkan adalah anak lelaki. Kata - kata Baba adalah benar dan dia merasa sungguh puas hati.

Dakshina - Mimansa

Sekarang kita akan menutup bab ini dengan menceritakan sedikit tentang Dakshina. Telah diketahui oleh semua bahawa Baba akan meminta Dakshina daripada orang yang datang berjumpa denganNya. Seseorang mungkin bertanyakan soalan, “ Sekiranya Baba seorang Fakir dan tidak berkeluarga, kenapa Beliau meminta Dakshina dan berkehendakkan duit? “ Kita akan membincangkan tentang soalan ini secara jelas sekarang.

Pada mulanya untuk jangka masa yang lama, Baba tidak mahu menerima apa - apa. Beliau membakar mancis dan mengisinya ke dalam poketnya. Dia tidak pernah meminta apa - apa dari sesiapa - samada dari pengikutNya ataupun sesiapa saja. Jika sesiapa memberikan Beliau sekeping atau dua keping duit syiling, Dia akan membeli minyak atau tembakau. Dia suka membeli tembakau sebab beliau selalu menyedut bidi atau chillim (paip yang

diperbuat dari tanah). Kemudian sesetengah orang tidak boleh nampak orang - orang Keramat ini dengan tangan kosong, oleh itu mereka memberikan beberapa jumlah duit syiling tembaga kepada Baba. Sekiranya satu duit syiling diberikan kepadaNya, Dia akan memasukkan ke dalam poket, jika dua duit syiling diberikan, Dia akan

segera mengembalikannya. Kemudian selepas nama Baba telah tersebar secara meluas, orang ramai mula berkumpul dan Baba mulai meminta Dakshina dari mereka. Dinyatakan di dalam Shruti (veda) bahawa Puja untuk Tuhan adalah tidak lengkap kecuali jika duit syiling emas diberikan. Jika duit syiling diperlukan untuk melakukan Puja terhadap Tuhan, kenapa tidak di dalam Puja untuk orang - orang Keramat juga? Akhirnya Shatra menetapkan bahawa sesiapa yang hendak berjumpa dengan Tuhan, Raja, Keramat atau Guru, dia tidak boleh datang dengan tangan kosong. Dia harus memberikan sesuatu dan sebaiknya duit syiling. Di sini kita dapat melihat nasihat yang dicadangkan oleh Upanishad. Brihadaranyak Upanishad mengatakan bahawa Tuhan Prajapati menasihati semua Tuhan, semua lelaki dan semua syaitan dengan satu perkataan “ Da “. Semua Tuhan faham melalui perkataan ini mereka harus mempraktikkan (1) “ Dama “ iaitu menahan diri, semua lelaki merasakan atau faham yang mereka harus mempraktikkan (2) “ Dana “amal kebajikan, Syaita pula faham mereka harus mempraktikkan (3) “ Daya “ iaitu belas kasihan. Untuk semua lelaki amalan kebajikan atau bersedekah telah dicadangkan. Guru di Taittiriya Upanishad menasihati murid muridnya untuk mengamalkan amalan kebajikan dan kebaikan - kebaikan lain. Dia memberitahu sesuatu tentang amal kebajikan. “ Berilah dengan keyakinan, beri dengan keikhlasan, iaitu kerelaan, beri dengan kesederhanaan dengan rasa takut dan simpati. Untuk

mengajar para pengikut, pelajaran tentang amal kebajikan dan untuk menghilangkan rasa gemarkan duit dan supaya minda mereka menjadi bersih, maka Baba telah meminta Dakshina daripada mereka. Namun begitu, terdapat keistimewaan di sini seperti yang Baba katakan yang Dia akan membayar balik beratus kali lebih banyak dari jumlah yang diterimaNya. Terdapat banyak contoh yang menunjukkan perkara ini telah berlaku. Kita ambil satu contoh. En. Ganpatrao Bodas, aktor yang ternama, memberitahu di dalam autobiografi Marathi nya, bahawa Baba telah mendesaknya memberi Dakshina. Dia mengeluarkan semua duit dari begnya untuk Baba. En. Bodas memberitahu disebabkan itu dia tidak pernah kekurangan duit sebab duit datang kepadanya melimpah - limpah.

Terdapat maksud lain bagi dakshina, di dalam banyak kes, yang Baba tidak mahu menggunakan sebarang jumlah duit. Terdapat dua contoh - (1) Baba meminta Rs.15/- sebagai dakshina dari Pro. G.G. Narke, yang menjawab bahawa dia tidak mempunyai duit walaupun satu duit syiling. Baba kemudian berkata, “ Saya tahu awak tidak mempunyai duit tetapi awak membaca Yoga - Vashistha. Berikan Saya dakshina dari itu “. Memberi dakshina dalam bentuk ini bermaksud - ‘ Memperolehi pelajaran dan menempatkannya di dalam hati iaitu tempat Baba bermastautin ‘ (2) Dalam kes yang ke dua Baba meminta seorang wanita (Puan R.A. Tarkhad) untuk memberinya Rs.6/- sebagai dakshina.Wanita itu merasa bingung kerana dia tidak mempunyai apa - apa untuk diberikan. Kemudian suaminya memberitahu bahawa Baba mahukan

enam musuh dalam diri (nafsu, kemarahan, ketamakan dan lain - lain) untuk diserahkan kepadaNya. Baba juga bersetuju dengan penerangan itu.

Untuk pengetahuan semua, walaupun Baba mengumpul banyak duit melalui dakshina, namun Beliau akan membahagikan kesemua jumlah kutipan itu pada hari itu juga dan pada keesokan harinya Beliau akan menjadi Fakir yang miskin semula. Apabila Baba meninggal dunia, selepas menerima beribu - ribu Rupees sebagai dakshina dalam masa lebih kurang sepuluh tahun, Beliau hanya ada beberapa Rupee sebagai milikNya.

Secara ringkasnya, tujuan utama Baba mengambil Dakshina dari semua pengikutnya adalah untuk mendidik mereka tentang Penolakan dan Pembersihan.

Skrip Tambahan

En. B.V. Deo dari Thana, adalah Mamlatdar yang sudah bersara dan juga seorang pengikut setia Baba. Dia telah menulis sebuah artikel tentang subjek (Dakshina) di dalam majalah " Sri Sai Leela ", Vol. VII, P. 6 - 26, yang memberitahu seperti berikut:- " Baba tidak meminta dakshina dari semua. Kalau ada sesiapa yang memberi dakshina tanpa diminta, Dia kadangkala akan menerima dan ada masanya pula Dia menolak. Dia memintanya daripada beberapa pengikut tertentu sahaja. Dia tidak akan meminta dari para pengikut yang berfikiran bahawa mereka hanya akan membayar sekiranya Baba meminta dari mereka. Jika sesiapa memberi tanpa kerelaan atau keikhlasan, Dia tidak akan menyentuhnya dan akan membiarkannya di situ sahaja. Dia akan menyuruhnya mengambil semula. Samada Dia meminta jumlah yang besar atau kecil dari para pengikutNya ia adalah berdasarkan permintaan, kesetiaan

dan kemudahan. Dia malah memintanya dari wanita dan kanak - kanak. Dia tidak meminta dari semua orang kaya maupun dari semua orang miskin “.

“ Baba tidak pernah marah kepada mereka yang dimintaNya dakshina tetapi tidak mahu memberinya. Jika ada Dakshina yang dihantar melalui kawan, tetapi si kawan lupa untuk menyampaikan, Baba akan berusaha mengingatkannya untuk membayar. Dalam beberapa kes, Baba pernah mengembalikan sedikit jumlah dakshina yang telah ditetapkan kemudian meminta penderma tersebut menjaga dan menyimpan di tempat pemujaan mereka. Cara ini turut menguntungkan penderma atau pengikutNya. Sekiranya ada yang memberi lebih dari jumlah yang dia hendak berikan, maka Baba akan mengembalikan jumlah yang terlebih itu. Kadangkala dia akan meminta lebih Dakshina dari sesetengah orang, lebih daripada jumlah yang mereka rancang untuk diberikan,

dan sekiranya mereka tidak mempunyai jumlah yang cukup ketika itu, maka Baba akan menyuruh mereka meminjam dari orang lain. Dari sesetengah orang pula dia akan meminta dakshina sebanyak tiga atau empat kali sehari “. Dari jumlah dakshina yang telah dikumpul, Baba hanya membelanjakan sedikit sahaja jumlah untuk kegunaan diriNya. Jumlah itu digunakan untuk membeli Chilim(paip tanah) dan minyak untuk Dhuni(api suci)Nya. Yang selebihnya akan didermakan. Semua kelengkapan di Shirdi Sansthan telah dibawa masuk oleh para pengikut yang kaya melalui contoh dan cadangan dari Radha - Krishna - Mai. Baba kadang - kadang menjadi kasar dan memarahi mereka yang membawa artikel yang mahal. Beliau berkata kepada En. Nanasaheb Chandokar, harta Beliau hanyalah koupin (cawat),

koyok, sehelai Kafni dan tumrel (belanga tembaga) dan memberitahu yang mereka menyusahkan Beliau dengan membawa barang yang mahal dan tidak berguna itu “.

Wanita dan kekayaan adalah dua halangan utama di dalam cara Pramartha (Kehidupan spiritual) kita dan Baba dan menyediakan dua institusi di Shirdi iaitu Dakshina dan Radha - Krishna - Mai. Setiap kali mereka datang kepadaNya, Beliau akan meminta Dakshina daripada mereka dan menyuruh mereka pergi ke ‘ SEKOLAH ‘ (rumah Radha - Krishna - Mai). Jika mereka lulus di dalam dua ujian iaitu mereka bebas dari mempunyai ikatan dengan wanita dan kekayaan, maka kemajuan di dalam spiritual akan bertambah cepat dan akan di pastikan oleh Baba melalui restu dan rahmatNya.

En. Deo juga telah memetik ayat dari Gita dan Upanishad dan menunjukkan bahawa derma yang diberi kepada rumah suci dan tokoh agama, meningkatkan kebajikan penderma ke peringkat yang lebih tinggi. Apakah yang lebih suci dari Shirdi dan Dewa Pemimpin - Sai Baba?

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua

Bab XV

Kirtan Naradiya – Paddhati – Teh tanpa gula En. Cholkar – Dua ekor Cicak.

Para pembaca mungkin masih ingat lagi tentang Festival Rama - Navami yang telah diterangkan di dalam Bab enam. Bagaimana festival tersebut bermula dan bagaiman pada peringkat awalnya sukar untuk mencari Haridas yang bagus untuk mempersembahkan Kirtan dalam majlis itu.Ia juga menerangkan bagaiman Baba telah menyerahkan tugas tetap ini (Kittani) kepada Dasganu. Sekarang di dalam bab ini kita akan menerangkan dalam cara apa Dasganu mempersembahkan Kirtan.

Naradiya Kirtan - Paddhati

Kebiasaannya Haridas akan memakai gala dan berpakaian lengkap untuk mempersembahkan Kirtan. Mereka menggunakkan hiasan kepala, samada pheta atau turban, baju di dalam serta baju luar yang panjang, uparane (dhotar yang pendek) di bahu dan dhotar yang panjang dari pinggang ke bawah. Dasganu pernah berjumpa dengan Baba dengan berpakaian begini semasa hendak melakukan Kirtan di Shirdi. Baba bertanya kepadanya, “ Wah, pengantin! Ke mana awak hendak pergi dengan pakaian yang cantik ini? “ Dasganu memberitahu, “ Untuk mempesembahkan Kirtan “ . Kemudian Baba berkata, “ Kenapa awak prlukan semua kelengkapan ini, baju panjang, uparani, pheta dan lain - lain. Tanggalkan semuanya , kenapa memakai pakaian seperti ini? “ Dasganu segera membuka pakaian tersebut meletakkannya di kaki Baba. Semenjak hari itu Dasganu tidak lagi mengenakan pakaian

tersebut semasa mempersembahkan Kirtan. Dia sentiasa tidak memakai pakaian dari pinggang ke atas, sepasang ‘ chiplis ‘ di tangannya dan kalungan bunga di lehernya. Cara ini adalah tidak bersesuaian dengan cara yang biasa digunakan oleh semua Haridas tetapi inilah cara yang terbaik dan paling murni. Mahaguru Narada, yang mula - mula melakukan Kirtan - Paddhati tidak menggunakan apa - apa di badan dan kepalanya. Dia membawa ‘ veena “ di tangannya dan berjalan dari satu tempat ke satu tempat sambil menyanyikan lagu keagungan Tuhan. Teh tanpa gula En. Cholkar Pada awalnya, Baba dikenali di Poona dan Daerah Ahmednagar tetapi melalui percakapan Nanasehab Chandorkar dan juga melalui persembahan Kirtan yang baik oleh Dasganu, telah menyebarkan tentang kehebatan Baba di Konkan (Jabatan presiden Bombay). sebenarnya Dasganulah - Semoga Tuhan merahmatinya - yang telah menyebarkan tentang Baba kepada orang ramai melalui persembahan Kirtan yang menarik dan yang tidak dapt ditiru. Penonton yang datang untuk mendengar Kirtan mempunyai pelbagai citarasa sendiri. Ada yang sukakan pengetahuan Haridas, ada yang sukakan perbuatannya, ada yang suka pada nyanyiannya, yang lain pula sukakan lawak jenakanya, ada pula sukakan promosi pendahuluan Vedanta, yang lain pula sukakan cerita utamanya dan macam - macam lagi. Namun di kalangan mereka, hanya sedikit sahaja apabila mendengar Kirtan mendapat keyakinan dan kesetiaan atau kecintaan pada Tuhan dan orang - orang Keramat. Mendengar Kirtan Dasganu memberi kesan umpama renjatan elektrik kepada penonton. Kita akan berikan contohnya. Suatu hari, Dasganu mempersembahkan Kirtan dan menyanyikan keagungan Sai Baba di kuil Koupineshwar di Thana. Seorang lelaki miskin, En. Cholkar, berkhidmat sebagai calon di Mahkamah Sivil di Thana, adalah

salah seorang penonton. Dia mendengar Kirtan Dasganu dengan penuh perhatian dan merasa

terharu. Dia tunduk hormat kepada Baba secara minda dan bernazar, " Baba, saya seorang yang miskin, tidak mampu untuk menyara keluarga saya. Jika dengan restu awak, saya lulus di dalam peperiksaan di antara bahagian, dan mendapat jawatan tetap, saya akan pergi ke Shirdi, meniarap di kaki Awak serta membahagikan manisan di atas nama awak ". Akhirnya nasib baik menyebelahinya dan beliau telah lulus di dalam peperiksaan tersebut dan telah mendapat jawatan tetap.Sekarang terserah pada beliau untuk melaksanakan nazarnya. Lebih cepat, lebih baik. En. Cholkar adalah seorang yang miskin dan terpaksa menanggung keluarga yang besar maka beliau tidak mampu untuk mngeluarkan perbelanjaan untuk pergi ke Shirdi. Sebagaimana yang selalu dikatakan, seseorang itu dengan mudah menyeberangi Nahne ghat di Daerah Thana ataupun Banjaran Sahyadri tetapi sukar untuk seorang yang miskin untuk melintasi Umbareghat, iaitu ambang pintu rumahnya. Oleh kerana En. Cholkar sangat ingin untuk melaksanakan nazarnya dengan secepat mungkin, dia membuat keputusan untuk berjimat, mengurangkan perbelanjaan dan menyimpan duit. Dia berazam untuk tidak menggunakan gula di dalam makanan dan minumannya dan mula meminum teh tanpa gula. Selepas dia mampu menyimpan dut dengan cara berjimat seperti itu, dia pun pergi ke Shirdi mengambil darshan Baba, meniarap di kakiNya, memberikan buah kelapa, membahagikannya beserta dengan manisan dengan hati yang tulus ikhlas sebagaimana yang telah dinazarnya. Dia memberitahu Baba bahawa dia sangat gembira dengan darshan Baba dan nazarnya yang telah terlaksana pada hari itu. En. Cholkar berada di Masjid bersama tuan rumahnya Bapusaheb Jog. Apabila kedua -

dua tuan rumah dan tetamu tersebut hendak beredar dari Masjid, Baba berkata kepada Jog seperti berikut:- “ Berikan dia (tetamu awak) secawan teh yang penuh dengan gula “. Mendengar kata - kata yang bermakna ini, En. Cholkar telah merasa sungguh terharu dan matanya digenangi air mata lalu dia meniarap di kaki Baba lagi. En. Jog juga merasa hairan dengan arahan ini iaitu secawan air teh yang perlu diberi kepada tetamunya. Baba mahu kata - kataNya akan memberikan keyakinana dan kesetiaan di dalam minda Cholkar, yang dia telahpun mendapat manisan seperti yang dinazarkannya dan dia mengetahui dengan sepenuhnya rahsia keazamannya untuk tidak menggunakan gula di dalam makanan dan minumannya. Baba sebenarnya bemaksud untuk memberitahu, “ Kalau awak menebarkan tapak tangan dengan kesetiaan terhadap Saya , Saya akan segera bersama awak, siang dan malam. Walaupun badan Saya berada di sini tetapi Saya tahu apa yang awak lakukan, melangkaui tujuh lautan. Pergilah ke mana awak saja, di dunia yang luas ini, Saya akan bersama awak. Rumah Saya adalah di hati awak dan Saya berada di dalam diri awak. Selalulah memuja Saya, yang sentiaa duduk di hati awak, juga di hati semua manusia, dirahmati dan bertuahlah mereka yang mengenalii Saya “. Begitu indah sekali pelajaran yang Baba sampaikan kepada En. Cholkar !

Dua Ekor Cicak

Kita akan tutup bab ini dengan cerita tentang dua ekor cicak. Suatu hari Baba duduk di dalam Masjid. Seorang pengikut duduk di hadapanNya apabila seekor cicak berbunyi. Dengan rasa ingin tahu, pengikut ini kepada Baba samada bunyi cicak itu memberitahu sesuatu, samada tanda yang baik atau yang buruk? Baba memberitahu bahawa cicak itu sedang bergembira kerana

kakaknya dari Aurangabad akan datang berjumpa dengannya. Pengikutnya hanya duduk diam, tidak memahami maksud perkataan Baba. Tidak berapa lama kemudian, seorang lelaki dari Aurangabad telah datang dengan menunggang kuda untuk bertemu Baba. Dia hendak menyambung perjalanannya tetapi kudanya tidak mahu pergi sebab lapar dan mahukan kacang kuda da dia mengambil beg di bahunya untuk mengambil kacang kuda, menaburkannya ke tanah untuk membuang kotoran. Seekor cicak keluar dari sana lalu naik ke dinding.Ia diperhatikan oleh semua. Baba menyuruh pengikutNya yang bertanyakan soalan tadi supaya memerhati gelagat cicak itu. Cicak tersebut terus datang kepada adiknya (cicak yang seekor lagi tadi). Kedua - dua ekor cicak tersebut berjumpa semula setelah sekian lama, berciuman dan berpelukan, berputaran dan menari gembira! Di manakah Shirdi dan di mana pula Aurangabad? Kenapa seorang penunggang kuda boleh datang dari Aurangabad dengan seekor cicak? Bagaimana Baba boleh meramalkan perjumpaan adik - beradik ini. Semua ini adalah sangat menakjubkan dan membuktikan kemampuan Baba untuk mengetahui segalanya.

Skrip Tambahan

Sesiapa yang membaca bab ini dengan sepenuh hati atau mempelajarinya setiap hari, maka dia akan dapat menghilangkan kesengsaraan dengan rahmat Sadguru Sai Baba.

Penghormatan Untuk Baba – Sejahtera Untuk Semua

Bab XVI & XVII

Kedua - dua bab ini adalah berkaitan dengan seorang lelaki kaya yang mahukan Brahma - Jnana, dengan cepat dari Sai Baba.

Pendahuluan

Bab yang lepas menerangkan bagaimana nazar pemberian yang kecil dari En. Cholkar telahpun selesai dan diterima. Di dalam cerita itu, Sai Baba menunjukkan bahawa Dia akan menerima dengan penghargaan semua benda kecil yang diberikan dengan rasa kasih sayang dan kesetiaan, namun jika benda yang sama diberikan dengan kebangaan dan kesombongan, Beliau akan

menolaknya. Beliau adalah Sat - Chit - Anand (Kewujudan, Ilmu pengetahuan dan Kebahagiaan), Dia tidak mengambil berat tentang peraturan luaran tetapi jika pemberian dibuat dengan perasaan sabar dan rendah diri, Dia akan menerimanya dengan seronok dan senang hati. Tidak ada orang lain yang lebih liberal dan baik hati dari Sadguru, seperti Sai Baba. Dia tidak dapat dibandingkan dengan permata Chintamani (Batu filosofi yang mampu memuaskan keinginan) Kalpataru (Pokok suci yang memenuhi keinginan) atau Kamadhenu (Lembu suci yang memberikan apa yang kita inginkan), sebab mereka hanya memberi apa yang kita inginkan tetapi Sadguru memberikan kita barang yang paling berharga yang tidak dapat dibayangkan dan tidak terduga (kenyataan). Sekarang mari kita dengar bagaimana Sai Baba mengusir seorang lelaki kaya yang datang kepada Beliau dan memohon untuk diberikan Brahma - Jnana.

Dia adalah seorang lelaki yang kaya (malangnya nama dan tempat asalnya tidak disebutkan) yang hidup dengan aman dan makmur. Dia memiliki kekayaan yang banyak, rumah, ladang dan tanah, serta mempunyai banyak pekerja dan anak. Apabila dia mendengar tentang kehebatan Baba, dia memberitahu kawannya yang dia tidak mahu apa - apa maka dia pergi ke Shirdi dan memohon Baba untuk memberinya Brahma - Jnana.Sekiranya dia mendapat apa yang dia minta dia sudah pasti akan merasa gembira. Kawannya tidak begitu bersetuju dengannya lau berkata, " Bukan mudah untuk mengenali Brahman lebih- lebih lagi untuk lelaki tamak macam awak,yang sentiasa berminat dengan kekayaan, isteri, dan anak - anak. Siapa yang akan menunaikan permintaan awak tentang Brahma - Jnana, sedangkan awak tidak pernah menderma walaupun satu duit syiling pun? " Tanpa mengindahkan nasihat kawannya, lelaki itu pun mendapatkan tiket pergi balik ke Shirdi. Dia pergi ke Masjid lalu berjumpa dengan Baba serta meniarap di kakiNya. Dia kemudian berkata, " Baba, saya mendengar yang awak akan menunjukkan Brahman kepada sesiapa yang tidak melengah - lengahkan kedatangan ke sini. Saya telah datang ke sini dari jauh. Saya merasa sangat penat dengan perjalanan ini maka kalau saya mendapat Brahman dari Awak, segala masalah yang saya telah hadapi akan berbaloi ". Baba kemudian menjawab, " Oh, sahabatKu, jangan lah terlalu teruja, Saya akan segera tunjukkan Brahman pada awak. Semua urusan dengan Saya adalah secara tunai dan tidak pernah secara berhutang. Terlalu banyak orang datang kepada Saya meminta kekayaan, kesihatan, kuasa,pangkat, sembuh dari penyakit dan masalah - masalah lain. Jarang orang datang kepada Saya untuk Brahma - Jnana. Orang yang datang atas perkara duniawi memang tidak pernah berkurangan, tetapi oleh kerana yang berminat pada

perkara spiritual sangat jarang, Saya rasa ini adalah masa yang bertuah dan menguntungkan apabila seorang macam awak datang dan memaksa Saya untuk Brahma - Jnana. Maka

dengan senang hati Saya akan menunjukkan Brahma beserta pengiringnya dan juga komplikasinya “.

Setelah berkata - kata begitu, Baba mula menunjukkan Brahma kepada beliau. Dia membuatkannya duduk di situ dan mengajaknya bercakap tentang perkara lain supaya dia dapat melupakan persoalannya untuk seketika. Kemudian dia memanggil seorang budak lelaki dan menyuruhnya pergi berjumpa Nandu Marwari, dan dapatkan pinjaman untuknya sebanyak Rs. Lima. Budak lelaki itu pergi dan balik semula dengan segera dan memberitahu bahawa Nandu tidak ada di rumah dan rumahnya berkunci. Kemudaian Baba menyuruhnya berjumpa Bala, seorang pekedai runcit dan meminjam duit yang sama jumlah seperti sebelum ini. Sekali lagi budak lelaki ini gagal. Perkara ini dilakukan berulangkali sebanyak dua atau tiga kali namun masih tidak berhasil. Sai Baba, sebagaimana yang kita ketahui adalah penjelmaan Brahma yang hidup dan bergerak. Jadi, seseorang mungkin akan bertanya - “ Kenapa Beliau perlukan duit yang berjumlah lima Rupees, dan kenapa bersusah payah untuk meminjam? Dia sebenarnya tidak mahukan duit tersebut. Dia sudah pasti mengetahui bahawa Nandu dan Bala tidak ada di rumah dan perkara yang dilakukan tadi seolah - olah untuk menguji lelaki yang hendak berkehendakkan Brahma itu. Lelaki itu mempunyai segolong atau seberkas duit di dalam poketnya dan sekiranya dia benar - benar bersungguh, dia tidak hanya akan berdiam diri dan memerhatikan sahaja apabila Baba berusaha untuk mendapatkan duit sejumlah Rs.lima. Dia tahu yang Baba

akan berpegang pada kata - kataNya dan akan membayar hutangNya lagipun jumlah yang diminta adalah kecil sahaja. Dia masih tidak mahu meminjamkan wangnya kepada Baba tetapi meminta sesuatu yang hebat iaitu Brahma - Jnana! Kalau seseorang yang sayangkan Baba sudah pasti akan serta - merta memberikan wang sejumlah Rs.lima itu bukannya hanya duduk memerhati sahaja. Lelaki ini berkelakuan sebaliknya. Dia tidak mahu meminjamkan duitnya malah sudah tergesa - gesa untuk balik dan memohon Baba dengan berkata, " Oh Baba, tolong tunjukkan Brahma dengan segera ". Baba menjawab, " Oh sahabatku, adakah awak tidak memahami segala perkara yang telah Saya lalui, duduk di sini untuk membolehkan awak melihat Brahman? Secara ringkasnya, jika seseorang hendak melihat Brahman dia harus memberi lima jenis barang iaitu (1) Lima Pranas (tenaga yang memberi semangat), (2) Lima deria (lima aksi dan lima persepsi), (3) minda, (4) intelek dan (5) ego. Perjalanan untuk Brahma - Jnana untuk kesedaran diri adalah ' sangat susah umpamakan berjalan di atas sisi pencukur ' Sai Baba kemudian memberikan hujah yang agak panjang tentang subjek ini. Tujuan Beliau berbuat demikian akan diterangkan di bawah.

Kelayakan untuk Brahma - Jnana atau Kesedaran Diri Semua orang tidak nampak atau menyedari Brahman di dalam kehidupan mereka. Kelayakan tertentu adalah sangat diperlukan. (1) Mumuksha atau hasrat gigih untuk bebas. Dia yang merasakan bahawa kehidupan dia terbatas dan dia perlu membebaskan diri dari semua ikatan dan bekerja bersungguh - sungguh serta tegas sehingga ke akhir, yang tidak mempedulikan apa yang orang lain fikirkan, adalah layak untuk kehidupan spiritual. (2) Virakti atau perasan meluat terhadap perkara di dunia dan selepasnya. Hanya apabila seseorang merasa meluat dengan sesuatu, bayaran dan

pujian, yang perbuatannya akan memberi kesan di dunia ini atau yang selepasnya, barulah dia layak untuk memasuki alam spiritual. (3) Antarmukhata (introversi). Deria kita telah dicipta oleh Tuhan dengan kemampuan untuk bergerak ke luar dan seterusnya. Seseorang sentiasa melihat di luar dirinya tetapi tidak di dalam dirinya. Jika inginkan kesedaran diri dan kehidupan abadi, seseorang mesti melihat ke dalam dirinya . (4) Catharsis (menyucikan diri) dari segala dosa. Hanya jika seseorang dapat menjauhkan diri dari kejahatan dan berhenti dari melakukan perbuatan salah, menenangkan diri dan minda sepenuhnya baharulah dia beroleh kesedaran diri. (5) Kelakuan baik. Hanya jika seseorang menjalani kehidupan dengan jujur, bertapa dan berwawasan serta hidup membujang baharulah dia akan mendapat kesedaran Tuhan. (6) menyukai Shreyas (kebaikan) darpada Preya (keseronkan). Terdapat dua prbezaan iaitu Kebaikan dan keseronokan. Kebaikan adalah berkaitan dengan spiritual dan keseronokan pula berkaitan dengan keduniaan. Terserah kepada seseorang untuk menilai dan membuat pilihan terhadap kedua - dua perkara ini. Seseorang yang bijak sudah pasti akan memilih kebaikan manakala yang tamak dan mempunyai pertalian akan memilih keseronokan. (7) Mengawal minda dan deria. Badan adalah kereta kuda manakala diri adalah tuannya. Intelek adalah penunggang kereta kuda manakala minda adalal tali kekang. Deria adalah kuda dan objek deria bagi laluannya. Seseorang yang tidak mempunyai kefahaman dan mereka yang mindanya tidak terkawal dan tidak dapat dikendalikan adalah seperti kuda liar terhadap penunggangnya, tidak akan sampai ke destinasinya (mendapat kesedaran), sebaliknya akan melalui putaran kelahiran dan kematian. Namun mereka yang derianya terkawal, seperti kuda yang jinak terhadap penunggangnya akan

sampai ke destinasinya iaitu kesedaran diri dan dia tidak akan dilahirkan semula. Seseorang yang memahami seperti penunggang kuda (penunjuk) dan berjaya mengekang mindanya, dapat sampai ke penghujung perjalanan, iaitu kediaman yang agung dan meliputi semua, Vishnu (Tuhan). (8) Pembersihan minda. Hanya jika seseorang itu menjalankan kehidupannya dengan baik, tidak terlalu dipengaruhi oleh tanggunjawab kehidupannya, maka baharulah mindanya akan bersih dan hanya dengan pembersihan mindanya dia akan memperolehi kesedaran diri. Hanya di dalam minda yang bersih Viveka (diskriminasi di antara yang nyata dan tidak nyata) dan Vairagya (tidak terikat

dengan yang tidak nyata) akan muncul dan membawa kepada kesedaran diri. Jika keegoan tidak dilepaskan, ketamakan tidak dibuangkan, minda penuh dengan keinginan maka kesedaran adalah mustahil. Idea tentang ‘ Saya adalah badan ‘ hanyalah khayalan dan pertalian kepada idea ini adalah punca perhambaan. Tinggalkkan idea ini dan pertaliannya jika anda hendak mendapat kesedaran diri. (9) Keperluan Guru. Ilmu pengetahuan tentang diri adalah sangat halus dan mistik sehinggakan tidak ada seorangpun yang dapat mengharap untuk mencapainya hanya dengan usahanya sendiri. Maka bantuan dari orang lain - Guru, yang telah mencapai kesedaran diri adalah sangat diperlukan. Apa yang seseorang tidak dapat capai dengan kepayahan dan kesakitan, dengan mudah dicapai dengan bantuan Guru yang sedemikian kerana dia telahpun melalui jalan tersebut.Dia akan mudah membawa muridnya selangkah demi selangkah untuk sampai ke progress spiritual. (10) dan yang terakhir, rahmat Tuhan adalah yang paling penting. Jika Tuhan merasa gembira dengan semua orang, dia akan memberikan Viveka dan Vairya serta membawa mereka dengan selamat di luar lautan kehidupan duniawi. Sendiri

tidak boleh dicapai melalui pelajaran Vedas atau intelek mahupun dengan mempelajari berlebihan. Dia yang memilih Diri maka dialah yang mencapainya. Beliau sendiri yang mendedahkan sifat “, kata Katha Upanishad.

Selepas penghuraian berakhir, Baba menoleh kepada lelaki tersebut dan berkata, “ Tuan, Brahma(atau Mammom) berada di dalam poket awak dalam bentuk lima puluh kali lima puluh (Rs. 250/-) rupees, tolong keluarkan “. Lelaki tersebut mengeluarkan dari poketnya seberkas duit kertas dan terkejut apabila mendapati terdapat 25 keping duit 10 rupees. Melihat kemampuan Baba itu,dia terus meniarap di kaki Baba dam memohon restuNya. Baba kemudian berkata kepadanya, “ Golongkan bungkusan Brahma iaitu duit kertas. Jika awak tidak membuang terus sikap tamak dan haloba, awak tidak akan dapat Brahma yang sebenar. Mana mungkin, jika minda masih memikirkan kekayaan, petalian dan kemakmuran berhasrat untuk mengetahui Brahma, tanpa mengenepikan segala pertalian? Illusi pertalian atau kecintaan terhadap wang adalah sedalam pusaran air kesakitan yang dipenuhi oleh buaya dalam bentuk keangkuhan dan cemburu. Siapa yang kurang keinginan juga boleh merentasi pusaran air ini sendirian. Tamak dan Brahma adalah umpama galah yang berkecai, yang selamanya berlawan sesama sendiri. Di mana ada ketamakan, maka tidak akan ada ruang untuk berfikir atau bermeditasi untuk Brahma. Jadi bagaimana seorang yang tamak hendak memperolehi sikap tidak pilih kasih atau pertolongan. Mereka yang tamak tidak akan merasa tenang, kepuasan dan kepastian. Jika ada walau hanya sedikit pun rasa tamak di minda, kesemua Sadhana tidak akan bermakna. Walaupun pengetahuan seorang lelaki yang banyak membaca, yang tidak bebas dari keinginan kepada buah atau ganjaran tindakannya dan tidak

merasa jijik dengan perbuatannya, pun tidak berguna dan tidak dapat membantunya mendapatkan kesedaran diri. Pengajaran Guru tidak memberi makna kepada

orang yang penuh dengan keegoan dan sentiasa berfikir tentang deria objek. Pembersihan minda adalah sangat perlu. Tanpanya, semua usaha kearah spiritual tidak akan bermakna tetapi hanya pertunjukan dan kemegahan. Oleh itu, adalah lebih baik untuk seseorang mengambil sesuatu yang dia boleh terima dan fahami. Kekayaan Saya banyak dan Saya boleh memberinya kepada sesiapa saja, apa yang dia mahu tetapi Saya harus melihat samada dia layak untuk menerima apa yang Saya beri. Kalau awak mendengar Saya dengan berhati - hati, awak akan pasti beroleh keuntungan. Duduk di Masjid ini Saya tidak pernah bercakap perkara yang tidak benar “.

Apabila tetamu dijemput ke rumah, kesemua ahli di dalam rumah tersebut dan kawan - kawan serta saudara - mara yang kebetulan berada di situ turut sama diberi layanan sebagaiman tetamu tersebut. Maka semua yang hadir di Masjid pada ketika itu turut ikut serta di dalam majlis spiritual yang dilakukan oleh Baba untuk lelaki kaya tersebut. Setelah mendapat restu Baba, kesemua mereka termasuk lelaki kaya itu beredar dengan perasaan gembira dan berpuas hati. Karektor Baba yang istimewa Terdapat banyak orang - orang Keramat yang meninggalkan rumah mreka dan tinggal di dalam hutan, gua atau pertapaan dan tinggal bersendirian, cuba untuk mendapatkan pembebasan dan kelamatan untuk diri mereka. Mereka tidak pedulikan orang lain dan sentiasa menyendiri. Sai Baba bukanlah jenis yang begitu. Dia tidak memiliki rumah, tidak mempunyai isteri, tiada anak, tiada pertalian dekat atau jauh. Namun begitu, dia masih hidup di dalam

masyarakat. Dia meminta sedekah roti dari empat atau lima buah rumah, sentiasa duduk di bawah pokok Neem, menjalankan urusan keduniaan dan mengajar manusia bagaimana untuk menjalani hidup di dunia ini. Jarang ada Sadhus dan Keramat yang selepas mendapat visi Tuhan, berusaha untuk kebajikan orang lain. Hemadpant mengatakan Sai Baba adalah yang pertama.

Dirahmatilah negeri tempat kelahiran Sai Baba yang luarbiasa, terunggul umpamakan permata yang tulin dan berharga ini dan dirahmatilah ibubapanya yang murni juga dirahmatilah keluarganya.

Penghormatan Untuk Sri Sai – Sejahtera Untuk Semua

Bab XVIII & XIX

Bagaimana Hemadpant Diterima dan Direstui

Cerita - cerita tentang En. Sathe dan Puan Deshmukh - Menggalakkan Pemikiran Baik untuk Penyelesaian - Kepelbagaian dalam upadesh - Mengajar, Membaca, Fitnah dan Ganjaran untuk Pekerja.

Di dalam dua bab yang lepas, Hemadpant menerangkan bagaimana lelaki kaya, berharap untuk mendapatkan Brahma - Jnana dengan segera dan bagaimana Baba melayannya. Sekarang di dalam dua bab ini, dia akan menerangkan pula tentang dirinya, bagaimana dia diteima dan direstui oleh Baba, bagaimana Baba mnggalakkan pemikiran baik serta menyelesaikannya. Juga mengajar tentang memperbaiki diri, fitnah dan ganjaran untuk pekerja.

Pendahuluan

Sudah diketahui bahawa Sadguru melihat dahulu pada kelayakan yang ada pada muridnya kemudian baharulah beliau akan memberikan arahan tanpa menganggu minda mereka dan membimbing mereka ke arah sasaran untuk mencapai kesedaran diri. Dalam hal ini, ada yang mengatakan bahawa apa yang diajar atau diarah oleh Sadguru tidak sepatutnya diumumkan kepada orang lain. Mereka beranggapan bahawa arahan tersebut akan menjadi kurang berkesan jika diterbitkan. Pandangan itu adalah tidak betul. Sadguru umpamakan awan monsun. Dia mencurahkan dengan banyak, iaitu menabur dengan luas pengajaran umpama nektar. Ini harus kita nikmati dan serapkan sebagai pengisian hati

kemudian menyajikannya kepada orang lain tanpa menyimpan sedikit pun. Peraturan ini harus digunakan bukan sahaja semasa kita di dalam keadaan sedar tetapi juga untuk visi yang beliau berikan di dalam mimpi kita. Untuk memetik contoh: Budhakowshik Rishi mengubah mantera Ram - raksha yang diraikan, yang dia nampak melalui mimpinya.

Umpamakan seorang ibu yang memaksa anak - anaknya menelan ubat yang pahit tetapi menyembuhkan demi untuk kesihatan mereka, Sai Baba menyampaikan arahan spiritual kepada para pengikutnya. Caranya tidak terselubung atau rahsia sebalikNya sentiasa terbuka. Para pengikut yang menurut arahanNya akan mencapai objektif. Sadguru seperti Sai Baba membuka mata kita kepada inntelek dan menunjukkan kita kehebatan kecantikan diri dan memenuhi kelembutan kerinduan kepada kesetiaan. Apabila ini telah berjaya, keinginan kita kepada deria objek berakhir, buah kembar Viveka (diskriminasi) dan Vairagya (tidak pilih kasih atau tanpa pertalian) akan berada di tangan kita sementara ilmu pula bercambah walaupun ketika tidur. Semua ini kita akan dapat, bila kita berjumpa dengan orang - orang Keramat (Sadguru), melayani mereka dan memperolehi kasih sayang mereka. Tuhan yang memenuhi keinginan para pengikutNya, menyelamatkan kita, meleraikan masalah dan penderitaan serta membuatkan kita gembira. Perkembangan dan kemajuan ini adalah disebabkan bantuan Sadguru, yang dianggap Tuhan. Oleh

itu, kita harus sentiasa mengikut Sadguru, mendengar ceritaNya dan melayani dia. Sekarang kita pergi ke cerita utama.

En. Sathe

Seorang lelaki yang bernama En.Sathe, yang pernah mendapat publisiti beberapa tahun yang lalu semasa Regim Crowford yang telah dikalahkan oleh Raja Reay, yang kemudian adalah Gabenor untuk Bombay. Dia mengalami beberapa kerugiaan di dalam perniagaanya. Masalah kerugian lain menambahkan lagi masalah kepadanya dan membuatkan dia sedih dan muram. Merasakan dirinya tidak berdaya, beliau terfikir untuk meninggalkan rumahnya dan pergi jauh. Seseoang pada umumnya tidak memikirkan Tuhan tetapi apabila menghadapi kesusahan dan dilanda masalah, dia akan kembali kepadaNya dan berdoa untuk kelegaan. Apabila perbuatan jahatnya telah berakhir, Tuhan akan mengaturkan petemuan untuknya bertemu dengan Keramat yang akan menunjukkan arah yang betul berkaitan dengan kebajikannya. En. Sathe mengalami pengalaman yang serupa. Kawannya menasihatinya untuk pergi ke Shirdi, tempat di mana banyak orang bekumpul untuk mendapat darshan Sai Baba bagi mendapatkan ketenangan minda dan memenuhi hajat mereka. Dia sukakan idea itu lalu segera berangkat ke Shirdi dalam tahun 1917. Melihat rupa Baba yang seperti Brahma abadi, bercahaya, tiada calar dan bersih, membuatkan mindanya yang bercelaru menjadi tenang . Dia merasakan bahawa segala kebaikan yang terkumpul pada kehidupannya yang lepas yang telah membawanya ke kaki suci Baba. Beliau adalah seorang lelaki yang mempunyai semangat yang kuat. Dengan segera dia mula membuat parayana (belajar) tentang Guru - charita. Setelah pembacaannya selesai di dalam saptaha (tujuh hari), Baba memberinya visi pada malam itu. Inilah kesannya: Baba dengan Guru - Charita di tangannya menerangkan isi kandungannya kepada En.Sathe, yang sedang duduk di hadapannya dan mendengar dengan teliti. Bila dia sedar, dia masih

ingat mimpinya dan merasa sungguh gembira. Dia merasakan Baba terlalu baik, siapa yang membangunkan jiwa seperti dia yang berdengkur di dalam kejahilan dan membuatkan mereka menikmati nektar dari Guru - charita. Keesokan harinya, dia memberitahu Kakasehab Dixit tentang visinya dan memintanya bertanya kepaa Sai Baba tentang maksud mimpi tersebut - Samada satu saptah (seminggu) sahaja membaca adalah mencukupi ataupun dia harus membaca semula. Apabila mendapat peluang yang baik, Kakasaheb Dixit telah brtanya kepada Baba - " Deva (Oh Tuhan). Apa yang Awak cadangkan untuk En Sathe dengan visi ini? Samada dia harus berhenti atau meneruskan saptaha? Dia adalah pengikut yang sederhana, keinginannya harus dipenuhi dan visi itu harus diterangkan kepadanya dan dia harus direstui ". Kemudian Baba menjawab, " Dia harus membuat sekali lagi saptah untuk buku itu. Jika kerja itu dibuat dengan sebaiknya, pengikut akan menjadi bersih dan akan mendapat

keuntungan.Tuhan akan menjadi gembira dan akan menyelamatnya dari perhambaan kewujudan duniawi ".

Pada masa ini, Hemadpant berada di sana. Dia sedang membasuh kaki Baba. Bila dia mendengar kata - kata Baba, mindanya berfikir sedemikian ," Apa! En. Sathe hanya membaca seminggu sahaja sudah mendapat ganjaran dan saya pula membaca selama empat puluh tahun tanpa ada keputusan! Tujuh hari dia tinggal di sini sudah membuahkan hasil sedangkan tempoh tujuh tahun saya menetap di sini (1910 hingga 1717) tiada apa - apa hasil pun. Umpamakan burung Chatak saya tetap menunggu Awan yang Pemurah (Baba) untuk mencurahkan nektar ke atas saya serta merestui saya dengan arahannya ". Sebaik sahaja fikiran ini bermain di kepala Hemadpant, Baba sudah mengetahuinya.

Pengalaman sebagai para Bakti membolehkan beliau membaca dan mengetahui apa yang difikirkan oleh mereka. Dia akan menghapuskan fikiran jahat yang bermain di kepala mereka dan menggalakkan yang baik. Membaca fikiran Hemadpant, Baba dengan segera menyuruhnya bangun dan pergi kepada Shama (Madhavrao Deshpande) untuk mendapatkan Rs.15/- sebagai dakshina,duduk serta bercakap sebentar dengannya kemudian kembali. Rahmat muncul di minda Baba maka beliau memberikan arahan tersebut. Siapa yang dapat melanggar arahan Baba?

Hemadpant segera meninggalkan Masjid dan pergi ke rumah Shama. Shama baru sahaja selesai mandi dan memakai dhotar. “ Kenapa awak ada di sini? Nampaknya awak datang dari Masjid. Kenapa awak nampak lemah dan muram? Kenapa sendirian? Silakan duduk dan berehat, saya akan melakukan pemujaan saya dan akan kembali. Sementara itu awak ambilkan pan - vida (daun sirih dan pinang dan lain - lain) dan kita akan berbual - bual “. Selepas berkata begitu, dia masuk ke dalam dan membiarkan Hemadpant duduk sendirian di anjung rumah. Hemadpant ternampak di dalam cermin, buku yang terkenal bertajuk ‘ Nath - Bhagwat ‘. Ia diulas oleh Keramat Ekanath, pada Skandha (bab) sebelas dari hasil kerja Sanskrit yang terbesar, Bhagwat. Atas nasihat dan cadangan dari Baba, Bapusaheb Jog dan Kakasaheb Dixit membaca Bhagwad Geeta setiap hari di Shirdi bersama ulasan Marathi bertajuk Bhawartha - Deepika atau Jnaneshwari (perbualan di antara Krishna dan sahabatnya Pengikut Arjuna) dan Nath Bhagwat (perbualan di antara Krishna dengan pembantu pengikut Uddhava) juga hasil kerja terbaik Ekanath yang lain seperti Bhawartha Ramayana. Bila para pengikut datang kepada Baba dan bertanyakan soalan tertentu,Dia kadangkala hanya menjawab sebahagian sahaja kemudian menyuruh mereka pergi

dan mendengar bacaan hasil kerja yang disebut tadi, iaitu risalah utama dari Bhagwat Dharma. Apabila para pengikut mendengar, mereka akan mendapat jawapan yang lengkap dan memuaskan bagi soalan mereka. Hemadpant juga pernah membaca sebahagian daripada buku Nath - Bhagwat.

Pada hari itu, dia tidak menghabiskan bacaan hariannya, sebaliknya dia meninggalnya demi untuk menemani para pengikut tertentu yang pergi ke Masjid. Apabila dia mengambil buku dari cermin Shama dan membukanya, dia terkejut kerana mendapati bahagian yang belum habis dibacanya telah muncul. Dia merasakan bahawa Baba dengan baik hati telah menghantarnya ke rumah Shama untuk membolehkannya menghabiskan bacaan hariannya. Sebaik sahaja ianya habis, Shama juga kembali selepas melakukan pemujaannya dan perbualan yang seterusnya ini telah berlaku.

Hemadpant:- Saya telah datang membawa mesej dari Baba. Dia menyuruh saya kembali dengan membawa duit sebanyak Rs. 15/- sebagai dakshina dari awak, juga duduk berbual - bual bersama awak sekejap kemudian balik ke Masjid bersama awak.

Shama (dengan rasa terkejut):- Saya tidak mempunyai duit untuk diberikan. Ambil 15 Namaskars (tunduk hormat) dari saya sebagai ganti dakshina untuk Baba.

Hemadpant:- Baiklah. Namaskaras awak diterima. Sekarang mari kita berbual bual. Beritahu saya tentang beberapa cerita dan Leela Baba, yang boleh menghapuskan dosa kita.

Shama:- Kalau macam tu duduklah di sini sekejap. Sungguh menakjubkan olahraga (Leela) dari Tuhan ini (Baba). Awak sudah tahu. Saya berasal dar kampong dan awak pula penduduk Bandar.

Awak telah nampak banyak Leela sejak awak datang ke mari. Bagaimana harus saya terangkan pada awak? Sekarang ambil daun sireh ni, pinang dan chunam dan makanlah pan - vida sementara saya mamakaikan pakaian saya dan kembali semula ke sini. Beberapa minit kemudian, Shama datang kembali dan mula bercakap dengan Hemadpant. Dia berkata, “ Leela untuk Tuhan (Baba) adalah ajaib.Tidak ada penghujung bagi LeelaNya. Siapa yang dapat melihatNya? Dia bermain atau berolahraga dengan Leela Nya, namun Dia masih berada di luar daripada nya (tidak dipengaruhi). Apa yang orang kampong macam kami tahu? Kenapa tidak Baba sendiri yang menceritakan? Kenapa dia menghantar orang macam awak kepada orang bodoh macam saya? Cara Dia tidak dapat dibayangkan. Saya Cuma dapat katakana bahawa mereka bukannya Manusia “. Dengan pendahuluan ini Shama menambah, “ Saya teringatkan sebuah cerita, yang saya akan kongsikan pada awak sekarang. Saya tahu cerita ini secara peribadi. Apabila para pengikut telah berazam dan bertekad, begitu juga dengan tindak balas Baba. Kadangkala Baba memberikan mereka ujian berat dan memberikan mereka ‘ Upadesh (arahan).

Sebaik sahaja Hemadpant mendengar perkataan ‘ Upadesh ‘, sekilas cahaya memancar dalam mindanya. Dia dengan serta - merta teringatkan kisah bacaan Guru - charitra En. Sathe dan teringat yang Baba telah menghantarnya kepada Shama demi untuk memberikan ketenangan di mindanya. Namun begitu, dia menahan sahaja perasaannya dan mulai mendengar cerita - cerita Shama. Semua menunjukkan betapa baik dan rapatnya Baba dengan para pengikutNya. Hemadpant mulai merasa seronok mendengarnya. Kemudian Shama mulai bercerita tentang kisah berikutnya.

Puan Radhabai Deshmukh

Terdapat seorang wanita tua yang bernama Radhabai. Dia adalah ibu kepada seorang Khashaba Deshmukh. Mendengar kehebatan Baba, dia telah datang ke Shirdi bersama penduduk Sangamner. Dia mengambil darshan Baba dan sangat berpuas hati. Dia sangat menyayangi Baba dan berazam di dalam mindanya yang dia harus menerima Baba sebagai Guru dan mengambil sedikit Upadesh dariNya. Itu saja yang dia tahu. Dia bertekad untuk berpuasa sehingga mati selagi Baba tidak menerimanya dan memberikannya Upadesh atau mantera. Dia tinggal di rumahnya tanpa makan dan minum selama tiga hari. Saya takut dengan cubaan berat wanita tua ini, lalu menjadi orang perantaraan dengan Baba bagi pihak dia. Saya berkata, " Deva, apa yang telah Awak mulakan? Awak membawa banyak orang ke mari. Awak tahu wanita itu. Dia sangat degil dan bergantung kepada Awak sepenuhnya. Dia telah berazam untuk berpuasa sehingga mati, jika Awak tidak menerima dan memberinya arahan. Sekiranya perkara buruk berlaku, orang akan menyalahkan Awak dan menuduh Awak tidak mengarahkannya menyebabkan dia menemui ajalnya. Maka tolong kasihani dia,restui dan berilah arahan kepadanya ". Melihat keazamannya, Baba pun memanggilnya, menukarkan cara pemikirannya dan berkata kepaanya seperti berikut:- " Oh ibu, kenapa awak meletakkan diri awak dalam penyeksaan yang tidak diperlukan ini dan bergegas untuk mati? Awak sebenarnya adalah ibu Saya dan Saya adalah anak awak Kasihanilah Saya dan dengarlah kata - kata Saya. Saya akan menceritakan tentang diri Saya dan jika awak mendengar dengan teliti, ia akan membawa kebaikan untuk awak. Saya mempunyai seorang Guru. Dia adalah seorang Keramat yang sangat pemurah. Saya sudah lama berkhidmat dengannya tetap dia masih tidak meniup apa - apa mantera ditelinga Saya. Saya

mempunyai keinginan yang kuat iaitu Saya tidak akan meninggalkannya tetapi akan terus tinggal bersamanya, berkhidmat untuknya dan berusaha untuk mendapat sedikit arahan darinya. Namun, dia mempunyai caranya tersendiri. Pada mulanya dia botakkan kepala Saya dan meminta dari Saya dua keping duit

syiling sebagai dakshina. Saya membayar serta merta. Kalau awak katakan Guru saya sangat sempurna tapi kenapa meminta duit dan bagaimana dia boleh disebut sebagai tidak berkeinginanan? Saya akan menjawab yang dia tidak peduli tentang duit syiling. Dia nak buat apa dengan duit itu? Dua keping syiling itu adalah (1) Ketegasan atau Keyakinan dan (2) Kesabaran atau kegigihan.Saya memberikan dua perkara ini kepadanya dan dia sangat gembira. “ Saya telah bersama Guru selama 12 tahun. Dia yang membesarkan Saya. Tidak pernah kekurangan makanan atau pakaian. Dia penuh dengan kasih sayang? Tidak,dia sayangkan penjelmaan. Bagaimana saya hendak menerangkannya? Dia sangat sayangkan Saya. Jarang ada Guru seperti dia. Bila Saya nampak dia,dia seolah - olah fokus di dalam meditasinya dan kedua - dua kami dipenuhi dengan berkat. Siang dan malam Saya memandang tanpa rasa lapar dan dahaga. Tanpanya Saya tidak berdaya. Saya tidak ada objektif untuk bermeditasi atau melakukan perkara lain selain dari datang kepada Guru Saya. Dia adalah pelarian diri saya. Fikiran saya sentiasa padanya. Ini adalah satu keping dakshina. Saburi (Sabar atau kegigihan) adalah kepingan yang lain. Saya menunggu sungguh lama dan terus berkhidmat untuknya. Saburi ini akan membawa awak menyeberangi lautan kewujudan duniawi. Saburi adalah kejantanan seorang lelaki, ia menghilangkan segala dosa and kesengsaraan, menghapuskan masalah dalam bermacam cara, menjauhkan ketakutan dan akhirnya akan memberikan kejayaan.

Saburi adalah lombong penyembuhan, teman kepada pemikiran yang baik. Nitasha (Keyakinan) dan Saburi (Kesabaran) adalah seperti adik - beradik kembar, menyayangi satu sama lain dengan intim “.

Guru Saya tidak pernah mengharapkan perkara lain dari Saya. Dia tidak pernah mengenepikan Saya tetapi melindungi Saya setiap masa. Saya tinggal bersamanya dan pernah berada jauh darinya sekejap, namun Saya tidak pernah merasa keinginan atau kehilangan kasihnya. Dia sentiasa melindungi Saya dengan pandangannya, seperti penyu memberi makan anaknya, samada mereka berada dekat atau jauh darinya di seberang tebingan sungai melalui pandangan sayangnya. Oh ibu, Guru Saya tidak pernah mengajar Saya tentang Mantera, jadi bagaimana Saya harus meniup Mantera di telinga awak? Ingatlah pada Penyu Guru - seperti pandangan sayang memberikan kebahagiaan. Jangan cuba meminta Mantera atau Upadesh dari sesiapa. Jadikan Saya satu - satunya objek di dalam fikiran dan perbuatan awak dan awak akan pasti mendapat Paramartha (Tujuan kehidupan spiritual). Lihatlah Saya dengan sepenuh hati dan Saya juga akan memandang awak denga cara yang serupa. Duduk di Masjid ini Saya sentiasa bercakap yang benar sahaja. Tidak perlu Sadhanas, atau kemahiran tentang Shatra yang enam. Harus ada keyakinan dan kepercayaan terhadap Guru. Percayalah sepenuhnya bahawa Guru adalah satu - satunya pelakon atau

yang membuat. Mereka yang mengetahui kehebatan Gurunya dan memikirkannya seperti penjelmaan Hari, Hara dan Brahma (Trimurti) “. Mendengar cerita itu dengan berhati - hati dan penuh perhatian, menilai makna dan kesesuaian, Hemadpant telah dengan mengejutnya bersetuju. Melihatlkan kehebatan Leela Baba,

dia merasa terharu dari hujung rambut hingga ke hujung kaki, dia merasa sungguh seronok, tekaknya rasa tersekat dan dia tidak mampu untuk berkata - kat walau sepatah kata pun. Shama yang melihat keadaannya seperti itu terus bertanya, “ Kenapa dengan awak, kenapa awak diam? Berapa banyak Leela Baba yang tak terhitung itu harus saya terangkan! “ Kebetulan pada masa itu loceng Masjid mula berbunyi, menandakan waktu pemujaan tengahari dan upacara Arati sedang bermula. Oleh itu, Shama dan Hemadpant segera menuju ke Masjid. Bapusaheb Jog baru sahaja memulakan pemujaan. Wanita - wanita berada di bahagian atas Masjid dan lelaki pula berdiri di bawah iaitu di depan halaman dan mereka semua sedang menyanyikan Arati dengan kuat pada bahagian korus sambil diiringi oleh gendang. Shama naik ke atas, menarik Hemadpant bersamanya. Dia duduk di sebelah kanan dan Hemadpant di depan Baba. Apabila melihat mereka berdua, Baba meminta Hemadpant memberikan dakshina yang diminta dari Shama. Dia memberitahu yang Shama memberikan Namaskaras untuk menggantikan Rupees dan dia sendiri ada bersama. Baba berkata, “ Baiklah, sekarang beritahu Saya samada awak berdua ada berbual dan sekiranya ada, ceritakan pada Saya apa yang awak berdua bualkan “. Tanpa mempedulikan bunyi loceng, gendang dan nyanyia korus, Hemadpant begitu bersemangat hendak memberitahu apa yang mereka telah bualkan lalu mula bercerita. Baba juga teruja untuk mendengar, maka dia meninggalkan gulingnya dan pergi ke hadapan. Hemadpant memberitahu bahawa semua yang mereka bincangkan adalah sangat menarik terutama sekali cerita tentang wanita tua itu, adalah yang paling menarik.Semasa mendengar cerita itu, dia merasakan bahawa Leela beliau sukar untuk diterangkan, dan di sebalik cerita itu Baba sebenarnya telah merestuinya. Baba

kemudian bekata, “ Sungguh menarik cerita itu. Bagaimana kamu rasa direstui? Saya ingin tahu semuanya secara lengkap dari awak, jadi ceritakan pada Saya “. Hemadpant kemudian menceitakan kesemua cerita yang didengarnya dari Shama, yang telah memberikan gambaran kekal di mindanya. Mendengarkan ini Baba merasa sangat gembira dan bertanya kepadanya, “ Adakah cerita tersebut memberi kesan kepada awak dan adakah awak dapat menangkap kaitannya? “ Dia menjawab, “ Ya, Baba, keresahan minda saya telah hilang dan saya telah mendapat ketenangan dan rehat yang sebenar serta faham tentang jalan yang benar.

Kemudian Baba berkata:- “ Cara Saya adalah sedikit unik. Ingat baik - baik, cerita ini dan ianya akan sangat berguna.Untuk mendapat ilmu pengetahuan

(kesedaran) untuk diri, Dhyana (meditasi) adalah perlu. Kalau awak mempraktikkannya berterusan, Vrittis (fikiran) akan menjadi tenang. Menjadi agak kurang berkeinginan, awak akan bermeditasi kepada Tuhan, yang berada di dalam setiap makhluk dan sekiranya minda fokus, maka tujuan akan dapat dicapai. Meditasi sentiasa pada sifat tanpa bentuk Saya, iaitu penjelmaan ilmu pengetahuan, kesedaran dan kebahagiaan. Kalau awak tidak dapat melakukan ini, meditasi pada bentuk Saya dari atas hingga ke kaki Saya sebagaimana yang awak nampak di sini siang dan malam. Apabila awak terus melakukan ini, fikiran awak akan fokus pada satu tempat dan perbezaan diantara Dhyata (orang yang bermeditasi). Dhyana (perbuatan meditasi), Dhyeya (meditasi untuk apa) akan hilang.Orang yang bermeditasi akan bersatu dengan kesedaran dan bercantum di dalam Brahman. Ibu penyu berada di seberang tebing sungai, manakala anak - anaknya pula di

sebelah yang lain pula. Dia tidak memberi susu mahupun kehangatan kepada mereka. Hanya pandangannya yang memberikan mereka khasiat pemakanan. Anak - anaknya tidak membuat apa - apa tetapi mengingati (meditasi) ibu mereka. Pandangan ibu penyu adalah untuk anaknya, curahan nektar, satu - satunya sumber makanan dan kebahagiaan. Begitulah persamaannya dengan hubungan di antara Guru dan muridnya “. Apabila Baba meyebut ayat yang terakhir ini, nyanyian korus Arati juga berhenti dan semua mereka melaungkan serentak: “ Kemenangan untuk Sadguru Sai Maharaj kita, yang Wujud, Berilmu dan Bahagia “. Pembaca budiman, mari kita bayangkan, yang kita juga pada waktu ini berdiri di kalangan mereka di Majid. Mari kita bersama mereka di dalam Jayajayakar ini. Selepas upacara Arati telah berakhir, manisan telah diedarkan. Bapusaheb Jog memulakan sebagaimana kebiasaannya dan selepas memberi penghormatan kepada Baba, memberikan segenggam manisan gula ke tanganNya. Baba memberikan semua manisan tersebut ke tangan Hemadpant dan berkata kepadanya, “ Kalau awak mengambil cerita ini ke hati dan mengingatinya dengan baik,keadaan awak akan jadi semanis manisan gula ini, semua impian akan tercapai dan awak akan menjadi gmbira “. Hemadpant tunduk hormat di hadapan Baba dan berkata, “ Sentiasalah merestui dan melindungi saya “. Baba menjawab, “ Dengar cerita ini. Berfikir dalam - dalam dan fahami semangatnya. Baharulah awak akan selalu ingat untuk bermeditasi pada Tuhan, yang akan membuktikan diriNya pada awak.

Para pembaca semua! Hemadpant telah mendapat manisan gula sebelum ini dan sekarang kita pula yang mendapat manisan gula atau nektar dari cerita ini. Mari kita meminumnya sehingga

mengisi hati, bermeditasi dengannya dan memahaminya dan menjadi kuat serta gembira denga restu Baba. Amin!

Di penghujung bab19 Hemapter Hemadpant telah berhadapan dengan perkara lain seperti yang diberitahu di bawah.

Nasihat Baba Berkaitan Kelakuan kita

Kata - kata Baba yang seterusnya adalah umum dan paling bernilai. Jika ia disimpan di dalam minda dan dipraktikkan, ia akan sentiasa membawa kebaikan. “ Hanya jika ada perhubungan dan pertalian, tiada yang akan ke mana - mana. Jika ada lelaki atau makhluk datang kepada awak, janganlah bersikap biadap mengusir mereka tetapi terimalah mereka dan layan dengan hormat. Sri Hari (Tuhan) sudah pasti akan senang hati, kalau awak memberikan air untuk yang dahaga, roti untuk yang lapar, baju untuk yang tidak berpakaian dan anjung rumah untuk mereka duduk dan berehat. Jika ada sesiapa meminta duit dari awak dan awak tidak bersedia untuk memberi, jangan diberi tetapi jangan pula disalak macam anjing. Biarkan orang bercakap beratus benda tentang awak, jangan membalas dengan kata - kata yang pahit. Jika anda sentiasa bertoleransi dengan perkara seperti ini, sudah pasti anda akan gembira. Biarkan dunia menjadi tunggang terbalik, awak terus saja berada di tempat awak. Berdiri atau tinggal di tempat awak sendiri, perhatikan dengan tenang segala benda yang lalu di depan awak. Hapuskan dinding perbezaan yang memisahkan awak dari Saya maka jalan untuk perjumpaan kita akan lancar dan terbuka. Perasaan perbezaan, seperti saya dan awak, adalah halangan yang menjauhkan murid dari Tuannya, kecuali jika ianya dimusnahkan penyatuan dan taubat adalah mustahil. “ Allah Malik “ yang bermaksud Tuhan adalah Maha

Pemilik, tiada yang lain sebagai pelindung kita. Cara pekerjaannya adalah sangat luar biasa, sangat bernilai dan tidak dapat difahami. Hasratnya akan dilaksanakan dan Dia akan menunjukkan kita jalan serta memuaskan keinginan hati kita. Adalah disebabkan Rinaubandh (hubungan yang terdahulu) maka kita dapat bersama. Mari kita menyayangi dan melayani sesama sendiri dan bergembira. Siapa yang mencapai tujuan kehidupan, adalah abadi dan bahagia. Semua yang lain cuma ada iaitu hiduplah selagi bernafas “.

Menggalakkan Pemikiran Baik Tentang Penyelesaian Ianya sungguh menarik untuk menulis bagaimana Sai Baba menggalakkan berfikiran baik. Anda harus menyerahkan diri sepenuhnya kepada Beliau dengan rasa kasih, kesetiaan dan kemudian awak akan nampak bagaimana Beliau membantu anda, di dalam dan di luar, di dalam banyak perkara. Sesetengah Keramat telah berkata, iaitu bila anda mendapat fikiran yang baik, sebaik sahaja bangun dari tidur, dan jika anda meneruskannya seharian, kebijaksanaan anda akan terbentang anda akan mencapai ketenangan.

Hemadpant ingin mencuba ini. Pada suatu malam, iaitu malam Rabu, sebelum masuk tidur, dia berfikir, “ Esok adalah hari Khamis. Hari dan tempat yang

baik, Shirdi, sangat suci jadi lebih baik saya menghabiskan hari ni dengan mengingati dan menyanyikan nama Rama, kemudian tidur. Pagi esok, bila dia bangun dengan mudah dia mengingati Rama - nama dan sangat gembira. Kemudian selepas menghabiskan urusan pagi, dia datang berjumpa Baba dengan membawa bunga. Apabila dia meninggalkan Wada Dixit, lepas itu melintasi Wada Booty (Samandhi - mandir sekarang) dia terdengar lagu yang sedap

yang dinyanyikan dengan baik oleh Aurangabdkar di Masjid di hadapan Baba. Lagu itu adalah Guru - kripanjan payo mere bhai " dan lain - lain dari Ekanath, yang memberitahu bahawa dia mendapat pencuci mata dalam bentuk Restu Guru yang membuka visinya dan membolehkannya melihat Rama, di dalam dan di luar, semasa tidur, semasa bangun dan di mana - mana. Terdapat banyak lagu. Kenapa lagu ini dipilih oleh Aurangabadkar, pengikut Baba? Adakah ini secara kebetulan yang diatur oleh Baba untuk menggalakkan keazaman Hemadpant untuk menyanyi Rama - nama berterusan sepanjang hari? Kesemua Keramat bersetuju untuk bergantung kepada kekuatan menyebut nama Rama (Tuhan), untuk melaksanakan impian para Bakti dan melindungi serta menyelamatkan mereka dari masalah.

Kepelbagaian di dalam Upadesh – Dikutuk Pemfitnah Sai Baba tidak memerlukan tempat istimewa, mahupun masa yang istimewa untk memberi arahan. Bilamana ada kesempatan memerlukan, Dia akan memberi dengan rela hati. Suatu hari, seorang Bakti Baba, mencerca seoarang Bakti yang lain di hadapan orang lain tanpa pengetahuan Bakti itu. Dengan mengenepikan kebaikan, dia menceritakan keburukan saudaranya itu dan bercakap dengan penuh sindiran menyebabkan mereka yang mendengar merasa muak. Seringkali kita lihat seseorang mempunyai kecenderungan untuk memalukan orang lain, tanpa perlu dan ini akan membawa kepada kebencian dan niat jahat. Orang - orang Keramat melihat fitnah dari segi lain. Mereka mengatakan ada berbagai cara untuk membersih dan menghapuskan kekotoran iaitu yang disebabkan tanah,air dan sabun serta lain - lain tetapi pemfitnah mempunyai caranya sendiri. Dia mengeluarkan kekotoran (kesalahan) orang lain menggunakan lidahnya. Dengan kata lain membantu orang yang dicercanya dan untuk itu ucapan terimakasih harus

diberikan kepadanya. Sai Baba ada cara tersendiri untuk membetulkan pemfitnah ini. Dia mengetahui apa yang dilakukan oleh pemfitnah ini dengan sifatNya yang Maha Mengetahui. Apabila Dia berjumpa denganNya pada waktu tengahari di Lendi, Baba menunjukkan kepadanya seekor Khinzir yang sedang makan kotoran berdekatan dengan pagar dan berkata kepadanya, " Lihatlah bagaimana, dengan ghairah ia memakan najis. Perbuatan awak juga serupa. Awak berterusan mencerca saudara sendiri untuk memuaskan hati. Selepas melakukan banyak kebaikan, awak dilahirkan sebagai lelaki dan jika awak berkelakuan seperti ini adakah Shirdi dapat

membantu awak dalam apa - apa perkara? " Tanpa berkata apa - apa, Bakti tersebut mengambil pengajaran tesebut ke dalam hatinya dan berlalu pergi. Dengan cara ini Baba terus memberikan arahan atau nasihat apabila diperlukan. Jika ini ditanamkan ke minda kita dan dipraktikkan, destinasi (kesedaran) tidak akan berada jauh dari kita. Terdapat peribahasa yang mengatakan, " Jika di sana ada Hari saya (Tuhan), Dia akan memberikan saya makan di atas katil ". Peribahasa ini hanya betul jika digunakan berkaitan tentang makanan dan pakaian tetapi jika seseorang percayakan ini, lalu duduk diam tanpa melakukan apa - apa perkara spiritual, dia akan rosak. Seseorang harus berikhtiar bersungguh - sungguh untuk mencapai kesedaran diri. Semakin banyak dia berusaha maka adalah lebih baik untik dirinya.

Baba mengatakan bahwa Dia hadir di mana - mana, menduduki darat, udara, negara, dunia, cahaya, dan syurga, dan bahawa Dia tidak terbatas. Untuk menghapuskan salah faham mereka, yang berfikiran bahawa Baba hanyalah badannya - tiga hasta setengah panjang, dia menjelmakan dirinya dalam bentuk ini dan jika mana

- mana pengikut bermeditasi untuknya siang dan malam dengan penyerahan sepenuhnya, dia akan mengalami penyatuan sepenuhnya (tanpa ada perbezaan) dengan beliau seperti kemanisan dan gula,ombak dan laut, mata dan bulu mata. Dia, yang hendak mengelakkan putaran kelahiran dan kematian, harus menjalani cara hidup yang benar, dengan minda yang tenang dan sabar. Dia harus sentiasa berbuat baik, melakukan tanggunjawabnya dan menyerahkan diri, jiwa dan perasaan kepada Beliau. Dia tidak perlu takutkan apa - apa. Sesiapa yang percayakan Dia dengan sepenuhnya, mendengar dan mengulaskan Leela beliau tanpa memikirkan apa - apa, sudah pasti akan mencapai Kesedaran diri. Baba meminta semua untuk mengingati namaNya dan menyerah diri kepadaNya tetapi untuk mereka yang ingin tahu siapa diri mereka (Siapakah saya), beliau menasihatkan Shravanam (belajar) dan Mananam (meditasi). Kepada yang lain Beliau juga menasihatkan untuk mengingati Tuhan, yang lain pula dinasihatkan mendengar Leela, ada pula dinasihatkan memuja kakiNya, ada yang disuruh membaca dan belajar Adhyatma Ramayam, Jnaneshwari dan juga skrip - skrip suci yang lain. Terdapat juga mereka yang disuruh duduk dekat dengan kakiNya, ada pula dihantar ke kuil Khandoba, yang lain pula dinasihat untuk menyebut berulangkali nama - nama Vishnu dan ada yang disuruh belajar tentang Chandogya Upanishad dan Geeta. Tidak ada limit dan tidak ada batas untuk arahanNya. Ada yang mendapat nasihat dari diriNya sendiri, ada yang mendapat visi melalui mimpi. Untuk yang ketagih mabuk, Dia akan muncul di dalam mimpinya , duduk di atas dadanya, menekannya dan pergi, selepas dia berjanji untuk tidak menyentuh arak lagi. Adakalanya Dia menerangkan tentang beberapa Mantera seperti ‘ Gurur Brahma ‘ melalui mimpi. Ada di antara pengikut, yang

mempraktikkan Yoga Hath, Dia akan menyuruh berhenti melakukan Yoga Hath, duduk diam dan menunggu (saburi).

Adalah mustahil untuk menerangkan kesemua cara yang dilakukanNya. Dalam kehidupan biasa, Dia memberikan contoh melalui perbuatanNya, salah satu daripadanya diberikan di bawah.

Ganjaran Untuk Pekerja

Pada suatu hari,di waktu tengahari, Baba datang ke rumah Radha - Krishna Mai dan berkata, " Bawakan Saya tangga ". Beberapa orang lelaki membawa tangga itu dan meletakkan berdekatan dengan rumah sebagaimana yang diarahkan oleh Baba. Dia mendaki ke atas atap rumah Vaman Gondkar, melintasi atap rumah Radha - Krishna Mai dan turun dari sudut yang lain. Tiada siapa yang tahu apa tujuan Baba berbuat demikian. Radha - Krishna Mai pada masa itu sedang menggigil kerana mengidap penyakit Malaria. Mungkin untuk menghilangkan penyakit tersebut Beliau datang ke situ. Sebaik sahaja turun ke bawah, Baba membayar Dua rupees kepada mereka yang membawa tangga tadi. Salah seorang bertanya kepada Baba kenapa dia membayar begitu banyak untuk itu. Dia memberitahu bahawa tidak ada siapa boleh mengambil pekerja orang lain begitu saja. Pekerja itu harus dibayar, atas bantuannya dengan segera dan berpatutan.

Penghormatan Untuk Sri Sai – Sejahtera Untuk Semua

Bab XX

Masalah Dasganu Diselesaikan oleh Pembantu Rumahi Kaka

Dalam bab ini, Hemadpant menerangkan bagaimana masalah Dasganu diselesaikan oleh pembantu rumah kepada Kakasehab Dixit.

Pendahuluan

Sai (Tuhan) pada mulanya tidak mempunyai bentuk. Dia mengambil bentuk demi untuk para Baktinya. Dengan bantuan artis Maya, Dia menjayakan watak sebagai Aktor di dalam drama besar di cakerawala. Mari kita ingatkan dan membayangkan Sri Sai. Mari kita pergi ke Shirdi dan melihat program dengan teliti, selepas Arati pada tengahari nanti. Selepas upacara Arati selesai, Sai kebiaaannya akan keluar dari Masjid, berdiri di sisi dan membahagikan Udi kepada para pengikut dengan pandangan yang penuh kasih dan sayang. Para Bakti juga bangun dengan semangat yang sama, mengenggam kakiNya, berdiri dan memerhatikannya sambil menikmati hujan Udi. Baba memberikan segenggam Udi ke dalam tapak tangan para pengikut dan menandakan dahi mereka dengan Udi di jariNya. Kasih sayang yang tidak tehingga terhadap mereka tersemat di hatiNya. Kemudian dia berkata kepada Para Bakti seperti

berikut:- “ oh Bhau, pergilah makan tengahari, Anna, baliklah ke rumah awak, Bapu, nikmatilah makanan awak “. Dia menyapa setiap seorang para pengikutNya dan menghantar mereka balik. Malahan sekarang pun anda dapat melihat keadaan ini kalau anda memainkannya di dalam imaginasi anda. Anda boleh bayangkan

dan menikmatinya. Sekarang kita bawa Sai di dalam imaginasi kita, bermeditasi tentang beliau, dari kakiNya sehingga ke wajah, meniarap dengan rasa rendah diri, penuh sayang dan hormat seterusnya kembali kepada cerita di dalam bab ini.

Ishavasha Upanishad

Dasganu pernah mula menulis penjelasan Marathi tentang Ishavasya Upanishad. Mari kita berikan keterangan ringkas tentang Upanishad sebelum meneruskan cerita ini. Ia dipanggil ‘ Mantropanisha ‘, sebab ia terkandung di dalam Mantera Vedia Samhita.Ia terdapat pada bab terakhir atau bab 40 dalam Vajasaneyi Samhita (Yajurveda) dan oleh itu, dipanggil Vajasaneyi Samhitopanishad. Dengan terkandungnya ia di dalam Vedir Samhitas, ianya di anggap teratas daripada semua Upanishad yang lain, yang terdapat di dalam Brahmanas dan Aranyakas (Penjelasan panjang lebar tentang Mantera dan ritual. Bukan itu sahaja, Upanishad lain juga dianggap menjelaskan berkenaan dengan kebenaran yang diterang secara ringkas di dalam Ishavasya Upanishad. Sebagai contoh, Upanishad yang terbesar, iaitu Brihadaranyaka Upanishad, dianggap oleh Pandit Satwalekar sebagai penjelasan lengkap tentang Ishavasya Upanishad.

Profesor R.D. Ranade berkata, “ Ishopanishad adalah Upanishad yang kecil tetapi mengandungi banyak tanda - tanda yang menunjukkan pengertian mendalam yang luar biasa. Di dalam pedoman pendek melalui 18 ayat - ayat, ia memberikan gambaran berharga yang ajaib tentang Atman, gambaran tentang Mahaguru bijak yang sempurna, yang berdiri tenang di minda yang penuh godaan dan kesedihan, membayangkan ajaran Yoga Karma sebagai rumusan terakhir dan akhirnya perdamaian di antara tuntutan

ilmu dan kerja. Idea yang paling berharga, yang terdapat pada akar Upanishad, adalah sintesis logik di antara dua pertentangan ilmu dan kerja yang kedua - duanya diperlukan menurut Upanishad, perlu dimansuhkan di dalam sintesis Tertinggi " (mukasurat 24,Tinjauan konstraktif untuk Filosofi Upanishad). Di tempat lain dia mengatakan " Penyajak Ishopanishad adalah campuran moral, ghaib dan metafizik (dalam buku itu juga, mukasurat 41)".

Dari keterangan ringkas yang telah diberi di atas tentang Upanishad ini, sesiapa saja dapat melihat betapa susahnya untuk menterjemahkan Upanishad ini di dalam bahasa daerah dan meringkaskan makna sebenarnya. Das Ganu

menterjemahkannya di dalam Marathi ' Ovi 'metre,satu persatu, tetapi oleh kerana dia tidak memahami intipati Upanishad, dia tidak berpuas hati dengan prestasinya. Dia kemudian meminta pendapat orang bijak pandai berkenaan dengan kekeliruan dan kesukarannya lalu membincangkannya dengan panjang lebar. Mereka tidak dapat menyelesaikannya mahupun memberikan penerangan yang rasional dan memuaskan hati. Jadi Das Ganu merasa risau dengan perkara ini.

Hanya SadGuru Cekap dan Layak untuk menerangkan Sebagaimana yang kita telah lihat, Upanishad adalah lambang untuk Vedas. Ia adalah ilmu pengetahuan tentang kesedaran diri. Ia adalah sabit atau senjata yang boleh mengoyak - ngoyakkan pengabdian hidup dan mati dan membebaskan kita. Oleh itu, dia merasakan, dia yang telah dapat mencapai kesedaran diri sahaja yang dapat memberinya interpretasi yang benar atau betul tentang Upanishad. Apabila tiada siapa yang dapat memuaskan hati Das Ganu, dia mengambil keputusan untuk berbincang dengan Sai Baba mengenai hal ini. Bila dia beroleh peluang untuk pergi ke

Shirdi, dia berjumpa dengan Sai Baba, meniarap di kakiNya dan memberitahu Beliau tentang kesukarannya mengenai Ishavasya Upanishad lalu meminta Beliau memberikan penyelesaian yang betul. Sai Baba, merestuinya dan berkata, “ Awak tidak perlu merasa teruja, tidak ada kesukaran di dalam perkara ini, pembantu rumah Kaka (KakasahebDixit) akan menyelesaikan kekeliruan di Vile Parle, dalam perjalanan balik nanti. Orang - orang yang hadir dan mendengar, berfikir Baba sedang bergurau lalu berkata, “ Bagaimana pembantu rumah yang buta huruf boleh menyelesaikan kesukaran alam ini “. Namun Das Ganu memikirkan sebaliknya. Dia yakin apa yang Baba katakan akan jadi kenyataan. Kata - kata Baba adalah ketetapan dari Brahma (Tuhan).

Pembantu Rumah Kaka

Dengan mempercayai sepenuhnya kata - kata Baba, dia meninggalkan Shirdi dan pergi ke Vile Parle (pinggiran kota Bombay) dan tinggal bersama Kakasaheb Dixit. Kemudian keesokannya ,semasa Das Ganu sedang menikmati tidurnya (ada yang mengatakan dia sedang melakukan pemujaan), dia terdengar seorang perempuan menyanyikan sebuah lagu yang indah dengan suara yang sangat jelas dan merdu. Lagu itu berkenaan dengan sari berwarna merah, betapa cantiknya, bagaimana halus sulamannya, bagaimana cantik sisinya dan lain - lain. Das Ganu sangat sukakan lagu itu menyebabkan dia keluar dan mendapati ianya dinyanyikan oleh seorang gadis muda, adik kepada Namya yang menjadi pembantu rumah kepada Kakasaheb. Gadis tersebut sedang mencuci periuk belanga dan hanya memakai pakaian yang koyak rabak. Melihatkan keadaanya yang miskin dan perangai cerianya, Das Ganu merasa kasihan padanya.

Keesokannya, apabila Rao Bahadur M.V. Pradhan memberikan dua pasang Dhotar kepadanya, dia memintanya memberikan sepasang sari kepada gadis yang malang itu juga. Rao Bahadur membelikan Chirdi (sari kecil) yang bagus dan memberikannya kepada gadis itu. Umpamakan seorang yang kelaparan mendapat makanan untuk dimakan, kegembiraannya tidak terhingga. Dia menggunakan Sari baru itu pada hari esoknya dan dengan perasaan yang sungguh riang dan gembira, berpusing, menari dan bermain bermain ‘ Yugadi ‘ dengan gadis- gadis yang lain dan mengalahkan mereka. Hari seterusnya, dia menyimpan sari barunya ke dalam kotak di rumahnya dan datang dengan pakaian lama yang koyak rabak itu namun dia kelihatan gembira seperti hari semalam. Melihat keadaan ini perasaan kasihan Das Ganu bertukar menjadi rasa kagum. Dia berfikir bahawa disebabkan kemiskinan gadis ini tepaksa memakai pakaian koyak - rabak tetapi sekarang walaupun dia sudah mendapat sari yang baru, dia masih menggunakan baju lamanya itu, berjalan mendada, tidak nampak tanda kesedihan atau kekesalan di mukanya. Itu menyebabkan dia sedar bahawa kesemua perasaan dan kesakitan atau kegembiraan bergantung kepada cara pemikiran kita. Dengan memikirkan secara mendalam mengenai insiden ini, dia sedar seorang lelaki harus bersyukur dengan apa yang telah Tuhan anugerahkan kepadanya dengan berpendirian teguh. Dia mengetahui segalanya dan apa saja yang dianugerahkan kepadanya oleh Tuhan adalah untuk kebaikannya. Dalam hal ini, gadis malang yang miskin itu, baju yang koyak - rabak dan sari yang baru, penderma, tarian dan penerimaan adalah bahagian yang telah ditetapkan oleh Tuhan. Maka, Das ganu telah mendapat demonstrasi praktikal oleh Upanishad - pelajaran tentang

kepuasan dengan kepercayaan bahawa segala yang berlaku adalah telah ditentukan oleh Tuhan dan untuk kebaikan diri kita.

Cara Mengajar yang Unik

Dari insiden di atas, pembaca dapat melihat yang cara Baba sangat unik dan berbagai. Walaupun Dia tidak pernah meninggalkan Shirdi, ada yang Dia hantar ke Machhindragad, ada yang dihantar ke Kolhapur or Sholapur untuk latihan Sadhana. Dia juga muncul dalam bentuk diriNya pada waktu tertentu dan ada ketika muncul di waktu jaga atau mimpi siang atau malam dan menunaikan impian mereka. Adalah mustahil untuk menerangkan kesemua cara yang Baba gunakan untuk menyampaikan arahan kepada para Bakti. Di dalam kes ini, Dia menghantar Das Ganu ke Vile Parle dan Dia telah dapat menyelesaikan masalahnya melalui pembantu rumah. Untuk mereka yang merasakan bahawa tidak perlu menghantar Das Ganu keluar dan Baba sendiri boleh mengajarnya, kita akan katakan yang Baba menurut cara yang betul. Bagaimana lagi Das Ganu boleh mendapat pelajaran yang bagus, yang pembantu rumah yang miskin itu dan sarinya telah ditentukan oleh Tuhan.

Sekarang kita tutup bab ini dengan nukilan cantik tentang Upanishad. Etika Ishavasya Upanishad “ Salah satu daripada sifat Ishavasya Upanishad, adalah nasihat tentang etika yang diberikannya. Ianya sangat menarik untuk ditulis bahawa etika Upanishad adalah berdasarkan posisi meta fizik yang berkembang di dalamnya. Ayat pembukaan Upanishad memberitahu kita bahawa Tuhan meresapi segalanya. Kesimpulan dari posisi metafizik, nasihat etika yang ditawarkan adalah, seorang lelaki harus menikmati apa yang Tuhan kurniakan untuknya dengan

kepercayaan yang teguh. Oleh kerana dia meresapi segalanya, maka apa yang dianugerahkan olehnya sudah semestinya baik. Seterusnya Upanishad harus menghalang kita dari mempunyai keinginan terhadap hak milik orang lain. Malahan, kita telah diajar untuk berpuas hati dengan apa yang kita miliki dengan kepercayaan bahawa apa yang berlaku adalah telah ditentukan dan untuk kebaikan kita sendiri. Nasihat moral yang lain adalah seorang lelaki mesti menghabiskan kehidupan dengan melakukan sesuatu, terutama sekali karma yang tercatat di dalam Shastra, yang meyakini penyerahan diri kepada ketentuan Tuhan. Tanpa aktiviti, berdasarkan Upanishad ini, akan menyebabkan penyakit yang merebak di jiwa. Hanya apabila seorang lelaki menghabiskan masanya dengan membuat sesuatu dalam cara ini, maka dia boleh berharap untuk mencapai Naishkarmya yang ideal. Akhirnya teks meneruskan bahawa lelaki, yang nampak semua orang di dalam dirinya dan nampak dirinya di dalam semua orang, Malahan untuk semua manusia dan benda yang wujud telah menjadi diri sendiri - bagaimana lelaki seperti ini boleh menderita keberahian? Untuk apa orang seperti ini akan berduka? Rasa meluat, keasyikan dan kedukaan bermula dari kita yang tidak mampu untuk melihat Atman di dalam semua benda tetapi lelaki yang sedar tentang keunggulan semua barang, untuk mereka yang telah menjadi diri, mesti dengan kenyataan yang demikian, berhenti dari dijangkiti oleh kelemahan biasa manusia (mukasurat 169 - 170 dari Jangkamasa Kreatif dari En. Belvalkar dan En. Ranade).

Penghormatan Untuk Sri Sai – Sejahtera Untuk Semua

Bab XXI

Cerita tentang (1) V.H. Thakur (2) Anantrao Patankar dan (3) Pembela Pandharpur .

Dalam bab ini, Hemadpant menghubungkan cerita Vinayak Harishchandra Thakur,B.A., Anantrao Patankar dari Poona, dan pembela dari Pandharpur. Kesemua cerita ini sangat menarik dan sekiranya dibaca dengan teliti serta difahami, akan membawa pembaca ke jalan spiritual.

Pendahuluan

Ia adalah peraturan biasa, nasib kita yang baik dalam bentuk pengumpulan kebaikan pada kelahiran lepas, yang membolehkan kita mencari teman dari kalangan orang - orang Keramatdan beroleh keuntungan darinya. Dalam illustrasi untuk peraturan ini, Hemadpant memberi contohnya sendiri. Dia adalah residen Magistret di Bandra, pinggiran kota di Bombay untuk beberapa tahun. Keramat Mohamedan yang bernama Pir Moulana juga tinggal di sana. Banyak kaum Hindu, Parsi dan banyak lagi yang lain yang menganut agama yang berbeza biasa pergi kepada beliau dan mengambil darshana. Mujavar (paderi) yang bernama Inus memaksa hemadpant banyak kali, siang dan malam, untuk pergi berjumpa dengannya tetapi atas sebab tertentu, dia ttidak dapat berjumpa dengannya. Selepas beberapa tahun barulah dia beroleh peluang dan dia dipanggil ke Shirdi lalu dia mendaftar secara tetap dalam Darbar Sai Baba. Malangnya dia tidak dapat bertemu dengan orang - orang Keramat. Hanya seseorang yang bertuah akan mendapatkannya .

Institusi Orang - orang Keramat

Terdapat institusi orang - orang Keramat di dunia ini sejak zaman - berzaman. Berbagai Keramat yang menampakkan (menjelma) diri mereka di berbagai tempat untuk memikul misi yang diserahkan untuk mereka.Walaupun mereka bekerja di tempat yang berlainan, mereka seperti biasa, satu. Mereka bekerja bersama di bawah kekuasaan Tuhan yang Maha berkuasa dan mengetahui sepenuhnya apa yang setiap seorang daripada mereka lakukan di tempatnya dan mencukupkan kerjanya jika perlu.Contoh penerangan tentang ini diberikan di bawah.

En. Thakur

Mr. V.H. Thakur,B.A., adalah bekas kerani di Jabatan Hasil dan pernah datang ke Bandar Vadgaum berdekatan dengan Belgaum (S,M. Country) bersama kumpulan - kumpulan peninjau. Di sana dia ternampak Keramat Kanarese (Appa) dan memberikan tunduk hormat kepadanya. Keramat itu menerangkan tentang sebahagian dari buku “ Vichar - Sagar “ dari Nischaldas (hasil terbaik tentang Vedanta) kepada penonton. Apabila Thakur hendak beredar, dia berkata, “ Awak harus membaca buku ini dan jika awak lakukan, impian awak akan dipenuhi dan apabila awak pergi ke utara setelah habis bekerja pada masa akan datang, awak akan bernasib baik terjumpa dengan seorang Keramat yang hebat. Dia akan menunjukkan jalan untuk masa depan awak dan merehatkan minda awak serta membuatkan awak gembira “.

Kemudian, dia telah dipindahkan ke Junnar. Dia terpaksa pergi menyeberangi tangga ke pengkalan sungai di Nhane. Tangga ke pengkalan sungai ini sangat curam dan sukar dan tidak ada pengangkutan lain selain dari kerbau yang digunakan untuk

menyeberangi. Jadi dia terpaksa menunggang kerbau untuk melalui tangga tersebut yang tidak mudah dan sangat menyakitkan. Selepas itu, dia telah dipindahkan ke Kalyan untuk jawatan yang lebih tinggi. Dan di sana dia terserempak dengan Nanasehab Chandorkar. Dia mendengar banyak cerita tentang Sai Baba darinya lalu berhasrat untuk bertemu dengan Sai Baba. Keesokannya, Nanasehab harus pergi ke Shirdi lalu dia mengajak Thakur ikut serta. Dia tidak dapat pergi sebab terpaksa menghadirkan diri di Mahkamah Sivil Thana untuk sebuah kes sivil. Maka Nanasehab pun pergi sendirian. Thakur pergi ke Thana tetapi kes tersebut telah ditangguhkan. Dia merasa menyesal kerana tidak menemani Nanasehab. Namun, dia tetap juga pergi ke Shirdi dan apabila dia sampai ke sana, Nanasehab telah pun meninggalkan Shirdi pada hari semalam. Beberapa orang kawannya yang lain yang ditemuinya di sana telah membawanya berjumpa Baba. Dia berjumpa dengan Baba, meniarap di kakinya dan sangat gembira. Matanya depenuhi dengan air mata kegembiraan dan rambutnya terasa berdiri. Kemudian selepas seketika Baba yang serba tahu itu berkata kepadanya, “ Jalan untuk tempat ini tidaklah begitu mudah seperti pelajaran dari Keramat Appa Kanarese atau seperti menunggang kerbau di tangga ke pengkalan sungai di Nhane. Di dalam jalan spiritual ini, awak harus berusaha sebaik mungkin sebab ianya sangat susah “. Apabila Thakur mendengar amaran dan kata - kata tersebut, dia merasa tersangat seronok. Dia menyedari yang kata - kata Keramat Kanarese telah menjadi kenyataan. Kemudian dia mengenggam kedua tangannya dan meletakkan kepalanya di kaki Baba. Dia berdoa dia akan diterima dan di restui. Baba kemudiannya berkata,” Apa yang diberitahu oleh Appa kepada awak adalah baik tetapi perkara ini harus dipraktik dan dihidupkan. Hanya dengan

belajar melalui buku tanpa restu dari Guru dan kesedaran diri adalah mustahil. Bahagian yang berdasarkan teori telah dibaca dari hasil kerja ‘ Vichar Sagar ‘ oleh Thakur, tetapi secara praktikalnya ia telah ditunjukkan kepadanya di Shirdi. Cerita di bawah ini akan membawa keluar lebih banyak kebenaran. Anantrao Patankar Seorang lelaki dari Poona yang bernama Anantrao Patankar berhasrat untuk bertemu dengan Baba. Dia datang ke shirdi dan mengambil darshan Baba. Matanya tenang dan dia sangat gembira. Dia meniarap di kaki Baba dan selepas mengerjakan pemujaan yang sempurna lalu berkata kepada Baba, “ Saya telah membaca banyak, belajar tentang Vedas, vedants dan Upanishad dan mendengar semua Purnas, tetapi saya masih tidak mempunyai ketenangan minda. Jadi saya merasakan semua pembacaan saya adalah tidak bermakna. Seorang jahil yang sederhana taat adalah lebih baik daripada saya. Tanpa minda

yang tenang , semua pembelajaran melalui buku adalah mustahil. Saya telah dengar dari banyak orang, yang awak dengan mudah dapat memberikan ketenangan kepada orang, hanya dengan pandangan dan bermain dengan fakta. Oleh sebab itu saya telah datang ke sini. Tolonglah kasihani saya dan restuilah saya “. Kemudain Baba memberitahu dia perumpamaan, seperti di bawah:- Perumpamaan untuk Sembilan Ketul Najis (Nava - vidha Bhakti)

Pada suatu hari seorang Saudagar telah datang ke sini. Sebelum itu, seekor anak kuda telah mengeluarkan najisnya (sembilan ketul najis). Saudagar itu, lalu berniat tentang usahanya, menebarkan hujung dhotar dan mengumpulkan kesemua sembilan ketul najis ke dalamnya, dan selepas itu dia mendapat konsentrasi (ketenangan) minda “.

En. Patankar tidak dapat memahami maksud cerita ini, lalu dia bertanya kepada Ganesh Damodar alias Dada Kelkar, “ Apa yang dimaksudkan oleh Baba tentang ini? “ Dia menjawab, “ Saya juga tidak mengetahui apa yang Baba katakan dan maksudkan, tetapi dengan ilhamnya saya akan beritahu menurut apa yang saya tahu. Anak kuda adalah rahmat Tuhan dan sembilan ketulan yang dikumuhkan itu adalah sembilan bentuk atau jenis Bhakti, iaitu., (1) Shravana (Mendengar), (2) Kirtana (Sembahyang), (3) Smarana (Mengingati), (4) Padasevana (jalan keluar dengan kaki), (5) Archana (Pemujaan), (6) Namaskara (tunduk hormat) (7) Dasya (Khidmat) (8) Sakhyatva (Persahabatan) (9) Atmanivedana (Penyerahan diri). Inilah kesembilan jenis Bhakti. Jika mana - mana ini diikut dengan yakin, Tuhan Hari akan merasa gembira, dan akan menjelmakan dirinya di rumah pengikutnya. Kesemua Sadhana seperti Japa (pemujaan vocal), Tapa (Penebusan dosa), Mempraktikkan Yoga dan mempelajari Skrip dan menghuraikan adalah tidak bermakna kecuali mereka ditemani oleh Bhakti iaitu pengabdian. Pengetahuan tentang Veda, atau kemashyuran sebagai Jnani hebat dan hanya melakukan Bhajan (pemujaan) secara formal tidak akan memberi kejayaan. Apa yang diperlukan adalah Pengabdian dengan rasa sayang. Anggaplah diri awak sebagai saudagar atau pencari kebenaran dan teruja serta bersemangat seperti beliau untuk mengumpul atau menanam sembilan jenis ketaatan. Maka anda akan mencapai kestabilan dan ketenangan fikiran “.

Esoknya, apabila Patankar berjumpa untuk bersalam, dia telah ditanya samada dia ada mengumpul ‘ sembilan ketul najis ‘. Dia menjawab bahawa sebagai seorang yang miskin, dia harus mendapat rahmat dari Baba, baharulah ianya dapat dikumpul dengan mudah. Baba kemudian merahmati dan menghiburkan dia,

dengan mengatakan bahawa dia akan mencapai keamanan dan kebajikan. Selepas mendengar ini, Patankar menjadi gembira dan bahagia.

Pembela Pandharpur

Kita akan menutup bab ini dengan cerita pendek yang menunjukan sifat Baba yang maha tahu dan beliau menggunakannya untuk membetulkan orang dan menetapkan mereka di jalan yang benar. Pada suatu hari seorang pembela dari Pandharpur datang ke Shirdi, pergi ke Masjid, ternampak Sai Baba, meniarap di kakinya dan tanpa ditanya memberikan sedikit dakshina, kemudian duduk di sudut tidak sabar - sabar untuk mendengar perbincangan yang sedang berlangsung. Kemudian Baba memalingkan mukanya ke arah dia dan berkata," Bagaimana liciknya manusia! Mereka tiba di kaki, menawarkan dakshina, tetapi di dalam hati mengumpat orang dari belakang. Adakah ini tidak indah? " Kenyataan ini mengena pada pembela dan dia terpaksa menerimanya. Tidak ada yang faham tentang kenyataan itu. Pembela itu dapat memahami, tetapi berdiam diri. Apabila mereka kembali ke Wada, pembela berkata kepada Kakasehab Dixit, " kenyataan Baba tadi adalah sangat betul. Kenyataan itu bertujuan untuk saya, ia adalah tanda - tanda untuk saya, bahawa saya tidak seharusnya terlibat di dalam caci maki atau mengumpat orang lain (memanggil dengan bermacam nama). Apabila Pandharput (En. Noolkar) sub - hakim atau munsiff datang dan tinggal di sini untuk meningkatkan kesihatannya, perbincangan tentang perkara ini telah berlangsung di bilki bar di Pandharpur (ia pernah berlaku dalam banyak bilik bar). Ia dikatakan atau dibincangkan di sana samada penyakit yang sub - hakim alami boleh disembuhkan tanpa ubat, hanya dengan pergi kepada Sai

Baba, dan adakah ia sesuai untuk lelaki yang berpelajaran seperti sub - hakim, untuk mengambil jalan dengan kaedah tersebut. Sub - hakim dibawa kepada tugas menyebabkan dia dikritik sama seperti Sai Baba. Saya juga mengambil sedikit bahagian di dalam masalah ini dan sekarang Sai Baba menunjukkan ketidaksopanan tingkah laku saya. Ini bukanlah teguran untuk saya tetapi satu nikmat, nasihat bahawa saya tidak boleh melakukan apa - apa fitnah terhadap orang lain dan tidak boleh mencampuri urusan orang lain ". Shirdi adalah lebih kurang 100 Koss (Koss = 3batu) jauhnya dari Pandharpur tetap Baba dengan sifat maha mengetahuiNya tahu apa yang berlaku di dalam bilik bar itu.Tempat - tempat yang berselang - sungai - sungai, hutan - hutan dan gunung - ganang bukanlah bar bagi penglihatanNya dan dia boleh nampak atau membaca apa yang terkandung di dalam hati semua orang. Tidak ada yang rahsia atau terlindung dari beliau. Segalanya, jauh atau dekat, adalah jelas dan nyata kepadaNya seluas siang hari. Biarlan lelaki itu berada jauh atau dekat, dia tidak dapat mengelak pandangan berkuasa dari Sai Baba. Melalui insiden ini, pembela mengambil pelajaran bahawa dia tidak harus bercakap buruk tentang orang lain, juga mengkritik yang tidak sepatutnya terhadap mereka. Kecenderungan untuk berbuat jahat telah benar - benar hilang, dan dia telah dibawa ke jalan yang benar.

Walaupun cerita ini mengenai Pembela, namun ia masih berkenaan dengan semua. Oleh itu, semua harus mengambil pleajaran ini hingga ke hati dan mendapat keuntungan darinya.

Kehebatan Sai Baba tidak dapt diduga, begitu juga dengan Leela Beliau yang indah. Kehidupannya juga sama, sebab Beliau adalah jelmaan Para Brahman (Tuan Tuhan).

Penghormatan Untuk Sri Sai – Sejahtera Untuk Semua

Bab XXII

Menyelamat dari gigitan ular - (1) Balasaheb Mirikar (2) Bapusaheb Booty (3) Amir Shakkar (4) Hemadpant - Pendapat Baba tentang Membunuh Ular Pendahuluan

Bagaimana untuk bermeditasi pada Baba? Tiada siapa yang dapat memahami sifat atau bentuk Yang Maha Kuasa. Kitab - kitab Vedas dan Shesha yang berlidah seribu pun tidak dapat untuk menerangkan dengan lengkap. Para pengikut juga tidak dapat tetapi tahu dan melihat bentuk Tuhan, sebab mereka tahu yang kaki nya adalah satu - satu cara untuk kebahagiaan mereka. Mereka tidak tahu kaedah lain untuk mencapai matlamat tertinggi khidupan, kecuali bertapa di kaki suci. Hemadpant mencadangkan cara mudah untuk ketaatan dan meditasi seperti berikut:- Apabila dua minggu yang gelap untuk setiap bulan beransur - ansur hilang, cahaya bulan juga berkurangan dalam tahap yang sama dan pada hari bulan baru, kita tidak dapat melihat bulan sama sekali, tidak pula kita dapat cahayanya. Oleh itu apabila dua minggu yang cerah bermula, orang sangat teruja untuk melihat bulan. Kemudian mereka diminta untuk melihat bulan melalui ruang terbuka di antara dua cabang pokok, dan apabila mereka mula melihat melalui ruang ini dengan bersemangat dan selepas menumpukan perhatian, bulan sabit dari jarak jauh mula mengambang, yang mengembirakan mereka kerana ianya mampu dilihat. Dengan mengikut petunjuk ini, mari kita cuba lihat cahaya Baba. Lihat postur Baba, yang baik. Dia duduk dengan kakinya dilipatkan, kaki kanan diletakkan di atas lutut kiri. Jari tangan kirinya tersebar di kaki kanan. Pada kaki kanan tersebar dua jari beliau - jari indeks dan yang tengah. Dengan postur ini Baba bermaksud untuk

mengatakan, kerana ia adalah - jika anda mahu melihat cahaya Saya ,buangkan ego dan jadilah orang yang sangat merendah diri dan merenung kaki Saya melalui ruang terbuka di antara dua cawangan - indeks dan jari tengah - dan kemudian anda akan dapat

melihat cahaya Saya. Ini adalah cara yang paling mudah untuk mencapai ketaatan.

Sekarang mari kita beralih seketika kepada hidup Baba. Shirdi telah menjadi tempat ziarah disebabkan ia adalah penginapan Baba. Orang dari semua kawasan mula berduyun - duyun datang ke sana., dan kedua - dua golongan kaya dan miskin mula mendapat manfaat dengan cara yang lebih daripada satu dalam bentuk tertentu atau lain- lain. Siapa yang dapat menggambarkan cinta terbatas Baba dan pengetahuan yang indah semulajadi dan menyeluruh? Diberkati dia, yang dapat mengalami satu atau semua ini. Kadang - kadang Baba bertafakur lama dengan cara disertasi Brahman. Pada masa lain dia peka - kebahagiaan menjelma, dikelilingi oleh pengikutNya. Kadang - kadang Dia bercakap dalam perumpamaan, dan pada masa lain terlibat dalam kecerdasan dan humor. Pada masa - masa tertentu, Dia kelihatan jelas dan ada masa pula dia kelihatan marah. Kadang - kadang Dia memberikan pengajaranNya dengan ringkas, pada masa lain Dia berhujah panjang lebar. Kebanyakan masanya dia amat nyata. Dengan cara ini, dia memberikan berbagai arahan untuk semua berdasarkan keperluan mereka. Oleh itu, kehidupanNya sukar untuk diduga, di luar ruang minda kita, di luar akal dan ucapan kita. Kerinduan kita untuk melihat wajahNya, bercakap denganNya dan mendengar Leela tidak pernah puas, masih kita dilimpahi dengan kegembiraan. Kita boleh mengira hujan lebat,

mengelilingi angin di dalam beg kulit, tetapi siapa yang boleh mengukur atau menyukat Leela beliau? Sekarang kita berurusan di sini dengan satu aspek daripada mereka, iaitu bagaimana beliau menjangkakan atau menghalang masaalah penganut dan menghindarkannya tepat pada masanya.

Balasehab Mirikar

Balasehab Mirikar, anak lelaki kepada Sidar Kakasehab Mirikaradalah mamlatdar dari Kopergaon. Dia di dalam lawatan ke Chitali. Di dalam perjalanan dia singgah ke Shirdi untuk berjumpa dengan Baba. Apabila dia pergi ke Masjid dan meniarap di kaki Baba, perbualan biasa mengenai kesihatan dan lain - lain hal bermula, apabila Baba berbunyi memberikan amaran seperti berikut:- “ Adakah awak kenal Dwarakamayi? “ Oleh kerana Balasehab tidak faham dia hanya berdiam diri, Baba meneruskan. “ Ini adalah Dwarakamayi kita, tempat awak duduk. Dia menghindarkan bahaya dan kebimbangan kanak - kanak yang duduk di atas pangkuannya. Masjidmayi ini (dewa yang mempengerusikan) amat mengasihi hambanya, dia adalah ibu kepada penganut yang sederhana yang dia akan selamatkan daripada musibah. Apabila seseorang duduk di atas pangkuannya, kesemua masalahnya berakhir. Siapa yang berehat di bawah naungannya, mendapat kebahagiaan “. Kemudian Baba memberikan dia Udi, dan meletakkan tanganNya yang melindung ke dahi beliau. Apabila Balasehab hendak pergi, Dia berkata lagi, “ Adakah awak kenal “ Lamba Bava “

(lelaki panjang), iaitu ular? “ Kemudian menutup lengan kiri seperti penumbuk, Dia membawanya dekat ke siku kanan, dan menggerakkan lengan kiriNya seperti kepala ular. Dia berkata, “

Dia sangat dahsyat, tetapi apa yang dapat dia lakukan kepada kanak - kanak dari Dwarakamayi: Apabila Dwarakamayi (dewa yang mempengerusikan) melindungi, apa yang ular itu dapat lakukan? “ Semua yang hadir di sana, ingin tahu maksud semua ini dan kaitanya dengan Mirikar, tetapi tiada yang berani untuk bertanyakan Baba tentang ini. Kemudian Balasehab bersalaman dengan Baba dan meninggalkan Masjid dengan Shama. Baba memanggil Shama kembali dan menyuruhnya menemani Balasehab, dan menikmati perjalanan ke Chitali. Shama datang kepada Balasehab, dan memberitahunya yang dia akan pergi bersamanya mengikut keinginan Baba. Balasehab menjawab yang dia tak perlu perlu pergi kerana ia akan menyusahkan. Sharma kembali kepada Baba dan memberitahu beliau apa yang Balasehab katakan kepadanya. Baba berkata, “ Baiklah, jangan pergi. Kita harus bermaksud baik dan berbuat baik. Apa saja yang telah ditakdirkan berlaku, akan berlaku “.

Sementara itu, Balasehab berfikir semula dan memanggil Shama, meminta dia untuk menemaninya. Shama sekali lagi pergi kepada Baba untuk memohon pergi dan memulakan perjalanan dengan Balasehab menggunakan kereta kuda. Mereka sampai di Chitali pada pukul 9 P.M. dan berkhemah di kuil Maruti. Orang pejabat belum datang jadi mereka duduk tenang di kuil bercakap dan bersembang. Balasehab duduk di atas tikar membaca suratkhabar. Uparani (dhotar bahgian atas) nya diletakkan dipinggangnya dan tanpa menyedarinya sebahagian daripadanya diduduki oleh seekor ular. Ia mula bergerak dengan mengeluarkan bunyi yang dapat didengar oleh budak pejabat. Dia membawa lampu, ternampak ular lalu berteriak “ ular, ular “. Balasehab merasa takut dan mula gementar. Shama juga terkejut. Kemudian dia dan yang lain - lain mula bergerak dengan senyap dan mengambil kayu lalu

digenggam di dalam tangan.Ular itu turun dengan perlahan - lahan dari pinggang dan beralih daripada Balasehab. Ular itu dengan segera dibunuh oleh mereka. Dengan itu musibah, yang telah disebutkan oleh Baba, telah dapat dielakkan dan kasih Balasehab pada Baba telah disahkan dengan mendalam.

Bapusaheb Booty

Pada suatu hari, seorang ahli astrologi yang besar yang bernama Nanasehab Dengale telah memberitahu Bapusaheb Booty, yang berada di Shirdi, “ Hari ini adalah hari yang malang untuk awak, terdapat bahaya dalam hidup awak “.Ini menyebabkan Bapusaheb merasa risau. Apabila mereka seperti biasa datang ke Masjid, Baba berkata kepada Bapesaheb, “ Apa yang Nana telah katakan? Dia meramalkan kematian untuk awak. Awak tidak perlu bimbang. Beritahu dia

dengan berani “ mari kita lihat bagaimana kematian membunuh “. Kemudian pada waktu petang Bapusaheb pergi ke kediamannya untuk menenangkan dirinya dan dia ternampak ular. Pembantu rumahnya nampak ular itu dan mengambil batu untuk melontarnya. Bapusaheb menyuruhnya mengambil sebatang kayu besar, tetapi sebelum pembantu rumahnya kembali dengan kayu, ular tersebut dilihat bergerak dan kemudian menghilang. Bapusaheb teringat dengan gembira kata - kata Baba tentang keberanian.

Amir Shankar

Amir Shankar adalah seorang yang berasal dari kampong Korale, di Kopergaon Taluka. Dia berasal dari kasta penjual daging. Dia bekerja sebagai ejen komisyen in Bandra, dan sangat dikenali di

situ, Dia pernah menghidapi penyakit sendi (Rheumatism), yang menyebabkan dia teramat sakit. Dia kemudian diingatkan oleh Tuhan, dan akhirnya dia meninggalkan perniagaannya dan pergi ke Shirdi. Dia berdoa kepada Baba untuk melegakannya dari masalahnya. Baba kemudian menempatkan dia di Chavadi, yang ketika itu adalah tempat lembap yang tidak sihat, tidak sesuai untuk pesakit seperti dia. Tempat lain di kampung atau di Korale sendiri adalah lebih baik untuk Amir, tetapi kata - kata Baba adalah faktor penentu dan ubat besar. Baba tidak membenarkannya pergi ke Masjid, tetapi menetapkannya di Chavadi, di mana dia mendapat kelebihan yang sangat besar. Baba berjalan melaluii Chavadi setiap pagi dan petang, dan setiap selang sehari Baba pergi ke Chavadi dalam perarakan dan tidur di sana. Jadi Amir dapat sering berjumpa dengan Baba. Amir tinggal di situ untuk sembilan bulan penuh, dan kemudian entah bagaimana, dia merasa jijik dengan tempat itu. Maka pada suatu malam dia dengan senyap meninggalkan tempat itu dan datang ke Kopergaon dan tinggal di Dharmashala. Di sana dia ternampak seorang Fakir tua yang sedang nazak yang meminta air darinya. Amir membawa air dan memberi kepadanya. Selepas sahaja dia meminum air itu, dia pun meninggal dunia. Amir merasa bingung. Dia terfikir yang kalau dia pergi memberitahu pihak berkenaan, dia mungkin dituduh bertanggunjawab di atas kematian kerana dia adalah pemberi maklumat yang pertama dan tunggal, dan mengetahui sesuatu tentang itu. Dia menyesal di atas perbuatannya iaitu meninggalkan Shirdi tanpa kebenaran Baba, dan berdoa kepada Baba. Dia kemudian menetapkan untuk balik ke Shirdi dan pada malam itu juga dia berlari pulang, mengingati dan menyebut nama Baba di sepanjang jalan. Dia sampai ke Shirdi sebelum fajar dan menjadi bebas daripada kebimbangan. Kemudian dia tinggal di Chavadi

menurut dengan sempurna kehendak dan arahan Baba, dan dia akhirnya sembuh. Pada suatu malam ia satu kebetulan Baba menjerit di tengah malam, “ Oh Abdul, beberapa makhluk yang jahat memukul sisi katil saya. Abdul datang dengan membawa lampu memeriksa Katil Baba tetapi tidak menjumpai apa - apa. Baba menyuruhnya memeriksa dengan berhati - hati di semua tempat dan mula memukul satka nya

ke tanah. Melihat Leela Baba, Amir menyangka Baba mungkin mensyaki ada ular yang telah datang ke sana. Melalui hubungan yang rapat dan lama dengan Baba, Amir boleh mengetahui maksud kata - kata dan perbuatan Baba. Baba kemudian ternampak dekat kusyen Amir ada sesuatu yang bergerak. Dia menyuruh Abdul membawa lampu, dan bila dia membawa lampu itu, dia nampak gegelung ular di sana, menggerakkan kepalanya ke atas dan ke bawah. Pada ketika itu juga ular tersebut dipukul sampai mati. Dengan itu Baba telah memberikan amaran yang tepat pada masanya dan menyelamatkan Amir.

Hemadpant (Kala jengking dan Ular)

(1)Atas cadangan Baba Kakasaheb Dixit telah membaca setiap hari dua buku hasil kerja dari Sri Ekanath Maharaj iaitu, Bhagwat dan Bhaarta Ramayana dan Hemadpant bernasib baik menjadi salah seorang pendengar semasa bacaan itu sedang berlangsung. Pada ketika bahagian dari Ramayana berkaitan dengan ujian Hanuman tentang kebesaran Rama, menurut arahan ibunya, sedang dibaca, semua pendengar merasa kagum termasuk Hemadpant. Seekor kala jengking (tiada yang tahu dari mana ia datang), melompat dan duduk di bahu kanan Hemadpant, di atas Uparani (dhotar bahagian atas). Mula - mula tidak ada yang perasan, tetapi oleh kerana Tuhan melindungi mereka yang berhasrat untuk

mendengar cerita tentangNya, dia secara selamba menoleh ke bahu kanannya dan ternampak kala jengking itu. Ia kaku, tidak bergerak sedikitpun ke sini atau ke sana.Ianya seolah - olah sedang menikmati bacaan itu juga. Kemudian denga rahmat Tuhan, tanpa menganggu pendengar, Hemadpant mengambil kedua - dua hujung dhotarnya, melipatnya dan membawanya bersama memerangkap kala jengking itu di dalam. Kemudian dia keluar, dan membuangnya di taman. (2) Pada kesempatan yang lain pula beberapa orang sedang duduk di tingkat atas Wada milik Kakasaheb, sebelum menjelang malam, apabila seekor ular merayap melalui lubang di bingkai tingkap dan duduk bergelung, Cahaya dibawakan. Walaupun pada mulanya ia terkejut, tapi ia masih duduk diam dan hanya menggerakkan kepalanya ke atas dan ke bawah. Kemudian banyak orang yang bergegas ke sana dengan membawa kayu dan senjata, tetapi oleh kerana ia duduk di tempat yang janggal, sukar untuk memukulnya. Mendengar suara bising mereka, ular tersebut keluar dengan tergesa - gesa melalui lubang yang sama dan semua mereka yang berada di sana merasa lega.

Pendapat Baba

Seorang pengikut yang bernama Muktaram, berkata bahawa adalah bagus makhluk yang malang itu terlepas. Hemadpant mencabarnya dengan

mengatakan ular tersebut sepatutnya dibunuh. Berlaku perbincangan yang panas di antara keduanya - Muktaram mengatakan bahawa ular dan makhluk itu, tidak sepatutnya dibunuh manakala Hemadpant pula mengatakan ia patut dibunuh. Apabila malam menjelang, perbincangan itu sampai ke

penghujungnya, tanpa keputusan. Keesokan harinya, soalan telah diajukan kepada Baba, yang memberikan keputusannya seperti berikut:- “ Tuhan hidup di dalam semua manusia dan makhluk, samada ular atau kala jengking. Dia adalah Dawai Penarik yang Hebat.di dunia, dan semua manusia , ular, kala jengking dan lain - lain, menurut perintahNya. Hanya jika Dia melakukannya, tiada siapa yang boleh melakukan apa- apa kemudaratan kepada yang lain. Dunia ini bergantung kepadaNya,dan tiada siapa yang bebas. Jadi kita harus bersimpati dan menyayangi semua makhluk, tinggalkan pergaduhan yang mencabar dan pembunuhan dan bersabar. Tuhan adalah pelindung semua.

Penghormatan Sri Sai – Sejahtera Untuk Semua

Bab XXIII

Yoga dan Bawang - Shama Sembuh daripada Gigitan Ular - Ordinan Kolera Dihapuskan - Pengalaman pahit Guru Bakti.

Pendahuluan

Memang benar Jiva ini (jiwa manusia) melangkaui tiga kualiti, iaitu, Sattwa, Rajas and Tamas, tetapi sedang ditipu oleh Maya, dia lupa sifatnya yang merupakan ‘ Kewujudan - Pengetahuan - Kebahagiaan “, dan berpendapat bahawa dia adalah yang berbuat dan yang menikmati dan dengan itu menjerut dirinya dalam kesengsaraan yang tidak berkesudahan. Satu - satunya jalan penyelamat adalah Ketaatan Menyayangi kearah kaki Guru. Pemain atau Pelakun Tuhan Sai telah menggembirakan para Bakti dan mengubah mereka menjadi diri mereka (sifat dia).

Kita menganggap Sai Baba sebagai penjelmaan oleh Tuhan di atas sebab - sebab yang telah dinyatakan, tetapi dia selalu berkata bahawa dia adalah hamba Tuhan yang patuh. Walaupun hanya penjelmaan, dia menunjukkan jalan kepada orang, bagaimana untuk berkelakuan dengan memuaskan dan menjalankan tugas di stesen (Varnas) masing - masing dalam kehidupan ini. Dia tidak pernah mencontohi orang lain dalam apa - apa cara mahupun meminta orang lain untuk membuat sesuatu untuk Beliau. Pada Beliau, siapa yang nampak Tuhan dalam semua benda bergerak atau yang tetap di dunia ini. Rendah hati

adalah perkara yang paling baik. Tiada yang Dia abaikan atau tidak dihormati, sebab Dia nampak Narayan (Tuhan) dalam semua manusia. Dia tidak pernah berkata, “ Saya adalah Tuhan “, tetapi

Dia adalah hamba yang merendah diri dan Dia sentiasa mengingatiNya serta sentiasa menyebut " Allah Malik "(Tuhan yang Satu atau Pemilik). Kita tidak tahu berbagai jenis orang - orang Keramat, bagaimana kelakuan mereka, apa mereka buat dan makanan dan lain - lain. Kita hanya tahu bahawa dengan rahmat Tuhan mereka menyerlahkan diri mereka di dalam dunia ini untuk membebaskan jiwa yang jahil dan terikat. Jika ada mana - mana kebaikan yang tersimpan di dalam diri kita, kita akan mempunyai keinginan untuk mendengar cerita - cerita dan Leela dari orang - orang Keramat. Mari kita sekarang beralih ke cerita utama untuk bab ini.

Yoga dan Bawang

Pada suatu hari, Sadhak dari Yoga datang ke Shirdi dengan Nanasehab Chandorkar. Dia telah mempelajari kesemua hasil kerja Yoga, termasuk Yoga - sutra dari Patanjali, tetapi tidak mempunyai pengalaman praktikal. Dia tidak dapat menetapkan mindanya dan mencapai Samadhi walaupun untuk jangka masa pendek. Dia berfikir kalau Sai Baba merasa senang dengannya, dia akan menunjukkan kepadanya cara untuk mencapai Samadhi untuk tempoh yang panjang. Dengan objektif ini dalam fikirannya dia datang ke Shirdi dan apabila dia sampai ke Masjid dia ternampak Sai Baba sedang makan roti dengan bawang. Apabila melihat ini, pemikiran timbul dalam mindanya - " Bagaimana lelaki ini, makan roti dengan bawang mentah, boleh menyelesaikan kesukaran dan menolong saya? "Sai Baba membaca mindanya lalu berkata kepada Nanasaheb - " Oh Nana, dia yang ada kuasa untuk mencerna bawang, perlu memakannya dan tiada yang lain ". Mendengar kata - kata ini, yogi telah sangat terkejut lalu meniarap di kaki Baba dengan penyerahan sepenuhnya. Dengan fikiran yang murni dan

terbuka, dia bertanya tentang kesukarannya dan mendapat penyelesaiannya dari Baba. Selepas merasa puas hati dan gembira, dia meninggalkan Shirdi dengan Udi Baba dan restuNya.

Shama Sembuh dari Gigitan Ular

Sebelum Hemadpant memulakan cerita, dia bercakap tentang jiva yang dia rasa sangat sesuai dibandingkan dengan burung Nuri, dan yang kedua - duanya adalah terikat, satu di dalam badan dan satu lagi di dalam sangkar. Kedua - dua berfikir bahawa keadaan terikat seperti sekarang adalah baik untuk mereka. Hanya apabila pembantu, iaitu Guru, datang dan dengan rahmat Tuhan membuka mata mereka dan membebaskan mereka dari ikatan , dan mata

mereka terbuka kepada kehidupan yang lebih besar dan luas berbanding dengan kehidupan sebelum ini yang tiada apa - apa..

Di dalam bab yang lepas, telah ditunjukkan bagaimana Baba menjangka bencana yang akan berlaku kepada En. Mirikar dan menyelamatkannya. Sekarang biarkan pembaca mendengar cerita yang lebih hebat lagi.Satu hari, Shama telah digigit olen ular yang beracun. Jari kecilnya telah dipatuk dan racun mulai merebak di dalam badannya. Rasa sakit itu juga teruk sehingga dia merasakan yang dia akan pengsan tak lama lagi. Kawannya hendak membawanya kepada Tuhan Viroba (Sai Baba). Apabila Baba melihatnya, dia mula memarahi dan berkata, “ Oh Bhaturdya (Priest) yang keji jangan naik ke atas. Awas kalau awak berbuat begitu “ dan kemudian berteriak, “ Pergi, lari, turun “. Melihat wajah Baba yang merah dengan kemarahan, Shama menjadi amat hairan dan kecewa. Dia menganggap yang Masjid adalah rumahnya dan Sai Baba adalah pelindung tunggalnya, tetapi kalau dia telah dihalau seperti ini, ke mana harus dia pergi? Dia hilang

semua harapan untuk hidup lalu berdiam diri. Selepas seketika Baba kembali normal dan tenang apabila Shama naik dan duduk berdekatan. Kemudian Baba berkata kepadanya, “ Jangan takut, jangan peduli sedikit pun, Fakir yang penyayang akan membantu awak, pergi dan duduk diam di rumah, jangan keluar, percayalah pada Saya dan kekalkan keberanian dan jangan bimbang “. Kemudian dia telah dihantar pulang. Sebaik sahaja selepas itu, Baba menyuruh Tatya Patil dan Kakasaheb datang kepadanya dengan arahan yang dia boleh makan apa yang dia suka, boleh bergerak di dalam rumah tetapi tidak boleh baring atau tidur. Semua arahan ini telah dipatuhi dan Shama telah sembuh dalam masa yang singkat. Satu - satunya perkara yang harus diingat dalam kejadian ini adalah, kata - kata Baba (atau lima suku kata Mantera , iaitu, Pergi, Lari, Turun) bukanlah ditujukan kepada Shama seperti yang kita nampak tetapi ia adalah arahan terus kepada ular dan racunnya agar tidak naik ke atas dan tersebar ke dalam badan shama. Seperti orang lain yang mahir dalam Mantrashastra, Dia tidak menggunakan mana - mana mantera, beras kunyit atau air dan lain- lain. Hanya kata - katanya sahaja yang sangat berkesan dalam menyelamatkan nyawa Shama.

Siapa sahaja yang mendengar cerita ini dan yang serupa, akan mempunyai keyakinan yang teguh di kaki Sai Baba, dan satu - satunya jalan untuk menyeberangi lautan Maya adalah dengan sentiasa mengingati kaki Baba di dalam hati.

Wabak Kolera

Satu ketika, wabak kolera atau taun telah merebak di Shirdi. Penduduknya merasa sangat takut sehingga mereka menghentikan

semua komunikasi dengan orang luar. Panchas di kampong berkumpul dan memutuskan dua peraturan

sebagai langkah untuk memeriksa dan menghentikan wabak ini. Ianya adalah, (1) Tidak ada kereta lembu yang membawa bahanapi dibenarkan masuk ke dalam kampung dan (2) Tidak dibenarkan membunuh kambing di sana. Jika sesiapa melanggar peraturan ini, mereka akan didenda oleh pihak berkuasa kampong dan panchas. Baba tahu bahawa semua ini adalah tahyul dan oleh itu dia mengambil berat tentang peraturan Kolera. Apabila peraturan itu telah berkuat kuasa, sebuah kereta lembu bahanapi datang ke sana dan hendak masuk ke kampung. Semua sedar bahawa kampung mereka menghadapi masalah kekurangan bahanapi namun masih juga mereka mula menghalau keretapi itu. Baba mengetahui tentang ini.Dia datang ke tempat tersebut dan menyuruh pemandu kereta lembu bahanapi itu ke Masjid. Tiada yang berani bersuara di atas perbuatan Baba. Dia memerlukan minyak untuk DhuniNya jadi Beliau telah membelinya. Seperti Agnihotri memastikan api suciNya menyala di sepanjang hidupnya, Baba juga memastikan DhuniNya menyala sepanjang siang dan malam jadi untuk itu Beliau Harus menyimpan minyak. Rumah Baba, iaitu Masjid adalah bebas dan terbuka untuk semua. Ia tidak dimangga atau dikunci. Sesetengah orang miskin mengambil beberapa batang kayu api untuk kegunaan mereka tetapi Baba tidak pernah mengomel tentang itu. Baba melihat seluruh alam semesta telah diserap oleh Yang Maha Kuasa maka Dia tidak pernah bermusuh atau berniat jahat dengan sesiapa. Walaupun sempurna berkembar, dia berkelakuan seprti pemilik rumah biasa untuk dijadikan contoh kepada orang ramai.

Pengalaman Pahit Bakti Guru

Mari kta lihat sekarang, bagaimana peraturan kedua untuk Kolera berlangsung dengan Baba. Semasa ia telah dikuatkuasakan, seseorang telah membawa masuk seekor kambing ke Masjid. Kambing itu sangat lemah, tua dan hampir mati. Pada masa ini Fakir Pir Mohamad dari Malegaon alias Baba Bade ada berhampiran. Sai Baba menyuruhnya menyembelih kambing itu dengan sekali sembelihan saja dan menawarkannya sebagai persembahan khas. BaBa Bade ini sangat dihormati oleh Sai Baba. Dia sentiasa duduk di sebelah kanan Sai Baba. Selepas dia menyedut Chilim (paip) sebagai pemulaan, dia mempelawa pula Baba dan yang lain - lain. Selepas makanan tengahari dihidangkan , Baba menjemput Baba Bade dengan hormat dan meminta dia duduk di sebelah kiriNya, kemudian semua yang lain mengambil bahagian masing - masing. Baba juga membayarnya Rs. 50/- daripada hasil kutipan dakshina. Baba akan mengiringinya sebanyak seratus langkah setiap kali dia hendak pergi. Begitulah kedudukannya dengan Baba. Namun apabila Baba memintanya menyembelih kambing, dia menolak bulat - bulat dan berkata, “ Kenapa ia harus dibunuh tanpa apa - apa sebab? “ Baba kemudian menyuruh Shama menyembelih kambing itu. Dia pergi kepada Radha - Krishna Mai untuk mengambil pisau dan meletakkannya di hadapan Baba. Apabila mengetahui tujuan kenapa pisau itu

diambil, Radha - Krishna Mai mengambilnya semula. Kemudian Shama membawa pisau yang lain tetapi dia tinggal di Wada dan tidak kembali dengan segera. Kini giliran Kakasaheb pula. Tidak syak lagi dia adalah ‘ emas yang baik ‘ tetapi perlu diuji. Baba memintanya mengambil kambing dan membunuh kambing. Dia pergi ke Wada Sathe dan kembali membawa pisau. Dia sudah

bersedia untuk membunuhnya dengan arahan Baba. Dia dilahirkan di dalam keluarga Brahmin yang tulin dan dia tidak pernah membunuh. Walaupun agak sukar untuk melakukan apa - apa tindakan ganas, dia memberanikan dirinya untuk membunuh kambing. Semua orang tertanya - tanya kenapa Baba Bade, penganut Mohamaden enggam membunuhnya sedangkan Brahmin yang tulin sedang bersedia untuk melakukannya. Dia memperketatkan dhotarnya dan dengan gerakan separuh bulatan mengangkat tanganya yang memegang pisau lalu memandang Baba untuk isyarat terakhir. Baba berkata, " Apa yang awak fikirkan? Teruskan, lakukan ". Kemudian apabila tangannya sudah hampir ke bawah, Baba berkata, " Berhenti, betapa kejamnya awak! Sebagai seorang Brahmin, awak hendak membunuh kambing? " Kakasaheb menurut lalu menurunkan pisau dan berkata kepada Baba, " Kata - kata awak yang seperti nektar adalah undang - undang kami. Kami tidak tahu apa - apa peraturan yang lain. Kami mengingati Anda selalu, bermeditasi atas bentuk Anda dan mematuhi Anda siang dan malam, kami tidak tahu atau mempertimbangkan samada ianya betul atau salah untuk membunuh. Kami tidak mahu mencari sebab atau membincangkan perkara, tetapi segera mematuhi arahan Guru, adalah tugas dan dharma kami ".

Kemudian Baba mengatakan kepada Kakasaheb, yang Dia akan melakukan sendiri tugas membunuh kambing tersebut. Ia telah depersetujui yang kambing itu akan dibunuh berdekatan dengan tempat bernama Takkya, tempat para Fakir selalu duduk namun semasa kambing itu sedang dipindahkan, ia mati dipertengahan jalan.

Hemadpant menutup bab ini dengan klasifikasi murid - murid. Dia mengatakan mereka terdiri daripada tiga jenis:- (1) Pertama atau terbaik (2) Kedua atau pertengahan dan (3) Ketiga atau biasa. Jenis murid - murid terbaik adalah mereka yang dapat meneka apa yang Guru mereka mahu dan segera melaksanakan dan berkhidmat kepada mereka tanpa menunggu arahan dari mereka. Murid - murid yang pertengahan pula adalah mereka yang menjalankan arahan dari Tuan - tuan mereka melalui surat tanpa melengahkannya, dan jenis yang ketiga pula adalah mereka yang sentiasa menangguhkan tugas yang telah diarahkan dan membuat kesalahan di setiap langkah.

Murid - murid harus mempunyai keyakinan teguh, disokong oleh kecerdasan dan jika mereka bersabar dengan ini, matlamat rohani mereka tidak akan jauh. Mengawal pernafasan - masuk dan keluar, Yoga bersungguh - sungguh atau

kesukaran amalan yang lain tidak sama sekali diperlukan. Jika murid - murid mempunyai kualiti seperti disebut di atas, mereka akan bersedia untuk arahan seterusnya dan Tuan - tuan kemudian akan muncul untuk membimbing mereka ke jalan spiritual dengan sempurna.

Di dalam bab yang seterusnya kita akan berurusan dengan kecerdasan dan kelucuan Baba yang menarik

Penghormatan Untuk Baba - Sejahtera Untuk Semua

Bab XXIV

Kecerdasan dan kelucuan Baba - Leela Chanak - (1) Hemadpant (2) Sudama (3) Anna Chinchanikar vs. Mavsibai.

Pendahuluan

Untuk mengatakan bahawa, kita hendaklan menyatakan ini dan itu di bab yang seterusnya atau yang ini adalah sejenis keegoan Kalau kita tidak menyerahkan ego kita di kaki Sadguru kita, kita tidak akan berjaya di dalam apa yang kita lakukan. Jika kita hilangkan ego maka baru lah kejayaan dapat diperolehi. Dengan memuja Sai Baba, kedua - dua objektif dapat dicapai, duniawi dan spiritual, dan adalah tetap di dalam sifat sebenar kita serta mendapat ketenangan dan kegembiraan. Oleh itu, sesiapa yang hendak mencapai kebajikan, harus dengan hormat mendengar Leela atau cerita - cerita Sai Baba dan bermeditasi dengannya. Jika mereka melakukan ini, mereka akan dengan mudah mencapai objektik dalam hidup mereka dan beroleh kebahagiaan.

Umumnya, semua orang sukakan kecerdasan dan kelucuan tetapi mereka tidak suka jenaka harus dibatasi. Cara Baba adalah pelik. Bila ianya disertai dengan perbuatan, ia adalah menarik dan membina dan orang tidak akan kisah tetapi jika ianya dilakukan sehingga mengejek.Hemadpant memberikan contohnya sendiri di bawah Leela - Chanak Di Shirdi, bazaar telah diadakan setiap Ahad dan orang- orang dari kampung jiran datang ke sin, mendirikan kedai dan gerai di jalan dan menjual barangan dan komoditi mereka. Setiap hari pada waktu tengahari, Masjid hanya lebih kurang penuh tetapi pada hari Ahad, ia sangat penuh sehingga sesak. Pada suatu Ahad, Hemadpant duduk di hadapan Baba,

membasuh kakiNya dan menyebut nama Tuhan. Shama berada di kiri Baba dan Vamanrao di sebelah kanan -

ShrimanBooty dan Kakasehab Dixit serta yang lain juga hadir di sana. Kemudian Shama ketawa dan berkata kepada Annasaheb, “ Lihat ada bijirin (gram) yang melekat pada lengan kot awak “. Dia menyentuh lemgan bajunya dan menjumpai beberapa bijirin. Hemadpant meluruskan lengan kirinya untuk melihat apa yang sebenarnya berlaku, apabila sesuatu yang memeranjatkan semua, beberapa biji kacang hijau datang bergolek dan dikutip oleh mereka yang duduk di sana.

Insiden ini memberikan suatu hal yang melucukan. Semua yang hadir mula tertanya - tanya dan berkata sesuatu atau yang lain tentang bagaimana bijiran boleh masuk ke dalam lemgan kot dan bermalam di situ begitu lama.

Hemadpant juga tidak dapat meneka bagaimana ia dapat masuk dan tinggal di situ. Apabila tidak ada siapa yang dapat membeikan penerangan yang memuaskan dalam hal ini dan semua meras hairan tentang misteri ini, Baba berkata seperti berikut: - Baba - “ lelaki ini (Annasaheb) mempunyai tabiat buruk makan sendirian. Hari ini adalah hari bazaar dan dia ke mari sambil mengunyah kacang hijau. Saya mengetahui tabiatnya dan kacang hijau ini adalah buktinya. Apa yang hendak dihairankan? “ Hemadpant - “ Baba, saya tak pernah tahu untuk makan sendirian jadi kenapa awak menuduh saya dengan tabiat buruk ini? Saya belum pernah lagi nampak Bazar di Shirdi. Saya tidak ada pergi ke Bazar hari ini, jadi bagaimana saya boleh membeli kacang hijau dan bagaimana saya boleh memakannya jika saya tidak membelinya? Saya tidak pernah makan apa - apa kecuali mengongsikannya dengan orang lain yang ada berdekatan dengan saya “. Baba - “ Memang benar

awak memberikan kepada mereka yang ada tetapi jika tiada siapa yang berdekatan, apa yang dapat awak atau Saya buat tetapi adakah awak mengingati saya sebelum makan? Adakah Saya tidak selalu bersama awak? Jadi adakah awak memberi saya apa - apa sebelum awak makan? “ Moral Mari kita tandakan dan catat berhati - hati apa yang Baba telah ajarkan kepada kita melalui insiden ini. Beliau telah menasihati kita bahawa sebelum deria, minda dan intelek menikmati objek mereka, Dia harus diingati dahulu dan jika ia sudah dilakukan, ia adalah sebagai pemberian kepadanya. Deria - deria tidak boleh kekal tanpa objek mereka tetapi jika objek diberikan dahulu kepada Guru, perkaitan dengan mereka tentu saja akan hilang. Dengan cara ini, kesemua Vrittis (fikiran) berkaitan dengan nafsu, kemarahan, ketamakan dan lain - lain

harus diberikan dan ditujukan dahulu kepada Guru dan jika cara ini diikut, Tuhan akan membantu anda dalam membasmikan vrittis. Apabila sebelum menikmati objek, anda memikirkan bahawa Baba ada berdekatan, persoalan samada objek itu sesuai untuk dinikmati atau tidak akan terus timbul. Kemudian objek yang tidak sesuai untuk dinikmati akan dijauhi dan dengan cara ini tabiaat buruk dan maksiat akan hilang dan karektor kita akan meningkat. Kemudian kasih pada Guru akan meningkat dan pengetahuan tulen akan bercambah. Apabila pengetahuan meningkat, perhambaan kepada kepekaan badan akan terputus dan intelek kita akan bergabung dalam kepekaan semangat. Kemudian kita akan mendapat kebahagiaan dan kepuasan. Tidak ada perbezaan di antara Guru dan Tuhan. Sesiapa yang nampak perbezaan antara mereka, dia tidak nampak Tuhan di mana - mana. Maka dengan mengenepikan semua idea perbezaan, kita harus menganggap Guru dan Tuhan sebagai satu. Kalau kita

berkhidmat dengan Guru seperti yang dinyatakan di atas, Tuhan akan pasti gembira dan membersihkan minda kita. Dia akan memberikan kita kesedaran diri. Secara ringkasnya, kita tidak harus menikmati mana - mana objek dengan deria kita dan lain - lain tanpa mengingati dahulu Guru kita. Apabila minda dilatih dengan cara ini, kita akan sentiasa mengingati Baba, dan meditasi kita untuk Baba akan berkembang dengan lebih cepat. Bentuk Sagun Baba akan sentiasa di depan mata kita dan akhirnya ketaatan, tiada pertalian dan keselamatan akan menjadi milik kita. Apabila bentuk Baba sudah tetap sebelum visi mental kita, kita terlupa makan,dahaga dan samsar ini. Kesedaran tentang nikmat duniawi akan hilang dan minda kita akan mencapai ketenangan dan kegembiraan.

Kisah Sudama

Apabila cerita di atas diriwayatkan, Hemadpant diingatkan oleh cerita yang sama tentang Sudama, yang menggambarkan prinsip yang sama dan untuk itu, ia diberikan di sini.

Sri Krishna dan abangnya, Balarama, tinggal dengan rakan pelajar yang bernama Sudama, di ashram Guru mereka, Sandipani. Suatu hari,Krishna dan Balarama telah dihantar ke hutan untuk membawa minyak. Kemudian isteri kepada Sandipani juga menghantar Sudana atas tujuan yang serupa dengan sedikit kacang hijau untuk mereka bertiga. Apabila Krishna berjumpa dengan Sudama di dalam hutan, dia berkata kepadanya," Dada, saya mahukan air sebab saya haus ". Sudama menjawab, " Tidak ada air yang sepatutnya diminum ketika perut kosong, jadi adalah lebih baik untuk berehat sebentar ".Dia tidak memberitahu bahawa dia ada membawa kacang hijau bersama dan yang dia

seharusnya mengambil sedikit. Oleh kerana Krishna telah letih, Dia baring untuk berehat di pangkuan Sudama dan telah berdengkur. Melihat ini, Sudana mengambil kacang hijau dan mula memakannya. Kemudian Krishna tiba - tiba

bertanya, “ Dada, apa yang awak makan, dari mana bunyi ini datang? “ Dia menjawab, “ Apa yang ada untuk dimakan? Saya menggigil kesejukan dan gigi saya bergetar. Saya tidak dapat mengulangi dengan jelas Vishnu - Sahastra - Nama “. Mendengar jawapan itu, Krishna yang maha tahu berkata, “ Saya baru saja bermimpi, yang di dalam mimpi itu, saya ternampak seorang lelaki memakan makanan orang lain dan apabila ditanya tentang itu,dia menjawab, “ Tanah (debu) apa hendak dia makan? “ yang bermaksud yang dia tidak mempunyai apa - apa untuk dimakan? Lelaki yang seorang lagi berkata,” Biarkanlah saja “.Dada ini adalah mimpi sahaja. Saya tahu awak tidak akan makan apa - apa tanpa saya. Di bawah pengaruh mimpi itu saya bertanyakan awak apa yang awak makan?” Jika Sudama mengetahui sedikit tentang sifat maha tahu Sri Krishna dan Leela beliau, dia tidak akan berpura - pura seperti itu. Walaupun dia kawan rapat kepada Sri Krishna dia perlu lulus untuk kehidupannya di dalam kemiskinan. Apabila dia memberikan Krishna segenggam beras yang hancur, yang diperolehi oleh isterinya dengan pekerjanya. Krishna sangat gembira dan memberikannya bandar emas untuk dinikmati. Cerita ini harus diingati oleh mereka yang mempunyai tabiat makan sendirian tanpa berkongsi dengan orang lain.

Shruti juga menekankan cerita ini dan meminta kita memberi dulu barang - barang kepada Tuhan dan kemudian menikmatinya setelah iannya dilepaskan olehnya. Baba juga telah mengajar kita

tentang pelajaran yang sama dengan caranya yang tersendiri dan melucukan.

Anna Chinchanikar vs. Mavsibai

Hemadpant sekarang menerangkan satu lagi kejadian lucu, dan Baba memainkan peranan sebagai pendamai. Ada seorang pengikut yang bernama Damodar Ghanashyama Babare alias Anna Chinchanikar. Dia seorang yang mudah, kasar dan lurus. Dia tidak mengambil berat tentang siapa - siapa,sentiasa bercakap selamba dan menjalankan segala urusan secara tunai. Walaupun pada luarannya dia nampak keras dan tidak bertolak ansur tetapi sebenarnya seorang yang baik hati dan berterus terang. Maka Sai Baba menyayanginya. Pada suatu hari, seperti orang lain yang berkhidmat dengan Baba dengan cara mereka sendiri, Anna, yang berdiri terdedah, sedang membersihkan lengan kiri Baba yang diletakkan di atas kathada (pagar). Di sebelah kanan, seorang janda tua bernama Venubai Koujalgi yang Baba panggil ibu dan semua yang lain Mavsibai, sedang menjalankan khidmatnya pada Baba dengan caranya tersendiri. Mavsibai ini adalah wanita tua yang berhati murni. Dia merapatkan kesemua jari tangannya di sekeliling batang tubuh Baba dan pada masa itu juga sedang meramas perut Baba. Dia melakukan secara paksa menyebabkan belakang dan perut Baba menjadi rata dan Baba bergerak dari sisi ke sisi. Anna yang berada di sebelah dalam posisi stabil tetapi muka Mavsibai

bergerak ke atas dan ke bawah dengan pukulannya. Ada sekali mukanya berada sangat dekat dengan muka Anna. Sebagai seorang yang berperangai lucu dia menyatakan, “ Oh. Anna ini seorang yang jahat. Dia hendak mencium saya. Walaupun saya sudah tua

dan rambut beruban dia tidak malu untuk mencium saya. “ Kata - kata ini menyebabkan Anna marah dan menyingsing lengan baju lalu berkata, “ Awak mengatakan saya seorang yang jahat, adakah saya penipu? Awak yang memulakan pertengkaran dengan saya “. Semua yang berada di sana seronok melihat pertengkaran antara mereka. Baba yang menyayangi kedua - dua mereka cuba untuk menenangkan mereka dan menguruskan masalah itu dengan mahirnya. Dengan penuh kasih sayang. Dia berkata, “ Oh Anna, kenapa awak berteriak tanpa sebab? Saya tak faham apa kemudaratan atau sumbangnya apabila seorang ibu mencium? “ Mendengar kata - kata Baba itu kedua - dua mereka berpuas hati dan semua mereka yang ada di sana ketawa riang dan menikmati jenaka dari Baba.

Ciri - Ciri Baba - Bergantung Kepada Bakti

Baba membenarkan para pengikutnya untuk berkhidmat denganNya dengan cara mereka sendiri dan tidak suka orang lain mencampurinya. Sebagai contoh, satu peristiwa lain yang melibatkan Mavsibai yang sama yang pada masa itu sedang meramas perut Baba. Melihat kekasaran dan kekuatan yang digunakan oleh dia menyebabkan para pengikut merasa resah dan khuatir. Mereka berkata, “ Oh ibu. Bertimbang rasa dan bersederhana lah kalau tidak awak akan memecahkan semua arteri dan saraf Baba. Baba bangun terus dari tempat duduknya, menghentakkan satkanya di atas lantai. Dia menjadi marah dan matanya menjadi merah seperti api arang. Tiada yang berani berdepan dengan Baba. Kemudian dia memegang satu hujung satka dengan kedua - dua tangan dan menekan ke rongga perutnya. Hujung yang satu lagi dirapatkan ke tiang dan mula menekan perutnya ke situ. Satka yang lebih kurang dua atau tiga

kaki panjang kelihatan seperti keseluruhannya masuk kedalam perut dan semua mereka merasa khuatir yang perutnya akan pecah dalam waktu yang singkat. Tiang itu tegap dan tidak bergerak dan Baba mula bergerak mendekati tiang itu lalu memeluknya dengan kuat. Bila - bila masa sahaja munkin perutnya akan pecah. Mereka semua terkejut, tidak tahu apa yang perlu dilakukan dan berdiri kaku dengan hairan dan takut. Baba menanggung pengalaman pahit ini demi untuk para Bakti. Para pengikut lain hanya memberikan peringatan kepada Mavsibai supaya bersederhana dalam khidmatnya dan tidak mendatangkan masalah atau kesakitan pada Baba. Ini mereka lakukan dengan niat baik tetapi Baba tidak membenarkan ini. Mereka terkejut melihat yang niat baik mereka menyebabkan bencana ini dan mereka tidak dapat berbuat apa - apa tetapi hanya menunggu dan melihat. Akhirnya Baba beransur tenang. Dia meninggalkan Satka dan kembali ke tempat duduknya. Sejak dari itu, para pengikut telah mengambil pelajaran dari situ yang mereka tidak harus campur tangan dalam

urusan orang lain tetap biarkan mereka berkhidmat untuk Baba menurut cara masing- masing sebab Dia mampu untuk menilai kebaikan dan nilai perkhidmatan yang diberikan kepadaNya.

Penghormatan Untuk Sri Sai – Sejahtera untuk Semua

Bab XXV

Damu Anna Kasar dari Ahmednagar - (1) Spekulasi - (2) Leela - Amra
Pendahuluan

Kita akan mulakan bab ini dengan tunduk hormat dengan kesemua lapan anggota badan kepada Sai Baba, iaitu lautan rahmat, jelmaan tuhan, Para - Brahman dan Yogeshwara (Tuhan Yoga) yang hebat. Kemenangan untuk Sai Baba, yang menjadi puncak permata untuk oeang - orang Keramat, yang menjadi rumah untuk semua yang bertuah, yang menjadi Atmaram (Menyayangi Diri), yang dapat melindungi para pengikut. Kita meniarap di kakinya, yang telah mencapai tujuan akhir kehidupan.

Sai Baba sentiasa penuh dengan belas kasihan. Apa yang diperlukan dari pihak kita adalah kesetiaan kepada Beliau. Apabila pengikut telah mempunyai keyakinan yang kukuh dan kesetiaan, impiannya akan ditunaikan dengan segera. Apabila keinginan timbul dalam minda Hemadpant untuk menulis kehidupan dan Leela Sai Baba, dia dengan serta merta mendapati ianya ditulis oleh Beliau. Apabila arahan ‘ untuk menyimpan catatan ‘ diberikan, Hemadpant merasa bersemangat dan inteleknya mendapat kekuatan dan keberanian untuk menjalankan dan menyelesaikan kerjanya. Dia menganggap dirinya tidak layak untuk menulis kerja itu tetapi berkat pertolongan Baba membolehkan dia menghabiskan kerjanya dan sebab itu anda mempunyai Satcharia iaitu permata Somakant, dari nektar yang di dalam bentuk Leela Sai Baba meleleh keluar kepada pembaca - pembaca untuk diminum sepuas hati.

Apabila, pengikut telah selesai dan menyerah sepenuh hati kepada Sai Baba, segala masalahnya dan bahaya akan dilindungi dan kebajikannya akan dijaga oleh Baba. Cerita tentang Damodar Savalaram Resane, Kasar dari Ahmednagar (sekarang daripada Poona) alias Damu Anna menggambarkan kenyataan di atas. Damu Anna Para pembaca menyedari bahawa kisah tentang lelaki ini telah ditulis pada bab enam, mengenai sambutan festival Rama - Navami di Shirdi. Dia datang ke Shirdi pada tahun 1895, apabila sambutan Utsava Rama - Navami bermula dan

dari situ dia telah memberikan bendera bersulam untuk majlis itu setiap tahun. Dia juga memberi makanan kepada orang mikin dan fakir yang datang ke sana pada masa festival itu.

Spekulasi Beliau: (1) Kapas

Sahabat Damu Anna dari Bombay menulis surat kepadanya yang membeitahu bahawa mereka harus membuat perniagaan spekulasi kapas secara bekerjasama yang akan memberikan mereka keuntungan lebih kurang dua lac Rupee. Damu Anna dalam kenyataannya yang dibuat pada tahun 1936 mengatakan kepada En. B.V. Narasimha Swani bahawa cadangan mengenai spekulasi di Bombay tentang kapas adalah dari orang tengah yang tidak menjadi rakan kongsi dan dia (Damu Anna) akan menjadi seorang pengembara tunggal:- melalui mukasurat 75 daripada para pengikut ‘ Pengalaman Bahagian II). Orang tengah menulis yang perniagaan ini adalah baik dan tidak terlibat dengan risiko dan peluang tidak seharusnya dilepaskan. Damu Anna telah bermain di dalam fikirannya. Dia tidak dapat menetapkan terus untuk menceburi spekulasi ini. Dia memikirkan tentang ini dan sebagai pengikut kepada Baba, dia menulis surat yang lengkap kepada

Shama memberikan semua kenyataan dan meminta beliau berbincang dengan Baba dan meminta nasihat tentang masalah itu. Shama menerima surat itu pada hari esoknya dan bila dia datang ke Masjid pada tengahari dia meletakkanya di hadapan Baba. Baba bertanya apa perkara itu dan apakah kertas (surat) itu. Dia memberitahu yang Damu Anna dari Nagar hendak berunding dengannya tentang sesuatu. “ Apa yang dia tulis dan apa yang dia rancang? Dia seperti imgin mencapai langit dan tidak berpuas hati dengan apa yang telah Tuhan berikan. Read his letter “. Shama kemudian berkata, “ Surat mengandungi apa yang awak katakan sebentar tadi. Oh, deva awak duduk tenang dan mempengaruhi para pengikut, bila mereka merasa gelisah awak menarik mereka ke sini, ada yang datang sendiri dan ada yang melalui surat. Kalau Awak sudah mengetahui kandungan surat, kenapa memaksa saya membacanya? “ Baba berkata,” Oh Shama, tolong bacakan. Saya bercakap secara rambang dan siapa yang percayakan Saya “.

Shama kemudiannya membaca surat dan Baba mendengar dengan tekun dan berkata penuh semangat, “ The Shet (Damu Anna) sudah gila. Tuliskan jawapan untuknya yang tiada apa yang diperlukan di rumahnya. Biarkan dia berpuas hati dengan separuh roti yang dia ada sekarang dan tidak menghiraukan lacs “. Shama menghantar surat jawapan yang ditunggu oleh Damu Anna dengan gelisah. Apabila dia membaca. Dia mendapati bahawa semua harapan dan prospek beliau mengenai lac rupee sebagai keuntungan tidak kesampaian. Dia berfikir yang berbincang dengan Baba adalah satu kesilapan tetapi Shama telah menngingatkannya bahawa akan sentiasa ada banyak perbezaan diantara melihat dan mendengar, jadi dia seharusnya datang sendiri ke Shirdi dan

berjumpa Baba. Dia berfikir adalah lebih baik untuk pergi ke Shirdi dan berbincang dengan Baba sendiri tentang perkara itu. Maka dia telah pergi ke Shirdi , berjumpa dengan Baba, meniarap di kakinya dan duduk membersih kaki Baba. Dia tidak berani untuk bertanya Baba secara terbuka tentang spekulasi tetapi mindanya berfikir yang adalah lebih baik jika sedikit bahagian di dalam perniagaan diberikan kepada Baba dan berfikir jika Baba membantunya di dalam transaksi ini, dia akan menyerahkan sedikit keuntungan kepadaNya. Damu Anna berfikir secara rahsia di dalam mindanya tetapi tiada yang terselindung dari Baba. Semua yang lepas, sekarang dan masa depan adalah jelas kepadaNya seperti buah Amalaka di dalam tangan. Kanak - kanak mahukan gula - gula tetapi ibu mereka memberikan pil yang pahit. Gula - gula akan merosakkan kesihatan tetapi pil yang pahit akan meningkatkan kesihatan. Jadi si ibu memikirkan tentang kebajikan anak kecilnya, memujuknya dan memberikan pil yang pahit. Baba yang sebaik ibu, mengetahui yang sekarang dan prospek masa depan para pengikutnya. Oleh itu, membaca minda Damu Anna, dia berterus terang dengannya, “ Bapu Saya tidak mahu melibatkan diri di dalam mana - mana barangan duniawi (berkongsi keuntungan)”. Apabila Baba tidak bersetuju, Damu Anna menggugurkan perusahaan itu.

(2) Urusan Bijirin

Kemudian dia terfikir untuk berniaga biirin, beras, gandum dan barangan runcit lain. Baba juga membaca fikirannya dan berkata,” Awak akan membeli pada harga lima seers (kiraan berat bagi India) dan menjual pada harga tujuh seers untuk satu rupee “. Jadi perniagaan ini juga digugurkan. Harga beras dinaikkan untuk sementara waktu dan ramalan Baba seolah - olah palsu tetapi

dalam jangka masa sebulan atau dua berlaku hujan lebat di semua tempat menyebabkan harga tiba - tiba menurun dan di sebabkan itu, mereka yang menyimpan bujirin mengalami kerugian yang teruk. Damu Anna terselamat dari masalah ini. Spekulasi kapas yang dijalankan oleh orang tengah dengan bantuan saudagar lain juga jatuh ketangan pengembara dengan kerugian yang banyak. Selepas melihat yang Baba telah menyelamatkan beliau dari dua kerugian dalam spekulasi kapas dan bijirin, keyakinan Damu Anna terhadap Baba berkembang kuat dan dia kekal sebagai pengikut yang benar kepada Baba sehingga beliau meninggal dunia malahan sehingga sekarang.

Leela - Amra (Keajaiban mangga)

Bungkusan yang mengandungi 300 biji buah mangga yang baik telah diterima di Shirdi. Ia dihantar dari Goa oleh seorang Mamlatdar yang bernama Rale tetapi kepada Baba namanya adalah Shama. Apabila ia dibuka, semua mangga berada di dalam keadaan baik. Ia telah diberikan di bawah jagaan Shama dan

hanya empat biji dikekalkan dan disimpan di dalam kolamba (pot) oleh Baba. Dia berkata, “ Empat biji buah ini adalah untuk Damu Anna, biarkan ia di sana. Damu Anna mempunyai tiga orang isteri. Berdasarkan kenyataannya yang disebut di atas, dia hanya mempunyai dua orang isteri sahaja. Dia tidak mempunyai masalah. Dia meminta pendapat banyak ahli nujum dan dia sendiri juga belajar sedikit tentang ilmu nujum dan mendapati terdapat planet ‘ papi ‘ (neraka) di dalam horoskop, tidak ada prospek apa - apa isu dalam hidupnya tetapi dia mempunyai keyakinan tinggi terhadap Baba. Apabila dia pergi ke Shirdi untuk memuja Baba, dua jam selepas menerima bungkusan buah - buah mangga, Baba berkata, “ Walaupun orang lain melihat buah mangga ,ianya milik

Dammya. Dia yang perlu mereka ‘ makan dan mati ‘ Damu Anna pada mulanya terkejut mendengar kata -kata ini tetapi selepas penerangan dari Mhalsapati (pengikut Shirdi yang menonjol) yang memberitahu bahawa mati bermaksud kematian diri ata ego, dan untuk mendapatkannya di kaki Baba adalah satu rahmat. Dia memberitahu bahawa dia akan menerima buah - buahan dan memakannya tetapi Baba berkata kepadanya, “ Jangan awak sendiri yang makan tetapi berikan kepada isteri awak yang muda. Leela - Amra ini (keajaiban empat biji mangga) akan memberikan dia empat orang anak lelaki dan empat orang anak perempuan. Dia telah melakukannya dan akhirnya dalam tempoh terdekat kata - kata Baba ternyata benar dan bukannya ahli nujum.

Ucapan Baba membuktikan keberkesanannya atau kehebatan ketika Beliau hidup tetapi keajaiban dari keajaiban! Ianya berlaku juga selepas Beliau meninggal dunia. Baba berkata, “ Percayalah pada saya, walaupun saya mati, tulang - tulang saya di dalam makam saya akan memberil anda harapan dan keyakinan. Bukan saja diri Saya tetapi makam Saya juga akan bercakap, bergerak dan berkomunikasi dengan mereka yang menyerahkan diri sepenuh hati kepada Saya. Jangan sedih yang saya akan pergi daripada awak. Awak akan mendengar tulang - tulang Saya bercakap dan berbincang tentang kebajikan awak. Namun harus mengingati Saya selalu, percaya pada Saya di dalam hati dan jiwa dan awak akan paling mendapat manfaat.

Doa

Hemadpant menutup babini dengan doa. “ Oh Sai Sadguru, hasrat itu memenuhi pokok para Bakti. Kita jangan lupa dan hilang pandangan terhadap kaki Anda. Kami telah menghadapi masalah

dengan kemasukan dan pengeluaran (kelahiran dan kematian) di dalam samsar ini. Sekarang bebaskan kami dari putaran kelahiran dan kehidupan. Halang kami dari kepekaan deria kami terhadap objeknya dan jadikan kami dapat memusatkan perhatian dan bawa kami berhadapan dengan Atma (Diri). Selagi kecenderungan deria untuk keluar dan

minda tidak diperiksa, maka tidak akan ada prospek untuk kesedaran diri. Tiada anak lelaki, tidak juga isteri mahupun kawan yang akan berguna pada akhirnya. Hanya Anda, yang akan memberikan kami keselamatan dan kebahagiaan. Musnahkan sepenuhnya kecenderungan kami untuk mengumpat dan perkara - perkara jahat yang lain, biarkan lidah kami bersemangat untuk melaungkan nama Anda. Usirkan pemikiran kami, yang baik atau sebaliknya dan jadikan kami mampu melupakan badan - badan dan rumah - rumah kami serta hapuskan keegoan kami. Jadikan kami dapat mengingati nama Anda dan melupakan semua perkara - perkara yang lain. Hilangkan keresahan minda kami dan jadikan ianya stabil dan tenang. Jika anda menepuk kami, kegelapan malam dan kejahilan kami akan hilang dan kami akan hidup bahagia di dalam cahaya Anda. Anda membuat kami minum nektar Leela Anda dan mengejutkan kami dari lena adalah disebabkan rahmatMu dan juga hasil dari segala kebaikan pada kelahiran lepas “.

Nota:- Dalam hubungan ini, kenyataan dari Damu Anna yang disebut di atas adalah penelitian yang bernilai (mukasurat 76).

“ Semasa saya duduk di kakiNya bersama yang lain - lain, saya mempunyai dua soalan di minda dan dia menjawab kedua - duanya.

(1)Terlalu banyak orang - orang berjumpa Sai Baba, Adakah mereka semua beroleh manfaat dari Beliau?

Untuk ini, Beliau menjawab secara oral, “ Lihatlah pokok mangga yang sedang berbunga. Jika semua bunga itu memberikan buah, tentunya ia menjadi tanaman yang baik sekali tetapi dapatkah? Kebanyakannya akan jatuh (samada sebagai bunga atau buah yang belum masak) disebabkan angin dan lain - lain. Hanya sedikit yang akan kekal.

(2)Soalan kedua adalah mengenai diri saya sendiri. Jika Baba meninggal dunia, bagaimana saya akan hanyut tanpa harapan dan bagaimana saya hendak meneruskan nanti? Untuk ini Baba menjawab yang Beliau akan bersama saya bila dan di mana saja saya mengingatiNya. Janji itu telah Beliau tunaikan sebelum tahun 1918 dam masih menunaikannya selepas tahun 1918. Dia masih bersama saya. Dia masih membimbing saya . Ini berlaku kira- kira tahun 1910 - 11), apabila adik- beradik lelaki terpisah dari saya dan adik perempuan saya meninggal dunia kemudian terdapat pencuri dan siasatan dari pihak polis. Kesemua insiden- insiden ini amat menyedihkan saya.

Apabila adik perempuan saya meninggal, minda saya sangat sedih. Say tidak pedulikan kehidupan dan keseronokan. Bila saya datang kepada Baba, Beliau

memujuk saya dengan Upadesh dan memujuk saya makan di pesta Pooran Poli di rumah Appa Kulkarni dan disapukan dengan wangian.

Terdapat pencuri di rumah saya. Sahabat yang sudah tiga puluh tahun menjadi berkawan dengan saya mencuri barangan kemas isteri saya termasuk Nathi (cincin hidung) bertuahnya. Saya

menangis di hadapan foto Baba. Keesokannya, lelaki itu mengembalikan barangan kemas dan memohon maaf .

Penghormatan Unruk Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua

Bab XXVI

Cerita - Cerita tentang (1) Bhakata Pant (2) Harishchandra Pitale dan (3) Gopal Ambadekar

Semua benda yang kita nampak di dalam alam semesta adalah tiada apa - apa kecuali permainan Maya - kuasa kreatif oleh Tuhan. Perkara ini tidak benar - benar wujud. Apa yang sebenarnya wujud adalah Kebenaran Mutlak. Sama seperti kita tersilap tentang tali dengan kalungan bunga atau kayu dengan ular semasa di dalam gelap. Kita sentiasa melihat fenomena, iaitu benda yang nampak pada luarannya dan bukan pada neumonon yang berdasarkan sesuatu yang boleh dilihat. Hanya Sadguru yang telah membuka mata kefahaman kami dan membolehkan kami melihat benda dalam cahaya sebenar mereka dan bukannya seperti mana ia muncul. Oleh itu, mari kita memuja Sadguru dan berdoa kepadaNya agar memberikan kita visi sebenar iaitu visi Tuhan. Pemujaan Dalaman Hemadpant telah memberikan kita pemujaan dalam bentuk novel. Dia berkata, mari kita, menggunakan air panas dalam bentuk air mata kegembiraan untuk membasuh kaki Sadguru. Mari kita mengotorkan badanya dengan adunan pewangi kasih sayang. Mari kita menutup badannya dengan kain keyakinan yang sebenar. Mari kita menawarkan lapan kuntum teratai dalam bentuk lapan emosi Sattwik dan buah dalam bentuk konsentrasi minda. Mari kita sapukan kepalanya dengan bukka (serbuk hitam) dalam bentuk kesetiaan dan mengikat pinggang Bhakti dan meletakkan kepala kita di jari kakinya.

Selepas menghias Sadguru dengan semua barang kemas dengan cara ini, mari kita menawarkan kesemua diri kita kepadaNya dan

mengipas Chamar pengabdiaan untuk menghindari haba. Selepas pemujaan yang bahagia ,mari kita berdoa seperti ini, “ Tetapkan minda kami, masukkan,berikan kami diskriminasi antara yang tidak benar dengan yang benar dan tidak terikat dengan perkara duniawi supaya kami boleh mencapai kesedaran diri. Kami

menyerahkan diri kami, badan dan jiwa (badan - Kesedaran dan ego). Jadikan mata kami sebagai mata Anda, supaya kami tidak akan merasa seronok atau sakit . Kawal badan dan minda seperti mana anda inginkan. Biarkan minda kami berehat di kaki Anda “.

Sekarang mari kita beralih kepada cerita di bab ini.

Bhakta Pant

Suatu hari, seorang pengikut yang bernama Pant, murid kepada Sadguru yang lain bernasib baik dapat melawat Shirdi. Dia tidak terfikir untuk pergi ke Shirdi tetapi seseorang merancang sesuatu dan tuhan menentukan. Dia pergi menggunakan keretapi B.B & C.I. Rly. Yang membolehkan dia menemui banyak kawan dan menjalin hubungan dengan Shirdi. Mereka semua meminta dia menemani mereka dan dia tidak dapat menolak. Mereka turun di Bombay manakala pant turun di Virar. Di sana dia memohon kebenaran dari Sadguru untuk pergi ke Shirdi dan selepas menguruskan perbelanjaan, dia pun pergi bersama yang lain. Mereka sampai di sana pada waktu pagi dan pergi ke Masjid pada 11 A.M. Melihat para pengikut berkumpul untuk memuja Baba, mereka sangat gembira tetapi Pant tiba - tiba diserang sawan dan tidak sedar diri. Mereka semua ketakutan namun masih mencuba sebaik mungkin untuk menyedarkannya. Dengan rahmat Baba dan beberapa kendi air yang dicurahkan di atas kepalanya, di mula sedar kembali dan bangun untuk duduk seolah - olah dia baru bangun dari tidur. Baba

yang mengetahu segalanya tahu bahawa dia adalah murid kepada Guru yang lain, memberikannya keberanian dan menetapkan keyakinan kepada gurunya sendiri dengan berkata kepada dia seperti berikut:- “ Walau apa pun yang datang, jangan takut tetapi berpeganglah kepada penyokong (Guru) dan kekal stabil, sentiasa brsatu dengan Beliau “. Pant serta merta faham tentang kata - kata itu kerana Dia mengingatkan kepada SadguruNya. Kebaikan Baba ini tidak akan penah dilupakan.

Harishchandra Pitale

Ada seorang lelaki yang bernama Harishchandra Pitale di Bombay. Dia mempunyai seorang anak lelaki, yang menghidapi epilepsy. Dia mencuba banyak doktor allopathic and ayurvedic tetapi masih belum dapat disembuhkan. Hanya tinggal satu jalan sahaja lagi iaitu bejumpa dengan orang - orang Keramat. Ia telah dinyatakan dalam bab XV yang Das Ganu dengan caranya yang tidak dapat ditiru dan kirtan yang baik telah menyebarkan kemasyhuran Baba di Jabatan presiden. En. Pitale mendengar sedikit kirtan ini dalam tahun1910 dan mengetahui dari sana juga dari yang lain bahawa Baba, dengan sentuhan dan sekadar pandangan dapat menyembuhkan penyakit yang tidak dapat disembuhkan. Maka keinginan untuk berjumpa Baba telah timbul dalam

mindanya. Dengan membuat segala persediaan dan membawa hadiah - hadiah dan buah di dalam bakul, En. Pitale telah datang ke Shirdi bersama keluaraganya, isteri dan anak. Dia kemudiannya membawa mereka pergi ke Masjid, meniarap di kaki Baba dan meletakkan anak lelakinya yang sakit di kaki Baba. Sebaik sahaja Baba melihat anak itu sesuatu yang tidak baik telah berlaku. Mata anak itu berpusing dan akhirnya pengsan. Mulutnya mula

mengeluarkan buih dan seluruh badannya mula berpeluh dengan banyak dan ia kelihatan seperti tidak bernafas lagi. Melihat keadaan ini, ibubapanya menjadi resah dan gelisah. Budak itu selalu diserang sawan tetapi sawan yang kali ini berlaku agak lama. Airmata mula mengalir dari mata si ibu dan dia mula meratap, menangis seperti seorang yang takutkan pencuri yang lari ke dalam ke dalam rumah yang jatuh menghempapnya atau seperti lembu yang takutkan harimau, terperangkap ke tangan penyembelih daging atau seperti pengembara, yang merasa tersiksa oleh haba matahari lalu berlindung di bawah pokok yang menimpanya atau seperti orang alim yang pergi beribadat ke kuil yang jatuh menghempapnya. Kemudian Baba memujuknya dengan berkata, " Jangan meratap seperti ini, tunggu sebentar, bersabarlah, bawakan anak ini ke rumah awak, dia akan sedar dalam masa setengah jam ". Mereka membuat seperti yang diarah oleh Baba dan mmendapati kata - kata Baba menjadi kenyataan. Sebaik sahaja dia di bawa masuk ke Wada, budak itu telah sedar dan semua famili Pitale, suami isteri dan yang lain - lain merasa sungguh gembira. Semua perasaan curiga turut hilang. Kemudia En. Pitale bersama isterinya datang menemui Baba dan meniarap di kakinya dengan rendah diri dan rasa hormat sambil duduk mmbasuh kaki Baba. Dia berterima kasih kepada Baba melalui mindanya di atas pertolongan Baba. Dengan senyum Baba berkata, " Bukankah sekarang semua rasa curiga dan ketakutan sudahpun hilang? Hari (Tuhan) akan melindungi dia , yang mempunyai keyakinan dan kesabaran ". En. Pitale adalah seorang yang kaya. Dia mengedarkan kuih manis dalam jumlah yang banyak dan memberikan Baba buah yang terbaik dan sirih (betel - leaves). Puan Pitale adalah seorang wanita Sattwik, sederhana, menarik dan setia. Dia pernah duduk dekat tiang memerhati Baba dengan

air mata gembira mengalir dari matanya. Melihatkan sifat baik dan penyayangnya menyebabkan Baba menyenanginya.Seperti Tuhan, orang - orang Keramat sentiasa bergantung kepada para pengikut mereka yang menyerah dan memuja mereka dengan sepenuh hati dan jiwa. Selepas menghabiskan beberapa hari yang bahagia bersama Baba, keluarga Pitale pergi ke Masjid berjumpa Baba sebelum bertolak balik. Baba memberikan mereka Udi dan rahmat dan memanggil En. Pitale rapat kepadanya dan berkata, " Bapu. Saya telah memberikan awak sebelum ini, Rs. Dua, dan sekarang saya berikan awak Rs. Tiga. Simpankan ini di kuil untuk pemujaan dan awak akan mendapat manfaat ". En. Pitale menerima ini sebagai Prasad, meniarap di kaki sekali lagi dan berdoa untuk rahmatnya. Dia terfikirkan sesuatu, yang ini adalah kali pertama dia datang ke Shirdi dan dia tidak faham apa yang dimaksudkan oleh Baba apabila beliau mengatakan beliau

telah memberikan Rs. Dua sebelum ini. Dia ingin tahu untuk menyelesaikan misteri tersebut tetapi Baba hanya mendiamkan diri. Apabila En. Pitale kembali ke Bombay, dia menceritakan kepada ibunya yang sudah tua tentang apa yang telah berlaku di Shirdi dan misteri tentang duit yang Baba berikan. Ibunya juga tidak faham tentang misteri tersebut tetapi setelah memikirkan secara serius, dia teringatkan satu insiden lama yang dapat menyelesaikan misteri itu. Dia berkata kepada anaknya," Sepertimana awak pergi kepada Sai Baba dengan anak lelaki awak, begitulah ayah awak membawa awak ke Akkalkot, untuk darshana kepada Maharaj di sana beberapa tahun yang lalu. Maharaj itu juga adalah Siddha, Yogi yang sempurna, serba tahu dan liberal. Ayah awak adalah murni, alim dan ibadahnya diterima. Dia kemudian memberi ayah awak Rs.dua untuk disimpan di dalam kuil dan dipuja. Ayah awak memujanya sewajarnya sehingga dia

meninggal dunia tetapi selepas itu pemujaan itu telah diabaikan dan duit itu telah hilang. Selepas beberapa tahun kemudian, ingatan tentang duit dua rupee juga turut hilang dan sekarang oleh kerana awak sangat bertuah, Akkalkotkar Maharaj telah muncul di depan awak dalam bentuk Sai Baba sekadar untuk mengingatkan tanggungjawab dan ibadah juga untuk menhapuskan segala marabahaya. Jadi awas mulai sekarang, ketepikan rasa curiga dan fikiran jahat. Contohi nenek moyangmu dan berkelakuan baik lah. Teruskan memuja keluarga Tuhan dan rupees itu, nilai dengan betul dan berbangga dengan berkat orang - orang Keramat. Sai Samartha telah berbaik hati menghidupka semula spirit Bhakti di dalam diri awak, pupuk lah untuk manafaat diri awak ". Mendengar ucapan ibunya, En. Pitale merasa sangat gembira. Dia sudah mengetahui dan yakin tentang semua kemampuan Baba dan kepentingan darshan Beliau. Semenjak itu dia mula berhati - hati dengan kelakuannya. En. Ambadekar En. Gopal Narayan Ambadekar dari Poona adalah seorang pengikut Baba. Dia berkhidmat selama sepuluh tahun di jabatan Abkhari di Daerah Thana dan di negeri Javhar dan di sana dia terpaksa bersara. Dia cuba untuk mendapatkan pekerjaan lain tetapi dia tidak berjaya. Dia tertekan dengan masalah - masalahnya yang lain dan keadaan dia menjadi semakin teruk. Dia melalui kehidupan seperti itu selama 7 tahun, melawat Shirdi setiap tahun mencurahkan rungutannya di depan Baba. Dalam tahun 1916 nasib beliau semakin teruk sehingga dia mengambil keputusan membunuh diri di Shirdi. Maka dia datang ke sana bersama dengan isterinya dan tinggal di sana selama dua bulan. Pada suatu malam semasa duduk di dalam kereta lembu di depan Wada Dixit. Membuat keputusan untuk mengakhiri hidupnya dengan menerjunkan diri ke dalam telaga yang berdekatan. Dia merancang untuk melakukan sesuatu

tetapi Baba mempunyai rancangan yang lain. Beberapa langkah dari tempat itu, terdapat sebuah hotel dan tuan punya hotel tersebut adalah pengikut Baba iaitu En. Sagun. Dia keluar dan menyapanya, “ Adakah awak pernah membaca buku

tentang kehidupan Maharaja Akkalkotkar ini? “Ambadekar mengambil buku dari Sagun dan mula membacanya. Secara tak langsung atau kita boleh katakan sudah ditakdirkan dia sampai kepada kisah yang memberi kesan ini. Semasa tempoh hidup Maharaj Akkalkotkar salah orang pengikut telah dijangkiti penyakit yang tidak dapat disembuhkan dan bila dia tidak dapat menanggung penderitaan dan kesakitan lagi, dia menjadi terdesak dan untuk menamatkan kesengsaraan, suatu malam dia menerjunkan diri ke dalam telaga. Dengan segera Maharaj datang ke sana dan mengambilnya keluar menggunakan tangannya sendiri dan menasihati dia, “ Awak harus menikmati buah, baik atau buruk, dari perbuatan yang lepas. Jika keseronokan tidak lengkap, membunuh diri tidak akan membantu awak. Awak terpaksa menempuh kelahiran lain dan menderita lagi. Jadi, daripada membunuh diri, kenapa tidak menderita untuk seketika dan habiskan simpanan buah dari hasil masa lalu anda dan menyelesaikannya untuk sekali dan untuk semua? “ Membaca cerita yang sesuai dan tepat pada masanya ini membuatkan Ambadekar merasa terkejut dan terharu. Jika dia tidak mendapat petanda Baba melalui cerita ini, sudah pasti beliau sudah tiada lagi. Melihatkan sifat maha luas dan kebajikan Baba, keyakinannya terhadap Beliau telah tetap dan dia telah menjadi pengikut yang kuat. Ayahnya adalah pengikut kepada Maharaj Akkalkotkar dan Sai Baba mahukan beliau mengikut jejak langkah ayahnya dan meneruskan ketaatan beliau kepadaNya. Dia kemudian mendapatkan rahmat dari Sai Baba dan prospeknya mula

bertambah baik.Dia mempelajari astrologi lalu menjadi mahir tentangnya dan seterusnya nasibnya juga menjadi lebih baik. Dia sudah mampu mendapat wang yang mencukupi dan melalui kehidupan akan datang dengan mudah dan selesa.

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua

Bab XXVII

Bantuan Ditunjukkan dengan Memberi Bhagwat dan Vishnu - Sahasra Nam - Visi Dixit Vithal - Gita Rahasya - Khapardes.

Bab ini menerangkan bagaimana Baba membantu para pengikutNya dengan memberikan mereka buku - buku agama selepas Beliau menyentuh dan menyucikan mereka untuk parayana (selalu membaca) dan perkara- perkara lain yang tertentu.

Pendahuluan

Apabila seorang lelaki terjun ke dalam laut dia beroleh kebaikan mandi di dalam semua Tirthas dan sungai - sungai suci. Begitu juga jika seorang lelaki

berlindung di kaki Sadguru, dia beroleh kebaikan membuat penghormatan kepada Triniti, iaitu, Brahma, Vishnu dan Mahesh serta Para - Brahma. Kejayaan adalah untuk Sai Baba iaitu pokok yang memenuhi hajat dan lautan pengetahuan , yang memberikan kita kesedaran diri. “ Oh Sai, wujudkan dalam diri kami rasa hormat pada cerita Awak. Biarkan pembaca dan penonton memakannya dengan nikmat yang sama seperti burung Chatak yang meminum air dari awan - awan dan menjadi gembira. Semasa mendengar cerita Awak, biarkan mereka dan keluarga mendapat semua emosi sattwik, iaitu biarkan badan mereka berpeluh, biarkan mata mereka dipenuhi airmata, biarkan prana mereka menjadi stabil, biarkan minda mereka menjadi tetap, biarkan rambut mereka berdiri di hujung, biarkan mereka menangis, tersedu dan bergoncang, biarkan permusuhan dan

perbezaan mereka, besar atau kecil selesai. Jika ini berlaku, ia adalah tanda rahmat dari Guru melimpahkan cahaya ke atas mereka. Apabila emosi ini membangun dalam diri anda,Guru adalah yang paling gembira dan pasti akan membawa anda kepada matlamat untuk kesedaran diri. Oleh itu cara terbaik untuk membebaskan diri dari belenggu Maya adalah menyerah diri dengan sepenuh hati kepada Baba. Vedas tidak dapat membawa anda merentasi Maya. Hanya Sadguru, yang dapat melakukannya dan membuat anda melihat Tuhan di dalam semua makhluk.

Pemberian Buku Yang Menyucikan

Kepelbagaian arahan yang disampaikan oleh Baba dapat dilihat di dalam bab - bab yang sebelum ini. Dalam bab yang ini juga kita akan membincangkan salah satu daripada aspek itu. Telah menjadi habit para pengikut untuk mengambil beberapa buah buku agama, yang mereka hendak buat satu kajian khas, diberikan kepada Baba dan menerima kembali darinya selepas mereka disentuh dan disucikan oleh Beliau. Semasa setiap hari membaca buku itu, mereka merasakan bahawa Baba ada bersama mereka. Pernah sekali, Kaka Mahajani datang ke Shirdi dengam membawa salinan buku Ekanath Bhagwat. Shama mengambil buku itu untuk dibaca dan membawanya ke Masjid. Di sana Baba mengambil darinya, memegang dan membuka beberapa muka surat dan mengembalikan semula kepada Shama serta menyuruhnya menyimpan buku itu. Apabila Shama memberitahu yang ia adalah milik Kaka dan dia harus mengembalikan kepadanya, Baba berkata, “ Jangan, jangan. Oleh kerana saya telah berikan kepada awak, maka lebih baik awak yang simpankan untuk penjagaan lebih selamat lagipun ia akan berguna untuk awak “. Dengan cara ini banyak buku telah diamanahkan kepada Shama. Selepas

beberapa hari, Kaka Mahajani telah datang lagi membawa satu lagi salinan Bhagwat dan memberikan ke tangan Baba. Baba mengembalikan ia sebagai Prasad dan memintanya menyimpan dengan baik dan ia akan memberikan dia kedudukan yang baik. Kaka menerima dan memberikan tunduk hormat kepadanya.

Shama dan Vishnu – Sahasra - Nam

Shama adalah pengikut yang paling rapat dengan Baba dan Baba hendak membantu beliau dengan cara yang tertentu iaitu dengan memberikannya salinan buku Vishnu - Sahasra - Nam sebagai Prasad. Ini telah dilakukan dengab cara berikut. Suatu hari, seorang Ramadasi (pengikut Keramat Ramadas) telah datang ke Shirdi dan tinggal sebentar di sana. Rutin hariannya adalah seperti berikut: Dia bangun awal pagi, membasuh mukanya, mandi dan selepas menggunakan baju berwarna kuning jingga, mengotorkan dirinya dengan abu suci, membaca Vishnu - Sahasra - Nam (buku yang memberi beribu nama yang memuji Vishnu dan yang kedua penting kepada Bhagwat Geeta) dan Adhyatma - Ramayana (Versi Esotrik Cerita Rama) dengan yakin. Dia sering membaca buku - buku ini dan selepas beberapa hari Baba berfikir untuk membantu dan memulakan Shama dengan Vishnu - Sahasra - Nam. Oleh itu dia memanggil Ramadasi dan memberitahunya yang Beliau menghidapi sakit perut yang teruk dan sekiranya dia tidak mengambil kelopak Senna (Sona - mukhi, ubat julap yang sederhana), sakit itu tidak akan berhenti jadi dia mesti pergi ke bazaar dan membawa balik ubat itu. Ramadasi itu berhenti membaca dan pergi ke Bazar. Kemudian Baba turun dari kerusinya, datang ke tempat Ramadasi membaca, mengambil salinan Vishnu - Sahasra - Nam lalu kembali ke tempat duduknya dan berkata kepada Shama. “ Oh Shama, buku ini sangat berharga

dan mujarab, jadi saya hadiahkan kepada awak, awak bacalah. Pernah sekali Saya menderita teruk dan jantung saya berdebar - debar dan hidup Saya dalam bahaya. Pada masa kritikal itu, Saya peluk ini ke jantung saya dan Shama, ia telah melegakan Saya! Saya fikir Allah sendiri yang telah turun ke bawah dan menyelamatkan Saya. Jadi saya berikan buku ini kepada awak, baca perlahan - lahan, sedikit demi sedikit baca sekurang kurangnya satu nama satu hari dan ia akan membei kebaikan untuk awak “. Shama menjawab yang dia tidak mahu dan pemiliknya iaitu Ramadasi seorang yang gila, degil dan cepat marah pasti akan bertengkar dengannya, lagi pun sebagai orang kampung, dia tidak pandai membaca tulisan Sanskrit (Devanagari) dengan jelas.

Shama menyangka Baba hendak mengaturkan supaya dia menentang Ramadasi melalui perbuatan Dia ini tetapi dia tidak tahu apa yang Baba rasakan terhadap dia. Baba mungkin berfikir untuk mengikat rantai leher Vishnu - Sahasra - Nam ke leher Shama sebab dia adalah pengikut yang rapat , walaupun kekampungan dan supaya dapat menyelamatkannya dari kesengsaraan kewujudan duniawi. Keberkesanan nama Tuhan memang sudah diketahui. Ia menyelamatkan kita dari segala dosa dan kecenderungan yang buruk juga membebaskan kita dari putaran kelahiran dan kematian. Tidak ada Sadhana yang semudah ini. Ia adalah pembersih minda yang terbaik. Ia tidak mmerlukan perlengkapan dan sekatan. Ia juga sangat mudah dan sangat efektif. Baba mahukan Shama mempraktikkan Sadhana ini walaupun dia tidak mengidamkannya. Maka Baba telah

memaksanya untuk ini. Ia juga dilaporkan bahawa masa dahulu, Ekanath Maharaj, dengan cara yang sama memaksa Vishnu -

Sahasra - Nam ini ke atas seorang jiran Brahmin yang miskin supaya dapat menyelamatkannya. Membaca dan mempelajari Visnu - Sahasra - Nam ini adalah cara yang luas terbuka untuk membersihkan fikiran dan dengan itu Baba mendorongkannya ke atas Shama. Ramadasi kembali segera mebawa kelopak Seena. Anna Chinchanikar, yang kemudian hadir dan yang hendak memainkan peranan sebagai Narada (Rishi cakerawala yang terkenal dengan penubuhan pertengkaran antara Tuhan - Tuhan dan iblis dan sebaliknya), memberitahunya apa yang telah berlaku. Ramadasi serta merta menjadi marah. Dia terus datang kepada Shama dengan marah. Dia mengatakan bahawa Shama yang telah mngaturkan supaya Baba menghantarnya keluar dengan alasan sakit perut agar dia membawa balik ubat supaya dia mendapat buku itu. Dia mula memarahi dan berkasar dengan Shama dan menyatakan jika buku itu tidak dikembalikan, dia akan Menghentakkan kepalanya di hadapan dia. Shama dengan tenang cunba menerangkan kepada dia tetapi sia - sia. Kemudian Baba bercakap dengan lembut kepadanya, “ Oh Ramadasi, kenapa dengan awak? Kenapa awak sangat bergelora? Bukankah Shama anak kita? Kenapa awak memarahi dia tanpa sebab. Bagaimana awak jadi suka bertengkar? Tak boleh kah awak bercakap secara lembut dan manis? Awak membaca buku suci ini setiap hari tetapi minda awak masih tidak bersih dan tidak dapat mengawal kemarahan. Ramadasi jenis apakah awak ini! Awak sepatutnya mengambil ringan semua perkara. Tidakkah ianya pelik yang awak menginginkan sangat buku ini? Ramadasi yang sebenar tidak harus mempunyai ‘ mamata’ (ikatan) tetapi mempunyai ‘ samata ‘(kesaksamaan) terhadap semua. Awak sekarang bertengkar dengan budak Shama hanya kerana sebuah buku. Pergi duduk, buku boleh dibeli dengan duit tetapi bukan orang. Fikir baik - baik

dan bertimbang rasalah. Apakah nilai buku awak? Shama tidak berkaitan dengannya . Saya yang mengambil dan memberikan kepadanya. Awak sudahpun menghafalnya. Saya fakir Shama boleh membaca dan beroleh manfaat darinya dan sebab itulah saya memberikan kepadanya “.

Betapa manis kata - kata Baba, lembut dan umpama nektar! Kesannya sangat memuaskan. Ramadasi menjadi tenang dan berkata kepada Shama yang dia akan mengambil Geeta ‘ Pancha Ratni ‘ sebagai ganti. Shama sangat gembira dan berkata kepadanya, “ Kenapa sebuah, Saya akan memberikan sepuluh salinan sebagai ganti “.

Maka akhirnya masalah itu telah dapat diselesaikan. Soalan yang perlu dipertimbangkan adalah “ Kenapa Ramadasi meminta Geeta Pancha Ratni, Tuhan yang dia tidak pernah ambil tahu dan kenapa dia yang setiap hari membaca buku buku agama di Masjid di depan Baba, bertengkar dengan Shama

di depan Beliau? “ Kita tidak tahu bagaimana untuk meletakkan kesalahan dan siapa yang harus disalahkan. Kita hanya berpendapat, kalau prosedur ini tidak berlaku, kepentingan subjek, keberkesanan nama Tuhan dan pelajaran Vishnu - Sahasra - Nam tidak mungkin dibawa pulang kepada Shama. Jadi kita dapat lihat cara yang digunakan oleh Baba, mengajar dan memulakan adalah unik. Dalam kes ini Shama telah secara beransur - ansur belajar tentang buku itu dan menguasai kandungannya sehingga ke tahap dia sudah mampu untuk menerangkan kepada Professor G.G. Narke, M.A. dari College Of Engineering, Poona iaitu menantu kepada Shriman Booty dan pengikut kepada Baba. Bayangan Vithal Suatu hari, selepas mandi pagi, semasa Kakasaheb berada di dalam meditasi di Wadanya di Shirdi dia ternampak bayangan Vithal.

Apabila dia pergi berjumpa Baba kemudian, Baba bertanya," Adakah Vithal Pathil datang? Adakah awak nampak dia? Dia cekap mengelak, pegang dia dengan cepat kalau tidak dia akan terlepas dan lari ". Kemudian pada waktu tengahari penjaja tertentu datang ke sana dengan 20 atau 25 potret Vithal dari Pandharpur untuk dijual.En. Dixit sanagat terkejut melihat bentuk Vithal yang dia nampak semasa meditasi sebenarnya bersamaan dengan yang dalam potret dan dia juga teringatkan kata - kata Baba. Disebabkan itu dia telah membeli potret itu dan menyimpannya di kuil untuk pemujaan.

Geeta Rahasya

Baba sentiasa menyayangi mereka yang belajar Brahma - vidya (metafizik) dan menggalakkan mereka. Sebagai contoh. Suatu hari, Bapusaheb Jog menerima sebuah bungkusan. Ia mengandungi salinan Geeta - Rahasya oleh Lokamanya Tilak. Dengan mengepitnya di bawah ketiak dia datang ke Masjid dan meniarap di kaki Baba. Bungkusan itu jatuh di kaki Baba lalu Baba bertanyakan benda yang jatuh itu, Ia telah terbuka lantas Baba mengambil dan membelek beberapa muka surat selama beberapa minit kemudian mengambil rupee dari poketnya dan meletakkannya di atas buku lalu menyerahkan kepada Jog dan berkata, " Baca buku ini sehingga habis dan ia akan memberi manfaat kepada awak ". En. Dan Puan Khaparde Mari kita tutup bab ini dengan menerangkan tentang Khapardes. Suatu hari Dadasaheb Khaparde datang bersama familinya dan tinggal di Shirdi untuk beberapa bulan. (Diari tentang ini telah diterbitkan di dalam Bahasa Inggeris di dalam Majalah Sri Sai Leela, volum pertama). Dadasaheb bukanlah orang biasa. Dia sangat kaya dan

peguambela dari Amraoti (Berar) yang terkenal.Beliau juga adalah ahli kepada Majlis Negeri, Delhi. Dia sangat bijak dan penceramah

yang sangat baik. Namun masih dia tidak berani membuka mulut di depan Baba. Kebanyakan para pengikut bercakap dan berhujah dengan Baba tetapi hanya tiga yang sentiasa duduk diam iaitu Khaparde, Noolkar dan Booty. Mereka lembut, sederhana, rendah diri dan baik hati. Dadasaheb yang dapat menjelaskan Panchadashi (Risalah Sanskrit terkenal tentang Filosofi Adwaita oleh Vidyaranya yang ternama) kepada semua. Dia tidak bercakap atau menyebut apa - apa perkataan apabila dia masuk ke Masjid. Memang seorang lelaki, walaupun sebanyak mana dia belajar termasuk dalam kitab - kitab Vedas, tetap akan lenyap di depan seorang yang menyedari Brahman dan menjadi satu dengannya. Belajar tidak dapat bercahaya di depan Kesedaran diri. Dadasehab tinggal di sana selama empat bulan tetapi Puan Khaparde tinggal selam tujuh bulan. Kedua - dua mereka gembira tinggal di Shirdi. Puan Khaparde setia dan taat dan sayangkan Baba dengan mendalam. Setiap tengahari dia membawa naivedya ke Masjid dan selepas ia diterima oleh Baba, dia kebiasaannya balik dan makan tengahari. Melihatkan kesetiaannya yang stabil dan teguh, Baba hendak mempamerkan kepada yang lain. Pada suatu hari, di waktu tengahari dia membawa hidangan yang mengandungi Sanza (pudding gandum), purees,beras, sup dan kheer (nasi manis) dan barangan runcit ke Masjid. Baba yang selalunya menunggu selama berjam - jam terus bangun, pergi ke ruang makan dan mengalihkan penutup dari hidangan dan mula mengambil serba sedikit hidangan tersebut dengan bersemangat. Shama kemudian bertanya, “ Kenapa berat sebelah? Awak mengenepikan hidangan orang lain malah tidak melihat pun tetapi yang ini Awak letak ke hadapan Awak bersungguh - sungguh dan memakannya. Kenapa

hidangan wanita in sangat manis? Ini mendatangkan masalah kepada kami “. Baba kemudian menerangkan. “ Makanan ini sangat luar biasa. Di kelahiran lepas, wanita ini adalah lembu gemuk yang menghasilkan banyak susu. Dia kemudian lari dan lahir di dalam keluarga pekebun, kemudian dalam keluarga Kshatriya, dan berkahwin dengan saudagar. Selepas itu dia dilahirkan di dalam keluarga Brahmin. Saya berjumpa dia setelah agak lama jadi biarlah saya mengambil beberapa kepingan kecil yang manis dari hidangannya “. Selepas itu, Baba pun mnejamu selera dengan hidangan itu, mecuci mulut dan tangannya, mengeluarkan sedikit sendawa sebagai tanda kepuasan lalu kembali ke tempat duduknya. Kemudian wanita itu memberikan tunduk hormat dan mula membasuh kaki Baba dan Baba bercakap dengannya dan meramas lengannya yang sedang membasuh kakiNya.

Melihatkan khidmat timbal balik ini, Shama mula bergurau dan berkata, “ Ia berjalan lancar, ia satu pemandangan indah melihat Tuhan dan BaktiNya berkhidmat untuk satu sama lain “. Selepas berpuas hati dengan khidmat ikhlasnya , Baba bertanyakannya dengan nada yang rendah dan menarik untuk memuji - muji ‘Rajarama, Rajarama ‘ kemudian dan selalu, dan berkata” Kalau awak membuat ini, objek kehidupan awak akan awak capai, minda awak akan tenang dan akan amat bermanfaat untuk awak “. Untuk mereka yang tidak biasa dengan perkara spiritual, ini mungkin kelihatan seperti hubungan sulit, tetapi

sungguh ia bukan begitu. Ia adalah yang secara teknikal dipanggil , ‘ Shakti - pat’, iaitu pemindahan kuasa dari Guru kepada murid. Betapa berkesannya kata - kata Baba! Dalam sekelip mata, ia menusuk ke hatinya lalu bermastautin di sana.

Perkara ini menerangkan sifat hubungan yang sepatutnya wujud antara Guru dan murid. Kedua - dua harus saling berkhidmat sebagai satu. Tidak ada perbezaan di antara mereka. Kedua - duanya adalah satu dan seorang tidak boleh hidup tanpa yang satu lagi. Apabila murid meletakkan kepala di atas kaki Guru adalah visi luaran tetapi yang sebenarnya mereka adalah satu dan sama. Mereka yang nampak perbezaan di antara mereka adalah belum matang dan tidak sempurna.

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua

Bab XXVIII

Burung Pipit Ditarik Ke Shirdi (1)Lakhamichand - (2) Wanita Burhanpore -(3) Megha

Pendahuluan

Sai tidak terbatas. Dia bersemayam di dalam semua manusia, dari semut dan serangga sehingga Tuhan Brahma. Dia menyerupai semua. Sai mahir dalam pengetahuan tentang Vedas juga sains tentang kesedaran diri. Oleh kerana dia mahir dalam kedua - dua ini, Dia sangat sesuai menjadi Sadguru. Sesiapa saja walaupun alim tetapi tidak mampu untuk meyedarkan murid - murid dan membentuk mereka dalam kesedaran diri, tidak layak dipanggil Sadguru. Biasanya seorang ayah melahirkan badan dan kematian selalunya selepas kehidupan tetapi Sadguru tidak jauh dari kedua - dua hidup dan mati dan dia lebih baik dan pemurah dari sesiapa saja.

Sai Baba selalu mengatakan biarkan orangnya (pengikut) berada jauh, beribu koss jauh dari dia, dia akan menarik mereka ke Shirdi seperti burung pipit, dengan benang terikat di kakinya. Bab ini menceritakan tentang tiga ekor burung pipit.

Lala Lakhamichand

Lelaki ini mula berkhidmat di dalam keretapi dan kemudian dalam Akhbar Sri Venkateshwar di Bombay dan selepas itu di syarikat Messrs. Ralli Brothers sebagai munshi (clerk). Dia dapat berhubungan dengan Baba dalam tahun 1910.

Satu atau dua bulan sebelum Krismas dia bermimpi melihat seorang lelaki tua yang berjambang, berdiri dan dikelilingi oleh pengikutnya di Santacruz (pinggir Bandar Bombay). Beberapa hari kemudian dia pergi ke rumah kawannya En. Dattatreya Manjunath Bijur untuk mendengar kirtan dari Das Ganu. Ia adalah cara Das Ganu untuk meletakkan potret Baba di depan penonton semasa membuat kirtan. Lakhamichand terkejut melihat ciri - ciri orang tua yang dia nampak di dalam mimpinya, serupa dengan wajah yang di dalam potret dan dengan itu dia membuat kesimpulan, bahawa lelaki tua yang dia nampak di dalam mimpi adalah Sai Baba sendiri. Melihat potret, kirtan Das Ganu dan kehidupan keramat Tukaram yang Das Ganu ceritakan, semuanya memeberi kesan yang mendalam kepada mindanya dan dia merancang untuk pergi ke Shirdi. Para Bakti sentiasa mendapat pengalaman yang Tuhan sentiasa menolong mereka dalam usaha mencari Sadguru dan usaha spiritual yang lain. Malam itu pada pukul lapan, seorang kawan yang bernama Shankar Rao mengetuk pintu dan bertanya samada dia dapat menemaninya ke Shirdi. Dia merasa tersangat gembira dan serta merta membuat keputusan untuk pergi ke Shirdi. Dia meminjam wang sebanyak Rs. 15/- dari sepupunya dan selepas membuat persediaan, mereka berangkat ke Shirdi. Di dalam keretapi,dia dan kawannya Shankar Rao melakukan sedikit Bhajan (menyanyikan lagu - lagu keagamaan) dan bertanya tentang Baba dengan beberapa orang penumpang - empat orang pengikut Mohamedan, yang hendak balik ke tempat mereka yang berdekatan dengan Shirdi. Kesemua mereka memberitahu yang Sai Baba adalah Keramat yang hebat dan tinggal di Shirdi bertahun - tahun lamanya. Apabila mereka sampai di Kopergaon dia hendak membeli sedikit buah Guava (jambu batu) yang bagus untuk diberikan kepada Baba tetapi terlalu terpesona dengan

pemandangan di sana sehingga terlupa untuk membelinya. Bila mereka sudah hampir sampai ke Shirdi, dia teringat tentang buah guava dan pada waktu itu dia ternampak seorang wanita tua membawa bakul yang berisi guava di atas kepalanya berlari mengejar kereta lembu. Kereta lembu itu berhenti dan dia dengan gembira membeli sedikit buah yang sudah dipilih, apabila wanita itu berkata, " Ambil semuanya dan berikan kepada Baba atas nama saya ". Fakta iaitu dia berhasrat untuk memebeli guava tetapi lupa untuk membeli, pertemuan dengan wanita tua itu dan kesetiaanya kepada Baba, benar - benar mengkagumkan kedua - dua sahabat itu. Lakhamichand berfikir wanita tua ini mungkin ada hubungan dengan lelaki tua yang dia nampak di dalam mimpinya. Kemudian mereka meneruskan perjalanan dan sampai ke Shirdi. Apabila ternampak bendera di Masjid mereka lalu memberikan tanda hormat. Dengan material untuk melakukan puja di tangan, mereka pergi ke Masjid dan memuja Baba secara formal. Lakamichand sangat terharu dan terlalu gembira dapat berjumpa Baba. Dia terpesona dengan kaki Baba seperi seekor lebah dengan wangian manis bunga teratai. Kemudian Baba brkata seperti berikut:-

" Rakan - rakan yang licik. Dia melakukan Bhajan semasa di dalam perjalanan dan bertanya dari yang lain. Kenapa bertanya pada yang lain? Semua harus kita lihat dengan mata kita sendiri. Di manakah keperluannya untuk bertanya kepada orang lain? Fikirkan sendiri samada mimpi awak benar atau tidak? Di manakah keperluan darshan dengan meminjam duit dari Marwari? Adakah keinginan hati kini berpuas hati? " Mendengar kata - kata ini Lakhamichand merasa kagum dengan sifat serba tahu Baba. Dia menjadi hairan bagaimana Baba boleh tahu semua perkara yang berlaku dari rumahnya sehingga lah ke Shirdi. Perkara penting yang perlu diambil kira di sini adalah Baba tidak

suka orang yang berhutang untuk mengambil darshan atau menyambut apa - apa percutian mahupun membuat apa apa ziarah.

Sanza

Pada waktu tengahari apabila Lakhamichand sedang duduk untuk makan, dia mendapat sedikit sanza (pudding gandum) dari seorang pengikut sebagai Prasad. Dia gembira mendapatnya. Keesokan hari pun dia berharap lagi tetapi dia tidak memperolehinya. Maka dia teruja untuk mendapatkannya lagi. Kemudian pada hari ketiga, di waktu tengahari waktu Arati, Bapusaheb Jog bertanyakan Baba, naivedya apa yang dia harus bawa. Baba menyuruhnya membawa sanza. Kemudian para Bakti membawa dua belanga besar Sanza. Lakhamichand sangat lapar dan belakangnya terasa sakit lalu Baba berkata, " Adalah bagus awak lapar, ambil sanza dan sedikit ubat untuk sakit belakang awak ". Sekali lagi dia kagum dengan Baba yang dapat membaca mindanya dan menyebut keluar apa yang bermain di mindanya. Sungguh Beliau Maha Tahu! Mata Jahat Kali ini, dia menyaksikan suatu malam perarakan ke Chavadi. Baba pada masa itu sedang menghidapi batuk yang teruk. Dia menyangka yang apa yang dihidapi Baba adalah disebabkan mata jahat seseorang. Esok paginya bila dia datang ke Masjid Baba berkata kepada Shama seperti berikut - " Batuk yang saya alami semalam, adakah kerana mata jahat seseorang? Saya rasa mata jahat seseorang itu telah mengena pada saya sebab itu saya mengalaminya ". Dalam hal ini Baba bercakap tentang apa yang terlintas di minda Lakhamichand. Apabila melihat bukti sifat Baba yang serba tahu dan kebaikannya kepada para pengikutnya, dia jatuh meniarap di kaki Baba dan barkata, "Saya sangat gembira dengan darshan Anda. Sentiasalah

baik dan pemurah dengan saya dan lindungi saya selalu.Tidak ada Tuhan lain bagi saya di dunia ini melainkan Kaki Anda. Biarkan minda saya sentiasa asyik di dalam Bhajan dan Kaki Anda.

Biarkan rahmat Anda melindungi saya dari kesengsaraan di dunia dan biarkan saya sentiasa menyanyikan nama Anda dan berbahagia “.

Wanita Burhanpore

Sekarang mari kita beralih kepada burung pipit yang lain (perkataan Baba untuk pengikut). Seorang wanita di Burhanpore mlelihat di dalam mimpinya Sai Baba datang ke pintu rumahnya dan mengemis khichadi (nasi dimasak dengan dal dan garam)untuk makanannya. Apabila terjaga, dia tidak nampak sesiapa dekat pintunya. Namun begitu, dia gembira dengan bayangan itu dan memberitahu semua orang termasuk suaminya. Dia bekerja di Jabatan Pos dan bila dia dipindahkan ke Akola, kedua - dua suami isteri yang taat mengambil keputusan untuk pergi ke Shirdi. Maka, pada hari yang sesuai mereka pun berangkat ke Shirdi selepas melawat Gomati Tirth semasa di dalam perjalanan, sampai ke Shirdi dan menetap di sana selama dua bulan. Setiap hari mereka pergi ke Masjid, membuat pemujaan ke atas Baba dan menghabiskan masa mereka dengan senang hati. Pasangan ini datang ke shirdi untuk melakukan Khichadisebagai naivedya tetapi untuk 14 hari pertama, ianya tidak dapat dilakukan. Wanita itu tidak suka dengan kelewatan ini. Maka pada hari yang ke 15 dia datang Masjid pada waktu tengahari dengan khichadinya. Di sana dia nampak Baba dan yang lain - lain sudah duduk untuk makan dan langsir sudah dirurunkan.Tiada yang berani masuk jika langsir sudah diturunkan tetapi wanita ini tidak

dapat menunggu. Dia mengalihkan langsir dan masuk ke dalam. Agak menghairankan kerana pada hari itu Baba inginkan khichadi dan mahukan makanan itu dahulu maka apabila wanita itu datang dengan hidangan itu, Baba merasa seronok dan mula makan seketul demi seketul kichadi tersebut. Apabila melihat kesungguhan Baba dalam keadaan itu, semua orang terpesona dan mereka yang mendengar cerita tentang kichadi yakin tentang kasih sayang luar biasaNya terhadap para pengikutNya.

Megha

Sekarang mari kita pergi kepada ‘ burung pipit ‘ yang ketiga dan besar. Megha dari Viramagaon adalah seorang tukang masak Brahmin yang sederhana dan buta huruf untuk Rao Bahadur H.V. Sathe . Dia adalah pengikut Shiva dan sentiasa menyanyikan mantera lima suku kata iaitu ‘ Namah Shivaya ‘. Dia tidak tahu Sandhya mahupun mantera utama, Gayatri. Rao Bahadur Sathe menaruh minat padanya, mengajarnya Sandhya dan Gayatri. Sathe memberitahunya bahawa Sai Baba dari Shirdi adalah penjelmaan badan Tuhan Shiva dan menyuruhnya pergi ke Shirdi. Di stesen Keretapi Broach, dia mendapat tahu bahawa Sai Baba adalah seorang muslim dan mindanya yang sederhana dan ortodoks. Dia sangat cemas dengan prospek tunduk hormat kepada seorang Muslim dan dia memohon kepada tuannya agar tidak

menghantarnya ke sana. Namun begitu, tuannya berkeras supaya beliau pergi ke sana dan mengirimkannya surat pengenalan kepada bapa mertuannya (Sathe), Ganesh Domodar alias Dada Kelkar di Shirdi, untuk mengenalkannya kepada Sai Baba. Apabila dia sampai di Shirdi dan pergi ke Masjid, Baba sangat marah dan tidak akan membenarkan dia masuk. “ Usir pengacau ini “ teriak

Baba dan kemudian berkata kepada Megha, ‘ Awak dari kasta tinggi Brahmin dan saya seorang muslim yang rendah. Awak akan hilang kasta awak kalau datang ke sini. Jadi pergilah dari sini “. Mendengar kata - kata ini Megha mula merasa gementar. Dia menjadi hairan bagaimana Baba boleh tahu tentang apa yang terlintas di mindanya. Dia tinggal di situ untuk beberapa hari, berkhidmat kepada Baba dengan caranya sendiri tetapi tidak merasa yakin. Kemudian dia balik. Selepas itu dia pergi ke Tryambak (Daerah Nasik) dan menetap di situ selama setahun setengah. Kemudian sekali lagi dia datang ke Shirdi. Kali ini atas campurtangan Dada Kelkar, dia telah dibenarkan masuk ke dalam Masjid dan tinggal di Shirdi. Sai Baba membantu Megha tidak melalui percakapan. Dia bekerja ke atas Megha secara dalaman dengan keputusannya bahawa dia telah berubah dan mendapat manfaat. Kemudian Megha mula melihat Sai Baba sebagai penjelmaan Shiva. Untuk memuja Shiva, daun bela diperlukan dan Megha biasanya terpaksa pergi berbatu - batu setiap hari untuk mengambil daun bela bagi pemujaan Shiva (Baba). Amalan beliau adalah memuja semua Tuhan di kampung kemudian pergi ke Masjid dan selepas memberi salam kepada gadi Baba (asan), dia memuja Baba dan selepas memberikan khidmat (membasuh kaki Baba), meminum air basuhan (tirth) kaki Baba. Pernah sekali dia datang ke Masjid tanpa memuja Tuhan Khandoba sebab pintu kuil tersebut berkunci. Baba tidak membenarkannya memujaNya dan menyuruhnya pergi semula ke kuil itu dan menyatakan yang pintu sudahpun dibuka. Megha pergi ke sana dan mendapati pintu terbuka, lalu melakukan pemujaan ke atas Dewa dan kembali semula berjumpa Baba seperti biasa.

Mandian Ganges

Pada hari Makar Sankranti, Megha berhasrat untuk mengotorkan badan Baba dengan pes sandal dan memandikannya dengan air Ganges. Baba pada mulanya tidak mahu menjalani operasi ini tetapi selepas berkali - kali Mega memujuk akhirnya dia bersetuju. Megha terpaksa berjalan sejauh lapan koss (pergi dan balik) untuk membawa air suci dari sungai Gomati. Dia membawa air, menyediakan semua persediaan untuk mandi dan pada waktu tengahari meminta Baba untuk bersedia. Sekali lagi Baba meminta beliau membatalkan mandian ini sambil menyatakan sebagai Fakir dia tidak mempunyai apa - apa kaitan dengan air Ganges tetapi Mega tidak mahu mendengar alasanNya. Dia tahu bahawa Shiva suka dimandikan dengan air Ganges dan dia harus memandikan Shiva (Baba) pada hari bertuah itu. Baba kemudiannya bersetuju, turun dan duduk di atas papan kayu dan menonjolkan kepalanya sambil berkata, “ Oh

Megha, lakukan sekurang - kurangnya ini. Kepala adalah organ yang terpenting di badan jadi menuangkan air di bahagiannya sahaja sudah bersamaan dengan mandi keseluruhan badan “. “ Baiklah “ , kata Megha dan mengangkat kendi air dan mula menuangnya di atas kepala Baba tetapi dengan melakukan ini dia merasa sangat terharu dan dengan rasa kasih dan sayang lalu berteriak ‘ Har Gange ‘ dan menuangkan air itu ke seluruh badan Baba. Dia meletakkan kendi itu ke tepi dan mula memandang Baba tetapi dia merasa hairan kerana dia mendapati hanya kepala Baba yang basah tapi badannya tetap kering. Serampang dan Pindi Megha memuja Baba di dua tempat, di Masjid dia memuja Baba secara peribadi dan di Wada, potret Baba yang diberikan oleh Nanasaheb Chandorkar. Ini sudah dia lakukan selama 12 bulan.

Kemudian demi untuk menghargai kesetiaannya dan menetapkan imannya, Baba memberikannya visi. Suatu hari, di awal pagi, semasa Megha masih berbaring di atas katilnya dengan mata yang tertutup walaupun sebenarnya dia bangun, dia ternampak dengan jelas bayangan Baba. Baba yang mengetahui dia di dalam keadaan sedar melontar Akshata (bijirin beras bertanda merah dengan kumkum) dan berkata, “ Megha lukis satu serampang “ dan menghilang. Mendengar kata - kata Baba, dia terus membuka matanya tetapi tidak nampak Baba sebaliknya hanya bijirin beras yang bertaburan.Dia kemudiannya pergi berjumpa Baba, memberitahuny tentang visi dan meminta izin untuk melukis Serampang. Baba berkata, “ Tidakkah awak mendengar saya menyuruh melukis Serampang? Ia bukanlah bayangan tetapi perintah langsung dan kata - kata saya adalah sentiasa dipenuhi oleh maksud dan tidak berongga “. Megha berkata, “ Saya ingatkan awak yang membangunkan saya tetapi semua pintu bertutup jadi saya rasa iaa adalah bayangan “. Baba berkata semula, “ Saya tidak memerlukan pintu untuk masuk. Saya tidak mempunyai bentuk atau apa apa sambungan. Saya sentiasa hidup di mana - mana. Saya berjalan sebagai ‘ wirepuller ‘ (orang yang diam - diam mempergunakan pengaruhya), untuk semua perbuatan orang yang mempercayai Saya dan bersatu dengan saya.

Megha kembali ke Wada dan melukis serampang merah di dinding berdekatan dengan potret Baba. Keesokannya Bakti Ramadasi datang dari Poona, bersalam dengan Baba dan memberikan Beliau Pindi (imej Shiva). Pada waktu itu Megha juga datang ke sana. Baba berkata kepadanya, “ Lihat Shankar sudah datang, lindungi (memuja) dia sekarang “. Megha terkejut melihat Pindi serta merta menuruti Serampang. Kemudian di Wada juga, Kakasaheb Dixit sedang berdiri dengan tuala di kepalanya kerana baru sahaja lepas

mandi dan mengingati Baba bila ternampak Pindi di depan bayangan mindanya. Semasa beliau memikirkan ini, Megha datang dan menunjukkan Pindi yang dihadiahkan oleh Baba kepadanya. Dixit merasa gembira bila melihat yang Pindi tersebut

serupa dengan yang dilihatnya sebentar tadi dalam bayangannya. Beberapa hari selepas Serampang siap dilukis, Baba memasang Pindi berdekatan dengan potret besar yang Mega puja. Pemujaan Shiva adalah dekat di hati Megha dan dengan menyusun lukisan Serampang dan pemasangan Pindi, Baba mengesahkan kepercayaannya di dalam.

Selepas berterusan berkhidmat dengan Baba untuk beberapa tahun, melakukan pemujaan dan Arati di waktu tengahari dan malam, setiap hari, Megha akhirnya meninggal dunia pada tahun 1912. Baba meletakkan tangannya di atas mayatnya dan berkata, “ Dia adalah pengikut Saya yang sebenar “. Baba dengan menggunaka perbelanjaannya sendiri juga mengarahkan makan malam pengebumian yang biasa harus diberikan kepada Para Brahmin dan arahan ini telah dilakukan oleh Kakasaheb Dixit.

Penghormatan Untuk Sri Sai – Sejahtera Untuk Semua

Bab XXIX

Cerita - Cerita (1) Madrasi bhajani Mela - (2) Tendulkars (Bapa dan anak) - (3) Dr. Kapten Hate - (4) Waman Navakar.

Bab ini menerangkan tentang cerita menarik dan indah Sai Baba.

(1)Madrasi Bhajani Mela

Pada tahun 1916, Madrasi Bhajani Mela (Rombongan Ramadasi Panth)

memulakan penghijrahan ke Bandar suci Banaras. Rombongan itu tediri daripada seorang lelaki, isterinya , anak dan adik iparnya. Malangnya nama mereka tidak disebutkan. Di dalam perjalanan, rombongan tersebut terdengar yang terdapat seorang mahaguru yang hebat tinggal di Shirdi si Kopergaon Taluka, Daerah Ahmednagar. Mahaguru itu bernama Sai Baba, seorang yang tenang juga liberal dan setiap hari memberikan wang kepada para pengikutNya juga kepada orang yang berkemahiran yang datang untuk menunjukkan kemahiran mereka. Baanyak wang dalam bentuk dakshina telah dikutip setiap hari oleh Sai Baba dan dari amaun itu, dia akan berikan setiap hari satu rupee kepada budak yang berumur tiga tahun yang bernama Amani. Dia adalah anak kepada Bakti Kondaji kemudian Rs.2 - 5 kepada sebahagian yang lain, Rs. 6 kepada Jamali, ibu kepada Amani dan Rs.10 - 20 malahan Rs. 50 kepada para Bakti yang lain. Mendengar semua ini, rombongan pun datang ke Shirdi dan tinggal di situ. Keluarga Mela membuat bhajan yang sangat baik dan menyanyikan lagu - lagu yang bagus tetapi sebenarnya mereka mengharapkan wang. Tiga orang daripada ahli rombongan ini penuh dengan ketamakan but

ketua wanita agak berlainan sifatnya. Dia menghormati dan sayangkan Baba.

Pernah sekali berlaku iaitu pada waktu tengahari semasa Arati sedang berlangsung, Baba sangat berpuas hati dengan kepercayaan dan kesetiaannya dan dengan senang hati memberikan darshan dari Ishtam (dewa tercinta). Untuk dia Baba muncul sebagai Sitanath (Rama) manakala untuk yang lain Sainath yang biasa sahaja. Melihat Dewa tercintanya, menjadikan dia sangat terharu sehingga mengalirkan air mata dan dia menepuk tangan dengan seronok. Orang - orang di sekelilingnya hairan melihatkan kegembiraannya tetapi tidak dapat meneka sebabnya. Pada lewat petang, dia memberitahu suaminya tentang semua itu. Dia memberitahu suaminya bagaimana dia ternampak Sri Sai dalam diri Sai Baba. Suaminya menyangkakan yang dia sangat sederhana dan taat, jadi melihat Rama mungkin hanya halusinasi minda. Dia tidak mempercayai isterinya dan mengatakan ia tidak mungkin, yang dia sahaja yang melihat Rama sedangkan yang lain hanya nampak Sai Baba. Dia tidak berkecil hati dengan kata - kata ini kerana dia telah bernasib baik mendapat Ramadarshan sekarang dan tadi, apabila mindanya tenang dan bebas dari ketamakan.

Bayangan Indah

Keadaan brterusan begitu, apabila si suami mendapat bayangan indah di dalam mimpinya pada suatu malam:- Dia berada di dalam bandar yang besar dan sedang ditangkap oleh polis di sana, mengikat tangannya dengan tali dan memasukkan ke dalam lokap. Apabila polis sedang mengetatkan ikatan, dia ternampak Sai Baba berdiri diam di luar berdekatan dengan kandang. Melihat Baba

begitu dekat, dia berkata dalam nada sayu, “ Mendengar kemasyhuran Awak saya datang ke Kaki Awak tetapi kenapa masalah ini menimpa saya bila awak sendiri yang berdiri di sini? “ Baba berkata, “ Awak harus menerima balasan dari perbuatan awak “. Kemudian dia menjawab, “ Saya tidak pernah membuat apa - apa di dalam kehidupan ini yang menyebabkan nasib malang ini menimpa saya “. Baba berkata, “ Kalau bukan dalam kehidupan ini, awak mungkin telah melakukan dosa pada kelahiran lepas “. Dia menjawab, “ Saya tidak tahu apa - apa tentang kehidupan lepas saya, tetapi jika saya telah melakukan dosa pada masa itu, kenapa tidak dibakar atau dimusnahkan di hadapan mu seperti rumput kering sebelum dibakar? “ Baba bertanya, “ adakah awak memiliki kepercayaan? “ Dia menjawab, “ Ya “. Baba kemudiannya meminta dia menutup mata. Sebaik sahaja di menutup mata, dia terdengar bunyi benda besar yang sedang jatuh lalu membuka matanya dan ternampak dirinya sudah bebas tetapi polis itu telah jatuh dan berdarah. Dengan ketakutan dia memandang Baba yang berkata, “ Sekarang awak sudah benar - benar tertangkap, polis akan menangkap awak sekarang “. Dia merayu, “ Tidak ada penyelamat selain darpada Awak, selamatkan saya dengan apa cara sekalipun “. Kemudian Baba sekali lagi mengarahnya menutup mata. Dia menurutnya dan bila dia membuka mata dia sudah bebas, keluar dari kandang dan Baba berada di sisinya. Dia jatuh di kaki Baba dan Baba bertanya kepadanya,” Adakah

perbezaan di antara namaskar ini dengan yang sebelum ini? Fikir betul - betul dan jawab “. Dia menjawab, “ Terdapat banyak perbezaan. Namaskara yang dahulu saya lakukan dengan tujuan untuk mendapatkan wang daripada Awak, tetapi namaskar yang ini saya lakukan untuk Awak sebagai Tuhan, lagipun sebelum ini saya merasakan Awak, sebagai Mohamedan, merosakkan penganut

Hindu “. Baba berkata, “ Adakah minda awak tidak dapat menerima Tuhan Mohamedan? “ Dia berkata, “ Tidak “. Kemudian Baba berkata, “ Adakah awak tidak mempunyai Panja (Lambang Tangan) di rumah awakdan adakah awak tidak memuja yang sama di Tabut, iaitu festival Muharam?Juga di rumah awak terdapat Dewa Mohamedan yang lain bernama Kadbibi, yang awak merayu pada hari perkahwinan awak dan festival - festival lain. Tidak kah begitu? “ Dia mengaku semua ini lalu Baba berkata lagi, “ Apa lagi yang awak mahu? “ Kemudian keinginan muncul di dalm mindanya untuk mendapat darshan Guru Ramdas, apabila Baba mengarahkannya untuk menoleh ke belakang dan melihat. Bila dia menoleh, Ramadas telah berada di depannya. Sebaik sahaja dia jatuh di kaki Baba, Ramadas lenyap. Kemudian dia bertanya kepada Baba, “ Awak nampak tua. Adakah awak tahu umur awak? “ Baba berkata, “ Apa! Awak kata saya tua! Mari berlumba lari dengan saya dan kita lihat “. Selepas berkata begitu Baba mula berlari diikuti oleh dia. Baba lenyap di dalam debu yang dibangkitkan oleh langkah - langkah kakinya ketika berlari dan lelaki itu telah terjaga.

Selepas terjaga dia mula berfikir secara serius tentang bayangan mimpi. Mindanya berubah sepenuhnya dan dia sedar tentang kehebatan Baba. Selepas itu, kecenderungan beliau merebut dan meragui telah hilang dan kesetian sebenar kepada Baba muncul dalam fikirannya. Bayangan itu hanyalah mimpi tetapi soalan dan jawapan di dalamnya adalah bersesuaian dan menarik. Keesokan pagi apabila semua orang berkumpul di Masjid untuk Arati, Baba memberinya Prasad dua rupee bernilai kuih manis dan dua rupee dari poketNya dan merahmatinya. Dia membuatkan dia tinggal di situ untuk beberapa hari lagi dan merestuinya sambil berkata, “ Allah akan memberikan kamu banyak dan Dia akan melakukan

semua yang baik untuk awak “. Dia tidak dapat banyak wang di sana tetapi dia amendapat sesuatu yang lebih baik iaitu, rahmat Baba yang membuatkan dia berada di dalam kedudukan yang baik selamanya. Rombongan itu mendapat banyak wang selepas itu dan ziarah mereka berjaya kerana mereka tidak perlu lagi menghadapi apa - apa masalah lagi di sepanjang perjalanan mereka. Mereka selamat sampai ke rumah, teringatkan kata - kata Baba dan rahmatnya serta Anand (kebahagiaan) yang mereka kecapi dengan rahmatNya.

Cerita ini menerangkan satu daripada cara,yang Baba gunakan (masih digunakan sekarang) dalam perkara tertentu untuk mengubah dan membentuk para pengikutNya.

Keluarga Tendulkar

Di Bandra tinggal sebuah keluarga iaitu, keluarga Tendalkar, yang kesemua mereka setia kepada Baba. Puan Savitribai Tendulkar telah menerbitkan sebuah buku Marathi yang bertajuk “ Sri Sainath Bhajan Mala “ yang mengandungi 800 abhangas dan padas menerangkan tentang Leela Baba. Buku ini bernilai dibaca oleh mereka yang berminat pada Baba. Anak beliau, Babu Tendulkar belajar siang dan malam dan mahu menduduki peperiksaan perubatan. Dia berunding dengan beberapa orang astrologi. Selepas membuat pemeriksaan ke atas horoskopnya, mereka memberitahunya bahawa bintangnya tidak memihak pada tahun ini jadi dia harus menduduki peperiksaan pada tahun depan yang dia akan pasti berjaya. Perkara ini menjadikannya muram dan gelisah. Beberapa hari kemudian ibunya pergi ke Shirdi dan berjumpa Baba. Di antara perkara lain, dia juga memberitahu tentang situasi anak lelakinya yang muram dan murung, yang

sepatut nya menduduki peperiksaan dalam beberapa hari lagi. Mendengar ini Baba berkata kepadanya, “ Beritahu anak awak untuk percayakan saya, untuk melupakan horoskop dan ramalan - ramalan dari semua astrologi itu dan teruskan pelajarannya. Biarkan dia amenduduki peperiksaannya dengan minda yang tenang, dia akan pasti lulus pada tahun ini. Beritahu dia supaya percayakan saya dan jangan kecewa “. Si ibu pulang ke rumah dan menyampaikan mesej Baba kepada anak lelakinya. Dia kemudian belajar bersungguh - sungguh dan pada hari yang ditetapkan dia menduduki peperiksaan. Untuk kertas bertulis dia telah menjawab dengan baik, tetapi oleh sebab dia diselubungi perasaan curiga yang dia tidak akan mendapat markah yang memuaskan jadi dia tidak menghadirkan diri untuk peperiksaan oral namun penguji mencari dia. Dia berpesan kepada murid lain untuk memberitahunya bahawa dia telah lulus peperiksaan bertulis dan di harus hadir untuk peperiksaan oral. Anak itu setelah diberi galakan akhirnnya hadir untuk peperiksaan oral. Dia lulus untuk kedua - duanya. Akhirnya dia berjaya di dalam peperiksaan pada tahun itu dengan cemerlang dengan restu Baba, walaupun bintang - bintang menentangnya. Perkara yang perlu diambil perhatian ialah, bahawa keraguan dan kesukaran mengelilingi kita hanya untuk menggerakkan kita dan mengesahkan iman kita. Kita diuji sebagaimana sepatutnya. Jika kita berpegang teguh pada Baba dengan penuh kepercayaan dan meneruskan usaha kita maka usaha kita akhirnya dinobatkan dengan kejayaan.

Ayah kepada budak ini, Raghunathrao berkhidmat dengan beberapa firma brkenaan dengan perniagaan asing di Bombay. Oleh kerana dia sudah tua, dia sudah tidak mampu untuk bekerja dengan sempurna maka dia terpaksa mengambil cuti dan rehat. Keadaannya tidak berubah di sepanjang cutinya maka untuk itu

dia memerlukan cuti tambahan ataupun bersara. Ketua pengurus di firmanya mengambil keputusan supaya dia bersara kerana dia sudah tua

wlaupun dia pekerja yang dipercayai. Persoalan mengenai jumlah wang pemcen yang perlu dibayar sedang dipertimbangankan. Dia mendapat gaji sebanyak Rs. 150/- sebulan dan pencen dia adalah separuh daripada jumlah tersebut iaitu Rs. 75/- dan tidak mencukupi untik perbelanjaan keluarganya. Ini menyebabkan mereka semua menjadi risau dengan perkara ini. Lapan belas hari sebelum penyelesaian terakhir, Baba muncul di dalam mimpi Puan Tendulkar. Dia berkata, “ Saya harap yang Rs.100/- akan dibayar sebagai pencen, adakah anda berpuas hati? “ Dia menjawab, “ Baba kenapa tanya saya tentang ini? Kami percaya sepenuhnya kepada awak “. Walaupun Baba mengatakan Rs.100/- namun dia diberikan Rs.110/- sebagai kes yang istimewa. Begitulah indahnya kasih dan sayang yang Baba tunjukkan pada Para pengikutNya.

Kapten Hate

Kapten Hate yang tinggal di Bikaner adalah pengikut Baba yang hebat. Baba pernah muncul di dalam mimpinya dan berkata, “ Adakah awak sudah melupakan saya? Hate segera mmeluk kakinya dan menjawab, “ Kalau sorang anak melupakan ibunya,bagaimana ia diselamatkan? “ Kemudian Hate pergi ke kebun dan memetik sayur walpapadi yang segar dan menyusun ‘sidha ‘(minyak sapi, tepung gandum, dal dan lain - ain). Dan apabila dakshina, sedang di berikan kepada Baba dia terbangun dan menyedari semua itu hanyalah sebuah mimpi. Kemudian dia merancang untuk menghantar semua itu kepada Baba di Shirdi. Apabila dia sampai ke Gwalior beberapa hari kemudian, dia

menghantar Rs.12/- menggunakan wang pos kepada kawannya dengan arahan yang Rs. 2 harus dibelanjakan untuk membeli perkakas shidhadan sayur walpapadi, dan semua itu harus diberikan kepada Baba dengan rs. 10 sebagai dakshina. Kawannya pergi ke Shirdi dan membeli barang - barang tersebu tetapi walpapadi tidak ditemui. Tidak berapa lama kemudian seorang wanita muncul dengan bakul di atas kepalanya, yang menghairankan mengandungi sayuran itu. Ia terus dibeli dan kemudian kesemua barang tersebut diberikan kepada Baba di atas nama Kapten Hate. En. Nimonkar menyediakan ‘ naivedya ‘ (nasi dan sayur walpapadi) pada esoknya dan membeikan juga kepada Baba. Semua orang merasa hairan melihat Baba hanya makan walpapadi tetapi tidak menyentuh nasi atau yang lain - lain. Hate sangat seronok apabila mendengar berita ini dari kawannya.

Penyucian Rupee

Pada masa yang lain Kapten Hate berharap yang di rumahnya ada menyimpan duit syiling yang telah disucikan oleh Baba dengan sentuhanNya. Dia telah berjumpa dengan kawan yang kebetulan hendak pergi ke Shirdi. Hate mengirimkan rupee nya kepada dia. Kawannya pun pergi ke Shirdi dan selepas

seperti biasa memberikan penghormatan, dia memberikan dakshina lalu Baba menyimpannya ke dalam poketNya. Kemudian dia memberikan rupee dari Hate yang Baba letakkan ke dalam tangannya dan mula memerhatikan rupee itu. Dia memegangnya ke depan, melambungnya ke atas mengguna ibu jarinya dan bermain dengannya. Kemudian dia berkata kepada kawan Hate, “ Kembalikan ini kepada pemiliknya dengan Prasad dan Udi. Beritahu dia bahawa saya tidak mahu apa - apa darinya dan harap

dia hidup dengan tenang dan bahagia “. Kawannya balik ke Gwalior, menyerahkan semula syiling yang sudah disucikan kepada Hate dan memberitahu semua yang telah berlaku di Shirdi. Kali ini Hate sangat berpuas hati yang Baba sentiasa menggalakkan perkara baik dan sebagaimana yang dia harapkan, Baba telah memenuhinya.

Waman Narvekar

Sekarang biarkan para pembaca membaca cerita yang lain pula. Seorang lelaki yang bernama Waman Narvekar sangat menyayangi Baba. Suatu hari dia membawa rupee. Satu bahagian permukaanya terukir dengan gambar Rama, Laxman dan Sitadan di sebelah pula gambar Maruti yang berpeluk tubuh. Dia menyerahkan kepada Baba dengan harapan yang Baba akan menyucikannya dengan sentuhanNya dan mengembalikan kepadanya beserta dengan Udi tetapi Baba serta merta memasukkan ke dalam poketNya. Kemudian Shama memberitahu Baba tentang tujuan Wamanrao dan meminta dia mengembalikannya. Baba kemudian berkata dengan kehadiran Wamanrao sendiri seperti berikut:- “Kenapa ia harus dikembalikan kepada dia? Kita harus menyimpannya sendiri? Kalau dia memberikan Rs.25/- untuk itu, ia akan dikembalikan “. Kemudian demi untuk rupee tersebut dia meletakkan Rs.25/- di hadapan Baba. Baba berkata, “ Nilai rupee itu melebihi 25 rupees. Shama, ambil rupee ini dan letakkan di dalam stor, simpan di kuil awak untuk Pemujaan “. Tiada yang berani untuk bertanya kenapa Baba melakukan ini . Hanya Dia yang tahu apa yang terbaik dan paling sesuai untuk setiap orang dan semua.

Penghormatan Untuk Baba - Sejahtera Untuk Semua

Bab XXX

Tertarik untuk ke Shirdi (10 Kakaji Vaidya dari Vani - (2) Punjabi Ramalal dari Bombay Di dalam bab ini diterangkan cerita tentang dua orang lagi pengikut yang

tertarik untuk datang ke Shirdi.

Pendahuluan

Penghormatan kepada Sai yang baik adalah tempat tinggal yang meriangkan dan yang penyayang kepada para pengikutNya. Hanya dengan darshanNya, dia menghilangkan ketakutan mereka terhadap ‘ bhava ‘ (samsar) dan menghapuskan maslah mereka. Dia adalah Nirgun (tanpa bentuk), tetapi demi untuk para BaktiNya, Dia bersedia untuk mengambil bentuk. Untuk memberikan pembebasan - kesedaran diri kepada para Bakti adalah misi para Kerama, dan bagi Sai - Ketua mereka, misi itu adalah tidak dapat dielakkan. Mereka yang berlindung di kakiNya akan dapat menghapuskan dosa - dosa mereka dan kemajuan adalah pasti. Mengingati KakiNya, Brahamin dari tempat suci datang berjumpa Beliau dan membaca kitab serta menyanyi mantera Gayatri di hadapannya. Kita yang lemah dan tidak mempunyai apa - apa kebaikan, tidak mengetahui siapa sebenarnya Bakti tetapi kita tahu bahawa walaupun orang lain akan meninggalkan kita tetapi Sai tidak akan meninggalkan kita. Mereka yang dibantu akan mendapat kekuatan yang besar, diskriminasi antara yang tidak benar dan yang benar serta pengetahuan. Sai mengetahui sepenuhnya apa keinginan para pengikutNya dan memenuhi keinginan imereka. Oleh itu mereka

mendapat apa yang mereka mahu dan merasa berterimakasih. Maka kita menyembahnya dan meniarap di kakiNya. Dengan melupakan kesalahan kita Beliau membebaskan kita dari kegelisahan. Orang yang sedang ditimpa musibah apabila mengingati dan berdoa, Sai akan menjadikan minda mereka tenang dengan restunya.

Sai ini - lautan rahmat, menurut Hemadpant, membantu beliau dan hasilnya adalah pekejaaannya sekarang - Sai Satcharita. Jika tidak, kelayakan apa yang dia ada dan siapa yang akan menjalankan perusahaan in? Oleh kerana Sai mengambil semua tanggunjawab, Hemadpant tidak merasa terbeban atau apa - apa masalah tentang ini. Apabila cahaya pengetahuan yang berkuasa ada di sana untuk memberi semangat kepada ucapan dan pen, kenapa dia harus melayan apa - apa keraguan atau merasa risau? Sai mendapat khidmat dalam bentuk buku ini disiapkan untuk Beliau. Ini adalah hasil pengumpulan segala kebaikan - kabaikannya pada kelahiran lepas dan untuk itu, dia merasakan bahawa dia sangat bertuah dan diberkati.

Cerita seterusnya bukanlah sekadar dongengan tetapi nektar yang tulen. Siapa yang meminumnya akan menyedari kehebatan Sai dan semua kemampuannya. Mereka yang mahu menentang dan mengkritik, tidak perlu mngikuti cerita-cerita ini. Apa yang diperlukan di sini bukanlah perbincangan tetapi kasih sayang yang tiada batasan dan juga kesetiaan. Orang beriman atau mereka yang menganggap diri mereka hamba kepada orang - orang Keramat yang suka belajar, taat dan setia, akan menghargai cerita - cerita ini manakala orang lain

akan menganggapnya dongeng semata - mata. Pengikut Sai yang bertuah, akan mendapati Leela Sai sebagai Kalpataru (pokok yang

memenuhi keinginan). Meminum nektar dari Leela Sai ini, akan memberikan pembebasan kepada Jivas yang jahil, kepuasan kepada tuan rumah dan sadhana untuk calon- calon. Sekarang kita akan meneruskan kepada cerita di bab ini.

Kakaji Vaidya

Di Vani, Daerah Nasik, tinggal seorang lelaki yang bernama Kakaji Vaidya. Dia adalah imam kepada Dewi Sapna - Shringi di sana. Dia begitu banyak dikelilingi oleh keadaan yang buruk dan masalah - masalah menyebabkan mindanya tidak tenang dan menjadi agak resah. Di dalam situasi ini, suatu malam dia pergi ke kuil Dewi dan berdoa kepadanya dengan sepenuh hatinya dan meminta bantuannya untuk membebaskan dia dari keresahan. Dewi berpuas hati dengan pengabdiaannya dan pada malam yang sama muncul di dalam mimpinya dan berkata kepadanya, “ Awak pergi kepada Baba dan minda awak akan menjadi tenang dan tetap “. Kakaji teruja untuk tahu dari dia siapa iti Baba tetapi sebelum dia mendapat apa - apa penerangan darinya, dia sudah terjaga. Dia mula berfikir siapa agaknya Baba yang Dewi pesan untuk dia temui. Selepas berfikir seketika, dia membuat kesimpulan bahawa Baba mungkin ‘ Tryambakeshwar ‘ (Tuhan Shiva). Maka dia pun perrgi ke tempat suci ‘ Tryambak ‘ (Daerah Nasrik) dan tinggal di sana selama sepuluh hari. Selama tempoh ini, dia mandi awal pagi dan menyanyikan pujian‘ Rudra “, melakukan ‘ Abhishekam ‘ (menuangkan air sejuk yang segar tanpa henti ke atas Pindi) dan melakukan perkara keagamaan yang lain. Selepas itu dia balik ke rumah dan sekali lagi berdoa kepada Dewi dengan penuh kesedihan. Malam itu sekali lagi dia muncul di dalam mimpi nya dan berkata, “ Kenapa awak pergi ke Tryambakeshwar secara sia - sia tanpa berjumpa Baba - Sri Sai Samarth di Shirdi ”.

Persoalan dalam diri Kakaji sekarang adalah ‘ Bagaimana dan bila dia hendak pergi ke Shirdi dan bagaimana hendak berjumpa baba? Jika sesiapa bresungguh - sungguh untuk berjumpa dengan orang Keramat, bukan sahaja orang Keramat tetapi Tuhan juga akan memenuhi hajatnya. Malahan ‘Sant ‘ (orang Keramat) dan ‘ Anant “ (Tuhan) adalah satu. Tidak ada sedikitpun perbezaan di antara mereka. Jika ada sesiapa berfikir dia boleh terus saja pergi berjumpa orang Keramat, ianya adalah satu helah saja. Hanya kalau orang Keramat mengizinkannya, siapa yang dapat berjumpa dan melihat Nya? Malahan daun di atas pokok pun tidak akan bergerak tanpa izinnya. Semakin teruja seorang pengikut untuk berjumpa dengan orang Keramat, semakin dia taat dan setia maka semakin cepat dan berkesan hajatnya memuaskan hatinya. Dia yang menjemput sesiapa saja untuk melawatnya akan juga mengatur sambutan dan inilah yang berlaku kepada Kakaji.

Nazar Shama

Apabila Kakaji berfikir untuk melawat Shirdi, seorang tetamu telah datang berjumpanya di rumahnya untuk mempelawa dia pergi ke Shirdi. Dia adalah Shama, pengikut yang paling setia dan rapat dengan Baba. Kita akan lihat bagaimana dia datang ke Vani pada ketika itu. Shama sakit teruk semasa dia masih muda dan ibunya telah membuat nazar kepada Dewi Sapta - Shringi keluarganya di Vani yang kalau anaknya sembuh, dia akan membawa dan mendedikasikan dia di kakinya. Selepas beberapa tahun kemudian, si ibu sendiri yang mengalami kurap di atas buah dadanya. Pada masa itu sekali lagi dia membuat nazar kepada Dewi yang kalau dia sembuh, dia akan memberikan dua buah dada perak. Kedua - dua nazar ini tidak dipenuhi. Semasa dia hampir meninggal dunia, dia memanggil anaknya Shama dan memberitahunya tentang

nazar yang dibuatnya dan selepas anaknya berjanji untuk memenuhinya, dia pun menghembuskan nafas terakhir. Selepas beberapa ketika, Shama terlupa tentang dua nazar ini sehinggalah 30 tahun berlalu. Pada masa ini seorang astrologi telah datang ke Shirdi dan tinggal di situ untuk sebulan. Ramalannya tentang kes Shriman Booty dan yang lain menjadi kenyataan dan semua berpuas hati. Adik Shama, Bhapaji juga berjumpa dengannya dan pada masa itu dia diberitahu tentang nazar ibu mereka dan janji abangnya terhadap ibu mereka yang belum dipenuhi. Oleh sebab itu, Dewi murka kepada mereka dan mendatangkan masalah kepada mereka. Bapaji kemudiannya memberitahu kepada abangnya dan mengingatkannya tentang nazar itu. Memikirkan yang penangguhan akan membahayakan mereka, dia memanggil tukang emas dan membeli dua buah dada perak. Kemudian dia pergi ke Masjid, meniarap di kaki Baba dan meletakkan di hadapannya dua buah dada perak, memintanya menerima pemberian itu sekaligus membebaskan mereka dari nazar sebab kepada dia Baba adalah Dewi Sapta - ShringgiNya. Baba menegaskan supaya dia berjumpa sendiri dengan Sapta - Shringi untuk memberikannya di kaki Dewi. Kemudian selepas dia meminta izin dan mendapat Udi dari Baba, dia balik ke Vani dan mencari imam lalu datang ke rumah Kakaji. Kakaji pada masa itu juga sangat teruja untuk melawat Baba dan Shama kebetulan datang berjumpa dengannya. Kebetulan yang sungguh menarik!

Kakaji bertanya siapa dia dan dari mana dia datang. Apabila mendengar Shama datang dari Shirdi, dia terus memeluknya. Begitu kuat kasih sayangnya! Mereka kemudian berbual tentang Leela - Sai dan selepas menyelesaikan upacara nazar Shama, mereka berdua memulakan perjalanan ke Shirdi. Selepas sampai ke Shirdi, Kakaji terus pergi ke Masjid dan meniarap di kaki Baba.

Matanya digenangi air mata dan mindanya terasa tenang. Menurut visi Dewi, sebaik sahaja dia berjumpa Baba, segala keresahannya akan hilang dan mindanya akan menjadi tenang dan tetap. Minda Kakaji mula berfikir, “ Betapa indahnya kuasa

ini! Baba tidak berkata apa - apa, tiada soalan atau jawapan, tiada ucapan syukur dilafazkan, hanya darshana itu sendiri yang sangat kondusif untuk kebahagiaan. Kegelisahan minda saya lenyap hanya dengan darshanNya, saya merasa gembira dan ini dipanggil ‘ darshan yang hebat ‘ “. Visinya hanya ditumpukan ke kaki Sai dan dia tidak dapat berkata apa - apa. Mendengar Leela Baba, kegembiraannya tak terhingga. Dia menyerahkan diri sepenuhnya kepada Baba, melupakan keresahan dan masalahnya dan mendapatkan kebahagiaan sejati. Dia tinggal di sana selama dua belas tahun dengan gembira dan selepas meminta izin dari Baba, mendapat Udi dan restu, dia kemudian berangkat pulang. Khushaaalchand dari Rahata Dikatakan bahawa mimpi yang kita alami pada waktu pagi, kebiasaannya menjadi kenyataan.Mungkin juga ada kebenarannya tetapi bermimpikan Baba tidak ada ketentuan waktunya. Sebagai contoh:- Suatu hari Baba memberitahu Kakasehab Dixit untuk pergi ke Rahata dan menjemput Khushalchand ke Shirdi sebab dia sudah lama tidak melihatnya. Kakasehab lalu menaiki kereta kuda dan pergi ke Rahata. Dia ternampak Khushalchand dan menyampaikan mesej Baba. Dia terkejut mendengarnya dan memberitahu bahawa dia sedang tidur sekejap pada waktu tengahari apabila Baba muncul dalam mimpinya dan memintanya datang ke Shirdi dengan segera serta memberitahu dia sangat teruja untuk pergi. Oleh sebab dia tidak mempunyai kuda sendiri di sana, dia terpaka menghantar anaknya untuk memberitahu Baba. Apabila anaknya baharu saja keluar di pinggir kampung, kereta kuda Dixit telah muncul. Dixit

mengatakan ianya istimewa dihantar untuk membawanya. Kemudian mereka berdua menaiki kereta kuda ke Shirdi. Khushalchand berjumpa denga Baba dan semua sangat gembira. Melihat Leela Baba ini membuatkan Khushalchand merasa terharu. Punjabi Ramalal dari Bombay Seorang Brahmin Punjabi yang bernama Ramalal bermimpi Baba muncul di dalam mimpinya dan mengarahnya datang ke Shirdi. Baba muncul di depannya sebagai Mahant (keramat), tetapi dia tidak tahu di mana Dia berada. Dia berfikir untuk pergi bertemu denganNya tetapi oleh kerana dia tidak tahu alamatNya, dia tidak tahu hendak berbuat apa. Namun Dia yang memanggil sesiapa saja untuk temuduga akan mengatur sesuatu yang diperlukan. Begitulah yang berlaku di dalam hal ini. Pada hari yang sama semasa dia berjalan - jalan di pasar, dia ternampak potret Baba di kedai. Ciri - ciri Mahant yang dia nampak di dalam mimpinya, serupa sangat dengan apa yang di dalam potret itu. Melalui soalan - soalan yang dikemukakannya, dia mendapat tahu bahawa potret tersebut adalah potret Sai Baba dari Shirdi. Tidak berapa lama kemudian dia telah pergi ke Shirdi dan tinggal di sana sehingga dia meninggal dunia.

Dengan cara ini Baba membawa para pengikutnya ke Shirdi untuk darshan dan memenuhi hajat mereka, material dan juga spiritual.

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua

Bab XXXI

Kematian Sewaktu Kehadiran Baba – (1) Sannyasi Vijayanand – (2) Balaram Mankar – (3) Noolkar – (4) Megha and – (5) Harimau

Di dalam Bab ini Hemadpant menerangkan tentang kematian beberapa orang dan harimau sewaktu kehadiran Baba.

Pendahuluan

Hasrat terakhir atau pemikiran yang seseorang punyai sewaktu jam kematian, menentukan masa depannya. Sri Krishna telah mengatakan di dalam Gita (VIII - 5 - 6) that " dia yang mengingati Saya pada waktu terakhirnya, sesungguhnya akan datang kepada Saya dan dia yang bermeditasi pula pada masa itu akan pergi kepada apa yang dicarinya ". Kita tidak dapat menentukan apakah pemikiran terakhir kita, kerap kali kita akan merasa takut dan ketakutan oleh banyak sebab. Oleh itu amalan yang berterusan adalah perlu untuk membolehkan kita menetapkan fikiran pada pemikiran yang baik di mana - mana atau di saat akhir. Semua orang Keramat, untuk itu mencadangkan kita supaya sentiasa mengingati Tuhan dan menyebut namaNya selalu supaya kita tidak akan bingung apabila masa untuk berlepas tiba. Para pengikut pula menyerahkan diri mereka sepenuhnya kepada orang - orang Keramat, percaya sepenuhnya yang orang - orang Keramat yang maha tahu akan membimbing dan membantu mereka pada saat akhir. Beberapa kes yang seperti ini akan diceritakan di sini.

(1)Vijayanand

Madrasi Sannyasi yang bernama Vijayanand mulai berziarah ke Manasa - Sarovar. En. Route, apabila mendengar kemashyuran Baba, telah berhenti di Shirdi. Di sana dia berjumpa Somadevaji Swami dari Hardwar dan bertanya kepadanya butiran tentang perjalanan ke Manasa - Sarovar. Swami memberitahu dia bahawa Sarovar adalah 500 batu di atas Gangotri dan menerangkan kepadanya kesukaran perjalanan itu iaitu banyak salji, perubahan dialek setiap 50 koss dan sifat mencurigakan orang Bhutan yang mendatangkan banyak masalah kepada rombongan penziarah semasa di dalam perjalanan. Mendengarkan tentang ini, Sannyasi merasa kecewa dan membatalkan

perjalanannya. Kemudian apabila dia berjumpa dengan Baba dan meniarap di kakinya, Baba menjadi marah dan berkata, “ Halau Sannyasi yang tak berguna ini, kehadirannya adalah tidak berguna “. Sannyasi tidak mengetahui sifat Baba. Dia merasa tidak selesa tetapi duduk di sana memerhati apa yang berlaku. Ia adalah Darbar pagi dan Masjid sangat penuh. Baba sedang di puja dengan pelbagai cara. Ada yang membasuh kakiNya, ada yang mengambil air suci dari ibu jariNya dan meminum dan ada yang menyapukan air itu ke mata, ada pula yang menyapu pes sandal dan sedikit pewangi di badanNya. Semua sedang membuat perkara - perkara ini tanpa mengira perbezaan kasta dan kepercayaan. Walaupun Baba marah pada dia, dia terasa sayang pada Baba dan tidak mahu meninggalkan tempat itu.

Dia berada di Shirdi selama dua hari apabila dia menerima surat dari Madras yang menyatakan ibunya sedang sakit kuat. Dia merasa sangat kecewa dan mahu berada di sisi ibunya tapi dia tidak dapat balik tanpa keizinan dari Baba. Maka dia berjumpa

Baba dengan membawa surat tersebut di tangannya dan memohon izin untuk balik. Baba yang serba tahu tentang masa depan berkata kepadanya, “ Jika awak sangat sayangkan ibu awak, kenapa awak mengambil Sannayas? Kesukaan atau kaitan sakit menjadi satu pakaian oker. Pergi dan duduk diam - diam di rumah awak, tunggu dengan sabar untuk beberapa hari. Di Wada terdapat banyak pencuri, kunci pintu awak, berhati - hatilah, pencuri - curi ini akan mengambil semua barang. Kekayaan dan kemakmuran adalah sementara dan badan tertakluk kepada pereputan dan kematiaan. Setelah mengetahui ini, bertakwalah, tinggalkan segala ikatan terhadap perkara - perkara dunia ini dan akan datang. Dia yang melakukan ini dan menyerahkan diri di kaki Tuhan Hari akan bebas dari segala masalah dan mencapai kebahagiaan. Tuhan berjalan dan membantu dia yang mengingatiNya dan bermeditasi untuk Dia dengan kasih dan sayang. Perbuatan baik awak pada kelahiran lepas dipertimbangkan maka sebab itu awak telah datang ke sini. Sekarang buatlah apa yang Saya telah katakana dan sedari akhir hayat awak. Kurangkan keinginan, mulakan pelajaran Bhagwat mulai esok. Lakukan tiga ‘ saptahas ‘ iaitu tiga kali membaca dalam tiga minggu, dengan kepercayaan. Tuhan akan senang hati dengan awak dan memusnahkan kesedihan, illusi awak akan hilang dan awak akan mendapat ketenangan “. Melihat bahawa ajalnya telah hampir, dia menetapkan ubat dan menyuruhnya membaca ‘Ramavijaya‘ yang akan mengembirakan Tuhan kematian. Keesokan paginya selepas mandi dan upacara pembersihan yang lain, beliau memulakan pembacaan Bhagwat di sudut terpencil di taman Lendi. Dia menghabiskan dua kali pembacaan dan selepas itu merasa letih. Dia kembali ke Wada dan tinggal di penginapannya

selama dua hari dan pada hari ketiga dia melepaskan nafas terakhir di atas paha Baba. Baba mengarahkan mereka menyimpan badannya untuk sehari atas sebab yang baik. Polis kemudian datang dan semasa membuat penyiasatan telah memberikan kebenaran bagi pelupusan badannya. Ia telah dikubur di tempat yang sesuai dengan upacara. Dengan cara ini Baba membantu Sannyasi dan memastikan kepadanya Sadgati (keselamatan).

(2) Balaram Mankar

Seorang tuan rumah dan juga pengikut Baba yang bernama Balaram Mankar, apabila isterinya meninggal dunia merasa kecewa dan menyerahkan rumahnya kepada anak lelaknya. Dia meninggalkan rumahnya dan pergi ke Shirdi dan tinggal bersama Baba. Baba merasa gembira dan hendak memberikan perubahan baik kepada hidupnya, Dia melakukannya dengan bijak. Baba memberikan Rs.12/- dan dan mengarahnya pergi dan tinggal di Macchindragad (Daerah Satara). Pada mulanya Mankar tidak bersedia untuk pergi dan berpisah dengan Baba tetapi Baba meyakinkannya bahawa dia memberi jalan terbaik untuk beliau dan meminta beliau untuk mengamalkan meditasi tiga kali sehari di atas Gad. Mempercayai kata - kata Baba, Mankar akhirnya pergi ke Gad. Dia sangat berpuas hati dengan pemandangan indah, air yang jernih, udara yang sihat dan kawasan sekelilingnya. Dia mula mempraktikkan meditasi dengan bersungguh - sungguh seperti yang dinasihati oleh Baba. Selepas beberapa hari dia telah mendapat wahyu. Biasanya para Bakti mendapat visi spiritual di dalam Samadhi tetapi di dalam kes Mankar, dia mendapatnya apabila dia telah kembali dari kaadaan tidak sedar diri. Baba sendiri muncul di depannya. Mankar bukan sahaja melihat Baba

tetapi dia juga bertanya kepada Baba kenapa dia dihantar ke sana. Baba menjawab, “ Di Shirdi awak banyak berfikir dan bermacam - macam idea mula bermain di minda awak jadi Saya hantar awak ke sini untuk merehatkan minda awak yang tidak stabil. Awak menyangka Saya berada di Shirdi dengan badan yang tetap dengan lima elemen dan tiga setengah hasta panjang, dan tidak di luar itu. Sekarang awak sudah lihat dan tentukan sendiri samada orang yang awak nampak sekarang sama dengan yang awak nampak di Shirdi “. Ini lah sebabnya Saya menghantar awak ke sini. Kemudian selepas tempoh itu berakhir, Mankar meninggalkan Gad dan meneruskan perjalanan ke tempat asalnya Bandra. Dia hendak menggunakan keretapi dari Poona ke Dadar, tetapi bila dia hendak membeli tiket, dia mendapati ianya terlalu sesak. Dia tidak dapat membeli tiket lebih awal apabila tiba - tiba seorang lelaki dari kampung dengan memakai langoti (sehelai kain) di pinggangnya dan kambali di bahunya muncul dan berkata, “ Awak hendak ke mana? “ “ Ke Dadar “, jawab Mankar. Kemudian dia berkata lagi, “ Tolong ambil tiket ke Dadar ini. Oleh kerana saya ada urusan yang penting di sini maka saya terpaksa membatalkan perjalanan saya “. Mankar sangar gembira menerima tiket dan baharu sahaja hendak mengeluarkan wang dari poketnya tetapi lelaki desa itu telah hilang

dalam kesesakan.Mankar cuba untuk mencarinya di dalam kesesakan itu tetapi sia - sia sahaja. Dia menunggunya sehingga keretapi meninggalkan stesen namun tidak dapat mengesannya. Ini adalah visi spiritual yang kedua yang Mankar dapat dalm bentuk yang aneh. Kemudian selepas melawat rumahnya di Bandra, Mankar kembali semula ke Shirdi dan kekal di kaki Baba, sentiasa menurut nasihatNya. Akhirnya dia sangat betuah meninggalkan dunia ini dengan kehadiran dan restu Baba.

(3) Tatyasaheb Noolkar

Hemadpant tidak memberikan apa - apa keterangan tentang Tatyasaheb Noolkar kecuali tentang hakikat yang dia meninggal di Shirdi. Ringkasan tentangnya yang muncul di dalam Majalah Sai Leela diberikan di sini.

Tatyasaheb adalah Sub - Hakim di Pandharpur dalam tahun 1909 semasa Nanasaheb Chandorkar adalah Mamatlatdar di sana. Mereka berdua sering berjumpa dan berbual. Tatyasaheb tidak mempercayai orang orang Keramat manakala Nanasehab pula menyayangi mereka. Nanasehab selalu menceritakan kepadanya tentang Leela Sai Baba dan memaksanya pergi ke Shirdi dan berjumpa Baba. Dia akhirnya bersetuju untuk pergi ke Shirdi dengan dua syarat:- (1) dia mesti mempunyai tukang masak Brahmin,dan (2) mesti mendapatkan buah oren Nagpur sebagai hadiah. Kedua - dua syarat ini telah dapat ditunaikan. Seorang Brahmin datang berjumpa Nanasaheb untuk mencari kerja dan dia dihantar kepada Tatyasaheb dan kotak buah- buahan yang mengandungi 100 biji buah oren telah diterima oleh Tatyasaheb dari pengirim yang tidak diketahui. Oleh kerana syarat telah ditunaikan, maka dia terpaksa pergi ke Shirdi. Pada mulanya Baba sangat marah padanya tetapi sedikit demi sedikit Tatyasaheb mendapat pengalaman dan mula yakin bahawa Baba adalah penjelmaan Tuhan. Maka dia telah terpikat dengan Baba dan tinggal di sana sehingga dia meninggal dunia. Semasa ajalnya hampir tiba, sajak suci telah dibaca untuknya dan pada saat yang terakhir air suci kaki Baba telah dibawa untuk diminum olehnya. Apabila Baba mendengar tentang kematiannya , Dia berkata, “ Oh Tatya pergi mendahukui kita, dia tidak akan dilahirkan semula “. (4) Megha Kisah Megha telahpun diceritakan dalam bab 28,

Apabila Megha meninggal dunia, semua penduduk kampung mengiringi upacara pengebumiannya. Baba turut bersama mereka dan menaburkan bunga di badan Megha. Selepas upacara pemakaman dijalankan, airmata Baba mengalir dan seperti manusia biasa Baba menunjukkan Dirinya dilanda kesedihan dan kedukaan. Kemudian, selepas menaburkan bunga di badannya dan menangis seperti ahli keluarga, Baba kembali ke Masjid.

Banyak orang - orang Keramat yang memberikan sadgati kepada orang tetapi kehebatan Baba adalah unik. Malahan binatang seganas harimau pun datang ke kaki Baba memohon untuk menyelamatkan diri. Ini adalah cerita yang akan diberitahu sekarang.

(5) Harimau

Tujuh hari sebelum Baba meninggal dunia, satu insiden menarik telah berlaku di Shirdi. Kereta lembu kampung telah datang dan berhenti di depan Masjid. Seekor harimau berada di atas kereta lembu, diikat dengan rantai besi, dengan wajah garangnya berpaling untuk mengaum. Ia mengalami kesakitan atau penderitaan. Penjaga - penjaganya, tiga orang Derveshis, membawanya dari satu tempat ke satu tempat dan mendapat wang dengan mempamerkannya. Ini adalah cara mereka mencari rezeki. Mereka mencuba bermacam ubat untuk menyembuhkannya dari penyakit yang ditanggungnya tetapi sia - sia sahaja. Kemudian mereka mendengar kemasyhuran Baba dan datang kepadanya bersama harimau tersebut. Mereka menurunkannya sambil memegang rantai ditangan dan membuatkannya bediri di pintu. Ia memang semulajadi garang walaupun sedang sakit dan ia kelihatan resah. Orang ramai mula melihatnya dengan ketakutan

dan kekaguman. Derverhis yang tiga orang itu masuk ke dalam Masjid dan memberitahu Baba tentang harimau itu dan dengan izin Baba membawanya ke hadapanNya. Ketika ia melangkah menaiki tangga, ia terkejut disebabkan oleh kilauan Baba dan menundukkan kepalanya. Apabila keduanya bertentangan, ia sampai ke tangga dan melihat ke arah Baba dengan kasih sayang. Serta merta ia menggerakkan ekornya dan menghempaskan ke tanah sebanyak tiga kali lalu pengsan. Apabila derveshis itu melihat harimau mereka mati mereka merasa kecewa dan bersedih, tetapi setelah berfikir secara matang, mereka menjadi tenang semula. Mereka merasakan oleh kerana harimau tersebut dijangkiti penyakit dan hampir menemui ajal dan telah berjasa kepada mereka, ia harus mati di kaki dan dengan kehadiran Baba. Ianya adalah umpamakan hutang mereka dan apabila hutang sudah dibayar, ia sudah bebas dan ia berakhir di kaki Baba. Apabila mana - mana makhluk menundukkan kepala mereka di kaki orang - orang Keramat dan mati, mereka adalah selamat kecuali jika mereka mempunyai jumlah kebaikan yang banyak di dalam stor kehidupannya, bagaimana mereka hendak mendapat kebahagiaan ?

Penghormatan Untik Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua

Bab XXXII

Dalam usaha Guru dan Tuhan – Puasa tidak Dibenarkan.

Dalam bab ini Hemadpant menerangkan dua perkara:- (1) Bagaimana Baba menemui GuruNya di dalam hutan dan melalui TuhanNya (2) Bagaimana Baba membuat Puan Ghokhale, yang telah mengambil keputusan untuk berpuasa selama tiga hari, makan Puran - Polis.

Pendahuluan

Pada mulanya ,Hemadpant menerangkan samsara (Dunia) oleh elogori Ashvattha (pokok beringin) yang mempunyai rangkaikata Geeta, akar di atas dan cabang di bawah. Cabangnya tersebar ke bawah dan ke atas dan dipelihara oleh gunas (kualiti) dan pucuknya adalah merupakan objek deria. Akarnya yang membawa kepada tindakan, yang dilanjutkan ke bawah untuk dunia lelaki. Bentuknya tidak dapat diketahui di dunia ini tidak juga penghujungnya, permulaannya tidak sokongannya. Memotong akar pokok Ashvatta yang kuat menggunakan senjata tajam yang tidak terikat, seseorang itu perlu mencari jalan di luar, menginjak yang tidak akan pulang.

Untuk menyeberangi jalan ini, bantuan dari panduan yang baik (Guru) sangat diperlukan. Walau sealim mana pun seseorang, sedalam mana pelajarannya tentang Vedas dan Vedangas (sastera suci),dia tidak akan pergi ke destinasi dengan selamat. Kalau panduan berada di sana dan menunjukkan jalan yang betul, dia akan dapat mengelakkan perangkap - perangkap dan binatang - binatang buas di sepanjang perjalanan dan semua akan belayar

dengan lancar. Pengalaman Baba di dalam perkara ini, cerita yang Beliau beritahu sendiri, sangat menarik, yang apabila dihadiri, akan memberikan keyakinan, kesetiaan dan keselamatan.

Usaha

Satu perempat daripada kita mempelajari kitab - kitab agama dan buku - buku lain dan dengan pencerahan itu, kita mula membincangkan tentang sifat Brahman. Salah seorang daripada kita mengatakan bahawa kita harus meningkatkan diri dengan sendiri tanpa bergantung dengan orang lain. Untuk ini yang kedua menjawab bahawa dia yang mengawal mindanya adalah diberkati. Kita harus bebas dari fikiran dan idea - idea dan tidak ada apa - apa di dunia tanpa kita. Yang ketiga pula mengatakan bahawa dunia (fenomena) sentiasa berubah, tidak berbentuk adalah kekal, jadi kita harus membezakan antara yang tidak benar dan yang nyata. Manakala yang keempat pula (Baba sendiri) menyarankan supaya pengetahuan yang berpandu pada buku adalah tidak bernilai dan menambah, “ Mari kita menunaikan tanggunjawab yang telah ditetapkan dan menyerahkan badan, minda dan lima pranas (kehidupan) kepada

kaki Guru. Guru adalah Tuhan, menyeluruh. Untuk mendapatkan keyakinan ini, kekuatan iman sangat diperlukan “.

Membincangkan ini dengan bijak, ke empat - empat kami mula merayau - rayau di dalam hutan dalam usaha mencari Tuhan. Pokok itu mahu berusaha dengan bebas dan tanpa bantuan mereka..Dalam perjalanan, Vanjari (lelaki yang berdagang barang - barang tertentu seperti bijirin dan lain - lain, dengan membawanya menggunakan lembu) telah berjumpa dengan kami dan bertanya kepada kami, “ Cuaca panas sekarang ini, ke mana dan berapa jauh

anda hendak pergi? “ “ Untuk mencari kayu “, kami menjawab. Dia bertanya, “ Atas usaha apa kamu terikat? “ Kami membeikan jawapan yang kabur untuk mengelak. Melihatkan kami merayau - rayau tanpa tujuan, menyebabkan dia terasa dan berkata, “ Tanpa mengetahui tentang hutan sepenuhnya, anda tidak patut mengembara secara rawak. Kalau anda hendak berjalan ke dalam hutan, anda harus membawa seorang pemandu jalan bersama. Kenapa anda berikhtiar tanpa perlu pada waktu tengahari yang panas ini? Anda tidak akan memberitahu saya usaha rahsia anda tetapi anda masih boleh duduk, makan roti, minum air , berehat dan kemudian pergi. Bersabar lah selalu “. Walaupun dia bercakap dengan lembut, kami menolak permintaannya dan meneruskan perjalanan. Kami merasakan bahawa diri kami adalah lelaki yang serba lengkap dan tidak memerlukan bantuan sesiapa pun. Hutan ini sangat luas dan tanpa jalan, pokok - pokoknya terlalu rapat dan tinggi menyebabkan cahaya matahari tidak dapat menembusinya. Maka kani telah sesat dan merayau ke sana dan ke mari untuk jangka masa yang lama. Akhirnya kami bernasib baik dapat kembali semula ke tempat di mana kami bermula. Vanjari itu berjumpa dengan kami semula dan berkata, “ Berpandukan kepandaian anda sendiri anda telah sesat, pemandu jalan sentiasa diperlukan untuk menunjukkan kita jalan yang betul di dalam perkara yang kecil ataupun yang besar dan tidak ada usaha yang akan berjaya dengan perut kosong. Hanya jika Tuhan berkehendakkan, tiada siapa yang akan kita temui di dalam perjalanan. Jangan menolak jemputan untuk makan, hidangan tidak sepatutnya ditolak begitu sahaja. Tawaran untuk roti atau makanan seharusnya dianggap sebagai tanda - tanda bertuah untuk kejayaan “. Selepas berkata - kata sekali lagi dia menawarkan kami makanan dan menasihati kami supaya

brtenang dan bersabar. Sekali lagi kami tidak suka pada layanan baik ini dan menolak tawarannya lalu beredar pergi. Tanpa apa - apa usaha dan tanpa mengambil apa - apa makanan, mereka bertiga mula bergerak. Saya sangat lapar dan dahaga dan terharu dengan kasih sayang luar biasa Vanjari. Kami menganggap diri kami bijak tetapi agak asing tentang perasaan kasihan dan kebaikan. Vanjari itu agak buta huruf dan tidak berpelajaran serta tergolong di dalam kasta yang rendah. Namun begitu dia mempunyai kasih sayang di dalam hatinya menawarkan kami untuk makan roti. Dengan ini, orang yang menyayangi orang lain tanpa tujuan lain adalah benar - benar berpengetahuan dan saya merasakan menerima layanan baiknya adalah

permulaan terbaik untuk mendapat pengetahuan. Maka dengan rasa hormat saya menerima sebuku roti yang ditawarkan, memakannya dan minum air.

Kemudian! Guru serta merta datang dan brdiri di depan kami, “ Mengenai apakah pertikaian ini? “ Dia bertanya dan saya memberitahu semua yang telah berlaku. Kemudian dia berkata, “ Adakah awak mahu mengikut saya? Saya akan tunjukkan apa yang awak mahu tetapi hanya dia yang mempercayai kata - kata saya akan berjaya “. Yang lain tidak mempercayai apa yang dikatakannya lalu pergi tetapi saya tunduk kepadanya dengan penuh hormat dan menerima kata - katanya. Dia kemudian membawa saya ke sebuah telaga, mengikat kaki saya dengan tali dan menggantung saya - kepala di bawah dan kaki di atas - dari pokok yang berdekatan dengan telaga. Saya digantung tiga kaki di atas paras air, yang saya tidak dapat sentuh menggunakan tangan saya, tidak juga boleh masuk ke mulut saya. Setelah menggantungkan saya dengan cara ini, dia kemudian pergi entah

ke mana. Selepas 10 atau 12 ghatakas (4 atau 5 jam), dia kembali dan segera menarik saya keluar dan bertanyakan keadaan saya “. “ Saya berada di dalam kebahagiaan teramat sangat. Bagaimana orang bodoh macam saya hendak menerangkan pengalaman indah yang saya alami? “ Saya menjawab. Apabila mendengar jawapan saya, Guru sangat berpuas hati dengan saya , menarik saya hampir kepadanya dan mengusap badan saya dengan tangannya. Dia menjaga saya dengan lembut seperti ibu burung menjaga anak - anaknya. Dia memasukkan saya ke sekolahnya. Sungguh indah! Di sana saya telah melupakan ibubapa saya, semua ikatan telah dirampas dan saya telah dibebaskan dengan mudah. Saya merasakan saya harus memeluk tengkuknya dan terus merenungnya sentiasa. Kalau imejnya tidak ditampalkan di dalam anak mata saya, saya lebih rela menjadi buta. Itu merupakan sekolah! Tiada seorang pun yang memasukinya sekali, dapat kembali dengan tangan kosong. Guru saya menjadi semuanya untuk saya, rumah saya dan harta saya, ibu dan ayah dan semua. Kesemua deria saya meninggalkan tempatnya dan memfokuskan diri mereka di dalam mata saya dan pandangan saya sedang tertumpu kepadanya. Itulah Guru saya, objek tunggal saya semasa meditasi dan saya tidak sedar tentang yang lain - lain. Semasa bermeditasi tentang dia minda dan intelek saya terkejut dan saya terpaksa berdiam diri tunduk hormat kepadanya secara senyap.

Terdapat sekolah - sekolah lain yang kita nampak keadaannya berbeza sama sekali. Murid - murid pergi ke sana untuk mencari pengetahuan dan membelanjakan wang, masa dan tenaga kerja tetapi akhirnya mereka perlu bertaubat. Guru di sana bangga dengan pengetahuan rahsia dan kelancangan yang lurus. Dia menunjukkan kealiman dan kesuciannya tetapi tidak memiliki hati yang lembut. Dia banyak bercakap dan menyanyikan

kemuliaannya sendiri tetapi kata - katanya tidak menyentuh hati anak muridnya dan tidak meyakinkan mereka. Dia tidak mempunyai kesedaran diri. Bagaimana sekolah yang seperti

ini boleh berguna kepada murid - muridnya dan bagaimana mereka hendak mendapat manfaat? Tuan Guru yang disebut di atas adalah dari jenis yang berbeza. Dengan berkatnya, kesedaran memancar ke atas diri saya dengan sendirinya tanpa usaha atau belajar. Saya tidak perlu mencari apa - apa malah semuanya menjadi jelas kepada saya umpamakan cahaya yang luas. Guru sahaja yang tahu bagaimana keadaan digantung dengan kepala di bawah dan kaki di atas boleh memberi kebahagiaan!

Antara empat, seorang adalah Karmatha (Ritual) yang hanya tahu bagaimana untuk memerhati dan menahan diri dari upacara - upacara tertentu. Yang kedua pula seorang Jnani yang sombong dengan pengetahuannya dan yang ketiga adalah seorang Bakti yang mentyerahkan dirinya sepenuhnya kepada Tuhan, mempercayai dia adalah pelaku tunggal. Apabila mereka berbincang dan bertengkar, soalan tentang Tuhan telah dikemukakan dan berdasarkan pengetahuan tanpa bantuan, pergi mencariNya. Sai, penjelmaan diskriminasi dan tidak memihak adalah di antara yang empat orang itu. Beberapa orang akan bertanya, Beliau adalah penjelmaan Brahman, “ kenapa Beliau bercampur dengan mereka dan bertindak bodoh? “ Beliau melakukan ini untuk mendapat kebaikan orang ramai, dan menjadikan mereka sebagai contoh untuk diikuti. Walaupun penjelmaan dirinya, dia menghormati vanjari yang rendah, dengan menerima makanan nya dengan kepercayaan bahawa, “ Makanan adalah Brahman “ dan menunjukkan bahawa mereka yang menolak pelawaan vanjari mengalami masalah dan bagaimana

ianya mustahil untuk mendapat Jnana tanpa seorang Guru. Shriti (Taitiriya Upanishad) menasihati kita untuk menghormati ibu, ayah, dan pendidik serta belajar (belajar dan mengajar) sastera suci. Ini adalah cara - cara untuk membersih minda dan hanya jika pembersihan ini berkesan, kesedaran diri adalah mustahil. Bukan deria, tidak juga minda dan intelek mencapai Diri. Bukti seperti persepsi dan kesimpulan tidak akan membantu kita dalam hal ini. Rahmat Guru yang dikira. Objek hidup kita seperti Dharma, Artha dan Kama dapat dicapai dengan usaha tetapi objek keempat, Moksha (pembebasan) hanya boleh didapati dengan bantuan Guru. Di dalam Darbar Sri Sai, banyak personaliti - personaliti muncul dan memainkan peranan mereka. Astrologi datang dan menyatakan ramalan - ramalan, puteri - puteri, bangsawan, orang biasa dan orang miskin, Sannyasis, Yogis, penyanyi dan yang lain - lain datang untuk darshan. Malahan mahar juga datang dan membuat Johar (salam beliau), mengatakan Sai ini adalah Mai - Baap (ibu bapa sebenar), yang akan bermain dengan kelahiran dan kematian kita. Jadi banyak yang lain seperti pemain sunglap, Gondhalis, yang buta dan yang cacat, Nath - panthis, penari - penari dan pemain - pemain yang lain datang juga diberi sambutan yang sesuai. Menurut masanya sendiri, Vanjari turut muncul dan memainkan peranan yang diberikan kepadanya. Mari kita beralih kepada cerita yang lain pula.

Berpuasa dan Puan Gokhale

Baba tidak pernah berpuasa ataupun membenarkan sesiapa melakukannya. Minda orang yang berpuasa tidak pernah tenang, jadi bagaimana mereka hendak mencapai Paramartha (tujuan hidup)? Tuhan tidak dapat dicapai dengan berlapar. Pertama sekali jiwa mesti ditenangkan. Jika tiada kelembapan makanan di dalam

perut dan nutrisi, dengan mata apa kita hendak melihat Tuhan, dengan lidah apa kita harus menerangkan kehebatannya dan dengan telinga apa harus kita mendengarnya? Secara ringkas, bila semua organ kita mendapat nutrisi yang betul, kita dapat melakukan pengabdian dan Sadhana yang lain untuk mencapai Tuhan. Oleh itu, berpuasa atau terlebih makan adalah tidak baik. Bersederhana di dalam diet adalah sangat sihat untuk kedua - dua badan dan minda.

Seorang yang bernama Puan Gokhale datang ke Shirdi dengan membawa surat pengenalan dari Puan Kashibai Kanitkar (seorang pengikut Baba) untuk Dada Kelkar. Dia datang kepada Baba dengan keazaman untuk duduk di kaki Baba sambil berpuasa selama tiga hari. Hari sebelumnya, Baba berkata kepada kepada Dada Kelkar, yang Beliau tidak akan membenarkan pengikut - pengikutnya untuk berlapar semasa Shimga, iaitu, Cuti Holi dan jika mereka terpaksa berlapar, kenapa dia harus berada di sana? Esoknya apabila seorang wanita datang bersama Dada Kelkar dan duduk di kakinya, Baba terus berkata kepadanya, “ Di mana perlunya berpuasa? Pergi ke rumah Dadabhat, sediakan Puran Polis (roti gandum dengan tepung kacaang hijau dan jaggery), beri makan anak dia dan awak sendiri juga “. Cuti Shimga sedang berlangsung. Puan Kelkar berada di dalam haid dan tidak ada sesiapa yang memasak di rumah Dadabhat. Jadi arahan Baba adalah tepat pada masanya. Kemudian Puan Gokhale terpaksa pergi ke rumah Dadabhat dan memasak seperti yang telah diarahkan. Hari itu dia memasak, menjamu orang lain dan juga dirinya makan.Cerita.yang baik dan betapa indah maksudnya.

Sircar Baba

Baba memberitahu cerita masa kanak- kanaknya seperti berikut:- “ Semasa saya muda, saya mencari roti dan pergi ke Beedgaum. Di sana saya membuat kerja menyulam. Saya bekerja keras tanpa mengenal sakit. Majikan sangat berpuas hati dengan saya. Tiga orang budak telah bekerja sebelum saya. Yang pertama mendapat Rs.50/-, yang kedua Rs.100/- dan yang ketiga mendapat Rs.150/-. Saya telah diberikan dua kali ganda jumlah kesemua gaji mereka iaitu Rs.600/-. Selepas melihat kpandaian saya, majikan itu menyayangi saya, memuji saya dan menghadiahkan saya dengan pakaian yang lengkap, turban kepala dan jubah untuk menutupi badannya serta lain - lain. Saya menyimpan baju ini dengan

baik tanpa menggunakannya. Saya merasakan apa yang diberikan tidak akan bertahan lama dan ianya tidak sempurna. Namun apa yang diberi oleh Sircar saya (Tuhan), bertahan hingga ke akhir. Tiada hadiah yang dapat dibandingkan dengan Dia. Sircar saya berkata, “ Ambil. ambil “, tetapi semua orang datang kepada saya dan berkata, “ Beri, beri “. Tiada yang mendengar benar - benar apa yang saya maksudkan. Perbendaharaan Sircar saya (kekayaan spiritual)adalah penuh dan ianya melimpah. Saya kata “ Gali keluar dan ambilkan kekayaan ini segerabak penuh, Seorang anak yang berkat kepada ibu yang sebenar harus mengisi dirinya dengan kekayaan ini. Kemahiran saya sebagai Fakir, Leela Bhagwan saya, kebolehan Sircar saya adalah agak unik. Bagaimana dengan saya? Badan akan bercampur dengan tanah dan pernafasan dengan udara. Masa ini tidak akan datang lagi. Saya pergi kemana - mana, duduk di mana - mana, Maya yang keras mendatangkan banyak masalah kepada saya, masih saya merasa bimbang terhadap orang - orang saya. Dia yang melakukan

segalanya (usaha kerohanian) akan menuai buah - buahan dan dia yang mengingati kata - kata saya ini akan mendapat kebahagiaan yang berharga “.

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera untuk Semua

Bab XXXIII

Kehebatan Udi

Sengatan Kala Jengking dan Kes - kes wabak yang Sembuh - Keajaiban Jamner - Penyakit Narayanarao - Balabuva sutar - Appasaheb Kulkarni - Haribhau Karnik Dalam bab yang lepas kita menerangkan tentang kehebatan Guru. Sekarang kita akan menerangkan tentang kehebatan Udi.

Pendahuluan

Mari kita tunduk hormat kepada orang - orang Keramat yang hebat. Pandangan mereka yang pemurah akan menghapuskan segunung dosa - dosa dan menghapuskan kecacatan karakter kita. Perbualan kasual mereka mengajar kita dengan baik dan menganugerahkan kebahagiaan yang kekal. Minda mereka tidak tahu apa - apa perbezaan seperti ‘ yang ini adalah milik saya dan yang ini milik awak ‘. Perbezaan seperti itu tidak pernah timbil di fikiran mereka. Hutang mereka (kewajipan) tidak akan terbayar oleh kita di kelahiran ini mahupun di kelahiran akan datang.

Udi

Memang sudah diketahui bahawa Baba mengambil dakshina daripada semua, dan dari jumlah yang dikutip, dia akan dibelanjakan kebanyakannya untuk kebajikan dan yang selebihnya untuk membeli minyak. Minyak ini dia akan tuang ke dalam Dhuni - api suci, yang dia biarkan tterbakar sentiasa. Abu daripada api ini dipanggil Udi dan ianya diberikan secara bebas kepada para pengikutNya pada masa mereka hendak pergi dari Shirdi.

Apa yang Baba ajar atau kiaskan melalui Udi ini? Baba mendidik melalui UdiNya bahawa semua fenomena yang nyata di alam semesta ini adalah fana sebagai abu. Badan kita terdiri wood atau dari lima elemen, akan jatuh, selepas keseronokan berakhir, dan dikurangkan menjadi debu. Demi untuk mengingatkan para pengikut tentang kenyataan bahawa badan mereka akan menjadi abu, Baba memberikan Udi kepada mereka. Baba juga mengajar melalui Udi yang Brahman adalah Realiti dan alam semesta adalah tidak kekal dan tidak ada sesiapa di dunia ini samada anak, ayah, atau isteri milik sebenar kita. Kita datang di dunia ini sendirian dan kita akan pergi dari sini sendirian juga. Udi didapati dapat menyembuhkan masalah mental dan fizikal tetapi Baba hendak menjelaskan di telinga para pengikutnya prinsip diskrimanasi di antara yang nyata dan yang tidak nyata, tanpa ikatan dengan yang yang tidak nyata, melalui UdiNya dan dakshina. Udi mengajar kita tentang diskriminasi dan dakshina pula mengenai tanpa ikatan. Hanya kalau kita mempunyai dua benda ini, adalah mustahil untuk kita merentasi lautan kewujudan biasa. Maka Baba mengambil dakshina dan apabila para pengikut hendak balik, Beliau akan memberikanUdi sebagai Prasad, mencemarkan sedikit di dahi Bakti dan meletakkan tangan yang memberi rahmat di kepala mereka. Apabila Baba berada di dalam mood yang ceria, dia akan berlagu riang. Salah satu lagu adalah mengenai Udi. Lirik lagu Udi adalah seperti ini, “ Oh, Rama yang suka bermain, mari, mari, dan bawakan seguni Udi bersama awak “.Baba biasanya menyanyi dengan jelas dengan suara yang sedap.

Sangat banyak tentang implikasi spiritual Udi. Ia juga mempunyai kepentingan material. Ia menganugerahkan kesihatan, kemkmuran,bebas dari keresahan dan banyak lagi keuntungan dunia yang lain. Jadi Udi membantu kita untuk mendapat kedua -

dua hujung kita material dan spiritual. Kita akan memulakan cerita mengenai Udi sekarang.

Sengatan Kala Jengking

Narayan Motiram Jani dari Nasik adalah pengikut Baba. Beliau berkhidmat di bawah sorang lagi pengikut Baba yang bernama Ramachandra Vaman Modak. Suatu hari dia datang ke Shirdi bersama ibunya dan berjumpa Baba. Kemudian Baba sendiri memberitahu bahawa anak dia tidak perlu lagi berkhidmat tetapi boleh memulakan perniagaan sendiri. Suatu hari ramalan ini akhirnya menjadi

kenyataan. Narayani behenti kerja dan memulakan asrama ‘ Anandashram ‘ yang berkembang pesat. Seorang daripada kawan Narayanrao telah disengat oleh seekor kala jengking dan tidak tertanggung.Udi adalah sangat berkesan untuk kes ini. Ia harus disapu pada tempat yang sakit. Jadi Narayan cuba mencari tetapi tidak berjaya. Dia kemudiannya berdiri di depan potret Baba untuk memohon bantuan Baba, menyebut nama Baba dan mengambil sedikit debu dari setanggi yang dibakar di depan potret Baba dan menganggapnya sebagai Udi Baba lalu menyapunya di tempat yang sakit terkena sengatan. Sebaik sahaja dia menarik jari - jarinya, kesakitan itu telah hilang dan kedua - dua mereka merasa sangat gembira.

Wabak Berkaitan Penyakit Taun

Seorang pengikut dari Bandra mendapat tahu yang anak perempuannya yang tinggal di tempat lain sedang mengalami penyakit yang berkaitan dengan penyakit taun. Dia tidak mempnyai Udi bersamanya maka dia telah meminta bantuan

Nanasaheb Chandorkar untuk menghantar kepadanya. Nanasaheb mendapat mesej ini semasa dalam perjalanan berdekatan dengan Stesen Keretapi Thana ketika dia dan isterinya sedang di dalam perjalanan ke Kalyan dan dia juga tidak mempunyai Udi pada waktu itu. Oleh sebab itu, dia mengambil sedikit tanah di jalan, bermeditasi untuk Sai Baba, memohon bantuannya dan menyapunya di atas dahi isterinya. Pengikut itu melihat semua ini dan apabila dia pergi ke rumah anaknya, dia sangat gembira kerana anaknya yang sakit selama tiga hari mulai sembuh sebaik sahaja Nanasaheb memohon bantuan Baba di Stesen Keretapi Thana.

Keajaiban Jamner

Lebih kurang tahun 1904 - 1905, Nanasaheb Chandorkar adalah Mamlatdar di Jamner, di Daerah Khandesh, yang lebih 100 batu jauhnya dari Shirdi. Anaknya Mainatai mengandung dan hampir bersalin. Dia mengalami kesakitan untuk bersalin yang serius di sepanjang dua atau tiga hari. Nanasaheb mencuba bermacam - macam ubat tetapi sia - sia sahaja. Dia kemudian teringatkan Baba lalu berdoa memohon bantuannya. Di Shirdi, seorang Ramgirbuva yang Baba panggil Bapugirbuva, pada waktu itu hendak pergi ke tempat asalnya di Khandesh. Baba memanggilnya dan menyuruhnya berehat sebentar dan berhenti di Jamner semasa di dalam perjalanan balik ke kampungnya dan memberikan Udi dan Arati kepada Nanasaheb. Ramgirbuva menyatakan dia hanya mempunyai dua rupee dan jumlah itu hanya mencukupi untuk tambang keretapi sehingga ke Jalgaon dan adalah mustahil untuk dia pergi dari Jalgaon ke Jamner, yang jaraknya lebih kurang 30 batu. Baba memberitahunya supaya jangan risau sebab semua akan disediakan untuknya. Kemudian Baba

mengarahkan Shama untuk menulis Arati yang ternama yang digubah oleh Madhav Adkar (terjemahan untuk ini akan diberikan di penghujung buku ini) dan memberikan salinannya beserta Udi kepada Ramgirbuva untuk disampaikan kepada Nanasaheb. Bergantung dengan kata - kata Baba, Ramgirbuva meninggal Shirdi dan sampai ke Jalgaon lebih kurang pukul 2.45 a.m. Dia hanya memiliki baki dua annas dan berada dalam keadaan sukar. Dia merasa lega apabila seseorang memanggilnya, “ Siapakah Bapugirbuva dari Shirdi? “ Dia pergi kepadanya dan mengenalkan diri sebagai Bapugirbuva. Kemudian pembantu memberitahu dia dihantar oleh Nanasaheb dan membawanya ke kereta kuda yang sangat menarik dengan dua ekor kuda. Mereka berdua menaikinya.Tanga itu bergerak dengan pantas dan awal pagi mereka sampai di sungai yang kecil. Pemandu membawa kuda - kuda tersebut untuk minum dan pembantu itu menyuruh Ramgirbuva supaya mengambil sedikit makanan. Melihatkan janggut, misai dan pakaian seragamnya , Rangirbuva mensyaki beliau adalah seorang muslim dan tidak mahu mengambil apa - apa makanan dari pembantu tersebut namu pembantu itu memberitahunya bahawa dia adalah seorang Hindu, Kshatriya dari Garhwal dan Nanasaheb yang menyediakan bekalan maka tidak sepatutnya ada masalah perasaan ragu - ragu untuk menerimanya. Kemudian kedua - dua mereka menikmati bekalan dan selepas itu meneruskan perjalanan. Mereka sampai di Jamner pada waktu subuh.

Ramgirbuva pergi sebentar untuk membuang air kecil dan kembali selepas beberapa minit kemudian tetapi mendapati tanga, pemandu dan pembanti tersebut sudah tidak ada. Dia menjadi keliru. Dia kemudian pergi ke perkampungan Katcheri dan bertanya. Dia mendapat tahu Mamlatdar berada di rumah. Dia

pergi ke rumah Nanasehab dan mengenalkan dirinya serta memberikan kepada Nanasehab Udi Baba dan Arati. Pada ketika itu keadaan Mainatai sangat serius dan semua sedang risau tentangnya. Nanasehab memanggil isterinya dan mengarahkannya memberikan Udi, dicampurkan dengan air untuk diminum oleh anak perempuan mereka dan menyanyikan Arati Baba. Dia merasakan bahawa bantuan Baba adalah peluang yang terbaik. Selepas beberapa minit kemudian dia mendapat berita bahawa Mainatai telah selamat bersalin dan krisis telah berakhir. Apabila Ramgirbuva mengucapkan terimakasih kepada Nanasehab untuk pembantunya, kereta kuda dan bekalan makanan serta yang lain - lain, dia sangat terperanjat sebab dia tidak menghantar sesiapa ke stesen dan tidak mengetahui ada sesiapa yang datang dari Shirdi.

En B.V. Deo dari Thana, Mamlatdtar yang sudah bersara, bertanyakan tentang perkara ini kepada Bapurao Chandorkar, anak lelaki kepada Nanasaheb dan Ramgirbuva dari Shirdi. Selepas berpuas hati, menulis artikel rumit - sebahagian prosa dan sebahagian lagi sajak - di dalam majalah Sri Sai Leela (Vol. 11, 12 dan 13). Abang B.V. Narsimhswami juga telah mengambil kenyataan dari (1) Manaitai (No. V muka surat 14) dan (2) Bapusaheb

Chandorkar (no. XX muka surat 50) dan (3) Ramgirbuva (No. XXVII, muka surat 83) bertarikh pada 1hb Jun 1936, 16hb September 1936 dan 1hb Desember 1936 dan diterbitkan di dalam bukunya “Pengalaman Pengikut - pengikut, Bahagian III “. Yang berikut ini dipetik dari kenyataan Ramgirbuva. “ Suatu hari Baba memanggil saya dan memberikan saya sebungkus Udi dan salinan Arati Baba. Saya hendak pergi ke Khandesh pada masa itu. Baba mengarahkan saya pergi ke Jamner dan meminta saya menghantar Arati dan Udi

kepada Nanasaheb Chandorkar, di Jamner. Saya memberitahu Baba bahawa saya hanya ada Rs.2, dan bertanya kepadaNya bagaimana saya hendak menaiki keretapi dari Kopergaon ke Jalgaon dan kemudian menggunakan kereta lembu ke Jalgaon ke Jamner. Baba mengatakan, " Tuhan akan memberi ". Hari itu adalah hari Jumaat dan saya pun memulakan perjalanan.Saya sampai ke Manmad pada pukul 7.30 p.m. dan Jalgon pada 2.45 a.m. Pada masa itu peraturan wabak dikuatkuasakan dan saya menghadapi masalah. Saya kemudian mengetahui apa yang saya harus buat untuk sampai ke Jamner. Pada lebih kurang pukul 3 a.m. seorang pembantu menggunakan but, turban dan lengkap berpakaian datang kepada saya dan membawa saya ke kereta kuda dan membawa saya pergi. Saya dalam ketakutan. Dalam perjalanan di Bhagdoor saya mengambil minuman. Kami sampai ke Jamner pada awal pagi dan pada masa saya pergi ke membuang air, tangga dan pemandunya menghilang (muka surat 83) ".

Narayanarao

Bakti Narayanarao (nama ayah dan nama keluarga tidak dinyatakan) bernasib baik dapat bertemu dengan Baba dua kali semasa Baba masih hidup. Tiga tahun selepas kematiaan Baba dalam tahun 1918, dia hendak pergi ke Shirdi tetapi dia tak dapat pergi. Dalam jangka masa setahun pemergian Baba, dia jatuh sakit dan sangat menderita. Kesemua ubat - ubat biasa tidak dapat menyembuhkannya. Maka dia bermeditasi pada Baba setiap hari dan malam. Suatu malam dia mendapat visi di dalam mimpinya. Baba datang kepadanya melalui bilik bawah tanah,. Dengan nada memujuk dia berkata, " Jangan risau, dalam masa seminggu awak akan sembuh ". Narayanrao telah sembuh dalam waktu yang disebut di dalam visi itu. Sekarang perkara yang patut

dipertimbangkan adalah:- Adakah Baba hidup sebab dia mempunyai badan dan adaah dia mati sebab dia meninggalkannya? Tidak. Baba sentiasa hidup, sebab dia mengatasi kedua - dua hidup dan mati. Dia yang pernah menyayanginya sepenuh hati akan mendapat sambutan darinya di mana - mana dan pada bila - bila masa. Dia sentiasa di sisi kita dalam macam- macam bentuk dan muncul di depan Bakti yang taat dan memuaskan hatinya.

Appasaheb Kulkarni

Dalam tahum 1971 peluang untuk Appasaheb Kulkarni muncul. Dia telah dipindahkan ke thana dan mula memuja potret Baba yang diberikan kepadanya oleh Balasaheb Bhate. Dia melakukan pemujaan dengan bersungguh - sungguh. Dia memberikan bunga - bunga, pes sandal dan naivedya setiap hari kepada potret Baba dan ingin menemuiNya. Dalan konteks ini boleh dikatakan melihat potret Baba dengan bersungguh - sungguh adalah bersamaan dengan melihatnya secara nyata. Cerita seterusnya ini akan menerangkan kenyataan ini. Balabuva Sutar Keramat Bombay yang bernama Balabuva Sutar, yang disebabkan oleh ketaatannya kepada agama, pengabdiaan dan bhajan, telah dipanggil “ Tukaram Moden ‘ , datang ke Shirdi untuk pertama kali dalam tahun 1917. Apabila kami tunduk hormat kepada Baba, dia mengatakan, “ Saya mengenali lelaki ini sejak berumur empat tahun “. Balabuva hairan dan berfikir, bagaimana ia boleh berlaku sebab itu adalah kali pertama dia berada di Shirdi. Namun apabila memikirkannya secara serius, dia teringat yang dia pernah meniarap di kaki Baba empat tahun yang lalu sebelum Baba sampai ke Bombay dan telah diyakinkan tentang kebenaran kata - kata Baba. Dia berkata kepada dirinya, “ Betapa maha tahu dan meluasnya sifat semua

orang - orang Keramat dan bagaimana baiknya mereka terhadap para Bakti mereka! Saya hanya tunduk hormat kepada potretnya, perkara ini telah di ketahui oleh Baba dan dan dalam masa yang sewajarnya dia membuat saya sedar yang dengan melihat potretnya adalah bersamaan dengan melihatnya secara nyata! “ Appasaheb Kulkarni Kembali kepada cerita Appasaheb. Semasa dia berada di thana, dia terpaksa pergi melawat Bhivandi dan tidak menjangka untuk balik dalam masa seminggu. Pada masa pemergiannya, iaitu pada hari ketiga, perkara menarik berikut telah berlaku. Pada waktu tengahari seorang fakir telah datang ke rumah Appasaheb. Ciri - ciri beliau bersamaan sangat dengan potret Baba. Puan Kulkarni dan anak - anaknya semua bertanya samada beliau adalah Sai Baba dari Shirdi. Dia mengatakan ‘ Tidak ‘ tetapi dia adalah hamba yang taat kepada Baba dan datang ke situ atas arahan Beliau untuk bertanyakan kesihatan keluarga ini. Kemudian dia meminta dakshina. Wanita itu memberinya satu rupee. Dia memberikan sebungkus kecil Udi dan memintanya menyimpannya di kuil beserta dengan potret itu untuk pemujaan. Kemudian dia meninggalkan rumah itu. Sekarang dengarlah Leela Sai yang menarik.

Appasaheb tidak dapat meneruskan lawatannya sebab kudanya jatuh sakit di Bhivandi. Pada tengahari itu dia kembali ke rumah dan mendapat tahu dari

isterinya mengenai kedatangan fakir. Dia merasa sakit hati sebab dia tidak mendapat darshan fakir dan juga tidak berpuas hati kerana hanya satu rupee dibayar sebagai dakshina. Dia mengatakan jika dia berada di situ pada masa itu, dia akan memberikan tidak kurang dari 10 rupee. Kemudian dengan segera cuba mencari fakir itu di Masjid dan di lain - lain tempat juga

tanpa mengambil makan. Namun pencariannya sia - sia belaka. Dia kemudiannya balik ke rumah dan makan. Para pembaca mungkin masih ingat lagi ucapan Baba dalam Bab 32 yang usaha untuk mencari Tuhan tidak harus dilakukan dengan perut kosong. Appasaheb mendapat pelajaran tentang ini. Selepas makan dia keluar berjalan - jalan bersama kawannya En. Chitre. Setelah beberapa langkah, seorang lelaki menghampiri mereka dengan pantas. Appasaheb menyangkakan dia mungkin fakir yang datang ke rumah mereka pada waktu tengahari tadi sebab ciri - cirinya sama dengan potret baba. Fakir segera menghulurkan tangannya dan meminta dakshina. Appasaheb memberinya satu rupee. Dia meminta lagi dan lagi dan Appasaheb memberikannya dua rupee lagi. Fakir itu masih tidak berpuas hati. Kemudian dia meminjam tiga rupee dari En. Chitre dan memberikan kepadanya namun Fakir tetap meminta lagi. Appasaheb memintanya mengikut dia balik ke rumah. Mereka semua balik ke rumah dan Appasaheb memberinya tiga rupee lagi dan bermakna sudah sembilan rupee jumlah kesemuanya. Dia nampak tidak berpuas hati dan meminta lagi. Appasaheb memberitahu dia mempunyai wang Rs 10/- . Fakir tetap memintanya. Dia mengambil Rs. 10/- dan mengembalikan sembilan rupee lalu beredar pergi. Appasaheb telah berkata dia akan memberi Rs. 10/- dan jumlah itu telah diambil darinya dan yang sembilan rupee, disucikan oleh sentuhan tangan Baba, dikembalikan kepadanya. Jumlah 9 adalah ketara. Ia mewakili sembilan jenis pengabdian atau kesetiaan (bab 21). Ia juga harus dinyatakan di sini bahawa Baba telah memberikan Rs. 9/- kepada salah seorang Laxmibai Shinde pada saat akhirnya.

Appasaheb memeriksa bungkusan Udi dan mendapati ia mengandungi sedikit kelopak bunga dan Akshata. Tidak berapa lama kemudian dia mendapat rambut dari Baba semaa dia

ternampak Beliau di Shirdi. Dia meletakkan bungkusan Udi dan rambut itu di dalam azimatnya dan sentiasa memakainya di lengan. Appasehab menyedari kuasa Udi. Walaupun dia sangat pandai, dia hanya mendapat gaji sebanyak Rs.40/- pada permulaan tetapi selepas menyimpan potret Baba dan UdiNya, dia mendapat lebih dari empat puluh rupee sebulan dan mendapat lebih kuasa dan pengaruh. Bersama - sama dengan manfaat duniawi ini kemajuan rohaninya juga pesat. Maka mereka yang bertuah mendapat Udi Baba, selepas mandi, harus menyapunya di dahi dan mencampur sedikit di dalam air mulut sebagai air suci.

Haribahau Karnik

Dalam tahun 1917, Haribhau Karnik dari Dahanu (Daerah Thana) datang ke Shirdi pada hari Guru - pournima (dalam bulan Ashadha) dan memuja Baba dengan semua formality. Dia memberikan kain - kain dan dakshina dan selepas meminta izin untuk balik dari Baba melalui Shama, dia menuruni tangga Masjid. Kemudian dia terfikir untuk memberikan satu rupee lagi untuk Baba dan baru sahaja hendak naik semula apabila Shama memberitahunya bahawa dia sudah mendapat izin Baba jadi dia harus pergi dan bukannya kembali. Maka diapun berjalan pulang. Di dalam perjalanan, bila dia pergi ke kuil Kala Rama di Nasik untuk darshan, Keramat Narsing Maharaj yang selalu duduk di pintu besar kuil itu, meninggalkan para Bakti di sana dan menghampiri Haribhau, menangkap pergelangan tangannya dan berkata, “ Berikan saya satu rupee saya “. Karnik terperanjat. Dia membayar satu rupee dengan rela dan berfikir bahawa Sai Baba sudah menerima rupee yang dia terfikir untuk berikan, melalui Keramat Narsing Maharaj. Ini menunjukkan yang orang - orang Keramat bekerja dalam serentak.

Cerita ini memberikan kenyataan bahawa semua orang - orang Keramat adalah satu dan menunjukkan mereka bekerja di dalam masa yang sama.

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua

Bab XXXIV

Kehebatan Udi (Sambungan) (1) Anak saudara lelaki Doktor - (2) Dr. Pillay - (3) Adik ipar Shama (4) Anak perempuan Irani - (5) Lelaki Harda - (6) Wanita Bombay

Bab ini menyambungkan subjek " Kehebatan Udi " dan menerangkan kes - kes yang permohonanan Udi adalah yang paling berkesan Anak Saudara Lelaki Doktor Di Malegaon (Dt. Nasik) tinggal seorang doktor (berkelayakandan mempunyai Ijazah). Anak saudaranya yang lelaki mengalami penyakit yang tidak boleh diubati - Abses tulang paru - paru. Doktor itu sendiri dan adiknya yang juga pengamal perubatan, mencuba semua jenis perubatan malahan pembedahan. Namun tiada perubahan dan budak lelaki itu masih terus menanggung kesakitan itu. Kawan - kawan dan ahli keluarga menasihati ibubapa budak itu supaya memohon pertolongan ilahi dan mencadangkan mereka mencuba Sai Bai, yang telah diketahui ramai dapat menyembuh penyakit yang tidak dapat diubati hanya dengan pandangannya sahaja. Ibubapa itu akhirnya datang ke Shirdi. Mereka memberikan penghormatan untuk Baba dan meletakkan anak mereka di

hadapan Baba. Mereka merayu dengan rendah diri dan hormat, meminta beliau menyelamatkan anak lelaki mereka. Baba yang pemurah memujuk mereka dengan mengatakan, " Orang - orang yang mengambil jalan keluar ke Masjid tidak akan menderita apa - apa dalam kehidupan ini dan hingga akhir nanti. Sekarang cerialah. Sapukan Udi di abses dan dalam satu minggu dia akan sembuh. Percayalah pada Tuhan. Ini bukan Masjid tetap Dwarawati. Siapa yang menjejakkan kaki ke sini akan sihat dan

berbahagia dan penderitaannya akan berakhir “. Budak itu disuruh duduk di depan Baba, yang meletakkan tangannya di tempat yang sakit dan memandangnya dengan kasih. Pesakit merasa gembira dan dengan sapuan Udi, dia mula beransur sembuh dan menjadi sembuh sepenuhnya selepas beberapa hari. Ibubapa itu kemudian meninggalkan Shirdi bersama anak mereka, mengucapkan terimakasih kepada Baba kerana menyembuhkannya yang disebabkan Udi dan pandangan berkat Baba.

Selepas mengetahui ini, doktor, bapa saudara kepada budak itu menjadi tertanya - tanya dan ingin untuk berjumpa Baba semasa dia di dalam perjalanan ke Bombay atas urusan perniagaan tetapi di Malegaon dan Manmad, ada yang bercakap buruk tentang Baba yang meracuni telinganya. Oleh itu, dia membatalkan niatnya untuk melawat Shirdi dan meneruskan perjalanan ke Bombay. Dia hendak menghabiskan cutinya di Alibag. Namun begitu, di Bombay tiga malam berturut - turut dia mendengar suara menangis, “ Masih awak tidak mempercayai saya? “ Akhirnya docktor itu mengambil keputusan untuk pergi ke Shirdi. Dia terpaksa pergi ke Bombay untuk satu kes demam berjangkit yang belum menunjukkan tanda - tanda pengurangan dalam tempoh terdekat ini. Jadi dia rasa perjalanan ke Shirdi terpaksa ditangguhkan. Walaubagaimanapun dia berkata - kata sendiri, “ jika pesakitnya sembuh hari ini, dia akan pergi ke Shirdi esok “. Keajaibannya adalah tepat pada masa perancangan itu dibuat demam mula reda dan suhu menjadi normal. Dia kemudian pergi ke Shirdi sebagaimana yang telah dirancangnya, mengambil darshan Baba dan meniarap di kaki Baba. Baba memberikannya pengalaman yang akhirnya menjadikannya pengikut Baba. Dia tinggal di sana selama empat hari dan kembali ke rumahnya dengan Udi Baba dan

rahmatnya. Dalam tempoh dua minggu dia telah dipindahkan kerana mendapat kenaikan pangkat di Bijapur.Kes anak saudaranya telah memberi peluang kepadanya untuk berjumpa Baba dan lawatan ini melahirkan di dalam dirinya cinta yang tidak pernah berakhir di kaki Orang - orang Keramat.

Dr.Pillay

Dr. Pillay adalah Bakti Baba yang sangat rapat denganNya. Dia sangat disukai Baba, yang selalu memanggilnya Bhau (brother). Baba selalu berbual - bual dengannya dan berunding dalam banyak perkara dan mahu dia sentiasa berada di sisiNya. Pillay ini pernah mengalami guinea - worm. Dia berkata kepada

Kakasaheb Dixit, “ Kesakitan in sangat menyeksakan dan tidak tertanggung. Saya lebih rela mati. Kesakitan ini, saya tahu adalah untuk membayar Karma masa lalu tetapi tolong pergi kepada Baba dan beritahu dia untuk menghentikan sakit ini dan memindahkan kerja karma masa lalu saya kepada sepuluh kelahiran saya yang akan datang “. En. Dixit pergi berjumpa Baba dan memberitahu tentang permintaannya. Baba yang merasa terharu dengan permintaannya bekata kepada Dixit, “ Beritahu dia supaya jangan takut. Kenapa harus menderita untuk sepuluh kelahiran? Dalam tempoh sepuluh hari dia dapat menyelesaikan penderitaannya akibat dari karma masa lalu itu. Sementara saya berada di sini untuk memberika dia kebajikan duniawi dan spiritual, kenapa harus berdoa untik mati? Bawakan dia ke mari dengan mendukungnya dan mari kita bekerja dan menyelesaikan penderitaanya sekaligus “.

Doktor itu telah dibawa dalam keadaan itu dan didudukkan di sebelah kanan Baba, tempat duduk fakir kebiasaannya. Baba

memberikannya gulingNya dan berkata, “ Baring dengan tenang di sini dan dengan selesa.Ubat sebenar adalah, kesan daripada perbuatan lepas terpaksa ditanggung dan diselesaikan. Karma kita adalah pemyebab kebahagiaan dan kesedihan kita. Oleh itu, bersabar dengan apa saja yang datang kepada kamu. Allah (Tuhan) adalah Pemberi dan Pelindung yang tunggal maka selalu lah mengingatinya. Dia akan menjaga awak. Menyerah di kakiNya dengan badan , minda, kekayaan dan ucapan seperti. Sepenuhnya dan lihat apa yang Dia lakukan “. Dr. Pillay pula memberitahu yang Nanasaheb telah membalut kakinya tetapi tiada perubahan. “ Nana itu bodoh “ kata Baba. “ Bukakan balutan itu atau awak akan mati. Sekarang gagak akan datang dan mematuk awak, kemudian awak akan pulih. Semasa perbualan ini sedang berlangsung, Abdul, yang selalu membersih Masjid dan memotong lampu muncul. Semasa dia menghadiri kerja - kerja latihan, kakinya tanpa sengaja terpijak kaki Dr. Pillay. Kaki itu memang sudah bengkak dan apabila Abdul terpijak dan tertekan kakinya, kesemua cacing terkeluar sekaligus. Kesakitannya tak tertanggung sehingga Dr. Pillay berteriak dengan kuat. Selepas beberapa ketika, dia beransur tenang dan mula menyanyi dan menangis silih berganti. Kemudian Pillay bertanya bila gagak akan datang dan mematuk. Baba bekata, “ Awak tak nampak gagak? Dia tak akan datang lagi. Abdul adalah gagak. Sekarang pergi berehat di Wada dan awak akan sembuh tidak lama lagi “.

Dengan menyapu Udi dan mencampurkan di dalam air dan meminumnya tanpa apa - apa rawatan atau ubatan lain, penyakit itu sembuh sepenuhnya dalam masa sepuluh hari sebagaimana yang diramalkan Baba.

Adik Ipar Sharma

Adik lelaki Sharma tinggal berdekatan dengan Telaga Sawool. Suatu hari isterinya diserang penyakit yang berkaitan dengan penyakit taun. Dia mendapat demam panas dan dua bubos di pangkal paha beliau. Bapaji bergegas ke Shirdi untuk berjumpa dengan Sharma dan memintanya datang membantu. Shama merasa takut tetapi berdasarkan kelazimannya, dia pergi berjumpa Baba, memberi penghormatan kepadanya, memohon bantuannya dan meminta Baba menyembuhkan penyakit itu. Dia juga memohon keizinan untuk pergi ke rumah adiknya. Baba berkata, " Jangan pergi ke sana kerana sudah lewat(night), kirimkan Udi. Kenapa menjaga demam dan bubos? Tuhan adalah ayah dan tuan kita. Dia akan sembuh dengan mudah. Jangan pergi sekarang tapi pergi ke sana esok pagi dan kembali dengan segera ".

Shama mempunyai kepercayaan penuh ke atas Udi Baba. Ia dikirim dengan Bapaji. Ia disapu di atas bubo dan sedikit dicampurkan ke dalam air untuk diminum oleh pesakit. Sebaik sahaja ia diminum, dia berpeluh dengan banyaknya, demam semakin reda dan pesakit tidur dengan lena. Keesokan paginya, bapaji terkejut melihat isterinya sudah sihat dan segar tanpa demam dan bubos lagi. Apabila Shama sampai ke sana dengan kebenaran Baba, dia juga terperanjat melihat dia sudah di dapur menyediakan teh. Melalui adiknya dia mengetahui bahawa Udi Baba telah menyembuhkan isterinya sepenuhnya dalam masa satu malam sahaja. Kemudian Shama teringat dengan maksud kata - kata Baba. " Pergi ke sana pada waktu pagi dan kembali dengan segera ". Selepas minum the , Shama pun kembali dan selepas memberi salam kepada Baba lalu berkata, " Deva apakah permainan Anda ini? Anda mula - mula datangkan rebut dan menjadikan kami resah tetapi kemudian menenangkan dan memudhkan kami ". Baba menjawab, " Awak melihat misteri saya

sebagai sebahagian daripada tindakan. Walaupun saya tidak membuat apa - apa, mereka menganggap Saya yang bertanggunjawab di atas perkara yang berlaku disebabkan oleh Adrista (takdir). Saya hanya saksi mereka. Tuhan adalah pelaku tunggal dan pemberi inspirasi. Dia yang maha pemurah. Saya bukan Tuhan atau Tuan. Saya adalah hambanya yang patuh dan mengingatiNya selalu. Orang yang mengenepikan keegoaan diri, berterima kasih kepadaNya dan dia yang percayakanNya sepenuhnya akan terkeluar dari belenggu dan mendapatkan kebebasan “.

Anak perempuan Irani

Sekarang baca pengalaman seorang lelaki Irani. Anak perempuannya diserang sawan setiap jam. Apabila konvulsi menyerang, dia kehilangan tenaga untuk bercakap, anggota badannya mengecut dan dijangkiti dan dia akan pengsan. Tidak ada ubat yang dapat menyembuhkannya. Beberapa orang kawannya mencadangkan Udi Baba kepada ayahnya dan menyuruh beliau mengambilnya

dari Kakasaheb Dixit di Vile Parle. Kemudian lelaki Irani itu telah mendapatkan Udi dan mencampurkan dengan air untuk diminum oleh anaknya setiap hari. Pada mulanya konvulsi yang selalu menyerang setiap sejam berkurangan dan hanya datang setiap tujuh jam. Selepas beberapa hari anak perempuannya sembuh sepenuhnya.

Lelaki Harda

Seorang lelaki tua dari Harda(C.P) sedang mengalami sakit batu di dalam pundi kencingnya. Batu itu hanya dapat dikeluarkan

melalaui pembedahan dan orang mencadangkan supaya beliau menjalani pembedahan. Dia sudah tua dan lemah, tidak mempunyai kekuatan minda dan tidak dapat untuk berfikir tentang menjalani rawatan dengan pembedahan. Penderitaannya tidak lama lagi akan berakhir dengan cara yang lain. Inamdar (Pegawai Bandar) untuk Bandar itu, telah datang ke sana pada waktu itu. Dia adalah pengikut Baba dan sentiasa menyimpan stok Udi. Di atas cadangan kawan - kawannya, anak lelakinya telah mengambil sedikit Udi dan dicampurkan dengan air lalu diberikan kepada ayahnya yang sudah tua untuk diminum.Dalam masa lima minit Udi tersebut diasimilasikan, batu itu dihancurkan dan keluar melalui air kencing dan lelaki tua tersebut akhirnya menjadi lega.

Wanita Bombay

Wanita dari kasta Kayastha Prabhu di Bombay selalu mengalami kesakitan yang teruk ketika bersalin. Dia sangat takut setiap kali dia mengandung dan tidak tahu hendak berbuat apa. Sri Rama - Maruti dari Kalyan, pengikut Baba menasihati suaminya membawa beliau ke Shirdi untuk melahirkan tanpa rasa sakit. Apabila dia mengandung lagi, suami isteri tersebut datang ke Shirdi, tinggal di sana untuk beberapa bulan dan memuja Baba serta mendapatkan segala manfaat ditemaninya. Tidak berapa lama kemudian masa untuk melahirkan pun tiba dan seperti biasa terdapat halangan di laluan rahimnya. Dia mula mengalami kesakitan untuk melahirkan dan tidak tahu untuk berbuat apa tetapi berdoa kepada Baba untuk kelegaan. Pada masa itu juga beberapa orang jiran datang selepas meminta bantuan dari Baba, memberikannya campuran Udi dan air untuk diminum. Dalam masa lima minit wanita itu telah bersalin dengan selamat dan tanpa merasa sakit. Isu masih berlaku mengikut nasib tetapi si ibu

yang telah bebas dari keresahan dan kesakitan, berterima kasih kepada Baba kerana telah selamat bersalin dan sentiasa bersyukur kepada Beliau.

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua

Bab XXXV

Diuji dan Tidak Pernah Dipersoalkan

Kawan Kaka Mahajani dan Tuan - Kes Imsonia Bandra - Bala Patil Newaskar. Bab ini juga menyambung mengenai kepentingan Udi. Ia juga memberi dua kes Baba telah diuji tetapi tidak pernah dipersoalkan. Kes - kes ini akan diambil dulu.

Pendahuluan

Dalam perkara spiritual atau usaha, sektarisme adalah bar yang paling besar untuk kemajuan kita. Mereka yang percaya Tuhan tidak mempunyai bentuk, didengar berkata bahawa untuk mempercayai Tuhan yang memiliki bentuk adalah illusi semata - mata dan orang orang Keramat hanyalah manusia. Jadi kenapa mereka harus menundukkan kepala di hadapan mereka dan memberikan dakshina? Orang yang tergolong di dalam mazhab lain juga akan mengajukan bantahan dan berkata, “ Kenapa mereka harus menundukkan kepala dan memberikan kesetiaan kepada orang - orang Keramat, meninggalkan Sadguru - Sadguru? “ Bantahan yang serupa mengenai Sai Baba telah berlaku dahulu dan sekarang juga. Beberapa orang mengatakan apabila mereka datang ke Shirdi, Baba meminta dakshina daripada mereka.Adakah baik orang - orang Keramat mengutip wang dengan cara ini? Jika mereka melakukan ini di manakah kesucian mereka? Namun begitu, terdapat banyak contoh yang mereka datang ke Shirdi untuk mencemuh, tetapi kekal di sana untuk berdoa. Dua contoh diberikan di bawah.

Kawan Kaka Mahajani

Kawan kepada Kaka Mahajani adalah pemuja Tuhan tanpa bentuk dan benci kepada pemujaan berhala. Oleh kerana perasaan ingin tahu dia bersetuju pergi ke Shirdi bersama Kaka Mahajani dengan dua syarat, iaitu, (1) dia tidak akan tunduk hormat kepada Baba, (2) juga tidak akan membayar dakshina. Kaka bersetuju dengan syarat - syarat ini dan mereka berdua pergi ke Bombay pada hari malam Sabtu dan sampai ke Shirdi pada esok pagi. Sebaik sahaja mereka menjejak kaki di tangga Masjid, Baba, memerhati kawan Kaka dari jauh, menegurnya dengan perkataan yang manis, " Oh, Selamat datang tuan ". Suara yang mengeluarkan kata - kata tersebut adalah satu yang sangat pelik. Ia betul - betul menyerupai suara kepada kawan ayahnya. Ia mengingatkannya kepada ayahnya yang telah tiada dan menghantar kesronokan di dalam badannya. Betapa mempesonakan suara itu! Merasa terkejut kawan itu berkata, " Tidak syak lagi ini adalah suara ayah saya ". Dia terus naik ke atas, melupakan resolusinya lalu meletakkan kepalanya di kaki Baba.

Kemudian Baba bertanyakan dakshina dua kali, sekali pada waktu pagi dan sekali lagi pada waktu tengahari ketika mereka memohon untuk balik. Namun dia hanya meminta dari Kaka sahaja dan tidak dari kawan. Dia berbisik dengan Kakak, " Baba meminta dakshina dari awak dua kali. Saya bersama awak. Kenapa dia meninggalkan saya? " " Awak tanyalah Baba sendiri " adalah jawapan Kaka. Baba bertanya kepada Kaka apa yang dibisikkan oleh kawannya, lalu kawan Kaka bertanya sendiri kepada Baba samada dia perlu membayar apa - apa dakshina. Baba menjawab, " Awak tidak berniat untuk membayar maka sebab itu awak tidak diminta dakshina tetapi kalau awak nak membayar sekarang boleh juga ".

Kemudian kawan Kaka membayar Rs.17/- sebagai dakshina, jumlah yang sama dengan yang Kaka bayar. Baba kemudian berkata kepadanya, “ Awak telah memusnahkan dinding Teli (rasa perbeaan) di antara kita, jadi sebab itu kita dapat saling berjumpa “. Selepas itu Baba membenarkan mereka pergi. Memikirkan cuaca mendung dan mengancam, Baba menjamin keselamatan perjalanan mereka dan kedua - dua mereka selamat sampai ke Bombay. Apabila dia sampai ke rumah dan membuka pintu dan tingkap rumahnya, dia menjumpai dua ekor burung pipit mati di atas lantai dan seekor lagi terbang keluar melalui tingkap. Dia terfikir sekiranya dia membiarkan tingkap - tingkap terbuka dua ekor burung pipit itu mungkin dapat diselamatkan tetapi selepas memikirkan semula, mereka telah mnemui kumpulan mereka dan Baba telah menghantarnya pulang tepat pada masanya untuk menyelamatkan yang ketiga.

Tuan Kepada Kaka Mahajani

Kaka adalah Pengurus di firma Thakkar Dharmasey Jethabai, peguamcara di Bombay. Kedua - dua Tuan dan Pengurus mempunyai hubungan rapat. En. Thakkar mengetahu yang Kaka selalu pergi ke Shirdi, tinggal di sana untuk beberapa hari dan kembali, bila Baba izinkan. Disebabkan rasa ingin tahu dan ingin menguji Baba, En. Thakkar mengambil keputusan untuk pergi ke Shirdi semasa cuti Shimga. Oleh kerana Kaka tidak pasti bila dia akan balik, dia membawa seorang lagi lelaki bersama beliau sebagai teman. Mereka bertiga pergi bersama dan Kaka membeli dua sukatan kismis (anggur kering dengan biji) di dalam perjalanan sebagai hadiah untuk Baba. Mereka sampai ke Shirdi pada masa yang dijadualkan dan pergi ke Masjid untuk darshan. Babasaheb Tarkhad berada di sana. En. Thakkar bertanya kenapa

dia berada di sana. “ Untuk darshan “ Tarkhad menjawab. En. Thakkar bertanya jika ada keajaiban berlaku di sana. Tarkhad menjawab yang itu (melihat keajaiban) bukanlah sikapnya tetapi kesungguhan untuk Bakti adalah sudah memadai di sini. Kemudian meniarap di kaki Baba dan memberikan kismis kepadaNya. Baba mengarahkan supaya ia diedarkan. En. Thakkar juga mendapat sedikit. Dia tidak sukakan kismis dan dan dia dinasihati oleh doktornya untuk tidak memakannya tanpa membersihkannya. Jadi dia agak bingung. Dia tidak sukakan kismis tetapi

tidak dapat menolaknya. Sebagai formaliti, dia memasukkannya ke dalam mulut tetapi tidak tau apa hendak dibuat dengan biji - biji itu. Dia tidak dapat meludahkannya di lantai Masjid jadi dia memasukkannya ke dalam poket tanpa rela. Kemudian mindanya berkata kalau Baba adalah seorang Keramat , kenapa Dia tidak tahu yang dia tidak sukakan kismis dan memaksanya. Apabila fikiran itu muncul di dalam mindanya, Baba sekali lagi memberinya kismis. Dia tidak mahu memakannya dan hanya memegang di dalam tangan. Baba menyuruhnya makan dan dia memakannya dan terkejut mendapati kismis ini tidak berbiji. Dia ingin melihat keajaiban dan ini adalah satu keajaiban. Dia tahu Baba membaca mindanya dan menukarkan kismis menjadi aggur tanpa biji. Kuasa yang menarik! Untuk menguji lebih lagi, dia bertanya kepada Tarkhad, yang duduk dan juga mndapat kismis, “ Anggur jenis apa yang awak dapat? “ Dia menjawab, “ jenis yang berbiji “. En. Thakkar terkejut mendengar ini. Kemudian untuk menetapkan keyakinan yang mula bercambah Thakkar berfikir yang kalau Baba adalah Keramat yang sebenar, kismis seharusnya sekarang diberikan dahulu kepada Kaka. Baba membaca pemikiran Thakkar lalu memberi arahan supaya pembahagian

harus bermula dengan Kaka. Bukti itu sudah mencukupi buat Thakkar.

Selepas itu, Shama memperkenalkan En. Thakkar sebagai ketua Kaka, lalu Baba berkata, “ Bagaimana dia boleh menjadi ketuanya? Dia telah mendapat seorang ketua yang berbeza kesemuanya “. Kaka menghargai jawapan ini. Dengan melupakan azamnya, Thakkar menyalami Baba dan kembali ke Wada.

Selepas Arati tengahari selesai, merka semua pergi ke Masjid untuk meminta izin balik dari Baba. Shama bercakap untuk mereka. Baba kemudian bercakap seperti di bawah.

Terdapat seorang lelaki yang mindanya berubah - ubah. Dia sihat dan kaya dan bebas dari penderitaan mental dan fizikal tetapi dia mengambil kebimbangan yang sia - sia dan beban serta merayau ke sana - ke sini mnyebabkan dia hilang ketenangan minda. Kadang - kadang dia membuangkan beban itu dan kadangkala dia memikulnya semula. Mindanya tidak stabil. Melihat keadaannya, saya merasa kasihan padanya dan berkata, “ Sekarang letakkan keyakinan awak pada satu tempat (titik) yang awak suka, kenapa merayau seperti ini? Melekat tenang di satu tempat.

Thakkar terus tahu bahawa ia adalah penerangan tentangnya. Dia berharap yang Kaka dapat balik bersamanya tetapi tiada siapa yang tahu samada Kaka akan dibenarkan balik lebih awal. Baba membaca mindanya dan membenarkan Kaka untuk pulang bersama ketuanya. Thakkar mendapat satu lagi bukti kemampuan Baba untuk membaca minda orang lain.

Kemudian Baba meminta Rs.12/- dari Kaka sebagai dakshina. Dia berkata kepada kaka, “ Kalau saya mengambil satu rupee dari sesiapa sebagai dakshina saya harus mengembalikan sepuluh kali

ganda kepada beliau. Saya tidak pernah mengambil apa - apa secara percuma. Saya tidak meminta dari sesiapa sewenang - wenangnya. Saya cuma meminta dari orang yang Fakir (Guru Saya) tunjukkan. Jika sesiapa yang terhutang budi kepada Fakir wang diterima darinya. Penderma memberi iaitu menabur benih beliau hanya untuk meraih hasil tuaian yang banyak pada masa akan datang. Kekayaan sepatutnya menjadi cara untuk mendapat Dharma. Jika ia digunakan untuk keseronokan peribadi, ia adalah membazir. Kecuali kalau awak telah memberi sebelum itu, awak tak akan mendapatinya sekarang. Maka cara terbaik untuk menerima adalah dengan memberi. Pemberian dakshina adalah pendahuluan Viaragya (Tiada ikatan) dan dengan itu Bhakti dan Jnana. Beri satu dan terima sepuluh kali ganda “. Apabila mendengar kata- kata ini En. Thakkar sendiri memberi Rs. 15/- di tangan Baba, terlupa pada azamnya untuk tidak memberi dakshina. Dia merasakan dia telah mengambil keputusan yang betul datang ke Shirdi sebab semua keraguannya telah diselesaikan dan dia banyak mendapat pengajaran. Skil Baba dalam mengendalikan kes seperti ini adalah unik. Walaupun dia membuat semua itu, tapi dia sama sekali tidak terikat kepada mereka. Seseorang itu memberi penghormatan kepadanya atau pun tidak, memberi dakshina ataupun tidak, ianya sama saja bagi Baba. Tiada yang tidak dihormatiNya. Dia tidak merasa seronok sebab dia dipuja dan tidak pula sakit kerana tidak dipedulikan. Dia melebihi pasangan bertentangan itu iaitu keseronokan dan kesakitan, dan lain - lain.

Kes Insomnia

Kayastha Prabhu, lelaki dari Bandra mengalami insomnia sejak lama. Sebaik sahaja dia berbaring untuk tidur, ayahnya yang sudah

meninggal akan muncul di dalam mimpinya dan mencaci serta memarahinya. Ini menganggu tidurnya dan menyebabkan dia resah sepanjang malam. Setiap malam perkara ini berlaku dan dia tidak tahu apa yang harus dibuat. Suatu hari dia berbincang dengan pengikut Baba tentang hal ini. Pengikut itu mencadangkan Udi adalah ubat yang sesuai yang dia tahu. Dia memberikan sedikit Udi kepadanya dan menyuruhnya menyapu di dahinya sebelum masuk tidur dan menyimpan bungkusan Udi di bawah bantal. Dia mencuba ubat ini dan memeranjatkan serta menggembirkannya kerana ubat ini membuatkan dia tidur dengan lena tanpa apa - apa gangguan. Dia berterusan menggunakan ubat itu dan sentiasa mengingati Sai. Kemudian dia telah mendapatkan potret Sai Baba yang digantungnya di dinding berdekatan dengan Bantalnya dan mula memujaNya setiap hari. Pada hari Khamis, dia akan memberikan kalungan bunga, naivedya

dan lain - lain. Dia kemudian telah bertambah baik dan melupakan masalah yang lalu.

Balaji Patil Newaskar

Lelaki ini adalah pengikut Baba yang hebat. Dia memberikan khidmat yang cemerlang dan yang tidak diminati. Setiap hari dia menyapu dan memastikan kebersihan kesemua laluan dan jalan di Shirdi yang dilalui oleh Baba setiap hari. Tugas ini selain dari dia juga dilakukan oleh seorang pengikut wanita yang bernama Rahda - Krishna - Mai dan selepas dia adalah Abdoola. Apabila balaji meraih jagungnya setiap tahun, dia membawa kesemua kuantiti dan memberikan kepada Baba. Baba memberikan kepadanya untuk dibawa balik. Dia menyara dirinya dan keluarga dengan cara itu. Perkara ini berterusan selama bertahun - tahun dan

selepas itu diikuti pula oleh anak lelakinya. Kuasa dan Keberkasanan Udi Pada masa ulang tahun kematian Balaji, beberapa orang tetamu dijemput dan makan malam disediakan oleh mereka tetapi pada watu makan malam didapati tetamu yang hadir adalah tiga kali ganda jumlahnya. Puan Newaskar menjadi bingung. Dia menjangka yang makanan tidak akan mencukupi untuk kesemua tetamu yang berkumpul dan ia akan memalukan keluarga mereka. Ibu mertuanya memujuknya dan berkata, “ Jangan takut, ia bukan milik kita tetapi makanan Sai. Tutupkan semua periuk dengan kain, masukkan sedikit Udi di dalamnya dan hidangkan dari periuk yang sama tanpa membukanya. Sai akan membantu kita dari penghinaan “. Dia melakukan seperti yang dinasihatkan dan mereka mendapati bukan sahaja makanan mencukupi untuk semua tetamu malah berlebihan. “ Oleh kerana dia memerhati maka dia menyedari sewajarnya “ telah dibuktikan di dalam cerita ini.

Sai Muncul Sebagai Ular

Seorang lelaki bernama Raghu Patil dari Shirdi pergi ke Balaji Patil di Newase. Malam itu dia mendapati ada seekor ular memasuki kandang lembu. Kesemua lembu menjadi takut dan bergerak. Penghuni rumah menjadi takut, tetapi Balaji menyangka itu adalah Sai yang masuk ke rumah dalam bentuk ular. Tanpa merasa takut sedikitpun dia membawa secawan air susu dan meletakkan di depan ular sambil berkata, “ Baba kenapa Awak lepas dan membuat bising? Adakah awak hendak menakutkan kami? Ambil secawan susu ini dan minum dengan minda yang tenang “. Selepas berkata - kata begitu, dia duduk rapat tanpa rasa gentar. Penghuni yang lain merasa takut dan tidak tahu apa yang harus dibuat. Tidak lama selepas itu, ular tersebut menghilang. Tiada siapa yang

tahu ke mana ia pergi. Ia tidak ditemui walaupun pencarian dilakukan di kandang lembu.

Balaji mempunyai dua isteri dan beberapa orang anak. Mereka kadang - kadang pergi ke Shirdi dari Newase untuk mengambil darshan Baba. Baba akan membeli sari dan pakaian lain yang akan diberikan kepada mereka dengan berkatnya.

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua

Bab XXXVI

Kisah menarik tentang (1)Dua lelaki Goa - (2) Puan Aurangabadkar.

Bab ini berkisar tentang kisah dua lelaki dari Goa dan Puan Aurangabadkar dari Sholapur.

Dua lelaki

Dua orang lelaki datang dari Goa untuk mendapat darshan Sai Baba, dan meniarap di kaki Baba. Walaupun mereka datang bersama , Baba hanya meminta seorang memberi Rs.15/- sebagai dakshina yang dibayar dengan rela. Lelaki yang seorang lagi dengan sukarela memberikan Rs.35/-. Jumlah ini ditolak oleh Baba dan mengejutkan semua. Shama yang turut hadir, bertanya kepada Baba, " Apa ini? Mereka datang bersama, satu dakshina Anda terima, yamg satu lagi walaupun dibayar secara sukarela Anda tolak. Kenapa dengan perbezaan ini? Baba menjawab, " Shama, awak tidak tahu apa - apa. Saya tidak mengambil apa - apa dari sesiapa. Masjidmayi (Dewa yang mempengerusikan Masjid) meminta hutang, penderma membayarnya dan menjadi percuma.

Adakah saya mempunyai rumah, harta atau keluarga untuk ditanggung? Saya tidak memerlukan apa - apa. Saya selamanya bebas. Hutang, permusuhan dan pembunuhan perlu dibayar, tidak dapat lari ". Baba kemudian menyambung dengan caranya sendiri seperti berikut:- Pada mulanya dia adalah miskin dan berjanji kepada Tuhan yang dia akan membayar sebulan gaji pertamanya jika dia mendapat pekerjaan itu. Dia mendapat satu kerja dengan gaji Rs.15/- sebulan. Kemudian dia dinaikkan pangkat, dari Rs.15/- , dia mendapat Rs.30, 60,100, 200 dan akhirnya Rs.700/- sebulan.

Namun, dalam kemakmurannya dia terlupa terus tentang janjinya. Kuasa karma telah membawanya ke sini dan saya meminta jumlah (Rs.15/-) dari dia sebagai dakshina.

Cerita lain pula, semasa saya sedang berjalan - jalan di tepi laut saya sampai ke rumah yang besar dan duduk di verandahnya. Pemilik melayan saya dengan baik dan menghidang makanan yang mewah.Dia menunjukkan saya tempat yang kemas dan bersih dekat almari untuk tidur. Saya tidur di situ. Semasa saya tidur dengan nyenyak, ada lelaki yang mengalihkan literite slab dan memecahkan dinding, masuk ke dalam dan mengambil kesemua wang di dalam poket saya. Saya bangun dan mendapati Rs.30.000/- telah dicuri. Saya merasa amat sedih dan duduk menangis serta meraung. Duit tersebut adalah wang kertas dan saya menyangka Brahmin telah mencurinya. Saya hilang selera untuk makan dan minum dan duduk selama dua minggu di verandah, meratapi kehilangan itu.Selepas dua minggu berlalu, seorang fakir yang sedang melintas ternampak saya menangis dan bertanya kenapa saya bersedih. Saya memberitahu segalanya. Dia berkata, “ jika awak bertindak mengikut arahan saya, awak akan menemui kembali duit awak. Pergi kepada fakir. Saya akan beritahu di mana tempatnya. Serahkan diri awak padanya. Dia akan mendapatkan balik duit awak. Sementara itu, lepaskan makanan kegemaran awak sehingga duit awak ditemui “. Saya menuruti nasihat fakir dan mendapat duit saya. Saya meninggalkan Wada dan pergi ke tepi pantai. Terdapat perahu yang menggunakan enjin stim (steamer) di sana tetapi saya tidak dapat masuk ke dalamnya kerana terlalu banyak orang. Kemudian seorang budak pembantu yang baik menjadi orang tengah untuk saya dan saya dapat masuk ke dalam. Perjalanan itu membawa saya ke pantai yang lain lalu saya menaiki keretapi dan datang ke Masjidmayi.

Cerita selesai dan Baba meminta Shama membawa tetamu pulang dan menguruskan tentang makan minum mereka. Kemudian Shama membawa mereka pulang dan memberi mereka makan. Semasa makan malam Shama memberitahu tetamunya bahawa cerita Baba agak misteri, sebab dia tidak pernah pergi ke tepi laut, tidak pernah ada wang (Rs.30,000/-),tidak pernah melancung,tidak pernah hilang wang dan menemuinya dan bertanya samada mereka dapat faham dan menangkap kepentingannya. Tetamu - tetamu begitu terharu dan menyapu air mata. Dengan suara yang bergetar mereka mengatakan Baba adalah maha tahu, tidak terhingga, yang satu (Para Brahma) tiada duanya. Cerita yang Dia ceritakan adalah cerita mereka, apa yang dicakapkan oleh Baba adalah berkaitan dengan kes mereka. Bagaimana Baba mengetahui ini adalah sunggh ajaib! Kita akan menerangkan dengan lebih lanjut selepas makan malam.

Kemudian selepas makan malam, mereka sedang makan sireh. Tetamu - tetamu tersebut mula menceritakan kisah mereka. Salah seorang berkata:-

“Stesen bukit di gat adalah tempat asal saya. Saya pergi ke Goa untuk mencari pekerjaan. Saya telah bernazar kepada Tuhan Datta yang kalau saya mendapat pekerjaan, saya akan memberikan gaji pertama saya. Dengan rahmatnya saya mendapat kerja dengan gaji Rs. 15’- dan kemudian saya dinaikkan pangkat sebagaimana yang diceritakan oleh Baba. Saya terlupa temtang nazar saya. Baba telah mengingatkan saya tentangnya selepas dia mendapat duit sebanyak Rs.15/- daripada saya. Ia bukanlah dakshina seperti yang difikirkan, tetapi bayaran hutang lama dan memenuhi nazar lama yang terlupa dilakukan “. Moral Baba sebenarnya tidak pernah meminta wang, ataupun membenarkan para Bakti mengemis. Dia

menganggap wang sebagai bahaya kepada kemajuan spiritual dan tidak membenarkan para Bakti jatuh ke dalam cengkamanya. Bhagat Mhalsapatai, adalah contoh untuk hal ini. Dia sangat miskin dan tidak mampu membuat kedua - dua hujung bertemu. Baba tidak membenarkannya mencari wang dan tidak juga memberikannya apa - apa dari jumlah dakshina. Seorang saudagar yang baik dan liberal yang bernama Hansaraj telah memberikan jumlah wang yang banyak kepada Mhalsapati di depan Baba tetapi Baba tidak membenarkan dia menerimanya.

Kemudian tetamu yang kedua pula memulakan ceritanya. “ Brahmin saya (tukang masak) telah berkhidmat untuk saya selama 35 tahun. Malangnya dia telah berubah menjadi jahat, fikiran dia berubah dan dia telah merompak saya. Dengan mengalihkan laterite slab dari dinding tempat almari saya dibuat, dia masuk ketika kami semua sedang tidur dan membawa lari kesemua simpanan saya yang berjumlah Rs. 30,000/- dalam bentuk wang kertas.Saya tidak tahu bagaimana Baba boleh menyebut jumlah yang tepat. Saya menangis siang dan malam. Pertanyaan saya tidak berhasil. Saya menghabiskan selama dua minggu dalam keadaan teramat bimbang. Semasa saya duduk di verandah, sedih dan kecewa, seorang fakir menyedari keadaan saya dan bertanyakan sebabnya dan saya memberitahu segalanya. Dia memberitahu saya terdapat seorang Aulia yang bernama Sai yang tinggal di Shirdi, Kopergaon Taluka. Saya berjanji dengan Dia yang saya tidak akan memakan makanan kegemaran saya dan berkata kepadanya di dalam minda saya yang ‘ Saya tidak akan makan makanan kegemaran saya sehingga saya mengambil darshan awak ‘. Kemudian saya berjanji tidak makan nasi dan berkata, “ Baba, saya akan makan nasi selepas saya menjumpai semula barang saya dan selepas mengambil darshan “. Lima belas hari selepas itu, Brahmin

itu dengan sendirinya datang kepada saya, mengembalikan wang dan memohon maaf, “ Saya telah datang gila dan mlakukan perbuatan ini. Oleh sebab itu saya meletakkan kepala saya di kaki awak, tolonglah maafkan saya “. Selepas itu semuanya berakhir dengan baik.

Fakir yang telah berjumpa dan menolong saya tidak kelihatan lagi. Keinginan yang kuat untuk berjumpa dengan Sai Baba muncul di fikiran saya. Saya merasakan fakir yang datang ke rumah saya adalah Sai Baba. Adakah Dia, yang telah ternampak saya dan membantu saya mendapatkan kembali wang yang hilang menginginkan untuk mendapat Rs.35/-? Sebaliknya tanpa mengharapkan apa - apa dari kita, Dia sentiasa mencuba yang terbaik membimbing kita ke jalan kemajuan spiritual.

Saya tersangat gembira apabila saya mendapat semula wang saya dan disebabkan terlalu asyik, saya terlupakan janji saya. Kemudian apabila saya berada di Colaba, suatu malam saya bermimpikan Sai Baba. Ini mengingatkan saya janji untuk pergi ke Shirdi. Saya pergi ke Goa dan dari sana saya saya hendak menaiki steamer ke Bombay. Bila saya datang ke pelabuhan, saya mendapati steamer telah penuh dan tiada lagi tempat kosong. Kapten tidak membenarkan saya masuk tetapi dengan campur tangan seorang budak pembantu, yang saya tidak kenali, akhirnya saya dibenarkan masuk ke dalam steamer yang akan membawa saya ke Bombay. Dari sana saya menaiki keretapi untuk datang ke sini. Sesungguhnya saya rasa Baba memang maha berkuasa dan maha tahu. Siapa kita dan dari mana kita? Betapa baiknya nasib kita apabila Baba mendapatkan semula duit kita dan menarik kita ke sini? Anda yang tinggal di Shirdi sangat unggul dan bertuah dari kami kerana Baba telah bermain, ketawa, bercakap dan tinggal

bersama bertahun - tahun sudah. Saya rasa stor kebaikan mungkin berkumpul dengan banyaknya, sebab itu ia menarik Baba ke Shirdi. Sai adalah Datta. Dia mengarahkan saya bernazar. Dia memberikan saya tempat duduk di dalam steamer dan membawa saya ke sini dan dengan itu membuktikan sifatnya yang maha tahu dan maha berkuasa".

Puan Aurangabdkar

Seorang wanita dari Sholapur, isteri kepada Shakaram Aurangabadkar tidak mempunyai anak sepanjang 27 tahun. Dia telah membuat banyak nazar kepada Dewa dan Dewi untuk mendapat anak tetapi tidak berjaya. Dia kemudian menjadi putus asa. Untuk usaha terakhir, dia datang ke Shirdi bersama dengan anak lelaki tirinya Vishwanath dan tinggal di sana selama dua bulan , berkhidmat untuk Baba. Setiap kali dia datang ke Masjid, dia mendapati ia sentiasa penuh dan Baba dikelilingi oleh pengikut - pengikutNya. Dia ingin berjumpa denga Baba sendirian, jatuh di kakinya dan meluahkan rasa hatinya serta berdoa untuk mendapat anak tetapi belum ada peluang yang sesuai. Akhirnya dia meminta Shama berbincang dengan Baba sebagai orang tengah untuk dia apabila Dia sendirian. Shama memberitahu bahawa Darbar baba masih terbuka, namun dia akan cuba membantu dia dan Tuhan akan merestui dia. Dia mengarahkan dia bersiap sedia dengan kelapa dan setanggi di depan halaman pada masa waktu makan Baba dan sekiranya dia memberi isyarat, dia

mesti datang. Suatu malam, selepas makan malam, Shama sedang mengelap tangan Baba yang basah menggunakan tuala apabila Baba mecubit pipinya. Shama berpura - pura marah dan berkata, " Deva, adakah baik awak mencubit saya seperti ini? Kami tidak

mahu Tuhan yang nakal yang mencubit kami. Adakah kami tanggungan Anda, adakah ini buah - buahan keintiman kami? “ Baba menjawab, “ Oh Shana, sepanjang 72 generasi awak bersama saya, saya tidak pernah mencubit awak sehinggalah sekarang dan sekarang awak membenci sentuhan saya “. Shama, “ Kami mahukan Tuhan atau syurga, belon dan lain - lain. Biarlah kepercayaan kami kepada kaki Anda selamanya cerdas “. Baba, “ Ya, Saya sesungguhnya telah datang untuk itu. Saya telah memberi makan dan menjaga awak dan tidak mendapat kasih sayang dari awak “. Kemudian Baba naik ke atas dan duduk. Shama memberi isyarat kepada wanita itu. Dia datang, tunduk hormat dan membentangkan kelapa dan setanggi. Baba menggoncang kelapa yang kering. Kernal di dalam berpusing dan membuat bising. Baba berkata, “ Shama, benda ini berpusing , lihat apa yang diberitahunya “. Shama, “ Wanita ini berdoa supaya seorang anak juga akan berpusing dan dipercepatkan di dalam kandungan. Maka berilah kelapa kepadanya dengan berkat “.

Baba, “ Adakah kelapa akan memberikannya anak? Bagaimana. Manusia adalah bodoh mempercayai perkara seperti ini! “ Shama, “ Saya tahu kekuatan ayat - ayat Anda dan rahmat. Ayat anda akan memberikannya rentetan atau berduyun kanak - kanak. Anda sedang berbalah tidak memberi rahmat yang sebenar”.

Perundingan berlangsung seketika. Baba berulangkali mengarahkan untuk memecah kelapa itu dan Shama merayu untuk mengihadiahkan kepada wanita itu buah yang tidah dipecahkan. Akhirnya Baba menyerah dan berkata, “ Dia akan mempunyai anak “. “ Bila? “ tanya Shama. “ Dalam 12 bulan “ adalah jawapan. Kelapa itu dengan itu dipecah kepada dua, satu

bahagian dimakan oleh mereka berdua dan yang sebahagian lagi diberi kepada wanita itu.

Shama menoleh kepada wanita itu dan berkata, “ Puan, awak adalah saksi kepada kata - kata saya. Kalau dalam masa 12 bulan awak tidak mendapat anak, saya akan memecahkan kelapa di kepala Deva ini dan mengeluarkan dia dari Masjid. Kalau saya gagal, saya tidak akan memanggil diri saya Madhav. Awak akan tahu nanti apa yang saya maksudkan “.

Dia melahirkan seseorang anak lelaki dalam jangka masa setahun dan anak itu telah dibawa berjumpa Baba keitika ia berusia 5 bulan.Kedua - dua suami isteri, meniarap di kaki Baba dan ayah yang bersyukur (En. Aurangabad) membayar

Rs. 500/- yang dibelanjakan untuk membina bangsal untuk rumah Baba “ Shyamakarna”.

Penghormatan Untuk Sri Baba - Sejahtera Untuk Semua

Bab XXXVII

Perarakan Chavadi

Di dalam bab ini selepas membuat beberapa pemerhatian awal dalam beberapa perkara Vedanta, Hemadpant menerangkan mengenai Perarakan Chavadi. Pendahuluan Berkat hidup Sai, berkat rutin harianNya. Cara dan tindakanNya sukar untuk diterangkan. Kadang - kadang Dia mabuk dengan Brahmanand (kegembiraan Illahi), dan pada masa yang lain pula dipenuhi dengan pengetahuan diri. Membuat banyak perkara kadangkala, tidak prihatin dengannya. Walaupun kadangkala dia seperti tidak membuat apa - apa dia tidak terbiar atau mengantuk. Dia sentiasa patuh di dalam diriNya. Walaupun dia nampak tenang dan pendiam seperti laut yang tenang, Dia sebenarnya dalam dan tidak dapat diduga. Siapa yang dapat menerangkan sifat Beliau yang sangat besar. Dia menganggap lelaki - lelaki sebagai saudara, wanita - wanita sebagai adik dan ibu. Sebagaimana yang semua ketahui Beliau adalah lelaki bujang yang sempurna dan kekal. Semoga pengetahuan yang kita perolehi darinya bertahan sehingga mati. Mari kita terus berkhidmat untuknya dengan sepenuh hati mengabdikan diri di kakiNya. Biar kita melihat Beliau di dalam semua makhluk dan biar kita sentiasa menyayangi namaNya.

Selepas membuat disertasi yang panjang lebar ke atas tajuk Vedanta, yang Hemadpant sendiri anggap sebagai penyimpangan, kini meneruskan penerangan tentang Perarakan Chavadi.

Perarakan Chavadi

Tempat kediaman Baba sudahpun diterangkan. Satu hari Dia tidur di dalam Masjid dan pada keesokan harinya, di Chavadi (bangunan kecil yang mempunyai lebih kurang dua bilik berdekatan dengan Masjid). Tidur di dalam bilik ini bersilih ganti berterusan sehinggan Baba Mahasamadhi. Dari 10hb Desember 1909 para pengikut mula menawarkan pemujaan biasa untuk Baba di dalam Chavadi. Ini lah yang akan kita terangkan sekarang dengan restuNya. Apabila tiba waktu untuk berehat di Chavadi, orang ramai akan berkumpul di Masjid dan melakukan bhajan di mandap (halaman) untuk beberapa jam. Di

belakang mereka terdapat Ratha (kereta kecil) yang cantik, di sebelah kanan dan di depan Baba terdapat Tulsi - vrindavan manakala di antara ini para pengikut gemarkan bhajan. Semua lelaki dan wanita yang menggemari bhajan akan datang tepat pada masanya. Ada yang membawa Tal, Chiplis, Kartal, Mridang, Khanjiri dan Ghol (kesemua peralatan muzik) di tangan mereka dan menjalankan bhajan. Sai Baba adalah magnet yang menarik semua pengikut Beliau ke sana. Di luar di kawasan terbuka pula, ada yang memotong divatyas mereka (obor), ada yang menghias joli, ada yang berdiri dengan kayu rotan di tangan dan melafazkan ucapan kemenangan untuk Baba. Di sudut pula dihiasi dengan banting - banting. Di sekeliling Masjid deretan lampu dilimpahi cahaya. Kuda Baba ‘ Shyamakarna ‘ berdiri dengan penuh hiasan di luar. Kemudian Tatya Patil datang dengan pihak lelaki kepada Baba dan bertanya samada Beliau sudah bersedia. Baba duduk diam di tempatnya sehingga Tatya Patil datang dan menolongnya bangun dengan meletakkan tanganya di bawah ketiak Baba. Tatya memanggil Baba dengan panggilan Mama. Hubungan mereka

sungguh intim. Baba memakai kafni yang biasa dipakaiNya, membawa satka di bawah ketiakNya dan selepas mengambil chilim, tembakau dan meletakkan kain di bahunya, dia sudah bersedia untuk bermula. Kemudian Tatya meletakkan shela (shawl) yang bersulam emas yang cantik untuk Baba. Selepas itu, Baba akan menggerakkan sedikit seikat kayu api dengan jari kaki kananNya dan kemudian memadamkan lampu tang terbakar menggunakan tangan kananNya, memulakan Chavadi. Selepas itu, semua jenis peralatan muzik, tashe, gendang, tanduk dan mridang, mengeluarkan berbagai bunyi. Bunga api mempamerkan bermacam - macam pemandangan yang berwarna - warni. Lelaki dan wanita menyanyikan nama Baba mulai berjalan, melakukan bhajan dengan iringan mridang dan veena. Ada yang menari riang dan ada pula membawa berbagai jenis bendera. Bhaldars mengumumkan nama Baba bila dia samapai di kaki tangga Masjid. Di sebelah menyebelah Baba berdiri dua orang lelaki yang memegang chavaris dan yang lain mengipas Baba. Kain dibentangkan di tempat laluan Baba yang disokong oleh tangan para pengikut. Tatyaba menahan di kiri dan Mhalsapati pula di kanan dan Bapusaheb memegang chhatra (payung) dan memayungNya dan Baba mara ke Chavadi. Kuda merah yang dipenuhi hiasan yang diberi nama Shyamakarna mengetuai perbarisan dan di belakangnya semua pembawa, pelayan, pemain muzik dan para pengikut yang ramai. Hari - nama (nama Tuhan) dan juga nama Sai dilaungkan dengan iringan muzik. Dengan cara ini perarakan sampai ke sudut bila semua orang yang melibatkan diri di dalam parti ini kelihatan gembira dan seronok.

Apabila sampai di sudut, Baba yang disinari kilauan aneh berdiri menghadap chavadi seolah - olah wajahnya bergemerlapan seperti cahaya subuh atau seperti cahaya matahari yang terbit. Baba

berdiri di situ dengan minda yang fokus, memandang ke utara seolah - olah dia sedang memanggil seseorang. Kesemua alat muzik dimainkan apabila Baba menggerakkan tangan kanan ke atas dan ke

bawah untuk seketika. Kakasaheb Dixit pada masa ini datang ke hadapan dengan pinggan perak yang mengandungi bunga yang dicampur dengan gulal (serbuk bewarna merah) dan ditaburkan ke atas badan Baba. Muzik dimainkan dengan sebaik mungkin pada ketika ini dan wajah Baba terpancar dengan kestabilan dan keindahan dan semua yang berada di sana menghayati pemandangan ini dengan sepenuh hati. Tiada ayat yang sesuai untuk menerangkan pemandangan dan keindahan suasana ini. Kadang - kadang Mhallasapati akan mula menari kerana dirasuk atau kerana taksub dengan dewa - dewa tetapi mereka semua merasa hairan kerana konsentrasi Baba langsung tidak terganggu. Dengan membawa obor di tangannya, Tatya Patil berjalan di sebelah kiri Baba dan Bhagat Mhalasapati di sebelah kanan, memegang kelim jubah Baba. Perarakan yang indah dan luahan pengabdiaan! Untuk menyaksikan ini, lelaki dan wanita, miskin dan kaya berkumpul semuanya di sana. Baba berjalan dengan perlahan dan para Bakti mengiringi di kedua belah sisiNya dengan kasih sayang dan kesetiaan. Dengan kegembiraan yang meliputi keseluruhan suasana di tempat itu, perarakan sampai ke Chavadi. Pemandangan dan hari itu telah berakhir sekarang. Tiada yang dapat menyaksikannya sekarang atau di masa depan. Dengan masih mengingati dan menggambarkan pemandangan dan suasana itu, kita dapat membawa ketenangan di minda kita. Chavadi juga dhiasi dengan siling yang putih, cermin dan berbagai jenis lampu. Apabila hampir sampai, Tatya berjalan dahulu ke hadapan dan membentangkan tempat duduk dan meletakkan

guling membuat Baba duduk di sana dan memakaikan Dia dengan angaraksha (kot) yang bagus. Kemudian para pengikut memujanya dengan berbagai cara. Mereka meletakkan mugut (mahkota) yang berjambul diatasnya di kepala Baba, meletakkan kalungan bunga dan perhiasan di leher Baba dan menandakan dahinya dengan campuran kasturi garisan menegak dan satu titik (seperti yang dilakukan oleh pengikut Vaishnava). Mereka menukar perhiasan di kepalanya setiap masa dan memegangnya ke atas sebab bimbang Baba akan membuangnya. Baba mengetahui perasaan mereka semua dan hanya menurut sahaja apa yang mereka lakukan tanpa bantahan. Dengan semua perhiasan - perhiasan ini Dia nampak menarik.

Nanasaheb Nimonkar memegang Chatra dengan loket yang cantik dan berpusing dengan sokongan kayu. Bapusaheb Jog membasuh kaki Baba di dalam perkakas perak dan melakukan ‘ arghya ‘ serta menjalankan pemujaan dengan formal, kemudian menyapu tangannya dengan pes sandal serta memberikan sireh. Baba duduk di atas asan (gadi). Manakala Tatya dan yang lain - lain sentiasa berdiri dan jatuh di kakiNya. Apabila Baba duduk di atas gadi menyandarkan badanya di guling, pengikut - pengikut di kedua - dua belah mengipasNya. Shama kemudiannya menyediakan chilim dan memberikan kepada Tatyaba yang memasang api kemudian memberikan kepada Baba.

Selepas Baba menyedut, ia diberikan kepada Bhagat Mhalasapati dan selepas

itu diberikan kepada semua. Chilim yang tidak bernyawa itu dirahmati. Ia terpaksa melalui banyak pengalaman pahit seperti layanan pembuat periuk, dijemur di bawah matahari dan dibakar. Kemudian ia bernasib baik dapat disentuh oleh tangan Baba dan

ciumanNya. Selepas upacara ini berakhir, para pengikut meletakkan kalungan bunga ke leher Baba dan memberikan setandan bunga untuk dicium. Baba yang tidak terikat tidak mempedulikan semua perhiasan ini tetapi demi kasih sayangnya terhadap semua pengikutNya, dia membenarkan mereka dengan cara mereka untuk menggembirakan diri mereka. Akhirnya Bapusaheb Jog mengipaskan Arati ke atas Baba, memerhati semua aktiviti, muzik memainkan alunan yang bertuah, Apabila Arati ini selesai, para pengikut, seorang demi seorang memberi salam kepada Baba dan beredar pulang. Semasa Tatya Patil memberikan chilim, attar dan air mawar, mawar untuk beredar, Baba berkata kepadanya dengan lembut, “ Jaga saya, pergi kalau awak mahu tetapi kadang - kadang datang semula pada waktu malam dan tanyakan tentang saya “. Selepas menjawab dengan yakin Tatyaba meninggal Chavadi dan balik ke rumahnya. Baba kemudian menyediakan tempat tidurnya. Dia menyusun 50 atau 60 chadder putih secara berlapis - lapis dan selepas menyediakan katilnya, dia pergi berehat.

Kita juga sekarang akan berehat dan menutup bab ini dengan permintaan untuk pembaca supaya mengingati Sai Baba dan Perarakan Chavadi setiap hari sebelum mereka pergi tidur.

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua

Bab XXXVIII

Handi Baba - Tidak menghormati Kuil - Kala or Campur Aduk - Secawan Susu - Mentega

Di dalam bab terakhir kita menerangkan mengenai Perarakan Chavadi Baba. Bab ini kita akan bercerita tentang Handi Baba (periuk untuk memasak) dan beberapa subjek lagi.

Pendahuluan

Oh, Sadguru yang dirahmati, kami tunduk hormat kepada Awak, yang telah memberikan kebahagiaan kepada seluruh dunia, mencapai kebajikan untuk para pengikut dan menghilangkan penderitaan mereka yang berdoa di kaki Awak. Sebagai seorang yang liberal, pelindung dan penyelamat para Bakti yang menyerahkan diri kepada Awak, Awak menjelmakan diri di dunia untuk membantu orang dan berbuat baik kepada mereka. Intipati cecair diri yang tulen telah dituangkan ke dalam acuan Brahma dan hasil dari itu mengeluarkan batu

permata orang- orang Keramat - Sai. Sai ini adalah Atmarama DiriNya. Beliau adalah tempat tinggal sempurna yang bahagia. Mencapai sendiri objek kehidupan, Dia membuat para pengikutNya hilang keinginan dan bebas. Handi Baba Berlainan Sadhana (makna pencapaian) yang ditetapkan dalam kitab - kitab untuk semua peringkat umur. Tapa (penebusan dosa) dicadangkan kepada umur Krita, Jnana (pengetahuan) untuk umur Treta, Yajna (pengorbanan) untuk umur Dwapara dan Dana (kebajikan) untuk umur Kali (sekarang). Daripada semua kebajikan, memberi makanan adalah yang terbaik. Kita akan lebih terganggu bila tidak

makan pada waktu tengahari. Makhluk lain juga merasakan yang sama di bawah keadaan yang sama. Dengan mengetahui yang ini, dia yang memberikan makanan kepada orang yang miskin dan lapar, adalah penderma yang terbaik atau orang yang berbuat amal kebajikan.Tattiriya Upanishad berkata bahawa “ Makanan adalah Brahma. Dari makanan semua makhluk dilahirkan dan telah dilahirkan, dengan makanan mereka hidup dan meninggal, ke dalam makanan lagi ia masuk “. Apabila Atithi (tetamu yang tidak diundang) datang ke pintu kita pada waktu tengahari, ia adalah tugas kita untuk menjemputnya dengan memberikannya makanan. Jenis kebajikan yang lain seperti memberi kekayaan, harta dan pakaian serta lain - lain memerlukan sedikit diskriminasi, tetapi di dalam hal makanan, pertimbangan seperti itu tidak diperlukan. Biarkan sesiapa datang ke pintu kita pada waktu tengahari, dia seharusnya diberi khidmat serta merta, jika dia cacat, lumpuh ,buta dan berpenyakit, mereka seharusnya dirawat dulu dan yang sihat serta keluarga kita dikemudiankan. Kebaikan memberi makan mereka yang tidak sempurna adalah sangat besar dibandingkan untuk mereka yang sihat. Kebajikan yang lain tidak sempurna tanpa Anna - dana (memberi makanan) seperti bintang tanpa bulan, rantai tanpa pingat pusat, mahkota tanpa puncak, tangki tanpa teratai, bhajan tanpa cinta, wanita yang berkahwin tanpa tanda kumkum, menyanyi tanpa suara yang merdu atau susu mentega tanpa garam. Seperti Varan (sup nadi) mengalahkan semua makanan lain.Sekarang mari kita lihat bagaimana Baba menyediakan makanan dan mengedarkannya.

Telah dinyatakan sebelum ini yang Baba hanya memerlukan sedikit makanan untuk diriNya, dan ianya didapati hasil dari mengemis dari beberapa buah rumah. Namun apabila Beliau hendak mengedarkan makanan kepada semua, dia akan

menyediakan sendiri dari mula sampai akhir. Dia tidak bergantung kepada sesiapa atau menyusahkan sesiapa. Mula - mula dia akan ke bazaar dan membeli semua barang seperti jagung, tepung, rempah - ratus dan lain - lain dengan membayar tunai. Dia juga mengisar sendiri. Di halaman Masjid, dia menyediakan tempat memasak yang besar dan selepas menyalakan api di bawahnya, Dia akan meletakkan Handi di atasnya dengan sukatan air yang

sesuai. Terdapat dua jenis Handi, satu kecil dan yang satu lagi besar. Yang kecil dapat menyediakan makanan untuk 50 orang sementara yang besar pula untuk 100 orang. Kadang - kadang Beliau memasak 'Mitthe Chaval '(kuih manis), di masa yang lain pula membuat ' pulava ' dengan daging. Adakalanya di dalam vara (sup), Beliau akan memasukkan bebola tebal atau roti nipis dari tepung gandum. Dia menumbuk rempah - ratus di atas batu papak (stone - slab), dan meletakkan rempah yang sudah dilumatkan ke dalam periuk untuk memasak. Dia sanggup bersusah payah untuk membuat masakan yang sedap. Dia menyediakan ' Ambil ' dengan merebus tepung jarawi di dalam air dan mencampurkan dengan susu mentega. Bersama - sama dengan makanan dia akan mengedarkan Ambil kepada semua. Untuk melihat samada makanan telah dimasak dengan betul atau tidak, Baba akan menyingsing lengan baju Kafni dan memasukkan lengannya yang terdedah ke dalam kawah yang mendidih tanpa merasa takut, kemudian menggerakkan keseluruhan isi di dalam kawah itu sisi ke sisi dan atas ke bawah. Tidak terdapat tanda terbakar di tangannya, tidak juga riak takut di mukanya. Apabila Dia sudah siap memasak, Baba membawa periuk - periuk itu ke Masjid dan ditahbiskan sewajarnya oleh moulvi. Mula - mula Beliau menghantar sebahagian makanan sebagai Prasad kepada Mhalasapati dan Tatya Patil. Selepas itu dia akan menghidangkan

selebihnya kepada mereka yang miskin dan mereka yang kurang upaya dengan tanganNya sendiri. Sungguh bertuah dan berkat mereka yang mendapat makanan yang dimasak dan dihidang sendiri oleh Baba.

Seseorang mungkin akan menimbulkan keraguan di sini dan bertanya, “ Adakah Baba mengedarkan sayur - sayuran dan daging binatang sebagai Prasad kepada semua pengikutNya? “ Jawapannya jelas dan mudah. Mereka yang sudah biasa dengan daging binatang diberikan makanan dari Handi sebagai Prasad dan mereka yang tidak biasa dengannya , tidak dibenarkan menyentuhnya. Dia tidak pernah mewujudkan keinginan mereka untuk merasakan makanan ini. Terdapat prinsip yang mantap yang apabila Guru sendiri memberi apa - apa sebagai Prasad, murid yang mempunyai keraguan samada hendak menerima atau tidak, akan pergi kearah kebinasaan.Untuk melihat bagaimana murid telah menyerap prinsip ini, Baba kadangkala melakukan ujian. Sebagai contoh, pada hari Ekadashi, dia memberi beberapa rupee kepada Dada Kelkar dan mengarahnya pergi ke Koralha untuk mendapatkan kambing di sana? Dada Kelkar adalah Brahmin ortodok dan melaksanakan semua adab ortodox sepanjang kehidupannya. Dia tahu bahawa memberikan kekayaan, bijirin, pakaian dan lain - lain kepada Sadguru adalah tidak mencukupi tetapi ketaatan mutlak dan pematuhan segera terhadap arahanNya adalah dakshina yang sebenar yang akan sangat mengembirakanNya. Maka Dada Kelkar berpakaian kemas dan hendak mula pergi ke tempat itu tetapi Baba memanggilnya semula dan berkata, “ Jangan awak pergi sendiri tapi hantarkan orang lain “. Dada kemudiannya menghantar pembantu Pandu untuk tujuan itu. Melihatkan dia hendak bermula,

Baba menyuruh Dada memanggilnya semula dan membatalkan program itu. Pada waktu lain Baba mengarahkan Dada hanya untuk melihat bagaimana ‘ Pulava ‘ masin (hidangan kambing) disediakan. Dada secara kasual dan formal mengatakan ianya adalah baik - baik sahaja. Kemudian Baba berkata kepadanya, “ Awak tidak pernah melihat dengan mata awak atau merasa dengan lidah awak, jadi bagaimana awak boleh mengatakan ianya bagus? Alihkan tudung dan tengok “. Selepas itu Baba menangkap tangannya dan memasukkan ia ke dalam periuk dan menambah, “ Tarik keluar tangan awak dan ambil senduk, letakkan beberapa kuantiti di dalam hidangan tanpa menjaga ortodoks awak dan tanpa angin yang kencang. Apabila gelombang cinta sebenar meningkat di dalam minda seorang ibu, dia mencubit anaknya dan bila anaknya mula menangis dan menjerit, dia akan memeluknya rapat ke dada. Begitu juga dengan Baba, dengan cara keibuan mencubit Dada Kelkar dalam cara ini. Tidak akan ada keramat atau Guru yang akan memaksa muridNya yang ortodoks untuk makan makanan terlarang dan menajiskan dirinya dengan itu.

Perniagaan Handi berterusan untuk sementara sehingga tahun 1910 dan selepas itu berhenti. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, Das Ganu menyebarkan kemasyhuran Baba melalui kirtannya jauh dan luas di dalam Bombay dan orang - orang dari sebahagian daripada negeri itu mula datang berkumpul di Shirdi yang menjadi tempat berziarah untuk beberapa hari. Para pengikut membawa berbagai kelengkapan untuk persembahan dan menawarkan hidangan sebagai naivedya. Kuantiti naivedya yang ditawarkan sangat banyak sehingga fakir dan orang miskin merasa sungguh kenyang dan meninggalkan lebihan. Sebelum menyatakan bagaimana naivedya diedarkan, kita akan merujuk

kepada cerita Nanasaheb Chandorkar yang menunjukkan hormatnya kepada tempat - tempat suci dan dewa -dewi.

Nanasaheb Tidak Menghormati Kuil

Dengan melukis kesimpulan atau meneka dengan cara sendiri sesetengah orang mengatakan Sai adalah Brahmin, dan ada yang mengatakan Beliau adalah Muslim. Dia sebenarnya bukan dari mana - mana kasta. Tiada siapa yang tahu bila Dia dilahirkan dan dalam komuniti apa serta di mana ibubapaNya. Jadi bagaimana dia menjadi Muslim atau Brahmin? Kalau dia seorang Muslim, kenapa Dia menyimpan api Dhuni yang sentiasa menyala di Masjid, bagaiman boleh ada Tulsi Vrindavan di sana, bagaimana Dia membenarkan tiupan tanduk dan membunyikan loceng dan bermain alat muzik, bagaimana dia membenarkan berbagai cara pemujaan Hindu di sana? Kalau Dia seorang Muslim adakah dia akan menebuk telingaNya dan bolehkah dia mengeluarkan perbelanjaan dari duit poketNya sendiri untuk membaiki kuil Hindu.Tambahan pula Dia tidak akan bertolak ansur dengan sesiapa yang tidak menghormati kuil Hindu dan Dewa - Dewa.

Suatu hari, Nanasaheb Chandorkar datang ke Shirdi bersama dengan ‘ Sadu ‘ - suami kepada adik iparnya. En. Biniwalle. Apabila mereka pergi ke Masjid dan duduk di hadapan Baba bercakap, Baba tiba - tiba marah dengan Nanasaheb dan berkata, “ Awak sudah lama bersama saya dan bagaimana awak boleh bersikap begini? “ Nanasaheb pada mulanya tidak faham apa - apa dan dengan rendah diri meminta Baba menerangkan. Baba bertanya bila dia datang ke Kopergaon dan bagaimana dia datang ke Shirdi dari sana. Nanasaheb lalu serta merta menyedari kesalahannya. Dia biasanya memuja kuil Datta , di atas tebingan Godavari di

kopergaon semasa di dalam perjalanan ke Shirdi tetapi kali ini dia menghalang keluarganya Bakti Datta pergi ke kuil, supaya tidak terlewat dan meneruskan perjalanan. Dia mengaku semua di depan Baba dan Baba memberitahu semasa mandi di Godavari, duri yang besar mencucuk kakinya dan menyebabkan banyak masalah ke atasnya. Bab mengatakan bahawa, ia adalah hukuman dan supaya lebih berhati - hati di masa depan.

Kala (bercampur aduk)

Kita kembali semula kepada pengedaran naivedya. Selepas Arati selesai dan selepas Baba menghantar semua dengan Udi dan restuNya, Dia masuk ke dalam dan duduk membelakangi Nimbar untuk makan dengan dua baris Bakti, satu di setiap sisi. Bakti yang membawa naivedya menyimpan ke dalam hidangan yang mengandungi berbagai makanan seperti Puris, Mande, Polis, Basundi, Sanza, beras halus dan lain - lain dan menunggu di luar untuk Prasad ditahbiskan oleh Baba. Kesemua makanan dicampurkan di dalam periuk dan diletakkan di depan Baba. Dia menawarkan semuanya kepada Tuhan dan mentahbiskannya.

Kemudian jumlah yang sama diberikan kepada mereka yang menunggu di luar dan yang selebihnya dihidangkan kepada mereka yang bersama Baba di dalam. Para Bakti duduk di dua barisan. Baba meminta Shama dan Nanasaheb Nimonkar setiap hari menghidangkan makanan yang sudah ditahbiskan untuk semua mereka yang duduk di dalam dan melihat kepada keperluan individu dan keselesaan. Ini mereka lakukan dengan berhati- hati dan dengan rela. Setiap seketul daripada makanan, sebahagian memberi mereka nutrisi dan kepuasan. Makanan yang manis, menarik dan tahbis. Sentiasa bertuah dan sentiasa suci. Secawan Susu Mentega Hemadpant pernah makan dengan kenyang apabila

Baba menjemputnya minum secawan susu mentega. Warnanya yang putih menyenangkan hatinya tetapi dia khuatir tidak ada ruang untuknya di dalam.Walau bagaimanapun.dia minum sedikit yang membuktikan kesedapannya. Melihatkan sikap goyahnya, Baba berkata, “ Minum semuanya, awak tidak akan mendapat peluang ini lagi nanti “.

Dia minum sampai habis, tetapi mendapati kata - kata Baba adalah benar kerana tidak lama selepas itu dia pun meninggal dunia.

Sekarang, para pembaca, kita harus berterima kasih kepada hemadpant. Dia minum secawan susu mentega tetapi telah membekalkan kuantiti nektar yang cukup dalam bentuk Leela Baba. Mari kita minum bercawan - cawan nektar ini dan bepuas hati dan berbahagia.

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua

Bab XXXIX & L

Pengetahuan Baba Tentang Sanskrit

Interpretasi Baba mengenai Ayat dari Gita - Penubuhan Samadhi Mandir. Bab ini (39) mengenai interpretasi Baba terhadap ayat dari Bhagawat Gita. Oleh kerana sesetengah orang percaya Baba tidak mengetahui Sanskrit, dan interpretasi dilakukan oleh Nanasaheb Chandorkar, Hemadpant menulis satu lagi bab (50) mengenai subjek yang sama. Ianya digabungkan di dalam bab ini. Pendahuluan Shirdi dirahmati dan Dwarkamayi diberkati. Tempat Baba tinggal dan panda sehingga Beliau Mahasamadhi. Dirahmati penduduk Shirdi yang diwajibkan untuknya menyebabkan Beliau datang dari jauh. Shirdi pada mulanya adalah sebuah kampung yang kecil tetapi menjadi penting disebabkan perhubungan dengan Beliau dan menjadi Tinta, tempat suci untuk penziarah. Kaum wanitanya juga turut dirahmati di atas keyakinan yang tidak berbelah bahagi terhadap Baba. Mereka menyanyikan kemuliaan Baba semasa mandi, mengisar, menumbuk jagung dan membuat kerja - kerja rumah yang lain. Kasih sayang mereka dirahmati dengan menyanyikan lagu yang indah yang menenangkan minda penyanyi dan pendengar.

Interpretasi Baba

Tidak ada yang percaya Baba mengetahui Sanskrit. Suatau hari Beliau telah memeranjatkan semua apabila Beliau mentafsirkan ayat dari Gita kepada Nanasaheb Chandorkar. Perkara ini telah ditulis secara ringkas oleh En. B.V. Deo, pesara Mamlatdar dan diterbitkan di Marathi di dalam majalah ‘Leela Sri Sai ‘, Vol IV.

Sphuta Vishaya, muka surat 563. Ia juga turut diterbitkan di dalam ‘ Piagam dan Perkataan Sai Baba ‘, muka surat 61 dan di dalam ‘ Sai Baba Keramat Menakjubkan ‘, muka surat 36 - kedua duanya oleh Brother B.V.

Narsimhaswami. En. B.V. Deo juga telah memberikan versi Bahasa Inggeris di dalam kenyataannya yang bertarikh 27-9-1936 dan diterbitkan di muka surat 66 di dalam “ Pengalaman - pengalaman para pengikut, bahagian III “ diterbitkan oleh Swami. Oleh kerana En. Deo telah mula - mula mendapatkan informasi ini daripada Nanasaheb maka kita akan memberikan versi beliau di bawah. Nanasehab adalah pelajar yang baik kepada Vedanta. Dia telah membaca Gita dengan ulasan - ulasan dan merasa bangga dengan pengetahuan itu. Dia gembira yang Baba tidak mengetahui tentang Sanskrit. Maka, pada suatu hari Baba mencucuk gelembung. Ini berlaku semasa orang ramai belum berkumpul untuk Baba, iaitu apabila Baba memberi ceramah sendirian di Masjid kepada para pengikutNya. Nana sedang duduk berdekatan dengannya dan mengurut kakiNya serta merunggut tentang sesuatu.

Baba - Nana, apa yang dibaca oleh awak?

Nana - Saya sedang membaca Shloka (ayat) dari Sanskrit.

Baba - Shloka apa?

Nana - Dari Bhagawat - Gita Baba - Baca kuat - kuat Nana kemudian membaca B.G.IV -34 seperti berikut ‘ Tadviddhi Pranipatena Pariprashnena Sevaya, Upadekshyanti Te Jnanam Jnaninastattwadarshinah ‘ Baba - Nana adakah awak memahaminya?

Nana - Ya.

Baba - Kalau awak faham, maka beritahu saya.

Nana - Ia bermaksud begini - " Membuat Sashtanga Namaskar, iaitu sujud, bertanya kepada guru, berkhidmat untuknya, belajar tentang apakah Jnana ini. Kemudian Jnanis yang telah mencapai pengetahuan sebenar Sad - Vastu (Brahma) akan memberikan anda upadesha (arahan) dari Jnana "

Baba - Nana, Saya tidak mahu maksud yang dikumpul dari seluruh bait. Berikan saya maksud setiap ayat, kuasa tatabahasa dan maksud.

Kemudian Nana menerangkan ayat itu satu persatu.

Baba - Nana adakah ia cukup untuk membuat sujud semata - mata.

Nana - Saya tidak tahu maksud lain untuk perkataan ' pranipata ' selain ' melakukan sujud '.

Baba - Apa itu ' pari prashna? ' Nana - Bertanykan soalan.

Baba - Apakah maksud ' Prashna? ' Nana - Sama (bertanya)

Baba - Jika ' pariprashna ' sama maksudnya dengan prashna, kenapa Vyasa menambahkan perkataan ' pari? ' Adakah Vyasa dah hilang akal?

Nana - Saya tidak tahu maksud lain bagi perkataan ' pariprasha '.

Baba - ' Seva ',apa jenis seva yang dimaksudkan?

Nana - Hanya apa yang kita buat selalu.

Baba - Adakah cukup untuk memberi perkhidmatan?

Nana - Saya tidak tahu apa lagi yang sesuai untuk perkataan ‘seva ‘ Baba - Dalam barisan lain “ upadekshyanti te jnanam ‘ boleh kah awak membacanya perkataan lain sebagai ganti Jnanam?

Nana - Yes.

Baba - Perkataan apa?

Nana - Ajnanam

Baba - Dengan mengambil perkataan (selain dari Jnana) adakah apa - apa maksud yang diperbuat daipada ayat itu?

Nana - Tidak, Shankara Bhashya tidak memberikan pembinaan.

Baba - Tak apa jika jika tidak. Apakah ada bantahan untuk menggunakan perkataan “Ajnana “ jika ia memberi makna lebih baik?

Nana - Saya tidak faham bagaimana untuk mentafsir dengan menggantikannya dengan “ Ajnana “ .

Baba - Kenapa Krishna merujuk Arjuna kepda Jnanis atau Tattwadarshis untuk melakukan sujudnya, soal siasat dan perkhidmatan? Bukankah Krishna sendiri adalah Tattwadarshi malahan Jnana Nana -Ya tapi saya tidak membuat kenapa dia merujuk Arjuna kepada Jnanis? Baba - Adakah awak tidak faham ini?

Nana merasa terhina.Kebanggannya telah mengetuk kepalanya. Kemudian Baba mula menerangkan - (1)Ianya tidak mencukupi untuk meniarap di kaki Jnania. Kita mesti membuat Sarvaswa Sharangati (penyerahan sepenuhnya) kepada Sadguru.

(2)Hanya bertanya sahaja tidak mencukup. Soalan tidak boleh dibuat dengan motif yang tidak jelas atau untuk memerangkap Guru dan menangkap kesalahan di dalam jawapan atau daripada rasa ingin tahu yang terbiar. Ia mesti serius dan dengan tujuan untuk mencapai moksha atau kemajuan spiritual.

(3)Seva bukanlah memberikan khidmat, seseorang masih kekal menahan perasaan samada bebas untuk menawarkan atau menolak perkhidmatan.

Seseorang mesti merasakan bahawa dia bukanlah tuan pada badan, bahawa badan adalah Guru danwujud semata - mata untuk memberikan perkhidmatan kepadanya.

Jika ini dilakukan Sadguru akan menunjukkan kepada awak apa yang dirujukkan dengan Jnana di dalam bait sebelumnya .

Nana tidak faham apa yang dimaksudkan dengan guru mengajar ajnana. Baba - Bagaimana Jnana Upadesh iaitu penyampaian kesedaran akan dilaksanakan? Memusnahkan kejahilan adalah Jnana (cf. Verse - Ovi -1396 daripada Jnaneshwari mengulas tentang Gita 18 - 66 berkata - “ Menyingkirkan kejahilan adalah seperti ini, Oh Arjuna, Jika mimpi dan tidur hilang, awak

adalah diri awak sendiri. Ia adalah seperti itu “. Juga Ovi 83 tentang Gita V - 16 berkata - “ Adakah apa - apa yang berbeza atau bebas di dalam Jnana selain daripada kemusnahan daripada kejahilan? “)* Membuang bermaksud cahaya, Memusnahkan penduaan (dwaita) bermaksud bukan penduaan (adwaita).Setiap kali kita bercakap tentang memusnahkan dwaita, kita bercakap tentang adwaita. Setiap kali kita bercakap tentang kegelapan, kita bercakap tentang cahaya. Jika kita menyedari keadaan Adwaita, perasaan dwaita dalam diri kita harus dikeluarkan. Itu adalah kesedaran tentang

keadaan Adwaita. Siapa yang dapat bercakap tentang Adwaita bila masih kekal di dalam Dwaita? Jika seseorang melakukan, hanya jika dia masuk ke dalam keadaan tersebut, bagaimana dia boleh tahu dan sedar?

Tetap, Shishya (murid) seperti Sadguru adalah banar - benar penjelmaan Jnana. Perbezaan di antara kedua - duanya terletak pada sikap, kesedaran tinggi, manusia hebat yang ajaib Sattva dan kemampuan yang tiada tara serta Yoga Aishwarya (kuasa agung). Sadguru adalah Nirguna, Sat - Chit Ananda. Dia mengambil bentuk manusia untuk meningkatkan manusia dan juga dunia. Namun sifat Nirgunanya yang sebenar tidak musnah walapun sedikit. Realiti , kuasa agung, dan kebijaksanaan tidak berkurangan. Murid juga sebenarnya adalah swarupa yang sama tetapi ia dilapisi oleh kesan Samarkaras kelahiran yang tidak terhitung dalam bentuk kejahilan, yang menyembunyikan dari pandangan beliau bahawa dia adalah Shudda Chaitanya (lihat B.G.Ch. V - 15). Seperti dinyatakan di dalamnya, dia mendapat gambaran - Saya adalah Jiva, makhluk, rendah diri dan miskin “. Guru perlu membasmi cabang kejahilan ini dan harus memberi upadesh atau arahan. Kepada murid, memegang sumpah terikat untuk generasi yang tidak berkesudahan oleh idea - idea yang dia adalah makhluk yang rendah diri dan miskin, Guru menyampaikan pelajaran dalam beratus - ratus kelahiran - “ Awak adalah Tuhan,awak berkuasa dan mewah “. Kemudian, dia menyedari sedikit yang dia sebenarnya Tuhan. Khayalan yang kekal di mana murid itu membanting tulang, bahawa dia adalah badan,bahawa dia adalah makhluk (jiva) atau ego, bahawa Tuhan dan dunia adalah berbeza dari dia, adalah satu kesilapan diwarisi daripada kelahiran lalu yang tak terhitung. Dari tindakan berdasarkan ia, dia telah mendapatkan kegembiraan, kesedihan dan campuran kedua -

duanya. Untuk membuang khayalan ini, kesalahan ini dan akar kejahilan ini, dia harus mula bertanya. Bagaimana kejahilan timbul? Di manakah ia? Untuk menunjukkan kepada dia bahawa ini adalah upadesh Guru.Yang berikut ini adalah conto - contoh Ajnana:- 1 - Saya adalah Jiva (makhluk).

2 - Badan adalah jiwa (saya adalah badan).

3 - Tuhan, dunia dan jiva adalah berbeza.

4 - Saya bukan Tuhan.

5 - Tidak mengetahui, badan bukan jiva.

6 - Tidak mengetahu bahawa Tuhan, dunia dan jiva adalah satu Hanya jika kesalahan - kesalahan ini didedahkan kepada pandangan beliau, murid tidak akan dapat belajar apa itu Tuhan, jiva, dunia, badan; bagaimana mereka saling berkaitan dan samada mereka berbeza di antara satu sama lain atau satu dan sama untuk mengajar beliau ini dan memusnahkan kejahilannya adalah arahan di dalam Jnana dan Ajnana. Kenapa Jnana harus disampaikan kepada jiva, (yang merupakan) Jnanamurti? Upadesh hanya untuk menunjukkan kepadanya kesalahannya dan memusnahkan kejahilannya.

Baba menambah:- (1) Pranipata membayangkan penyerahan. (2) Penyerahan mesti dengan badan, minda dan kekayaan; Re: (3) Kenapa Krishna harus merujuk Arjuna kepada Jnanis yang lain? “ Sadbhakta mengambil semua untuk menjadi Vasudev (B.G.VII - 19 iaitu, mana - mana Guru akan menjadi Krishan pada pengikut) dan Guru mengambil murid menjadi Vasudev dan Krishna melayan kedua - dua sebagai Prana dan Atmanya (B.G. 7 - 18, ulasan dari Jnanadev untuk ini). Oleh kerana Sri Krishna tahu yang terdapat

Baktas dan Gurus, dia merujuk Arjuna kepada mereka supaya kehebatan mereka akan meningkat dan diketahui.

Pembinaan Samadhi - Mandir

Baba tidak bercakap - cakap atau membuat kecoh mengenai perkara - perkara yang Dia mahu capai tetapi Dia dengan cekap menguruskan keadaan dan sekitarnya sehingga orang merasa terkejut dengan hasil yang pelahan tetapi pasti tercapai. Pembinaan Samadhi - Mandir adalah contohnya. Shriman Bapusaheb Booty, Multi jutawan yang terkenal dari Nagpur tinggal di Shirdi bersama keluarganya. Satu idea muncul di mindanya yang dia harus membina sebuah bangunannya sendiri di sana. Tidak berapa lama selepas itu, ketika dia sedang tidurdi Wada Dixit, dia mendapat visi, Baba muncul di dalam mimpinya dan mengarahnya untuk membina sebuah Wada Beliau beserta dengan kuil. Shama yang juga bermalam di situ, mendapat visi yang serupa. Apabila Bapusaheb tersedar, dia ternampak Shama menangis dan bertanya kenapa. Dia menjawab yang di dalam visinya Baba menghampirinya dan mngarah dengan jelas - “ Bina Wada beserta dengan kuil. Saya akan memenuhi impian semua. Mendengar kata - kata Baba yang manis dan penuh sayang, saya diselubungi oleh emosi, tekak saya tersekat, airmata saya mengalir dan saya mula menangis “. Bapusaheb terkejut kerana kedua - dua visi mereka sama. Sebagai lelaki yang

kaya dan berkemampuan, dia mengambil keputusan untuk membina Wada di sana dan melukis plan bersama Madhavarao (Shama). Kakasaheb Dixit juga bersetuju. Apabila ia ditunjukkan kepada Baba, Dia juga segera membenarkan. Kemudian kerja pembinaan telah dimulakan dengan sewajarnya di bawah

pengawasan Shama, tingkat bawah, bilik bawah tanah dan telaga telahpun siap. Baba juga turut pergi dan balik dari Lendi mencadangkan penambahbaikan tertentu. Kerja yang lain diamanahkan kepada Bapusaheb Jog dan apabila ia sedang berjalan satu idea muncul di minda Bapusahed Booty yang sepatutnya harus ada bilik terbuka atau platform dan di tengah - tengah dipasang imej Murlidhar (Tuhan Krishna dengan seruling) Dia meminta Shama untuk bertanyakan Baba tentang ini dan mendapatkan kebenarannya. Semasa Baba melintasi Wada, Shama bertanyakan tentang itu kepada Baba dan Dia membenarkan dengan berkata, " selepas kuil siap, saya akan datang tinggal di situ " dan memandang Wada dia menambah " selepas Wada siap, kita akan menggunakannya sendiri, kita akan hidup, bergerak dan bermain di sana, memeluk satu sama lain dan bergembira. Kemudian Shama bertanya samada ini adalah masa yang bertuah untuk memulakan kerja asas di bilik tengah kuil. Shama mendapatkan kelapa, memecah dan memulakan kerja. Dalam masa yang sewajarnya, kerja itu telah siap dan arahan juga diberikan untuk membuat imej Murlidhar yang baik tetapi sebelum ia disediakan, satu perkara baru muncul. Baba telah mendapat sakit tenat dan hampir menemui ajal. Bapusaheb menjadi sangat sedih dan kecewa, memikirkan jika Baba meninggal, Wadanya tidak akan ditahbiskan oleh sentuhan suci kaki Baba dan semua perbelanjaan yang dikeluarkan mejadi sia - sia. Namun kata - kata " Meletakkan atau menyimpan saya dalam Wada " yang keluar dari mulut Baba sebelum Beliau meninggal dunia, memujuk bukan sahaja Bapusaheb tetapi semua. Dalam masa yang sewajarnya badan suci Baba telah ditempatkan dan dipelihara di tengah kuil yang sepatutnya untuk Murlidhar. Baba sendiri yang menjadi Murlidhar dan Wada akhirnya menjadi

Samadhi - Mandir untuk Sai Baba. Keindahan hidupNya tidak dapat diduga.

Bapusaheb Booty sangat bertuah dan dirahmati kerana di Wadanya terbaring badan suci Baba.

Penghormatan Untuk Baba - Sejahtera Untuk Semua

Bab XL

Cerita - cerita Baba (1)Menghadiri Majlis Udyapan En. Deo sebagai Sannyasi bersama dua orang lagi (Trio) dan - (2) Rumah Hemadpant dalam bentuk GambarNya.

Di dalam Bab ini kita memberikan dua cerita: (1) Bagaimana Baba menghadiri majlis Udyapan ibu En. B.V. Deo di rumahnya di Dahanu dan (2) Bagaimana Baba menghadiri makan malam Shinga di rumah Hemadpant di Bandra.

Pendahuluan

Dirahmati Sri Sai Samartha yang memberikan arahan dalam kedua - dua perkara duniawi dan spiritual kepada para pengikut dan membuatkan mereka bahagia dengan membolehkan mereka mencapai tujuan hidup mereka - Sai, Dia yang apabila meletakkan tanganya di dahi mereka akan memindahkan kuasaNya kepada mereka dan dengan itu memusnahkan perasaan perbezaan, membuatkan mereka mencapai apa yang tidak dapat dicapai. Dia yang memeluk para Bakti yang meniarap di kakiNya tanpa perasaan pendua atau berbeza. Dia menjadi satu dengan para Bakti seperti laut dengan sungai - sungai bila mereka berjumpa semasa musim hujan dan memberikan mereka kuasa dan kedudukan. Dia yang menyanyi Leela Tuhan para Bakti adalah sama atau lebih rapat dengan Beliau daripada seseorang yang menyanyikan Leela Tuhan sahaja. Sekarang beralih kepada cerita - cerita untuk bab ini.

Majlis Udyapan En. Deo

En. B.V. Deo adalah mamlatdar di Dahanu (Daerah Thana). Ibunya telah membuat 20 - 30 nazar yang berbeza dan majlis Udyapan (menyimpulkan) yang berkaitan dengannya akan dilaksanakan. Majlis ini termasuk memberi makan 100 - 200 Brahmin. En. Deo menetap tarikh untuk majlis itu dan menulis surat kepada Bapusaheb Jog meminta dia menjemput Baba bagi pihak dia untuk menghadiri majlis makan - makan, sebab tanpa Beliau majlis tersebut tidak akan menjadi lengkap. Bapusaheb membacakan surat itu kepada Baba. Baba mendengar dengan berhati - hati jemputan yang ikhlas itu dan berkata, " Saya sentiasa ingatkan dia yang mengingati saya. Saya tidak memerlukan kenderaan, pengangkutan, kereta kuda, keretapi ataupun kapal terbang. Saya berlari dan muncul di depan mereka yang memanggil saya dengan kasih sayang. Tuliskan kepadanya balasan yang menyenangkan yang kita bertiga (Trio), Saya, awak dan yang ketiga akan pergi menghadiri majlis itu ". En. Jog memberitahu En. Deo apa yang Baba katakan. Beliau sangat gembira tapi dia tahu Baba tidak pernah pergi ke mana - mana kecuali Rahata, Rui dan Nimgaon. Dia juga tahu tiada yang mustahil bagi Baba sebab dia adalah maha menguasai dan bahawa Dia mungkin tiba - tiba datang dalam apa - apa bentuk yang dia suka dan memenuhi janjiNya.

Beberapa hari sebelum ini, seorang Sannyasi berpakaian Bengali dan mengaku bekerja atas sebab untuk memberi perlindungan kepada lembu - lembu, datang ke stesen - master di Dahanu untuk mengambil sumbangan. Dia kemudian

disuruh pegi ke Bandar dan berjumpa dengan Mamlatdar (Mr. Deo) dan dengan pertolongannya mengutip dana. Mamlatdar baru saja sampai ke sana. Ketua stesen memperkenalkan sannyasi

kepadanya. Mereka duduk bercakap di atas platform. En. Deo memberitahunya bahawa senarai sumbangan untuk lain - lain amal telah pun dibuka oleh Rao Saheb Narrotam Shetti dan adalah tidak elok untuk memulakan senarai langganan yang lain. Dia juga memberitahu bahawa adalah lebih baik untuk melawat selepas 2 atau 4 bulan. Selepas mendengar itu, Sannyasi meninggalkan tempat itu.

Setelah sebulan berlalu, Sannyasi datang dengan kereta kuda dan berhenti di depan rumah En.Deo lebih kurang dalam pukul 10 a.m. Deo menyangkakan dia datang untuk langganan. Melihat dia sibuk dengan persediaan majlis, Sannyasi berkata yang dia bukan datang untuk duit tetapi untuk makanan. Deo berkata, “ Baiklah, sangat gembira, awak dialu - alukan, rumah adalah milik awak “. Sannyasi, “ Ada dua pemuda bersama saya “. Deo, “ Baik, datang dengan mereka “. Oleh kerana masih ada masa (2 jam) untuk makan - makan, Deo bertanya di mana dia harus menghantar untuk mereka. Dia menjawab yang ianya tidak perlu sebab dia akan datang sendiri pada masa yang ditetapkan. Deo memintanya datang pada waktu tengahari. Tepat pada pukul dua belas tengahari, Trio itu datang dan menyertai majlis itu dan selepas makan mereka beredar.

Selepas majlis itu selesai, Deo menulis surat kepada Bapusaheb Jog mengadu tentang Baba tidak menepati Janji. Jog pergi kepada Baba dengan surat itu tetapi sebelum ia dibuka Baba berkata, “ Ah, dia kata yang Saya berjanji untuk datang tetapi mengecewakannya. Beritahu dia Saya ada hadir dengan dua orang yang lain, tetapi dia gagal untuk mengenali saya. Jadi kenapa dia perlu menjemput saya? Katakan pada dia bahawa dia menyangka sannyasi datang untuk sumbangan duit. Tidakkah saya menghilangkan

keraguannya dalam hal itu dan adakah saya tidak memberitahu yang saya akan datang dengan dua orang lagi, dan bukankah Trio datang tepat pada waktunya dan mengambil makan? Lihat, untuk menepati janji Saya, saya sanggup mengorbankan nyawa saya, saya tidak akan melanggar janji Saya “. Jawapan ini melegakan hati Jog dan dia menerangkan kesemua jawapan itu kepada Deo. Sebaik sahaja dia membacanya, dia menangis kegembiraan tetapi dia menyalahkan dirinya kerana menuduh Baba tanpa usul periksa. Dia hairan bagaimana dia boleh tertipu oleh lawatan awal Sannyasi dan dia datang kepadanya untuk sumbangan. Bagaimana dia juga gagal untuk menangkap kepentingan kata - kata Sannyasi yang dia akan datang dengan dua orang lagi untuk makan.

Cerita dengan jelas menunjukkan apabila Para pengikut menyerahkan diri sepenuhnya kepada Sadguru, Dia nampak majlis keagamaan di rumah mereka dijalankan dan mematuhi semua formaliti yang diperlukan.

Majlis makan Shinga Hemadpant

Sekarang mari kita ambil cerita yang lain yang menunjukkan Baba muncul dalam bentuk PotretNya dan memenuhi impian pengikutNya.

Dalam tahun 1971 pada waktu bulan penuh pagi, Hemadpant mendapat visi. Baba muncul di dalam mimpinya dalam bentuk Sannyasi yang bepakaian kemas, membangunkannya dan memberitahu yang Dia akan datang untuk makan pada hari itu. Kebangkitan ini merupakan sebahagian daripada impian. Apabila dia sedar, dia tidak nampak Sai atau Sannyasi. Namun apabila dia mula mengingati semula mimpinya, dia dapat mengingati setiap butir ayat yang Sannyasi ucapkan di dalam mimpinya. Walaupun

dia berhubungan dengan Baba selama tujuh tahun dan walaupun dia selalu bermeditasi ke atas Baba, dia tidak pernah menjangka Baba akan datang makan di rumahnya. Namun begitu, merasa sangat gembira dengan kata - kata Baba, dia pergi kepada isterinya dan memberitahu oleh kerana hari cuti, seorang Sannyasi akan datang sebagai tetamu untuk makan dan sedikit nasi lagi perlu disediakan. Isterinya bertanya mengenai tetamu, siapa dia dan bila dia akan datang. Untuk tidak mengelirukannya dan untuk tidak menyebabkan timbul salah faham dia memberitahu yang sebenar, iaitu, tentang mimpinya. Dengan rasa ragu - ragu dia bertanya adakah mungkin Baba akan datang ke sana (bandra) dari Shirdi, meninggalkan hidangan yang istimewa di sana untuk menerima hidangan biasa mereka. Hemadpant memberi jaminan yang Baba mungkin tidak datang secara peribadi tetapi dia mungkin datang sebagai tetamu maka mereka tidak akan rugi apa - apa kalau masak lebih sikit nasi.

Selepas itu, persediaan untuk makan tengahari terus berjalan dan ianya sudah tersedia pada waktu tengahari. Pemujaan Holika telah dilangsungkan dan daun - daun (hidangan) dibentangkan dan disusun dengan tanda ‘ Rangoli ‘ di sekelilingnya.Dua barisan disediakan dengan tempat duduk di tengah di antara mereka adalah untuk tetamu. Kesemua ahli keluarga - anak - anak lelaki, cucu - cucu lelaki dan perempuan, menantu dan lain - lain sampai dan mengisi tempat duduk masing - masing. Semasa berbagai juadah sedang dihidangkan semua yang hadir tertunggu - tunggukan tetamu tetap tidak ada yang datang walaupun sudah lepas tengahari. Kemudian akhirnya pintu dikunci dan di rantai. Anna shuddi (ghee) sedang dihidangkan. Ini adalah isyarat untuk mula makan. Persembahan formal untuk Vaishwadeva (fire), dan Naivedya to Sri Krishna juga sudah habis dan mereka sudah

hampir hendak bermula apabila terdengar bunyi tapak kaki di tangga. Hemadpant segera menuju ke pintu dan membukanya dan ternampak dua lelaki di sana: (1) Ali Mahomed dan (2) Moulana Ismu Mujavar. Kedua - dua lelaki ini meminta maaf kerana menganggu apabila melihat makanan sudah terhidang dan semua ahli sudah

bersedia untuk makan. Mereka berkata, “ Awak meninggalkan tempat duduk dan berlari untuk kami, yang lain sedang menunggu awak jadi bawa benda ini dan saya akan menceritakan kesemua tentangnya kemudian mengikut keselesaan anda “. Kemudian dia menurunkan dari celah ketiaknya satu paket yang dibungkus menggunakan suratkhabar lama dan meletakkannya di atas meja. Hemadpant membuka bungkusan paket itu dan dia sungguh hairan dan terkejut melihat ianya adalah potret Sai Baba yang besar dan menarik. Dia merasa terharu airmatanya mengalir dan rerambut di badannya terasa berdiri lalu dia membongkok dan meletakkan kepalanya di kaki Baba di dalam potret. Dia merasakan bahawa Baba telah memberkatinya dengan keajaibannya atau Leela. Disebabkan perasaan ingin tahu,dia bertanya kepada Ali Mahomed bila dia mendpat potret tersebut. Dia menyatakan dia membelinya dari kedai dan dia akan memberi keterangan lanjut tentang itu dalam sedikit masa lagi dan menasihatkan Hemadpant supaya pergi dan menyertai ahli keluarganya yang sedang menunggu. Hemadpant berterima kasih kepada beliau, mengucapkan selamat tinggal dan kembali ke meja makan. Potret itu diletakkan di tengah - tengah tempat duduk yang telah disediakan untuk tetamu dan selepas memberikan naivedya, kesemua mereka pun mula makan. Melihatkan bentuk yang indah di dalam potret, semua mereka merasa sungguh berpuas hati dan tertanya - tanya bagaimana semua ini berlaku.

Begutulah cara Baba memenuhi janjiNya di dalam mimpi Hemadpant. Cerita mengenai potret itu dan semua butir keterangan, seperti, bagaimana Ali mahomed mendapatnya, kenapa dia membelinya dan memberikan kepada Hemadpant, disimpan untuk bab seterusnya.

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua

Bab XLI

Cerita Mengenai Potret - Mencuri Kain dan Pembacaan Jnaneshwari.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam bab yang lepas, kita akan menyambung cerita tentang potret.

Sembilan tahun selepas kejadian yang berlaku seperti digambarkan di dalam bab lepas, Ali Mahomed ternampak Hemadpant lalu menerangkan cerita di bawah.

Suatu hari semasa merayau - rayau di jalan - jalan di Bombay, dia membeli potret dengan penjaja jalanan, kemudian diletak ke dalam rangka dan di gantungkan di dinding di rumahnya di Bandra. Oleh kerana dia sayangkan Baba, setiap hari dia mengambil darshan darinya. Tiga bulan sebelum dia

memberikan potret itu kepada hemadpant, dia mengalami bengkak di kakinya di mana pembedahan telah dijalankan dan dia berehat di rumah adik iparnya, En. Noor Mahomed Peerbhoy di Bombay. Sepanjang tiga bulan rumahnya di Bandra bertutup dan tiada siapa yang tinggal di situ. Hanya potret Baba Abdul Rahiman, Moulanasaheb Mahomed Hussain, Baba Sai yang mashyur, Baba Tajudin dan orang - orang Keramat yang lain terdapat di situ. Roda masa pun tidak memeberikan ruang untuk ini. Dia sedang berbaring sakit dan menderita di Bombay. Kenapa potret itu menderita di Bandra. Nampaknya mereka juga ada kelahiran dan kematian. Semua potret bertemu nasib mereka, tetapi potret Sai Baba terselamat. Tiada siapa yang dapat menerangkan kepada saya sehingga sekarang. Ia menunjukkan semua kekuasaan, sifat maha tahu Sai dan kuasa yang tidak dapat diketahui.

Dia mendapat potret kecil Keramat Baba Abdul Rahiman daripada Mahomed Hussain Thariyatopan beberapa tahun lepas. Dia memberikan kepada abang iparnya, Noor Mahomed Peerbhoy dan ia berada di atas mejanya selama lapan tahun. Apabila dia ternampak potret itu, dia terus membawa kepada jurugambar dan membesarkannya kepada saiz sebenar dan mengedarkan salinan kepada kaum keluarga dan kawan - kawan termasuk Ali Mahomed yang meletakkannya di rumahnya di Bandra. Noor Mahimed adalah pengikut Keramat Abdul Rahiman dan apabila dia pergi memberikan potret itu kepada Guru di dalam darbar terbuka, Guru menjadi marah dan memukulnya dan menghalaunya keluar. Dia merasa sangat sedih dan kecewa. Dia berfikir yang dia telah kehilangan banyak duit dan menanggung kemarahan dan rasa tidak puas hati Guru. Oleh kerana Guru tidak suka pemujaan imej, maka dia membawa potret itu ke Apollo Bunder dan selepas menyewa bot, membawa potret dan membuangkan ke dalam laut. Dia juga meminta kembali semua salinan (enam keeping) dari kawan dan keluarganya. Dia menyuruh nelayan membuangnya ke laut Bandra. Pada masa ini Ali mahomed berada di rumah abang iparnya. Dia diberitahu bahawa penderitaannya akan berakhir jika dia segera membuangkan potret orang - orang Keramat ke dalam laut. Mendengar ini, Ali mahomed menghantar Mehta (Pengurus) ke rumahnya di Bandra dan mengambil semua potret - potret itu di rumahnya dan membuang ke laut.

Apabila Ali Mahomed balik ke rumahnya selepas dua bulan, dia sangat terkejut sebab mendapati potret Baba masih di dinding seperti dulu. Dia tidak faham bagaimana Mehtanya mengambil semua potret kecuali ini. Dia segera mengambilnya dan menyimpan di dalam almari, risau kalau abang iparnya nampak, dia akan membuangnya. Ketika dia sedang berfikir bagaimana ia

harus dibuang dan siapa mahu menyimpannya dengan baik, Sai Baba sendiri mencadangkan supaya dia harus berjumpa dan berunding dengan Moulana Ismu Mujavar dan mematuhi cadangannya. Dia berjumpa Moulana dan memberitahu

semuanya. Selepas mempertimbangkan dengan sewajarnya mereka berdua mengambil keputusan yang potret itu harus dihadiahkan kepada Annasaheb (Hemadpant) dan dia akan menjaganya dengan baik. Kemudian meereka berdua pergi berjumpa Hemadpant dan menghadiahkan kepadanya.

Cerita ini menunjukkan bagaimana Baba mengetahui semua yang lepas, sekarang dan masa depan dan bagaimana cekap Dia menggunakan kuasanya dan memenuhi impian pengikut pengikutnya.Cerita seterusnya menunjukkan Baba sangat menyukai mereka yang benar - benar berminat dalam perkara spiritual dan Dia menghilangkan kesemua kesusahan mereka dan membuat mereka bahagia.

Mencuri Kain - kain buruk dan Pembacaan Jnaneshwari En. B.V. Deo Mamlatdar dari Dahanu sudah lama menyimpan hasrat untuk membaca Jnaneshwari - (Ulasan terkenal Marathi ke atas Bhagawad - Gita oleh Jnaneshwar), berserta buku - buku yang lain. Dia boleh membaca satu bab Bhagawad - Gita dalam satu hari dan sebahagian dari buku - buku lain. Namun apabila dia mengambil Jnaneshwari di tangan, beberapa masalah timbul dan dia dihalang dari membacanya. Dia mengambil tiga bulan cuti, pergi ke Shirdi dan dari situ pergi ke rumahmya di Pound untuk berehat. Dia dapat membaca buku - buku lain di sana tetapi bila dia membuka Jnaneshwari, beberapa pemikiran jahat atau sesat menyesakkan mindanya dan memberhentikan usahanya. Walau bagaimana dia mencuba, dia tidak dapat membaca walau beberapa baris buku itu

dengan mudah. Maka dia mengambil penyelesaian di mindanya yang bila Baba mewujudkan rasa sayang pada buku dan mengarah dia membaca, dia tidak akan memulakannya sehingga nanti. Kemudian pada bulan Februari 1914 dia pergi ke Shirdi bersama keluarganya. Di sana Jog bertanya samada dia membaca Jnaneshwari setiap hari, Deo menjawab dia berhasrat untuk membaca tetapi tidak berjaya dan hanya jika Baba mengarahnya untuk membaca dia akan melakukannya. Jog kemudian menasihatkan dia mengambil salinan buku itu dan berikan kepada Baba dan mula membaca selepas ia ditahbiskan dan dikembalikan oleh Beliau. Deo kemudian menjawab yang dia tidak mahu mengambil jalan keluar dengan cara ini kerana Baba tahu hatinya. Adakah dia tidak tahu impian dia dan memuaskannya dengan memberi dia arahan jelas untuk membaca?

Deo kemudian berjumpa Baba dan menawarkan satu rupee sebagai dakshina. Baba meminta Rs. 20/- yang dia beri. Pada waktu malam, dia berjumpa Balakram dan bertanya bagaimana dia mendapatkan kesetiaan dan rahmat Baba. Balakram memberitahu yang dia akan memberitahu semua esok hari selepas Arati. Apabila Deo datang untuk darshana esoknya, baba meminta Rs.20/- yang dia berikan dengan rela. Oleh kerana Masjid penuh sesak, Deo pergi keluardan

duduk di sudut. Baba mengarah dia datang dekat dan duduk dengan minda yang tenang dan Deo melakukannya. Kemudian, selepas Arati tengahari selesai dan selepas orang lelaki bersurai, Deo berjumpa Balakram dan bertanyakan cerita kisah lalunya, apa yang Baba beritahu dia dan bagaimana dia diajar bermeditasi. Balakram baru saja hendak menjawab bila Baba menghantar seorang Chandru, pengikut yang berpenyakit kusta untuk

memanggil Deo berjumpa dengannya. Apabila Deo berjumpa Baba, Baba bertanya bila, dengan siapa dan apa yang dibincangkan. Dia memberitahu dia bercakap dengan Balakram dan mendengar darinya tentang kemasyhuran Baba. Kemudian Baba meminta Rs. 25/- sebagai dakshina yang Deo dengan senang hati memberinya. Baba kemudian membawanya masuk ke dalam dan duduk dekat tiang lalu berkata, “ Awak mencuri kain buruk Saya tanpa pengetahuan Saya “. Deo menafikannya tetapi Baba mengarah dia mencarinya. Dia mencarinya tetapi tidak berjumpa. Baba marah dan berkata, “ Tidak ada orang lain di sini, awak saja pencuri, rambut sudah beruban dan tua, awak datang ke sini untuk mencuri “. Selepas itu Baba hilang sabar dan menjadi liar serta marah - marah. Deo hanya diam dan memerhati dan berfikir dia mungkin kena pukul juga. Lebih kurang sejam kemudian, Baba mengarahnya pergi ke Wada Dia kembali ke Wada dan menceritakan kepada Jog dan Balakram tentang apa yang telah berlaku. Pada waktu tengahari, Baba memanggil semua termasuk Deo dan mengatakan yang kata - katanya mungkin menyakitkan Deo tetapi oleh kerana dia mencuri, dia terpaksa bercakap. Kemudian Baba meminta lagi Rs.12/-. Deo mengambil jumlah tersebut, membayarnya dan meniarap di kakiNya. Baba bertanya, “ Apa yang awak buat? “ “ Tak ada apa - apa “ jawab Deo. Kemudian Baba, “ Pergi membaca Pothi (jnaneshwari) setiap hari, pergi dan duduk di Wada, baca sesuatu setiap hari dan semasa membaca, terangkan bahagian yang dibaca kepada semua dengan rasa sayang dan setia. Saya duduk di sini bersedia memberikan awak semua Shella yang bersulam emas, kenapa pergi mencuri kain buruk orang lain dan kenapa harus mempunyai habit mencuri?”

Deo sangat gmbira mendengar kata - kata Baba, sebab dia mengarahnya untuk mula membaca Pothi. Dia rasa dia telah dapat

apa yang dia mahu dan dapat membaca buku dengan tenang. Sekali lagi dia mniarap di kaki Baba dan mengatakan yang dia menyerahkan dirinya kepada Baba dan dia harus dilayan umpama budak kecil serta dibantu dalam pembacaannya. Dia sedar sekarang apa yang dimaksudkan Baba dengan ‘ mencuri kain buruk ‘. Apa yang dia tanya kepada balakram mewakili kain buruk dan Baba tidak menyukai sikapnya dalam hal ini. Dia bersedia menjawab setiap soalan jadi Baba tidak mahu dia beertanya pada orang lain dan bertanya yang tidak berpatutan.Oleh sebab itu dia memarahinya. Deo berfikir bahawa dia bukannya memarahi tetapi mengajar yang dia sudah beredia untuk memenuhi impiannya, dan tidak ada maknanya bertanyakan orang lain. Deo mengambil kemarahan ini sebagai bunga dan rahmat dan balik ke rumahnya dengan berpuas hati.

Perkara itu tidak berakhir di sini. Baba tidak berhenti hanya dengan memberi arahan untuk membaca. Selepas setahun, Dia pergi kepada Deo dan bertanyakan kemajuan. Pada 2hb April 1914, pagi khamis, Baba memberinya visi mimpi. Dia duduk di lantai di tingkat atas dan bertanya samada dia memahami Pothi. “ Tidak “ jawab Deo. Baba, “ Jadi bila awak hendak memahaminya? “ Deo lalu menangis dan berkata, “ Kecuali jika Awak memandikan saya dengan rahmat, bacaan adalah membimbangkan semata - mata dan memahami masih lagi susah. Saya mengatakan ini pasti. “ Baba, “ Semasa membaca awak sudah tergesa - gesa. Baca di depan saya, dengan kehadiran saya “. Deo, “ Apa yang saya harus baca? “ Baba, “ Baca Adhyatma (spiritualisme)”. Deo membawa buku dan bila membuka matanya dan sudah terjaga. Kita biarkan pembaca membayangkan kegembiraan dan kebahagiaan yang sangat besar dirasai oleh Deo selepas visi tersebut

Penghormstsn Untuk Sri Sai – Sejahtera Untuk Semua

Bab XLII

Baba' s Passing Away

Petanda Sebelum Kejadian - Menghindari Kematian Ramanchandra DadaPati dan Tatya Kotil Patil - Sedekah untuk Laximibai Shinde - Saat Akhir Bab ini menceritakan Pemergian Baba Pendahuluan Cerita yang diterangkan di dalam baba sebelum ini telah menunjukkan cahaya Guru menghilangkan rasa takut kepada kewujudan duniawi, membuka jalan keselamatan dan mengubah kepayahan menjadi kebahagiaan. Jika kita sntiasa mengingati kaki Sadguru, masalah kita akan berakhir, kematian kehilangan sengatnya, kesukaran oleh kewujudan duniawi dipadamkan. Oleh itu, mereka yang mengambil berat tentang kbajikan harus berhati - hati mendengar cerita ini tentang Sai Samarthi, yang akan membersihkan minda mereka.

Pada mulanya, Hemadpant merungkai tentang pemujaan Dr.Pandit dan dia menandakan dahi Baba dengan Tripundra, iaitu, tiga garisan melintang tetapi oleh kerana ini telah diterangkan di dalam bab XI, ini akan ditinggalkan di sini. Petanda Sebelum Kejadian

Pembaca sehingga sekarang telah mendengar tentang cerita tentang kehidupan Baba. Biar mereka mendengar dengan penuh perhatian kisah kematian Baba. Baba mendapat sedikit serangan demam pada 28hb September, 1918.

DemamNya brlanjutan selama dua atau tiga hari tetapi kemudian Baba hilang selera makan dan disebabkan itu dia menjadi semakin lemah.Pada hari ke 17, iaitu, Selasa, 15hb Oktober 1918,Baba

meninggalkan gegelung Fana pada lebih kurang pukul 2.30 p.m. (Vide surat Professor G.G. Narke' s bertarikh 5hb November 1918, kepada Dadasehab Khaparde, diterbitkan di dalam " Majalah Sai Leela ", Muka surat 78, tahun pertama).Dua tahun sebelum ini, iaitu, dalam tahun 1916, Baba memberikan petanda tentang kematiannya, tetapi tidak da yang faham pada waktu itu. Ianya seperti berikut:- Pada hari Vijayadashmi (Dasara) Baba serta merta menjadi liar di waktu malam semasa orang ramai sedang balik dari ' Semollangan ' (menyeberangi sempadan had kampung). Menarik keluar pakaian di kepalanya, kafni dan langota serta lain - lain, dia mengoyakkannya dan membuangnya ke dalam Dhuni di depannya. Api di dalam Dhuni mula menjadi semakin marak dan cahaya Baba masih terang. Dia berdiri di situ telanjang bulat dan dengan matanya yang merah menyala menjerit, " Awak semua, sekarang lihat dan buat keputusan samada saya seorang Muslim atau Hindu ". Semua orang menggeletar ketakutan dan tidak berani menghampiri Baba. Selepas beberapa ketika, Bhagoji Shinde, pengikutNya yang berpenyakit kusta, memberanikan diri mendekati Baba dan berjaya mengikat langot di keliling pinggangnya dan berkata, " Baba, apa semua ini? Hari ini adalah Seemollanghan, iaitu, Dasara Holiday ". Baba memukul tanah dengan satkaNya dan berkata, " Ini adalah Seemollanghan saya (menyeberangi sempadan) ". Baba tidak reda sehingga hampir pukul 11.00 p.m. dan semua orang merasa ragu samada perarakan Chavadi dapat dilakukan pada malam itu. Selepas sejam Baba pulih seperti sedia kala dan berpakaian seperti biasa menghadiri perarakan chavadi sebagaimana diterangkan sebelum ini. Insiden telah memberikan petanda bahawa Dasara adalah masa yang sesuai untuk beliau menyeberagi sempadan kehidupan tetapi tiada yang memahami maksudnya. Baba juga memberikan petunjuk

yang lain sebagaimana di bawah ini:- Menghindari Kematian Ramachandra dan Tatya Patil Tidak lama selepas itu, Ramachandra Pati telah menghadapi sakit teruk. Dia banyak menderita. Dia telah mencuba banyak ubat tetapi tidak bejaya sehingga dia merasa putus asa dan hanya menunggu saat - saat akhir. Tiba - tiba pada suatu malam Baba berdiri di sisi bantalnya. Patil memegang kakiNya dan berkata, " Saya telah hilang segala harapan untuk hidup, tolong beritahu saya dengan jelas bila saya akan mati ". Baba yang baik hati berkata, " Jangan terlalu teruja, hundi awak (warren kematian) telah ditarik balik dan awak akan sembuh tidak berapa lama lagi tetapi saya risau tentang Tatya Patil. Dia akan meninggal

dunia pada Vijayadashami Shaka 1840 (1918 A.D.). Jangan beritahu ini kepada sesiapa pun ataupun dia sendiri sebab dia akan menjadi sangat takut ". Ramachandra telah sembuh tetapi dia merasa cemas tentang kehidupan Tatya, sebab dia tahu kata - kata Baba adalah tidak boleh diubah dan Tatya akan menghembuskan nafas terakhir dalam masa dua tahun lagi. Dia merahsiakan petanda ini, tanpa memberitahu sesiapa kecuali Bala Shimpi (tukang jahit). Hanya dua orang - Ramachandra Dada dan Bala Shimpi yang merasa cemas mengenai kehidupan Tatya.

Ramachandra Dada tidak lama selepas itu telah mampu berjalan semula. Masa berlalu dengan cepat. Bulan untuk Bhadrapad daripada Shaka 1840 (1918 A.D.) telah berakhir dan Ashwin sedang muncul. Kata - kata Baba adalah benar apabila Tatya jatuh sakit dan hanya berbaring di katil sahaja. Maka dia tidak dapat hadir untuk darshan. Baba juga sedang demam. Tataya mempunyai penuh keyakinan kepada Baba dan Baba kepada Tuhan Hari yang melindungiNya. Penyakit Tatya mula meningkat menjadi semakin

teruk dan dia tidak mampu untuk bergerak langsung tapi sentiasa mengingati Baba. Keadaan Baba juga bertambah teruk. Hari yang diramalkan iaitu Vijayadashami semakin dekat dan kedua - dua Ramanchandra dan Bala Shimpi menjadi sangat takut tentang Tatya dan dengan badan yang menggeletar dan berpeluh ketakutan, memikirkan sebagaimana diramalkan oleh Baba, saat akhir Tatya adalah semakin dekat. Vijayadashami bersinar dan nadi Tatya mula berdenyut dengan perlahan dan dia dijangka akan meninggal sekejap lagi. Namun perkara yang menjadi tanda tanya telah berlaku. Tatya masih kekal, kematiannya dapat dielakkan tetapi Baba yang meninggal dunia menggantikan dia. Ia seperti seolah - olah berlaku pertukaran. Mereka mengatakan Baba memberikan nyawanya untuk Tatya. Kenapa dia melakukannya? Hanya dia sendiri yang tahu dan cara dia sukar untuk diduga. Nampaknya, dalam insiden ini, Baba sebenarnya memberi petanda mengenai kematianNya sendiri menggantikan nama Tatya untuk diriNya.

Keesokan pagi (16th Oktober) Baba muncul di depan Das Ganu di Pandharpur di dalam mimpinya dan mengatakan kepadanya, “ Masjid runtuh, semua pekerja - pakerja di bahagian pengangkutan dan di bazar banyak mengusik saya jadi saya meninggalkan tempat itu. Oleh itu saya datang untuk memberitahu awak, tolong pergi ke sana dengan segera dan lindungi saya dengan ‘ Bunga Bhakkal ‘. Das Ganu juga mendapat surat dari Shirdi. Dia datang ke Shirdi dngan muridnya dan memulakan bhajan dan kirtan serta menyanyikan lagu nama Tuhan, sepanjang hari sebelum Samadhi Baba. Dia sendiri menenun kalungan bunga yang cantik yang disematkan dengan nama Tuhan Hari diletakkan di atas Samadhi Baba dan memberi makanan besar - besaran di atas nama Baba. Sedekah untuk Laxmibai

Dasara atau Vijayadashami dianggap oleh semua penganut Hindu sebagai masa yang paling bertuah dan ia bersesuaian yang Baba memilih masa ini untuk menyeberangi sempadan. Dia sakit beberapa hari sebelum itu tetapi tetap peka di dalam. Sebelum pergerakan terakhir dia duduk tegak tanpa bantuan sesiapa. Mereka menyangkakan bahaya sudah berakhir dan dia sudah sembuh. Dia mengetahui bahawa Dia akan meninggal dunia sebentar lagi oleh itu, Dia hendak memberikan duit untuk sedekah kepada Laxmibai Shinde.

Baba Berkuasa ke atas Semua Makhluk

Laxmibai Shinde adalah seorang wanita yang baik dan kaya. Dia bekeerja di Masjid siang dan malam. Kecuali Bhagat Mhalasapati, Tatya dan Laxibai, tiada siapa yang dibenarkan memijak kaki ke Masjid pada waktu malam. Satu ketika Baba sedang duduk bersama Tatya, Laxmibai datang dan memberi penghormatan pada Baba. Baba memberitahu kepada dia, “ Oh Laxmi, Saya sangat lapar “. Dia terus pergi selepas berkata, “ Baba, tunggu sebentar. Saya akan kembali dengan cepat membawa roti “. Dia kembali membawa roti dan sayur - sayuran dan meletakkannya di depan Baba. Dia mengambilnya dan memberikan kepada anjing. Laxmibai kemudian bertanya, “ Apa semua ini Baba, Saya berlari tergesa - gesa, menyediakan roti dengan tangan saya sendiri untuk Awak dan Awak melontarnya kepada anjing tanpa makan sedikit pun. Awak menyusahkan saya dengan benda yang tak penting “. Baba menjawab, “ Kenapa awak bersedih hati tanpa sebab? Penenangan ke atas anjing yang lapar adalah sama seperti saya. Anjing mempunyai jiwa. Makhluk munkin berbeza tetapi kelaparan untuk semua adalah sama, walaupun ada yang bercakap dan yang lain bisu. Ketahuilah dengan pasti, bahawa dia yang

memberi makan untuk yang kelaparan, benar - benar memberikan saya makanan. Anggap ini sebagai Kebenaran yang tidak dapat dibantah “. Ini adalah insiden biasa tetapi Baba dengan itu mengemukakan kebenaran spiritual yang bsar dan menunjukkan aplikasi praktikal dalam kehidupan harian tanpa menyakiti perasaan sesiapa. Sejak waktu itu Laxmibai mula memberikan Beliau roti setiap hari dan air susu dengan kasih sayang dan kesetiaan. Baba menerima dan memakan dengan penghargaan. Dia mengambil sebahagian daripadanya dan menyuruh Laxmibai memberi kepada Radha - Krishna - Mai yang sentiasa gemar memakan sisa Prasad Baba. Kisah roti ini tidak harus dianggap sebagai menyimpang. Ia menunjukkan bagaimana Baba menerap semua makhluk dan melebihkan mereka. Dia adalah maha besar, tidak dilahirkan, tidak mati dan abadi.

Baba mengingati khidmat Laxmibai. Bagaimana dia hendak melupakannya? Sebelum Beliau meninggalkan badannya, Beliau memasukkan tangan ke dalam poket dan memberikan sekaligus Laxmibai Rs5/-, dan sekali lagi Rs.4/-, yang

menjadikan jumlahnya Rs.9/-.Jumlah ini (9) menunjukkan sembilan jenis pengabdian yang diterangkan dalam bab 21 atau ia mungkin dakshina yang ditawarkan pada masa Seemollanghan. Laxmibai adalah seorang yang kaya jadi dia tidak memerlukan duit. Jadi Baba mungkin mencadangkan kepadanya dan memberi notis jelas kepadanya tentang sembilan karektor murid yang baik yang disebut di dalam ayat keenam bab sepuluh, skanda sebelas daripada Bhagwat. Lima yang pertama dan empat karektor disebut di dalam petikan pertama dan kedua.* Baba menurut susuban, mula - mula memberikan Rs.5/- dan kemudian Rs.4/- yang berjumlah Rs.9/- kesemuanya. Bukan sahaja sembilan, tetapi

banyak kali sembilan rupee diberikan melalui tangan Laxmibai, tetapi hadiah sembilan dari Baba akan dia ingati selamanya.

Sebagai seorang yang sentiasa berjaga - jaga dan peka. Baba juga mengambil langkah berjaga - jaga yang lain di akhir waktunya. Supaya Dia tidak terlibat atau terikat dengan cinta dan kasih sayang kepada para pengikutNya, dia mengarah mereka semua mengosongkan tempat itu. Kakasahb Dixit, Bapusaheb Booty dan beberapa orang yang lain berada di dalam Masjid cemas menunggu kepadanya, tetapi Baba mengarahkan mereka pergi ke Wada dan kembali selepas makan. Mereka tidak dapat meninggalkan Baba di dalam keadaan itu tetapi tidak dapat juga membantah arahanNya. Maka dengan hati dan langkah yang berat mereka pergi ke Wada. Mereka tahu kes Baba adalah serius dan meeka tidak dapat melupakannya. Mereka duduk makan tetapi minda mereka di tempat lain, iaitu bersama Baba. Sebelum mereka selesai, berita datang kepada mereka bahawa Baba telah meninggalkan gegelung fana. Meninggalkan makanan, mereka berlari ke Masjid dan mendapati Baba akhirnya berehat di pangkuan Bayaji. Dia tidak jatuh ke lantai, tidak juga berbaring di atas katilNya, tetapi duduk dengan senyap di tempat dudukNya dan membuat amal dengan tangannya sendiri membuang gegelung fana. Orang - orang Keramat menjelmakan diri mereka dan datang ke dunia ini dengan misi yang tidak terhad. Selepas ianya ditunaikan merka akan meninggal dunia dengan senyap dan mudah sepertimana mereka datang.

Penghormatan Untuk Baba - Sejahtera Untuk Semua

Bab XLIII & XLIV

Kematian Baba (Sambungan)

Persediaan - Samadhi - Mandir - Memecah Batu - 7 Samadhi 2 jam - Sannyas Jog - kata - kata Baba Umpama Nektar

Baba 43 dan 44 menyambung cerita mengenai kematian Baba dan untuk itu ia diambil bersama.

Persediaan Sebelum

Ianya amalan biasa di kalangan penganut Hindu apabila seseorang meninggal dunia, beberapa kitab yang baik dibaca kepadanya dengan tujuan agar mindanya menarik diri dari perkara - perkara duniawi dan menetapkan hal spiritual sahaja supaya progress masa depannya lebih natural dan mudah. Semua tahu yang Raja Parikshiti telah disumpah oleh anak Brahmin Rishi dan hampir mati selepas seminggu, Sage Shuka yang hebat menjelaskan kepada beliau Bhagawat Puran yang terkenal dalam minggu itu.Amalan ini masih dibuat sehingga kini dan Gita, Bhagawat dan buku - buku suci yang lain dibaca kepada mereka yang hampir menemui ajal. Baba sebagai penjelmaan Tuhan tidak memerlukan bantuan tersebut, tetapi untuk menjadi contoh kepada orang ramai, dia mengikut amalan itu. Apabila dia mengetahui bahawa dia akam meninggal dunia tidak lama lagi, dia mengarahkan seorang yang bernama En.Vaze untuk membaca Ramavijaya kepada beliau. En.Vaza membaca sekali seminggu. Kemudian Baba memintanya membaca untuknya lagi setiap hari dan malam dan dia menghabiskan bacaan kedua dalam tiga hari. Dengan itu sebelas hari sudah berlalu. Kemudian dia membaca lagi untuk tiga

hari sehingga sangat letih. Maka Baba menyuruhnya pergi dan supaya berdiam diri. Dia tinggal sendirian dan hanya menunggu saat akhirnya.

Dua atau tiga hari sebelum, Baba telah memberhentikan aktiviti pagi dan tidak mengemis seperti kebiasaannya tetapi hanya duduk di Masjid. Dia peka dengan hari - hari akhirnya. Dan menasihati para pengikut supaya tidak berputus asa. Dia tidak memberitahu sesiapa waktu sebenar pemergiannya. Kakasaheb Dixit dan Shriman Booty setiap hari makan bersamanya. Pada hari itu (15hb Oktober) selepas arati, dia mengarahkan mereka makan di rumah sendiri. Namun masih ada beberapa orang, iaitu, laxmibai Shinde, Bhagoji Shinde, Bayaji, laxman Bala Shimpi dan Nanasaheb Nimonkar berada di situ. Shama sedang duduk di atas tangga. Selepas memberikan Rs. 9/- kepada Laxmibai Shinde, Baba memberitahu bahawa Dia merasa tidak selesa di sana (di Masjid) dan Dia harus dibawa ke Dagadi (batu) Wada of Booty, dan dia akan merasa selesa. Selepas mengeluarkan kata - kata terakhir itu, bersandar di badan Bayaji dan menghembuskan nafas yang terakhir. Bhagoji perasan yang nafasnya sudah berhenti dan dia segera memberitahu Nanasaheb Nimonkar yang sedang duduk di bawah. Nanasaheb membawa sedikit air dan menuangkan kemulut Baba. Air itu terkeluar. Kemudian dia menangis dengan kuat, Oh Deva ‘. Baba seperti membuka mata dan berkata ‘ Ah ‘ dalam nada perlahan. Namun kemudiannya ia

nampak dengan jelas bahawa Baba telah meninggalkan badannya untuk kebaikan.

Berita tentang pemergian baba tersebar seperti api yang ganas di seluruh kampung di Shirdi. Lelaki dan wanita serta kanak - kanak berlari ke Masjid dan mula meratapi kehilangan ini dengan

pelbagai cara. Ada yang menangis kuat, ada yang berlari ke jalan - jalan dan ada pula yang jatuh tidak bermaya. Semua mengalirkan air mata dan semua orang dilanda kesedihan.

Kemudian persoalan timbul - Bagaimana untuk menguruskan mayat Baba? Beberapa orang (Mahomedan)mengatakan mayatnya harus dikebumikan di kawasan lapang dan kubur dibina di atasnya. Even Khushalchand and Amir Shakkar bersetuju dengan cadangan ini. Namun begitu, Ramanchandra Pati, pegawai kampung berkata kepada orang - orang kampung dengan suara tegas, " Pemikiran anda tidak boleh diterima. Badan Baba tidak akan diletakkan ke mana - mana melainkan di dalam Wada ". Masing - masing tidak sependapat dan perbincangan untuk pengkebumian baba berlansung selama 36 jam. Pada pagi Rabu, Baba muncul kepada Laxman Mama Joshi di dalam mimpinya dan menarik tangannya lalu berkata, " Cepat bangun, Bapusaheb fakir Saya sudah mati jadi dia tidak mahu datang. Awak lakukan pemujaan dan arati pagi ".Laxman adalah astrologi kampung. Dia adalah seorang ortodoks dan setiap hari memuja Baba pada waktu pagi kemudiam semua dewa - dewi. Dia mempunyai sepenuh kepercayaan kepada Baba. Selepas visi itu, dia datang dengan semua material untuk pooja dan tidak mengenepikan protes dari orang - orang yang bijaksana, dia melakukan pooja dan arati pagi menurut semua formaliti dan kemudian beredar. Pada waktu tengahari Bapusaheb Jog datang dengan semua yang lain dan menjalankan upacara arati tengahari seperti biasa. Untuk menghormati kata - kata Baba mereka mengambil keputusan meletakkan badan Baba di dalam Wada dan mula menggali di bahagian tengah Wada. Pada hari Selasa, di waktu petang, seorang Sub - Inspektor datang dari Rahata dan yang lain - lain juga dari merata tempat datang dan mereka semua brsetuju dengan

cadangan itu. Esok paginya Amirbai datang dari Bombay dan Mamlatdar dari Kopergaon. Masih lagi mereka semua tidak bersepakat di mana untuk meletakkan badan Baba. Mamlatdar akhirnya mengambil plebesit umum dan mendapati bahawa cadangan menggunakan Wada dua kali ganda lebih banyak dari yang lain - lain. Walau bagaimanapun, dia mahu merujuk perkara ini kepada pemungut dan Kakasaheb Dixit bersedia untuk pergi ke Ahmednagar. Sementara itu, dengan inspirasi Baba terdapat perubahan dalam pendapat orang ramai. Mereka telah sebulat suara bersetuju untuk menggunakan Wada. Pada malam Rabu, mayat Baba telah dibawa di dalam perarakan lalu dibawa ke Wada dan dikebumikan dengan formaliti di dalam garbha, iaitu,

bahagian tengah yang telah disediakan untuk Murlidhar. Baba menjadi Murlidhar dan kuil menjadi kuil suci, di mana banyak para pengikut telah pergi dan sedang pergi kini untuk berehat dan ketenangan. Segala upacara pemakaman dilakukan oleh Balasehab dan Upasani, pengikut Baba yang setia. Pemecahan Batu Bata Beberapa hari sebelum pemergian Baba, berlaku gerak batin yang menyenangkan aktiviti. Di dalam Masjid terdapat batu yang lama yang baba selalu gunakan untuk merehatkan tangannya. Di waktu malam dia akan bersandar di batu tersebut dan melakukan asan. Ini berlaku bertahun tahun lamanya. Suatu hari semasa ketiadaan Baba, seorang budak yang menyapu lantai, mengangkat menggunakan tangannya dan malangnya ia terlepas lalu jatuh dan pecah kepada dua. Bila Baba mendapat tahu, Beliau menangis meratapi kehilangannya, “ Ia bukannya Saya yang pecah tetapi nasib Saya yang telah pecah menjadi hancur. Ia adalah teman sehidup Saya, dengannya saya selalu bermeditasi, ia seolah - olah nyawa Saya dana ia meninggalkan Saya hari ini “. Mungkin ada yang bertanya, “ Kenapa Baba harus meluahkan kesedihannya

terhadap benda yang tidak bernyawa macam bata? “ Untuk ini Hemadpant menjawab Orang - orang Keramat menjelma di dalam dunia ini dengan misi ekspres untuk menyelamatkan manusia miskin yang tidak berdaya, dan apabila mereka menjelmakan diri mereka, bercampur dan bertindak dengan mereka, bertindak seperti mereka, iaitu secara luaran ketawa, bermain dan menangis seperti orang lain tetapi secara dalaman mereka sedar tentang tugas dan misi mereka.

72 jam Samadhi

Tiga puluh dua tahun sebelum ini, iaitu, pada 1886 A.D., Baba membuat percubaan untuk menyeberangi garisan sempadan. Pada hari Margashirsha Pournima (bulan penuh), Baba mengalami serangan asthma yang teruk. Untuk menyembuhkannya Baba membuat keputusan untuk mengambil pran di kawasan tinggi dan pergi bersamadhi. Dia berkata kepada Bhagat Mhalsapati, “ Jaga badan saya selama tiga hari. Jika saya kembali, ia akan baik. Jika tidak, kuburkan Badan Saya di tempat yang luas (menunjuk ke situ) dan letakkan dua bendera sebagai tanda “. Selepas berkata - kata begitu, Baba terjatuh lebih kurang pukul 10 p.m. Pernafasannya berhenti begitu juga dengan nadiNya. Ia seperti prana Beliau meninggalkan badanNya. Semua orang termasuk penduduk kampung datang ke sana dan hendak memegang dan memikul badanNya untuk dikuburkan di tempat yang telah ditunjukkan oleh Baba tetapi Mhalasapati menghalang mereka. Dengan badan Baba di atas pangkuannya, dia duduk selama tiga hari menjagaNya. Selepas tiga hari berlalu, Baba menunjukkan tanda bernyawa pada pukul 3 a.m. Dia mula bernafas, abdomenNya mula

bergerak, mataNya terbuka dan Dia meregang tangan dan kakiNya. Baba hidup semula.

Melalui ini dan contoh - contoh lain , biar pembaca pertimbangkan samada Baba adalah badan yang tiga setengah hasta yang ditumpang selama beberapa tahun dan yang Dia tinggalkan selepas itu atau di dalam Dia adalah DiriNya. Badan yang terdiri daripada lima elemen adalah mudah musnah dan fana, tetapi Diri yang di dalam adalah 'Perkara ' - Realiti Mutlak yang abadi dan fana. Makhluk tulen, kepekaan atau Brahma, Penguasa dan Pengawal deria-deria dan minda adalah ' perkara ' Sai. Ini meliputi semua perkara - perkara di alam semesta dan tidak ada tempat yang tanpanya. Untuk memenuhi misi Dia menganggap badanNya dan selepas ia dipenuhi, Dia akan membuang badan itu (aspek terhingga) dan dianggap aspek terhinggaNya. Sai pernah tinggal sebagai penjelmaan sebelum Tuhan Datta, Sri Narsimha Saraswati dari Ganapur. PemergianNya adalah dari aspek luaranNya sahaja tetapi sebenarnya dia meliputi semua benda bernyawa dan yang tidak bernyawa dan ini adalah Penguasaan dan Pengawalan dalaman. Ini boeh jadi, dan malahan sekarang dialami oleh mereka yang menyerah diri sepenuhnya kepada Beliau dan memuja Beliau dengan pengabdiaan sepenuh hati.

Walaupun ianya mustahil untuk kita melihat bentuk Baba sekarang, namun jika kita peergi ke Shirdi, kita akan lihat potret indahNya mnghiasi Masjid. Ini telah dilukis oleh Shamrao Jaykar, artis terkenal dan ternama, salah seorang pengikut Baba. Untuk pemerhati yang imaginative dan taat potret ini dapat memberikan kepuasan seperti mngambil darshana. Walaupun Baba sudah tidak mempunyai badan sekarang, Dia tinggal di sana dan di mana - mana, dan akan melaksanakan kebajikan pengikut pengikut

malahan sehingga kini sebagaimana yang dia lakukan sebelum dia dijelmakan. Orang - orang Keramat seperti Baba tidak mati, walaupun mereka nampak macam manusia, mereka pada hakikatnya Tuhan itu sendiri.

Sannyas Bapusaheb Jog

Hemadpant menutup bab ini dengan menceritakan Sannyas Jog. Sakharam Hari alias Bapusaheb Jog adalah bapa saudara kepada Varkari Vishnubuva Jog dari Poona. Selepas bersaradari berkhidmat dengan kerajaan (Dia adalah Penyelia di dalam Jabatan P.W.) dalam tahun 1909 A.D., dia datang dan tinggal di Shirdi bersama isterinya. Dia tidak mempunyai anak. Kedua - dua suami isteri sayangkan Baba dan menghabiskan masa mereka memuja dan berkhidmat untuk Baba. Selepas kematian Megha, Bapusaheb melakukan upacara arati setiap hari di dalam Masjid dan Chavadi sehingga maha - samadhi Baba. Dia juga ditugaskan membaca dan menjelaskan Jnaneshwari dan Ekanathi Bhagawat di Wada Sathe kepada pendengar. Setelah berkhidmat untuk bertahun

- tahun lamanya, Jog bertanya kepada Baba, “ Saya telah berkhidmat lama dengan Awak, minda saya belum lagi tenang dan tetap, kenapa pergaulan saya dengan Orang - orang Keramat tidak meningkatkan saya? Bila awak akan merahmati saya? “ Mendengar doa BaktiNya, Baba menjawab, “ Dalam masa yang sewajarnya perbuatan buruk awak (hasilnya atau keputusan) akan musnah, merit awak dan demerit awak akan berkurangan menjadi debu - debu. Saya akan pertimbangkan untuk merahmati awak, bila awak akan melepaskan diri dari ikatan, menakluki nafsu dan lelangit, dan menghapuskan halangan, berkhidmat untuk Tuhan sepenuh

hati dan berjalan keluar dengan mangkuk mengemis (menerima sannyas) “. Tidak berapa lama selepas itu, perkataan Baba menjadi kenyataan. Isterinya mendahuluinya dan dia tidak lagi mempunyai ikatan, dia menjadi bebas dan menerima sannyas sebelum kematiannya dan menyedari tujuan hidupnya.

Kata - kata Baba umpama Nektar

Sai Baba yang baik hati dan pemurah, brcakap banyak kali perkataan manis di Masjid seperti berikut - “ Dia yang menyayangi Saya lebih, sentiasa melihat Saya. Dunia ini adalah sepi tanpa Saya., Dia hanya bercerita tentang Saya, dia bermeditasi ke atas saya tanpa henti dan sentiasa menyanyikan nama Saya. Saya rasa terhutang padanya yang menyerahkan diri sepenuhnya kepada Saya dan mengingati Saya selamanya. Saya akan membayar hutang dengan memberinya keselamatan (kesedaran diri). Saya bergantung kepada dia yang berfikir dan berlapar selepas dan yang tidak makan apa - apa tanpa menawarkan kepada Saya. Dia yang selepas itu datang kepada Saya, menjadi satu dengan saya, seperti sungai pergi ke laut dan bersatu dengannya. Maka tinggalkan kebanggaan dan keegoan dan tanpa kesan mereka, awak harus menyerah diri awak kepada Saya yang duduk di dalam hati awak “.

Siapa SAYA ini?

Sai baba menjelas banyak kali tentang Siapa SAYA. Dia berkata ‘ Awak tidak perlu pergi jauh atau ke mana - mana untuk mencari Saya. Sekatan nama awak dan bentuk, di sana wujud di dalam kamu, juga di dalam semua makhluk, rasa Kepekaan pada Kewujudan. Itu adalah Diri saya. Dengan mengetahui ini, awak nampak Saya dalam diri awak, juga di dalam semua makhluk.

Kalau awak amalkan ini, awak akan sedar semua keluasan, dan untuk itu mencapai kesatuan dengan Saya “.

Hemadpant, dengan itu memberi tunduk hormat kepada pembaca - pembaca dan memohon mereka dengan rendah diri dan kasih sayang supaya menyayangi dan menghormati semua Tuhan, Orang - orang Keramat dan para pengikut.

Bukankah Baba selalu berkata “ Dia yang mengumpat dan mengecam orang

lain, menusuk Saya di jantung dan mencederakan Saya tetapi Dia yang menderita dan bersabar, sangat menggembirakan saya “. Oleh itu, Baba menyelimuti semua makhluk dan menyerang mereka dari semua sudut. Dia menyayangi semua makhluk. Seperti nektar, ambrosia yang tulen dan bertuah sentiasa mengalir dari bibir Baba. Oleh itu, Dia membuat kesimpulan - Mereka yang menyanyikan kemasyhuran Baba dengan kasih sayang dan mereka yang mendengar dengan perasaan yang sama dengan kesetiaan, kedua - duanya bersatu dengan Sai.

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua

Bab XLV

Keraguan kakasaheb dan Visi Anandrao - Papan Kayu Menggantikan Tempat Tidur dan Bukan Milik Bhagat

Pendahuluan

Kita telah menceritakan di dalam tiga bab yang lepas mengenai Pemergian Baba. FizikalNya telah lenyap dari pandangan kita tetapi bentuk spiritual (spirit Baba) sentiasa hidup. Leela yang berlaku semasa hidupNya telah diulas dengan panjang lebar sehingga sekarang. Semenjak pemergianNya, Leela yang segar telah mengambil alih dan ia malahan berlaku sekarang. Ini jelas menunjukkan bahawa Baba sentiasa hidup dan membantu para pengikutNya seperti sebelumnya. Mereka yang bergaul dengan Baba semasa hidupNya, sangat beruntung tetapi jika ada di antara mereka tidak dapat menghilangkan rasa keinginan pada perkara - perkara dan keseronokan duniawi dan minda mereka tidak memikirkan Tuhan, maka ia adalah semata - mata nasib buruk mereka. Apa yang diperlukan dulu dan sekarang adalah pengabdian sepenuh hati kepada Baba. Kesemua deria - deria, organ - organ, dan minda harus bekerjasama dalam pemujaan dan berkhidmat untuk Baba. Adalah tidak bermakna melibatkan beberapa organ di dalam pemujaan tetapi memesongkan yang lain. Jika perkara seperti pemujaan dan pengabdiaan hendak dibuat, ia harus dibuat dengan seluruh minda dan jiwa.

Cinta wanita yang memelihara kehormatanya terhadap suaminya kadangkala dibandingkan dengan kasih sayang murid terhadap Guru. Namun cinta terhadap Guru sebenarnya tidak dapat dibandingkan.Tidak ada, samada ayah, ibu, adik beradik atau

saudara - mara, datang membantu dalam mencapai tujuan hidup (kesedaran diri). Kita harus keluar dan merentasi laluan Kesedaran diri kita sendiri.Kita harus mendiskriminasi di antara yang Nyata dengan yang Tidak Nyata, menghilangkan perkara - perkara dan keseronokan duniawi, mengawal deria - deria dan minda dan bercita - cita untuk pembebasan sahaja. Daripada

bergantung kepada orang lain, kita harus mempunyai keyakinan penuh kepada diri kita sendiri. Bila kita mula mengamalkan diskriminasi, kita akan tahu bahawa dunia ini fana dan tidak nyata dan keghairahan kita pada perkara duniawi akan berkurangan, dan akhirnya kita akan hilang keghairahan atau tiada ikatan untuk mereka. Kemudian kita akan tahu bahawa Brahma itu tidak lain adalah Guru kita, realiti tunggal dan oleh kerana ia mengatasi dan dilanda alam semesta, kita mula memujanya dalam semua makhluk. Ini adalah penyatuan bhajan atau pemujaan. Apabila kita memuja Brahma atau Guru sepenuh hati maka kita akan bersatu denganNya dan mencapai kesedaran diri. Secara ringkasnya, selalu menyebut nama Tuhan dan bermeditasi atasNya membolehkan kita melihatNya di dalam semua makhluk dan memberikan kebahagiaan yang abadi kepada kita. Certia yang seterusnya akan menerangkan ini.

Keraguan Kakasehab dan Visi Anandrao

Ia telah diketahui bahawa Sai Baba telah mengarahkan Kakasaheb Dixit untuk membaca setiap hari sebanyak dua hasil kerja dari Sri Ekanath: (1) Bhagawat dan (2) Bhawartha Ramayam.Kakasaheb membaca ini setiap hari semasa Baba masih hidup malahan sehingga selepas pemergian Baba, dia masih mengamalkannya. Kakasaheb pernah membaca di rumah Kaka Mahajani di Choupati,

Bombay, Ekanath Bhagawat pada pagi hari. Madhavarao Deshpande alias Shama dan Kaka Mahajani pada masa itu ada bersama dan mendengar dengan penuh tekun bacaan tersebut iaitu, bab kedua, skanda 11daripada buku itu. Dalam sembilan Nathas atau Siddhas daripada keluarga Rishabha, iaitu, Kavi, Hari, Antariksha, Prabuddha, Pippalayan, Avirhotra, Drumil, Chamas dan Karabhajan menjelaskan prinsip Bhagawat Dharma kepada Raja Janak. Dia bertanya soalan yang paling penting tentang kesemua sembilan Nathas dan semua jawapan yang diberikan untuk kesemua soalan adalah memuaskan.Yang pertama, iaitu, Kavi menerangkan apa itu Bhagawat Dharma; Hari, karektor seorang Bakti (pengikut); Antaariksha, Apa itu Maya; Prabuddha, Bagaimana menyeberangi Maya; Pippalayan, Apa itu Para - Brahma; Avirhotra, Apa itu Karma; Drumil, Penjelmaan Tuhan dan perbuatan - perbuatan mereka; Chamas, bagaimana bukan pengikut dinilai selepas mati; Karabhajan, mod yang berbeza untuk memuja Tuhan bagi pelbagai peringkat umur. Bahan untuk semua pameran adalah dalam umur Kali, satu - satunya cara pembebasan adalah mengingati Tuhan Hari atau Kaki Guru. Selepas pembacaan selesai, kakasehab berkata dalam nada gundah - gulana kepada Madhavrao dan yang lain - lain, “ Betapa indahnya sembilan Nathas pada Bakti atau pengabdian. Namun, pada masa yang sama betapa susah untuk menjadikannya amalan! Nathas adalah sempurna tetapi adakah mustahil untuk orang bodoh macam kita hendak mencapai pengabdian seperti yang digariskan oleh mereka? Kita tidak akan mendapatnya walaupun selepas beberapa kali dilahirkan. Jadi bagaimana kita

hendak mendapat keselamatan? Ia kelihatan seolah - olah tidak ada harapan untuk kita “. Madhavarao tidak sukakan sikap pesimis Kakasaheb. Dia berkata, “ Kasihan pada orang yang bernasib baik

mendapat permata(Guru) as Baba, berseru dengan hinaan. Kalau dia mempunyai kepercayaan yang tidak berbelah bahagi terhadap Baba, kenapa dia merasa resah? Bakti kepada Nathas mungkin kuat dan penyayang? Bukankah Baba memberitahu kita yang dengan mengingati dan menyebut nama Hari dan Guru memberikan keselamatan? Jadi di manakah sebab untuk merasa takut dan resah? Kakasaheb tidak berpuas hati dengan penerangan Madhavarao. Dia masih terus resah dan gelisah, sepanjang hari, memikir dan bersugul. Dia memikirkan bagaimana hendak mendapat Bakti kuat daripada Nathas. Pada esok pagi, keajaiban berikut berlaku.

Seorang lelaki, yang bernama Anandraopakhade datang ke sana untuk mencari Madhavarao. Pembacaan Bhagawat kemudian berlangsung. En. Pakhade duduk berhampiran Madhavarao dan sedang membisikkan sesuatu kepada beliau. Dia memberitahu tentang visi mimpinya dengan suara perlahan. Oleh kerana ada sedikit gangguan dalam bacaan kerana bisikan ini, Kakasaheb menghentikan bacaannya dan bertanya kepada Madhavarao apakah masalahnya. Dia berkata, “ Semalam awak meluahkan keraguan, sekarang ini adalah penerangannya. Dengarkan visi En. Pakhade yang Baba berikan, menerangkan karektor tentang ‘ menyelamat ‘ pengabdian dan menunjukkan yang pengabdian dalam bentuk memberi tunduk hormat kepada atau pemujaan kepada, kaki Guru adalah mencukupi “. Semua merasa teruja untuk mendengar visi terutama sekali Kakasaheb. Atas cadangan mereka En. Pakhade mula menceritakan vision itu seperti berikut.

Saya sedang berdiri di dalam lautan yang kedalamannya mencecah pinggang. Di sana saya ternampak Baba secara tiba - tiba. Dia sedang duduk di atas takhta yang indah tersemat dengan berlian,

dengan kakinya di dalam air. Saya sangat gembira dan berpuas hati dengan bentuk Baba. Visi itu sungguh realistic sehingga saya tidak merasakan ianya mimpi. Dengan penuh rasa ingin tahu Madhavarao juga berdiri. Dia berkata kepada saya dengan penuh semangat - ‘ Anandrao, jatuh ke kaki Baba ‘. Saya menyertai semula - “ Saya juga berhasrat untuk melakukan yang sama tetapi kakinya di dalam air. Bagaimana saya hendak meletakkan kepala saya ke atasnya? Saya tidak berdaya “. Mendengar itu, dia berkata kepada Baba - “ Oh Deva, keluarkan kaki awak dari dalam air “. Kemudian Baba segera mengeluarkan kakinya. Saya menangkapnya tanpa berlengah dan tunduk hormat untuknya. Melihatkan ini Baba merahmati saya sambil berkata - Pergi sekarang, awak akan mendapat kebajikan awak, tidak perlu takut dan resah. Dia juga menambah - “ Berikan dhotar saya yang bersempadan sutera kepada Shama, dengan itu awak akan beroleh manfaat.

Mematuhi arahan Baba, En. Pakhade membawa dhotar dan meminta Kakasaheb untuk menyerahkannya kepada Madhavarao tetapi Madhavarao menolak dan berkata hanya jika Baba memberikan isyarat atau cadangan untuk menerimanya, barulah dia akan menerima. Kemudian selepas beberapa perbincngan Kakasaheb membuat keputusan untuk membuang undi. Ia adalah amalan berubah - berubah bagi Kakasaheb dalam semua perkara yang meragukan dan untuk mematuhi keputusan seperti yang ditunjukkan oleh kertas undi. Dalam hal ini, salah satu yang ditulis ‘ untuk menerima ‘ dan satu lagi ‘ untuk menolak ‘, diletakkan di kaki Baba di dalam potret dan seorang bayi disuruh mengutip salah satu daripadanya. Undian ‘ untuk menerima ‘ telah dikutip dan dhotar telah diserahkan dan diterima oleh Madhavarao. Dengan cara ini kedua - dua Anandran dan Madhavarao berpuas hati dan kesukaran Kakasaheb dapat diselesaikan.

Cerita menggesa kita untuk menghormati perkataan dari orang - orang Keramat yang lain, tetapi dalam masa yang sama meminta kita untuk mempunyai kepercayaan penuh kepada ibu, iaitu, Guru, dan mematui arahan - arahannya. Dia mengetahui kebajikan kita lebih daripada orang lain. Ukirkan pada jantung anda perkataan berikut: ‘ Tidak terkira jumlah orang - orang Keramat di dunia ini tetapi ‘ ayah kita ‘(Guru) adalah Ayah (Guru Sebenar). Yang lain mungkin memberitahu banyak perkara baik tetapi kita tidak harus melupakan kata - kata Guru. Secara ringkas, sayangi Guru awak sepenuh hati, menyerah sepenuhnya kepadanya dan meniarap di kakinya dengan hormat dan awak akan lihat bahawa tidak ada lautan kewujudan duniawi direntasi, tidak ada kegelapan di depan matahari “.

Papan Kayu untuk Katil Baba , dan Bukan Milik Bhagat.

Pada awalnya, Baba tidur di atas papan kayu, sepanjang 4 kali tangan dan hanya span lebar dengan(lampu tanah) menyala di empat sudutnya. Kemudian Dia memecahkan kayu dan membuangnya (vide bab X). Baba pernah menerangkan kepentingan papan kayu ini kepada Kakasaheb. Ini adalah yang dikatakan oleh Kakasehab kepada Baba - “ Jika Awak masih sayangkan papan kayu, saya akan menggantung satu lagi di Masjid supaya awak dapat tidur dengan mudah “. Baba menjawab, “ Saya tidak suka tidur di atas, meninggalkan Mhalasapati tidur di atas tanah “. Kemudian Kakasaheb berkata, “ Saya akan sediakan papan lain untuk Mhalasapati “. Baba, “ Bagaimana dia hendak tidur di atas papan? Tidak mudah untuk tidur di atas papan. Dia yang mempunyai banyak kualiti baik di dalam dirinya dapat melakukannya. Dia yang dapat tidur ‘ dengan mata terbuka luas ‘ boleh memberi kesan. Apabila saya pergi tidur, Saya selalu

meminta Mhalasapati duduk di sisi Saya, meletakkan tangannya di jantung saya dan memerhati ‘ ucapan nama Tuhan ‘ di sana, dan bila dia nampak saya mengantuk, dia mmbangunkan Saya. Dia tidak dapat melakukan ini juga. Bila

dia sendiri merasa mengantuk kepalanya mula terhangguk - hangguk. Bila Saya merasakan tangannya berat seperti batu di jantung Saya dan berkata - ‘ Oh Bhagat ‘, dia akan bergerak dan membuka matanya. Bagaimana dia, yang tidak dapat duduk dan tidur dengan selesa di atas tanah dan asana (postur) yang tidak stabil dan hamba kepada tidur, tidur di atas papan? Dalam banyak majlis - majlis Baba berkata, atas rasa sayang kepada para pengikutNya - “ Apa (samada baik atau buruk) adalah kita, bersama kita dan apa yang lain adalah bersama dia “

Penghormatan Untuk Baba - Sejahtera Untuk Semua

Bab XLVI

Perjalanan Baba ke Gaya - Cerita berkaitan dengan Kambing - kambing

Bab ini menceritakan perjalanan Shama ke Kashi, Prayag dan Gaya dan bagaimana Baba (di dalam bentuk potretNya) terlebih dahulu berada di sana; ia juga menerangkan kenangan Baba pada kelahiran lepas tentang dua ekor kambing.

Pendahuluan

Diberkati, Oh Sai, kaki Kamu, berbahagialah mengingati Kamu dan dirahmati Darshana kamu yang membebaskan kami dari ikatan Karma. Walaupin bentuk Kamu tidak kelihatan kepada kami, namun jika para pengikut percayakan Kamu, mereka akan mendapat pengalaman hidup daripada Kamu. Melalui benang yang halus dan tidak dapat dilihat Kamu menarik Para pengikut dari dekat dan jauh ke Kaki Kamu dan memeluk mereka separti seorang ibu yang penyayang. Para pengikut tidak mengetahui di mana Kamu, tetapi Kamu sangat cekap menarik wayar sehingga akhirnya mereka sedar yang Kamu ada di belakang untuk menolong dan membaantu mereka. Mereka yang pandai, bijak dan terpelajar jatuh ke dalam lubang samsar disebabkan keegoan mereka tetapi Kamu menyelamatkan, dengan kuasa Kamu, seorang yang miskin, sederhana dan alim. Secara diam dan tanpa dapat dilihat Kamu memainkan peranan, tetapi menunjukkan Kamu tidak risau tentangnya. Kamu melakukan pekara - perkara tetapi berlagak seolah - olah bukan Kamu yang melakukannya. Tiada yang tahu kehidupan Kamu. Dengan itu, kursus terbaik untuk kami adalah untuk menyerahkan badan, ucapan dan minda ke Kaki

Kamu dan sentiasa menyebut nama Kamu untuk menghapuskan dosa - dosa kami. Kamu memenuhi impian Para pengikut dan untuk mereka yang tidak mempunyai impian Kamu berikan kebahagiaan yang besar. Menyanyikan nama manis Kamu adalah sadhan paling mudah untuk para pengikut. Dengan sadhan ini, dosa - dosa kita, kualiti Rajas dan Tamas akan hilang, kualiti Sattwa dan kebenaran akan meraih penguasaan

dan bersamanya diskriminasi, tanpa semangat dan pengetahuan akan mengikuti. Maka kita akan mematuhi Diri kita dan Guru kita (yang satu dan sama).Ini yang dipanggil penyerahan sempurna kepada Guru. Satu - satu nya tanda kepastian untuk ini adalah minda menjadi tenang dan damai. Kehebatan penyerahan ini, pengabdian dan pengetahuan adalah unik, untuk keamanan, tanpa ikatan, kemashyuran dan keselamatan serta yang lain - lain, datang di dalam latihan. Jika Baba menerima seorang pengikut, Dia akan mengikutinya dan berdiri di sisinya, siang dan malam, di rumahnya atau di luar. Biar pengikutnya pergi ke mana - mana dia suka, Baba akan berada di sana mendahuluinya dalam bentuk yang sama dengan cara yang tidak dapat dibayangkan. Cerita berikutnya akan menerangkan lebih lanjut tentang ini.

Tidak berapa lama setelah Kakasaheb diperkenalkan kepada Sai Baba, dia membuat keputusan untuk melaksanakan upacara benang (Upanayan) untuk anak sulongnya Babu di Nagpur. Pada masa yang hampir sama Nanasaheb Chandorkar membuat keputusan untuk melaksanakan perkahwinan anak sulongnya di Gwalior. Kedua - dua Dixit dan Chandorkar datang ke Shirdi dan dengan rasa kasih sayang menjemput baba ke majlis - majlis ini. Baba meminta mereka membawa Shama sebagai wakil. Apabila Dia dipaksa untuk menghadirkan diri. Baba menyuruh mereka

membawa Shama bersama mereka dan ” selepas melakukan Banares dan Prayag, Dia akan datang mendahului Shama “. Sekarang tandakan perkataan ini kerana ia menunjukkan penguasaan luas Baba.

Selepas meminta izin Baba, Shama membuat keputusan untuk pergi ke Nagpur dan Gwalior untuk menghadiri majlis - majlis dan upacara - upacara dan dari situ ke Kashi, Prayag dan Gaya. Appa Kote mengambil keputusan untuk menemaninya. Mereka pergi ke Nagpur dahulu untuk upacara benang.

Kakasaheb Dixit memberi Shama Rs.200/- untuk perbelanjaannya. Kemudian mereka pergi ke Gwalior untuk upacara perkahwinan. Nanasaheb memberikan Shama Rs.100/- dan Vyahi dia (keluarga) En. Jather memberi juga sebanyak Rs.100/- untuk Shama. Selepas itu Shama pergi keKashi, kemudian ke Ayodhya dan dia disambut dengan baik di kuil Jather yang cantik Laxmi - Narayan di Kashi (varanasi atau banares) dan dalam Rama - Mandir di Ayodhya dan dua bulan dalam Kashi (Banares). Kemudian mereka beredar ke Gaya. Mereka sampai di stesen Gaya dan tinggal di Dadarmashala. Pada pagi hari Gayawala (Padri yang menguruskan dan menyediakan kediaman dan kedatangan para penziarah) datang ke sana dan membantu - “ Penziarah sudahpun bermula, awak harus segera “. Shama dengan bersahaja bertanya samada terdapat wabak penyakit di Gaya. ‘ No “ kata Gayawala. “ Sila datang tanpa rasa takut atau bimbang dan anda boleh melihat sendiri “. Kemudian mereka pergi besamanya dan tinggal di rumahnya yang besar dan Wada yang lapang. Shama berpuas hati

dengan kediaman yang disediakan untuknya tapi apa yang lebih menggembirakannya adalah potret Baba yang indah dan besar. Yang diletakkan di tengah dan bahagian depan bangunan itu.

Apabila melihat potret ini, Shama diselubungi emosi. Dia teringat perkataan baba iaitu, “ Selepas melakukan Kashi dan Prayag Dia akan mendahului Shama ‘ dan menangis. Rerambutnya berdiri, tekaknya tersekat dan dia mula tersedu. Gayawala menyangka yang dia takutkan wabak penyakit di situ dan sebab itu dia menangis. Shama bertanya dari mana dia mendapat potret Baba. Dia memberitahu bahawa dia mempunyai 200 atau 300 agen yang bekerja di Manmad dan Punatambe untuk mencari bagi kemudahan para penziarah dan dari mereka saya mendapat tahu tentang kemashyuran Baba. Lebih kurang 12 tahun lalu dia pergi ke Shirdi dan mengambil darshana baba. Di sana dia ternampak potret Baba tergantung di rumah Shama dan dengan keizinan Baba Shama memberikan kepadanya. Ini adalah potret yang sama. Shama kemudian teringat dengan kejadian itu.Gayawala sangat gembira apabila mendapat tahu bahawa Shama yang ditemuinya dulu, adalah tetamunya sekarang. Mereka berdua bertukar sayang dan khidmat serta sangat gembira. Gayawala memberikanya layanan sambutan diraja. Beliau adalah seorang yang kaya. Dia duduk di atas joli dan menawarkankan Shama menunggang Gajah dan memberikan segala kemudahan dan perkhidmatan.

Moral cerita ini adalah:- Bahawasanya kata - kata Baba menjadi kenyataan dan sayangnya yand tidak terhingga terhadap para pengikutnya. Kita ketepikan ini. Dia juga menyayangi semua makhluk dengan sama rata, sebab dia merasakan bahawa Dia adalah salah seorang daripada mereka. Cerita seterusnya akan menerangkan ini.

Dua ekor Kambing

Suatu hari Baba kembali dari Lendi dan dia ternampak sekumpulan kambing - kambing. Dua daripadanya menarik perhatian Baba. Dia menghampiri mereka lalu mengusap - usap mereka. Dia membeli mereka dengan harga Rs.32/-. Para pengikut terkejut dengan tindakan Baba. Mereka menyangka Baba telah ditipu di dalam tawar - menawar ini sebab kambing - kambing tersbut hanya bernilai Rs.2. paling tidak pun Rs.3/- atau Rs.4/- seekor, iaitu Rs.8/- untuk kedua - duanya. Mereka cuba membuat Baba menyedarinya tetapi Baba hanya bertenang sahaja. Shama dan Tatya Kote meminta penjelasan Baba. Dia mengatakan dia tidak akan menyimpan duit sebab Dia tidak memiliki rumah dan tiada keluarga untuk dijaga. Dia menyuruh mereka membeli dengan perbelanjaanya sendiri 4 seers dal dan memberi makan kepada kambing - kambing itu. Selepas ini selesai, Baba mengembalikan kambing - kambing itu kepada tuan punya kumpulan kambing- kambing itu tadi dan seterusnya bercerita tentang kisah kambing - kambing ini

“ Oh, Shama dan Tatya, awak fakir saya telah ditipu dalam tawar - menawar ini. Tidak. Dengarkan cerita mereka. Di dalam kelahiran mereka yang sebelum ini, mereka adalah manusia dan mempunyai nasib yang baik menjadi teman saya serta duduk di sisi Saya. Mereka adalah adik beradik kandung, menyayangi satu sam lain pada mulanya namun kemudian menjadi musuh. Si abang adalah seorang yang terbiar manakala si adik adalah seorang yang aktif dan mempunyai banyak wang. Abangnya menjadi tamak dan cemburu dan hendak membunuh adiknya serta mengambil wangnya. Mereka lupa pada hubungan persaudaraan dan mula berkelahi. Si abang berusaha pelbagai cara untuk membunuh

adiknya tetapi gagal. Oleh itu mereka menjadi musuh dan akhirnya dalam satu kejadian si abang telah memukul kepala adiknya dengan sebatang kayu yang besar sementara adik menetak abangnya dengan kapak. Akhirnya kedua - dua mereka mati di situ juga. Disebabkan perbuatan itu, mereka berdua telah dilahirkan semula sebagai kambing. Apabila mereka melintasi saya. Saya serta - merta mengenali mereka. Saya ingat cerita lama mereka. Oleh sebab rasa kasihan terhadap mereka maka saya ingin memberi mereka makan dan menyuruh mereka rehat serta, memujuk dan ini lah sebab kenapa saya membelanjakan wang yang awak tidak persetujui. Di sebabkan awak tidak suka tawaran saya maka saya kembalikan mereka kepada penjaga kambing “. Itu adalah kasih sayang Sai terhadap kambing - kambing.

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua

Bab XLVII

Kenangan Baba

Kisah Veerbhadrappa dan Chenbassappa (Ular dan katak)

Bab yang lepas menceritakan mengenai Kenangan Baba terhadap dua ekor kambing. Ini mengambarkn kenangan - kenangan yang lebih dan berkaitan dengan cerita Veerbhadrappa dan Chenbassappa.

Pendahuluan

Diberkati wajah Sai. Jika kita memandangnya seketika, dia memusnahkan kesedihan tentang kelahiran - kelahiran lepas dan memberikan kebahagiaan besar kepada kita. Jika Dia melihat kita dengan limpah kurnianya, ikatan kita dengan Karma akan segera diusir keluar dan kita dibawa menuju kebahagiaan. Sungai Ganges membersih kekotoran dan dosa - dosa mereka yang datang kepadanya untuk mandi tetapi dia merindukan kehadiran orang - orang Keramat

dan memberkatinya dengan kaki mereka dan mengeluarkan semua kekotoran (dosa - dosa) yang terkumpul di dalamnya. Dia mengetahui bahawa pengumpulan ini hanya dapat dikeluarkan oleh kaki suci orang - orang Keramat. Sai adalah batu permata untuk Orang - orang Keramat dan sekarang dengarkan dariNya cerita tulen berikut.

Ular dan Katak

Sai Baba berkata - “ Suatu pagi selepas mengambil sarapan, Saya berjalan - jalan sehingga Saya sampai di tebingan sungai yang kecil. Oleh kerana saya keletihan, saya berehat di sana, membasuh tangan dan kaki lalu berasa segar. Terdapat laluan kecil untuk berjalan kaki dan juga laluan trek kereta lembu yang dilindungi oleh pohon - pohon yang rimbun. Angin juga beertiup perlahan. Semasa Saya sedang bersedia untuk menyedut chilim, Saya terdengar bunyi katak. Saya sedang menggosok batu api dan menyalakan api, bila seorang pengembara muncul, duduk di sebelah Saya, tunduk hormat dan dengan hormat menjemput saya ke rumahnya untuk makan dan berehat. Dia menyalakan api dan menyerahkan kepada Saya. Bunyi katak kedengaran lagi dan dia ingin tahu apakah itu. Saya memberitahunya bahawa katak itu di dalam masalah dan sedang merasakan kepahitan buah karmanya sendiri. Kita perlu meraih sekarang buah yang kita semai (buat) pada kelahiran lepas, dan tidak guna menangisinya. Kemudian dia menyedut paip dan menyerahkan kepada Saya dan memberitahu Saya yang dia akan pergi ke sana untuk melihat sendiri. Saya memberitahunya bahawa katak itu telah ditangkap oleh ular yang besar dan sedang menangis. Kedua - duanya sangat jahat di kelahiran lepas dan sekarang merasakan hasil buah dari perbuatan mereka di dalam bentuk ini. Dia keluar dan mendapati seekor ular hitam sedang membawa katak besar di dalam mulutnya.

Dia menoleh kepada saya dan berkata bahawa dalam 10 atau 12 minit lagi katak itu akan dimakan oleh ular tersebut. Saya bekata, “ Tidak, ini tidak boleh terjadi. Saya adalah ayahnya (pelindung) dan saya di sini sekarang. Bagaimana saya membiarkan ular itu

memakannya adakah saya di sini bukan untuk apa - apa? Lihat bagaimana saya akan membebaskannya “.

Selepas menyedut paip lagi, kami berjalan menuju ke tempat itu. Dia merasa takut dan meminta saya supaya tidak meneruskan lagi sebab ular itu mungkin akan menyerang kami. Tidak mempedulikannya, Saya terus berjalan dan berkata kepada makhluk tersebut:- “ Oh Veerbhadrappa, adakah musuh kamu belum lagi bertaubat walaupun dia telah dilahirkan sebagai katak, dan awak juga, walaupun dilahirkan sebagai ular, masih mengekal permusuhan sengit terhadapnya? Saya tidak suka dengan sikap awak, malulah, buangkan kebencian awak sekarang dan berehat dengan aman “.

Mendengarkan kata - katak itu, ular itu segera melepaskan katak dan menyelam di dalam sungai lalu menghilang. Katak itu juga terus melompat lari dan menyembunyikan dirinya di dalam belukar.

Pengembara itu sangat terperanjat. Dia mengatakan yang dia tidak faham bagaimana ular itu boleh melepaskan katak tersebut dan menghilang selepas mendengar perkataan yang diucapkan, siapa Veerbhadrappa dan siapa Bassappa dan apakah punca perbalahan mereka. Saya kembali dengannya ke kaki pokok dan selepas berkongsi menyedut paip beberapa kali dengannya Saya menceritakan kesemua misteri kepada dia seperti berikut:- Terdapat sebuah tempat purba yang suci yang disucikan oleh kuil Mahadev lebih kurang 4 atau 5 batu dari tempat Saya. Kuil itu sudah lama dan usang. Penduduk di tempat itu membuat kutipan dana untuk memperbaikinya. Selepas jumlah yang banyak dikutip, penyediaan bagi pemujaan dibuat dan dirancang dengan anggaran untuk membaik pulih disediakan. Seorang lelaki tempatan yang

kaya dilantik sebagai bendahari dan seluruh kerja diamanahkan kepada beliau. Dia diminta menjaga akaun biasa dan harus jujur dalam semua urusannya. Beliau adalah seorang Baakhil kelas pertama dan membelanjakan sangat sedikit untuk pembaikan, menyebabkan progress menjadi lambat. Dia menggunakan semua dana, menelan sejumlah dana untuk dirinya sendiri dan tidak menggunakan apa - apa dari poketnya. Dengan mulut manisnya, dia sangat bijak memberi penjelasan yang munasabah berkaitan dengan progress kerja yang lembab dan lambat. Penduduk di situ datang lagi berjumpa beliau dan mengatakan hanya jika dia membantu dan mencuba dengan sebaik mungkin, kerja itu tidak akan selesai. Mereka meminta beliau untuk mengatur skim dan sekali lagi kutipan dana dilakukan dan jumlah dihantar kepadanya. Dia menerimanya tetapi hanya duduk diam seperti sebelum ini tanpa membuat apa - apa progress. Selepas beberapa hari Tuhan (Mahadev) muncul di dalam mimpi isterinya dan berkata kepadanya, “ Awak bangun, bina kubah untuk kuil, Saya akan memberi beratus kali ganda dari apa yang awak belanja “. Dia memberitahu visi itu kepada suaminya. Dia takut ianya akan melibatkan beliau dengan beberapa perbelanjaan dan oleh itu hanya mentertawakan dan mengatakan ia hanya mimpi semata - mata, tidak perlu percaya dan bertindak ke atasnya kalu tidak kenapa Tuhan tidak muncul dan memberitahunya sendiri? Adakah dia jauh dariNya? Ini kelihatan seperti mimpi buruk, yang bertujuan untuk mewujudkanperasaan sakit hati di antara suami dan isteri. Dia terpaksa berdiam diri.

Tuhan tidak mahu kutipan dana atau derma yang besar tanpa kerelaan penderma itu sendiri tetapi Dia lebih suka jumlah tersebut diberikan dngan kasih sayang, kesetiaan dan penghargaan. Beberapa hari selepas itu, Tuhan muncul lagi di

dalam mimpi isterinya - “ Jangan menyusahkan diri awak dengan suami awak

dan jumlah kutipan yang bersama beliau. Jangan memaksanya untuk membelanjakan apa - apa jumlah untuk kuil. Apa yang saya mahu adalah perasaan dan kesetiaan. Jadi beri, kalau awak mahu, apa - apa dari awak sendiri. Dia memberitahu tentang visi ini kepada suaminya dan membuat keputusan untuk memberi perhiasan yang dihadiah oleh ayahnya kepada Tuhan. Si bakhil merasa malu - malu tetapi bercadang untuk menipu Tuhan mengenai perhiasan itu. Dia mengurangkan nilai perhiasan itu sebanyak Rs.1000/- dan membelinya sendiri. Sebagai ganti memberi tanah kepada Tuhan sebagai wakaf atau keselamatan. Isterinya bersetuju. Tanah tersebut bukanlah miliknya tetapi kepunyaan seorang wanita miskin yang bernama Dubaki yang telah dicagarkan kepadanya sebanyak Rs.200/- Setelah agak lama dia masih tidak dapat menebusnya. Jadi si bakhil itu telah menipu semua, isterinya, Dubaki malahan Tuhan. Tanah itu tidak subur, tidak diusahakan dan tidak bernilai dan tidak mendatangkan hasil walaupun dalam musim yang baik.

Dengan itu transaksi berakhir, dan tanah itu telah diberikan dalam pemilikan seorang padri miskin yang sangat gembira dengan wakaf itu.Tidak berapa lama kemudian, sesuatu yang aneh telah berlaku. Berlaku ribut besar dan hujan lebat. Kilat telah menyambar rumah si bakhil dan dia dan isterinya telah meninggal dunia. Dubaki juga menghembuskan nafas terakhir.

Dalam kelahiran baru, bakhil yang kaya telah dilahirkan di Mathura di dalam keluarga Brahmin dan dinamakan Veerbhadrappa. Isterinya yang alim telah dilahirkan sebagai anak padri yang menjaga kuil dan dinamakan Gouri. Dubaki (orang

yang menggadaikan) pula dilahirkan sebagai lelaki di dalam keluarga Gurav (attendan) di kuil dan benama Chenbassappa. Padri itu adalah kawan kepada Saya. Dia selalu datang berjumpa saya, berbual dan merokok bersama Saya. Anak perempuannya juga setia kepada Saya. Dia membesar dengan cepat dan ayahnya sedang mencarikan suami untuknya. Saya memberitahu nya supaya jangan risau tentangnya sebab pengantin lelaki sendiri akan datang mencarinya. Kemudian datang seorang budak miskin yang bernama Veerbhadrappa dari kasta mereka, merayau-merayau dan mengemis roti di rumah padri. Dengan persetujuan saya Gouri dinikahkan dengan budak itu. Dia juga pada mulanya setia kepada Saya sebab Saya yang mencadangkan perkahwinannya dengan Gouri. Di dalam kelahiran baru ini juga dia menginginkan wang dan meminta pertolongan Saya untuk mendapatkannya kerana dia adalah seorang lelaki yang sudah berkahwin sekarang.

Sesuatau yang aneh berlaku. Terdapat kenaikan harga secara tiba - tiba. Dengan nasib baik Gouri, terdapat permintaan yang tinggi untuk tanah dan tanah wakaf telah dijual dengan harga satu lakh rupee (100 kali ganda nilai perhiasannya). Separuh daripada jumlah dibayar denga tunai dan selebihnya dibayar secara 25 ansuran dengan Rs.2000'- setiap kali bayaran. Semua setuju dengan

pembayaran ini tetapi mula bertengkar tentang wang. Mereka datang kepada saya untuk berbincang. Saya memberitahu mereka yang tanah itu kepunyaan Tuhan dan hak terletak pada padri dan Gouri adalah warisnya dan pemilik. Tidak ada amaun boleh dibelanjakan tanpa persetujuannya dan suaminya tidak mempunyai hak langsung ke atas amaun itu. Mendengar nasihat Saya, Veerbhadrappa menjadi marah dengan saya dan berkata

yang Saya hendak membuktikan tuntutan Gouri dan mencuri hartanya. Mendengar kata - katanya, saya teringatkan Tuhan dan berdiam diri. Veerbhadrappa mengherdik isterinya dan dia datang berjumpa Saya dan memohon Saya supaya tidak mengambil hati terhadap perkataan suaminya dan tidak membuangnya sebab dia adalah anak Saya. Disebabkan dia memohon perlindungan Saya, Saya berjanji akan menyeberangi tujuh lautan untuk menolongnya. Kemudian pada malam itu Gouri mendapat visi. Mahadev muncul di dalam mimpinya dan berkata - " Semua wang itu adalah milik awak, jangan berikan kepada siapa - siapa, belanjakan sedikit jumlah untuk tujuan kuil selepas berbincang dengan Chenbassappa dan jika memerlukannya untuk urusan lain, berbincang dengan Baba di Masjid (Saya sendiri) ". Gouri menceritakan kepada saya visinya dan saya memberikan nasihat yang sesuai untuknya.Saya menasihatinya mengambil pokok atau jumlah modal untuk dirinya, berikan setengah jumlah faedah kepada Chenbassappa dan Veerbhadrappa tidak mempunyai hak apa - apa ke atas duit itu. Semasa Saya sedang becakap, Veerbhadrappa dan Chenbassappa datang bertengkar. Saya mencuba yang terbaik untuk meredakan mereka dan menceritakan visi Tuhan untuk Gouri kepada mereka. Veerbhadrappa menjadi liar dan marah dan mengugut untuk membunuh Chenbassappa memotongnya. Chenbassappa merasa takut dan memeluk kaki saya memohon bantuan. Saya beerjanji untuk menolongnya dari kemurkaa musuhnya. Kemudian selepas beberapa lama, Veerbhadrappa mati dan dilahirkan sebagai ular dan Chenbassappa mati dan lahir sebagai katak. Mendengar suara Chenbassappa dan mengingati janji Saya, maka Saya datang ke sini, menyelamatkanya dan memenuhi janji Saya. Tuhan berlari kepada para pengikutnya untuk membantu semasa mereka berada

di dalam bahaya. Dia menyelamatkan Chenbassappa (katak) dengan menghantarkan saya ke sini. Semua ini adalah Leela Tuhan “. Moral Moral cerita ini adalah seseorang mesti meraih apa yang disemai dan tidak dapat melarikan diri kecuali seseorang itu menderita dan membayar balik hutang lama dan berurusan dengan yang lain. Tamakkan wang mengheret seseorang ke tahap terendah dan akhirnya membawa kemusnahan kepada dirinya dan orang lain.

Penghormatan Untuk Baba - Sejahtera Untuk Semua

Bab XLVIII

Menghindarkan Masalah Para Pengikut

Kisah (1) Shevade dan (2) Sapatnekar

Pada permulaan bab ini, ada yang betanya kepada Hemadpant samada Sai Baba adalah seorang Guru atau Sadguru. Untuk menjawab soalan itu, Hemadpant menerangkan tanda – tanda seorang Sadguru seperti berikut:- Tanda - tanda Sadguru Dia yang mengajar kita veda dan Vedanta atau the Shastra (systems), Dia yang mengawal pernafasan atau menjenamakan badannya dengan Mudras (tanda metalik senjata Vishnu) atau memberikan wacana menyenangkan berkaitan Brahma. Dia yang memberikan mantera kepada murid - murid dan mengarah mereka mengucapkannya mengikut jumlah tertentu, tetapi tidak memastikan apa - apa keputusan dalam masa ditetapkan. Dia yang dengan pengetahuan perkataan yang luas menerangkan dengan indah prinsip utama, tetapi dirinya tidak mempunyai pengalaman atau kesedaran diri bukanlah Sadguru. Tetapi dia yang dengan perbicaraannya mewujudkan dalam diri kita rasa tidak sukakan keseronokan duniawi dan selepasnya dan memberikan kita rasa kesedaran diri, bijak di dalam kedua - dua pengetahuan teori dan praktikal layak dipanggil sadguru. Bagaimana dia, yang dirinya sendiri tanpa kesedaran diri memberikan kepada muridnya? Sadguru tidak akan, walau dalam mimpinya mengharapkan apa - apa khidmat atau keuntungan dari muridnya. Namun begitu, dia ingin berkhidmat kepada mereka. Dia tidak berfikir yang dia adalah besar dan murid adalah kecil. Bukan sahaja dia menyayangi nya sebagai anak tetapi menganggapnya sama sepertinya atau Brahma.

Ciri - ciri utama seorang Sadguru adalah dia tempat kediaman yang aman. Dia tidak pernah penat atau gelisah. Dia tidak bangga dengan ilmunya.Yang kaya atau yang miskin, yang kecil atau yang besar adalah sama padanya.

Hemadpant merasakan bahawa hasil daripada pengumpulan merit di kelahiran lepas, Dia bernasib baik bertemu dan diberkati oleh Sadguru seperti Sai Baba. Walaupun semasa muda remaja pun Dia tidak memiliki apa apa (mungkin kecuali Chilim). Dia tidak memiliki keluarga, tiada kawan, tiada rumah dan tiada sokongan. Sejak berusia lapan belas tahun, Dia mengawal minda dengan sempurna dan luar biasa. Dia tinggal di tempat terpencil tanpa rasa takut dan sentiasa mematuhi Dirinya Sendiri. Melihat kepada ikatan murni para pengikutNya Dia sentiasa bertindak demi kepentingan mereka dan dengan itu Dia adalah seolah - olah bergantung kepadanya. Apa saja pengalaman yang

diberikan kepada para pengikut semasa hidupNya, diberi juga kini, selepas Mahasamadhi, diperolehi oleh mereka yang merapatkan diri denganNya. Mereka harus mengurangkan lampu hati, iman dan ketaatan mereka, dan dibakar di dalam sumbu kasih sayang, dan bila ini sudah dilakukan, cahaya pengetahuan (kesedaran diri) akan menyala dan bersinar cerah. Hanya pngetahuan tanpa cinta adalah kering, tiada yang inginkan pengetahuan sebegitu. Tanpa cinta tidak akan ada kepuasan, jadi kita harus memiliki cinta yang tidak putus dan tidak terbatas. Bagaimana kita boleh memuji cinta? Semuanya adalah tidak penting sebelun itu.Tanpa cinta bacaan kita, pendengaran dan pelajaran adalah tidak berjaya. Di belakang cinta diikuti kesetiaan, tanpa ikatan, keamanan dan kebebasan dengan semua harta mereka. Kita tidak mendapat cinta untuk apa - apa kecuali kita merasa bersungguh - sungguh tentangnya. Jadi di

mana ada kerinduan dan perasaan, Tuhan akan menjelma Dirinya. Ia termasuk cinta dan ia adalah cara pembebasan. Sekarang mari kita beralih kepada kisah utama untuk bab ini. Biarkan manusia pergi kepada keramat sebenar dengan minda yang bersih, dan peluk kakinya, akhirnya dia akan diselamatkan. Inilah yang akan diterangkan oleh cerita yang berikutnya.

En. Shivade

En. Sapatneker dari Akkalkot (Daerah Sholapur) belajar undang - undang. Pelajar yang sama dengannya En.Shevade berjumpa dengannya. Pelajar- pelajar lain juga berkumpul bersama dan membandingkan nota pelajaran mereka. Mereka mendapati Bahawa En. Shevade adalah yang paling tidak bersedia untuk semua peperiksaan maka semua pelajar mengejeknya. Namun dia berkata bahawa walaupun dia tidak bersedia, dia yakin akan lulus peperiksaan sebab Sai Baba ada di sana untuk membantunya lulus. En. Sapatnekar terkejut dengan kenyataannya. Dia membawa En. Shevade ke tepi dan bertanya kepadanya siapa itu Sai Baba yang dia puji begitu tinggi. Dia menjawab - “ Dia seorang fakir yang tinggal di Masjid di Shirdi (Daerah Ahmednagar). Dia seorang yang hebat Sat purusha. Terdapat banyak orang - orang Keramat tetapi yang ini adalah unik. Kecuali jika seseorang mempunyai merit yang hebat, Dia tidak akan dapat menemuiNya. Saya percaya sepenuhnya terhadapNya dan apa yang dikatakaNya tidak pernah tidak benar. Dia telah meyakinkan saya bahawa saya akan lulus tahun depan dan saya yakin yang saya akan lulus di dalam peperiksaan akhir dengan rahmatnya. En. Sapatnekar ketawa mendengarnya dan mengejek dia dan Baba.

Sapatnekars

En. Sapatnekar telah lulus dalam peperiksaannya, tinggal di Akkalkot dan bekerja sebagai peguambela di sana. Sepuluh tahun selepas itu, iaitu, dalam tahun 1913 dia kehilangan anak lelakinya yang tunggal disebabkan penyakit tekak. Ini melukakan hatinya. Dia mencari ketenangan dengan mengerjakan penziarahan ke pandharpur, Ganagapur dan lain- lain tempat suci. Dia tidak mendapat ketenangan minda. Kemudian dia membaca Vedanta, yang juga tidak membantunya. Sementara itu, dia teringatkan kata - kata En.Shevade dan kepercayaannya kepada Baba, dia berfikir yang dia juga harus ke shirdi dan bertemu dengan Baba. Dia pergi ke Shirdi dengan adik lelakinya Panditrao dan sangat gembira apabila melihat Baba dari jarak jauh. Bila dia menghampiri dan meniarap di kaki Baba dan meletakkan buah kelapa di hadapan Baba denagn perasaan yang ikhlas, Baba berkata dengan kasar " Keluar ". Sapatnekar menundukkan kepalanya, undur kebelakang dan duduk ditepi. Dia hendak bercakap dengan seseorang yang dapat menasihatinya bagaimana untuk meneruskannya. Seseorang menyebut nama Bala Shimpi. Sapatnekar nampak dia lalu meminta pertolongannya. Mereka membeli potret Baba dan membawa ke Masjid. Bala Shimpi membawa potret itu ditangannya, diberikan kepada Baba dan bertanya kepadanya potret siapa kah itu. Baba berkata bahawa potret itu adalah ' Yara '(Kekasih) Beliau, menunjukkan kepada Sapatnekar. Selepas berkata begitu Baba ketawa dan semua turut ketawa. Bala bertanya Baba apakah yang kepentingan ketawa itu dan memberi isyarat kepada Sapatnekar untuk maju ke hadapan dan mengambil darshan. Apabila Sapatnakar mula meniarap di kaki Baba, Baba sekali lagi berkata dengan kasar " Keluar ". Sapatnekar tidak tahu hendak berbuat apa. Kemudian mereka berpegangan tangan dan duduk di hadapan Baba, berdoa. Baba akhirnya mengarahkan

Sapatnekar supaya beredar dengan segera. Kedua - dua mereka meraa sedih dan kecewa. Oleh kerana arahan Baba harus dipatuhi, Dia meninggalkan Shirdi dengan hati yang berat berdoa supaya lain kali dia dibenarkan untuk mengambil darshan.

Puan Saptanekar

Setahun sudah berlalu. Masih mindanya tidak tenang. Dia pergi ke Gangapur dan di sana dia merasakan lebih resah. Kemudian dia pergi ke Madhegaon untuk berehat dan akhirnya mengambil keputusan pergi ke Kashi. Dua hari sebelum memulakan perjalanan, isterinya mendapat visi. Di dalam mimpinya dia pergi membawa periuk kera ke telaga Lakadsha. Di sana terjumpa seorang fakir dengan kain terikat di sekeliling kepalanya, duduk di kaki pokok Neem, menghampirinya dan berkata, “ Wahai perempuan, kenapa memenatkan diri tanpa sebab? Saya mengisi periuk awak dengan air yang bersih “. Dia takut kpada fakir itu dan berundur dengan periuk yang kosong. Fakir mengikutinya. Pada ketika itu dia tersedar lalu membuka mata. Dia memberitahu visi itu kpada suaminya. Mereka merasakan itu adalah isyarat bertuah maka mreka pun pergi ke Shirdi. Apabila mereka sampai ke Masjid, Baba tiada di sana sebab dia telah

pergi ke Lendi Mereka menunggu sampai Dia kembali. Apabila Baba kembali, Puan Sapatnekar merasa terkejut fakir yang dia nampak di dalam visinya menyerupai wajah Baba. Dia dengan hormat meniarap di kaki Baba dan duduk memerhati Beliau. Melihat sikap rendah hatinya Baba berpuas hati dan mula becerita dengan ciri aneh dan istimewanya. Dia berkata, “ Tangan saya, perut dan pinggang saya sudah lama berasa sakit. Saya mengambil berbagai jenis ubat, sakit ini tidak juga sembuh. Saya bosan dengan

semua ubat - ubat ini sebab ia tidak menyembuhkan saya tetapi saya hairan kerana semua sakit saya sudah hilang sekarang “. Walaupun nama tidak disebut tetapi ia adalah cerita Puan Sapnatekar sendiri. Kesakitannya seperti yang disebut oleh Baba telah hilang dan dia sangat gembira.

Kemudian En. Sapatnekar bergerak ke hadapan untuk mendapatkan darshan. Sekali lagi dia disambut seperti sebelumnya “Keluar “. Kali ini dia lebih sabar dan bertaubat. Dia menyatakan bahawa rasa tidak senang hati Baba adalah disebabkan perbuatan lepasnya berusaha untuk membetulkan kesalahannya. Dia menetapkan untuk menemui Baba sendirian dan memohon maaf di atas tindakannya dahulu. Dia meletakkan kepalanya di kaki Baba dan baba meletakkan tangan di atas kepalanya dan Sapatnekar duduk menggosok - gosok kaki Baba. Kemudian seorang wanita pengembala datang dan duduk Mengurut pinggang Baba. Baba dengan ciri anehnya mula menceritakan kisah bania. Dia mengaitkan berbagai jatuh bangun mengenai semua kehidupan termasuk kematian satu - satunya anak lelakinya. Sapatnekar merasa terkejut Dengan cerita yang Baba kaitkan adalah mengenai dirinya dan dia hairan bagaimana Baba mengetahui setiap perincian itu. Dia mendapat tahu bahawa Baba adalah maha tahu dan mengetahui isi hati semua. Apabila perkara terlintas di fikirannya, Baba masih bercakap dengan pengembala wanita itu dan menudingkan jari kepada Sapatnekar lalu berkata, “ Orang ini menyalahkan saya dan menuduh saya membunuh anaknya. Adakah saya membunuh anak orang? Kenapa orang ini datang ke Masjid dan menangis? Sekarang saya akan lakukan ini dan akan sekali lagi membawa budak itu balik ke dalam rahim ibunya “. Dengan kata - kata ini dia meletakkan tangan di atas kepalanya dan memujuknya dengan berkata, “ Kaki

ini tua dan suci, awak riang sekarang, letakkan kepercayaan penuh terhadap saya dan awak akan dapat objek awak nanti. Sapatnekar merasa sangat terharu, dia membasuh kaki Baba dengan air matanya kemudian kembali ke rumahnya.

Kemudian dia membuat persediaan untuk pemujaan dan naivedya. Dia datang ke Masjid bersama isterinya. Dia melakukan ini kepada Baba setiap hari dan menerima Prasad darinya. Terdapat orang ramai di Masjid dan Sapatnekar pergi ke sana dan mmberi hormat kepada Baba lagi dan lagi. Apabila kepala saling bertembung,Baba berkata Sapatnekar, " Oh, kenapa awak mmberi hormat banyak kali? Sekali Namaskar dengan rasa kasih dan rendah diri sudah

mencukupi ". Sapatnekar dapat menyaksikan perarakan Chavadi pada malam itu dan Baba kelihatan benar - benar seperti Pandurang (Vithal)

Sebelum berpisah, Sapatnekar berfikir yang dia harus memberikan dahulu satu rupee sebagai dakshina dan kalau Baba meminta lagi, daripada berkata tidak, dia akan membayar sekali lagi, menyimpan sedikit untuk perbelanjaan bagi perjalanan pulang. Bila dia sampai ke Masjid dan memberikan satu rupee, Baba meminta lagi seperti mana yang dirancangnya tadi dan dia membayarnya. Baba merahmatinya dan berkata, " Ambil buah kelapa dan letakkan di dalam oti (pemegang atas sari dia), dan pergi dengan tenang tanpa rasa gelisah ". Dia melakukan seperti yang dipesan dan setahun kemudian dia telah mndapat anak lelaki. Setelah bayi itu berusia lapan bulan pasangan itu membawanya datang ke Shirdi, meletakkan bayinya di kaki Baba dan berdoa, " Oh Sainath, kami tidak tahu bagaimana hendak membalas jasa Awak, untuk itu kami meniarap di kaki Awak,

berkatilah kami yang hina ini, seterusnya biarlah kaki suciMu menjadi tempat perlindungan mutlak kami. Banyak fikiran dan idea yang menganggu di waktu bangun dan di dalam mimpi, maka palingkan minda kami dari mereka untuk bhajan Awak dan berkatilah kami “.

Anaknya dinamakan Murlidhar. Dua lagi (Bhaskar dan Dinkar) telah dilahirkan kemudian. Sapatnekar dengan itu menyedari bahawa kata - kata Baba tidak pernah tidak pernah tidak betul dan mungkir janji tetapi ternyata sangat benar. Penghormatan Untuk Baba - Sejahtera Untuk baba

Bab XLIX

Kisah - kisah (1) Hari Kanoba - (2) Somadeva Swami - (3) Nanasehab Chandorkar

Pendahuluan

Vedas dan Puranas tidak dapat menerangkan dengan jelas tentang Brahma atau Guru, jadi bagaimana kita yang jahil, hendak menerangkan tentang Guru kita Sadguru? Kita fakir adalah lebih baik kita berdiam diri dalm hal ini. Dalam realiti penyerahan nazar untuk berdiam diri dalam memuji sadguru namun kualiti baik pada Sai Baba menyebabkan kita lupa pada nazar kita untuk berdiam diri dan memberi inspirasi untuk membuka mulut. Makanan yang sedap akan terasa tawar bila tiada yang menemani kita makan, tetapi bila ditemani, makanan terasa lebih sedap. Begitulah hal nya dengan Sai Leelamrit - nektar yang dalam bentuk Leela Sai. Nektar ini kita tidak dapat mengambilnya sendirian. Kawan - kawan dan saudara mara harus menyertai kita - lebih banyak lebih bagus.

Baba sendiri adalah orang yang memberi inspirai tentang cerita - cerita ini dan menulis menurut keinginanNya sendiri. Tugas kita adalah untuk menyerah sepenuhnya kepada Beliau dan bermeditasi ke atasNya. Mengamalkan penebusan dosa adalah lebih baik daripada berziarah, nazar, korban dan sedekah. Memuja Hari adalah lebih baik daripada bertaubat, dan meditasi ke atas Sadguru adalah yang terbaik daripada semuanya. Oleh itu, kita harus menyanyikan nama Sai di mulut, memikirkan kata - kataNya di minda, meditasi ke atas bentuknya, perasaan sayang sebenar untukNya di dalam hati kita dan lakukan segalanya demi

untukNya. Tidak ada cara yang lebih baik daripada ini untuk menyentap perhambaan samsar. Jika kita dapat menjalankan tugas kita seperti tercatat di atas, Sai akan pasti membantu membebaskan kita. Sekarang kita beralih ke cerita - cerita untuk bab ini.

Hari Kanoba

Seorang lelaki dari Bombay bernama Hari Kanoba mendengar dari kawan - kawan dan keluarganya banyak mendengar tentang Leela Baba. Dia tidak mempercayainya sebab dia adalah Thomas yang ragu. Dia hendak menguji sendiri Baba. Maka dia datang ke Shirdi denga kawan - kawan dari Bombay. Dia menggunakan serban bersisi lace di kepalanya dan sepasang sandal baru di kakinya. Melihat Baba dari jauh dia terasa hendak menghampirinya dan meniarap di kakiNya. Dia tidak tahu apa yang hendak dibuat dengan sandalnya. Berjalan ke sudut luar di kawasan laman. Dia menyimpannya di sana dan masuk ke dalam Masjid dan mengambil darshan Baba. Dia memberi tunduk hormat kepada Baba ,mengambil Udi dan Prasad dari Baba dan balik. Bila dia sampai di sudut, dia mendapati sandalnya telah hilang. Dia berusaha mencarinya tetapi sia - sia sahaja lalu kembali ke tempat penginapan dengan perasaan kecewa. Dia mandi, melakukan puja dan naivedya, dan duduk makan namun dia masih berfikir tentang sandalnya. Selepas selesai makan, dia keluar untik mencuci tangannya dan ternampak seorang budak Maratha datang menghampirinya. Di tangannya terdapat kayu, yang di atasnya tergantung sepasang sandal baru. Dia memberitahu yang baba menghantarnya dengan kayu itu dan menyuruhnya keluar ke jalan menangis. “ Hari ka Beta. Jari Ka Pheta “ dan memberitahunya “ Jika ada yang menuntut Sandal ini, mula - mula meyakinkan diri

anda bahawa namaya adalah Hari dan dia adalah anak kepada Ka, iaitu, Kanoba, dan dia memakai serban bersisi lace kemudian berikan kepada dia “. Mendengarkan ini Hari Kanoba merasa hairan. Dia menghampiri budak itu dan menuntut sandal itu serta memperkenalkan dirinya adalah Hari dan dia adalah anak kepada Ka (Kanoba) dan menunjukkan kepadanya seban bersisi lace. Budak itu berpuas hati dan mengembalikan sandal kepadanya. Hari Kanoba berfikir yang serban bersisi lace kelihatan kepada semua orang dan Baba mungkin juga melihatnya,

tetapi bagaiman dia tahu namanya dan dia adalah anak kepada Kanoba sebab ini adalah kali pertama dia datang ke Shirdi. Dia datang ke Shirdi dengan satu objektif iaitu untuk menguji Baba tanpa motif lain. Melalui insiden ini dia sedar bahawa Baba adalah Satpurusha yang hebat. Dia telah dapat apa yang dia mahu dan kembali ke rumahnya dengan berpuas hati.

Somadeva Swami

Sekarang dengarkan cerita seorang lagi lelaki yang datang untuk menguji Baba. Bhaiji, abang kepada KakasahebDixit tinggal di Nagpur. Bila dia pergi ke Himalaya pada tahun 1906 A.D. dia terserempak dengan seorang Somadeva Swami dari Haradwar di Uttarkashi di bawah bukit Gangotri. Kedua - dua menulis nama masing - masing didalam diari. Lima tahun kemudian Somadevi datang ke Nagpur dan sebagai tetamu Bhaiji. Di sana dia gembira mendengar Leela Baba dan mempunyai keinginan yang kuat untuk pergi ke Shirdi dan berjumpa Baba. Dia menerima surat pengenalan dari Bhaiji dan pergi ke Shirdi. Selepas melintasi Manmad dan Kopergaon, dia menaiki kereta kuda dan terus ke Shirdi. Sebaik sahaja dia sampai ke Shirdi, dia ternampak dua buah

bendera terapung di atas Masjid di Shirdi. Biasanya kita mendapati berbagai jenis kelakuan, berbeza cara hidup dan berbeza kelengkapan luar dengan berbeza orang - orang Keramat. Sebaik sahaja dia nampak bendera terbang, dia berfikir - “ Kenapa seorang Keramat menyukai bendera - bendera, adakah ini menandakan kesucian? Ia membayangkan keinginan orang Keramat kepada kemashyuran “. Oleh kerana memikirkan demikian, dia behasrat untuk membatalkan perjalanan ke Shirdi dan berkata kepada rakan - rakan yang melancung bersama nya yang dia akan balik. Mereka berkatanya “ Jadi kenapa awak datang dari jauh? Kalau minda awak menjadi resah dengan melihat bendera - bendera itu, bagaimana gelisahnya awak kalau melihat Ratha (kereta), joli, kuda dan kelengkapan lain?” Swami menjadi lebih bingung dan berkata, bukan sedikit Sadhu yang saya nampak, dengan kuda - kuda, joli - joli dan tom tom. Adalah lebih baik saya balik daripada melihat Sadhu ini “. Selepas berkata begitu dia pun mula untuk balik. Rakan - rakan pelancong memaksa dia supaya meneruskan hasratnya yang mula - mula. Mereka meminta beliau menghentikan memikirkan yang tidak baik dan memberitahu bahawa Sadhu, iaitu Baba tidak mengambil berat sedikitpun tentang bendera dan kelengkapan lain mahupun kemashyuran. Orang - orang dan para pengikutNya yang menyimpan semua kelengkapan itu atas rasa sayang dan kesetiaan terhadap Beliau. Akhirnya mereka dapat memujuknya untuk meneruskan perjalanan ke Shirdi untuk menemui Baba. Bila dia sampai dan melihat Baba dari halaman , hatinya menjadi cair, matanya digenangi air mata , tekaknya terasa tersekat dan semua fikiran jahatnya lenyap. Dia teringat Gurnya pernah berkata - ‘ itulah tempat tinggal kita dan kediaman untuk berehat yang akan

menggembirakan dan mempersonakan minda '.Dia terasa untuk menggulingkan dirinya di debu

kaki Baba dan bila dia menghampiri Baba, Baba menjadi marah dan berkata dengan kuat - " Biarkan semua humbug (kelengkapan) kami bersama kami, awak pergi balik ke tempat awak, awas jika awak kembali ke Masjid ini. Kenapa mengambil darshan dari seorang yang menerbangkan bendera di atas Masjid? Adakah ini tanda kesucian? Pergi dari sini sekarang ". Swami merasa amat terkejut. Dia menyedari yang Baba telah mmbaca isi hatinya dan meluahkannya. Sungguh dia maha mengetahui! Dia tahu yang dia kurang pintar dan Baba adalah mulia dan suci. Dia nampak Baba memeluk seseorang, menyentuh seseorang dengan tangannya, memujuk yang lain, memandang dengan lembut, tertawa bersama mereka, memberikan udi Prasad dan kerana itu memuaskan hati semua. Kenapa hanya dia diberi layanan buruk? Setelah memikir sedalamnya, dia menyedari bahawa Baba bertindak terhadap pemikiran dalamnya dan ini memberi pengajaran kepadanya untuk berubah, dan bahawa kemarahan Baba adalah satu rahmat. Selepas itu keyakinan beliau terhadap Baba telah meningkat dan beliau menjadi pengikut kuat Baba.

Nanasaheb Chandorkar

Hemadpant membuatkan kesimpulan ke atas bab ini dengan cerita tentang Nanasaheb Chandorkar. Apabila Nanasaheb sedang duduk di Masjid bersama Mhalpasati dan yang lain lain, seorang lelaki Mahomedan dari Bijapur datang bersama keluarganya untuk berjumpa Baba. Melihat seorang gadis gosha (bertudung), Nanasaheb hendak melarikan diri, tetapi Baba menahannya.Gadis itu datang dan mengambil darshan Baba. Bila salah seorang

daripada mereka membuka tudung untuk mencium kaki Baba sebagai tanda hormat kemudian memasang semula, Nanasaheb yang melihat wajahnya merasa sungguh terpegun dengan kecantika yang jarang dilihat dan dia ingin menatap wajah gadis itu lagi. Baba mengetahui keresahan minda Nana dan bercakap dengannya selepas gadis tersebut pergi. Baba berkata, “ Nana kenapa awak gelisah? Biarkan deria membuat kerja yang diperuntukkan. Kita tidak harus mencampuri urusan mereka. Tuhan telah mencipta dunia yang cantik ini dan tugas kita menghargai keindahannya. Minda akan stabil dan tenang secara perlahan - lahan dan beransur - ansur. Apabila pintu depan terbuka, kenapa pergi ke pintu belakang? Bila hati bersih, tidak ada kesukaran jua. Kenapa seseorang harus takut kepada sesiapa jika tiada niat jahat dalam fikiran kita? Mata boleh membuat kerjanya , kenapa harus malu dan goyah? “ Shama beada di sana dan dia tidak faham apa yang dimaksudkan oleh Baba, Jadi dia bertanyakan Nan tentang ini semasa berjalan pulang. Nana memberitahunya tentang kegelisahannya selepas menatap wajah cantik seorang gadis, Baba mengetahuinya dan menasihatinya tentang itu. Nana menerangkan maksud Baba seperti berikut - “ Bahawa minda kita berubah - ubah oleh alam semulajadi, ia tidak harus dibenarkan menjadi liar. Deria mungkin menjadi

resah, badan, walau bagaimanapun harus diperiksa dan tidak dibiarkan menjadi hilang sabar. Deria bertindak atas objek tetapi kita tidak harus menurutnya dan mengidamkan objek tersebut. Dengan amalan yang perlahan dan beransur - ansur keresahan dapat diatasi. Kita tidak harus digoyahkan oleh deria, tetapi mereka tidak dapat dikawal sepenuhnya. Kita harus membendungnya denga baik dan sewajarnya berdasarkan keperluan situasi. Kecantikan adalah subjek untuk penglihatan.

Kita harus melihat keindahan itu tanpa rasa takut. Cuma kita tidak boleh melayani fikiran jahat. Untuk menjadikan minda kurang berkeinginan, perhatikan hasil kerja Tuhan yang indah. Dengan cara ini deria akan mudah dan secara semulajadi dikawal dan walaupun dalam menikmati objek kita akan diingati tentang Tuhan. Jika deria luaran kita tidak di periksa dan jika minda dibiarkan untuk mengejar objek dan terikat dengannya, putaran kelahiran tidak akan berakhir. Objek deria adalah membahayakan. Dengan Viveka (diskriminasi) sbagai kereta kebal kita , kita akan mengawal minda dan tidak membenarkan deria sesat. Dengan kereta kebal kita sampai ke Vishnu - pada, kediaman terakhir, rumah sebenar dan tidak akan kembali “.

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua

Bab L

Cerita - cerita tentang (!) Kakasaheb Dixit (2) Sri Tembye Swami (3) Balaram Dhurandhar

Bab 50 untuk Satcharita yang asal telah diterapkan di dalam Bab 39 kerana ia menerangkan tentang perkara yang sama. Sekarang, Bab 51 dari Satcharita telah dianggap sebagai Bab 50. Bab ini menceritakan mengenai (1) Kakasaheb Dixit (2) Sri Tembye Swami (3) Balaram Dhurandhar.

Pendahuluan

Kemenangan untuk Sai yang menjadi tunggak utama untuk Para Bakti, iaitu Sadguru, yang menghuraikan maksud Gita dan yang memberi kita kuasa. Oh Sai, Jaga lah kami dengan baik dan berkatilah kami.

Pokok kayu sandal, tumbuh di gunung Malaya dan menangkis haba. Awan - awan, menuangkan air hujan dan menyejukkan dan menyegarkan manusia. Bunga - bunga , berkembang dalam musim bunga, membolehkan kita memuja Tuhan. Maka cerita tentang Sai Baba bangkit, untuk memberi ketenangan dan keselesaan kepada pembaca. Kedua - dua yang bercerita dan yang mendengar cerita Baba, diberkati dan suci begitu juga dengan mulut pencerita serta telinga pendengar.

Ia adalah kenyataan yang diketahui ramai, bahawa walaupun kita mencuba beratus - ratus cara atau Sadhana kita tidak mencapai matlamat hidup spiritual, kecuali Sadguru memberkati kita dengan

kasih kurniaNya. Dengarkan cerita berikut dalam menerangkan kenyataan ini.

Kakasaheb Dixit (1864 - 1926)

En. Hari Sitaram alias Kakasaheb Dixit telah dilahirkan dalam tahun 1864 A.D., dalam Vadnagara Nagar - keluarga Brahmin, di Khandwa (C.P). Pendidikan rendahnya dilakukan di Khandwa, Hinganghat, dan pendidikan Menengah di Nagpur. Dia datang ke Bombay untuk pendidikan tinggi dan belajar dahulu di Kolej Wilson dan kemudian di Kolej Elphinstone. Selepas tamat pengajiana dalam tahun !883 A.D. dia lulus LL.B dan peperiksaan Peguamcara. Dia kemudian berkhidmat di firma Peguamcara Kerajaan, Messrs Little dan Co., dan kemudian selepas beberapa ketika membuka firma sendiri.

Sebelum tahun !909 A.D., nama Sai Baba tidak dikenali oleh Kakasaheb tetapi selepas itu dia menjadi pengikutNya yang setia. Semasa dia tinggal di lonavla, dia berjumpa dengan kawan lamanya, En. Nanasaheb Chandokar. Kedua - dua menghabiskan masa bersama, bercakap tentang banyak perkara. Kakasaheb menerangkan kepadanya, bagaimana dia menemui kemalangan semasa menaiki keretapi di London. Kakinya tergelincir dan telah tercedera. Dia mencuba bermacam - macam ubat tapi tidak berjaya menyembuhkan kaki nya. Nanasaheb memberitahunya jika dia hendak menghilangkan kesakitan dan kepincangan kakinya, dia harus pergi berjumpa Sadguru Sai Baba. Dia juga memberikan semua butir - butir mengenai Sai Baba dan memberitahunya tentang dictum Sai Baba “ Saya menarik mereka dari jauh, atau bahkan seluruh tujuh lautan, seperti burung pipit dengan tali di kakinya “. Dia juga menyatakan dengan jelas kepadanya bahawa jika dia bukan orang Baba, dia tidak akan tertarik dengan Baba

dan mengambil darshan. Kakasaheb berpuas hati mendengar semua ini dan berkata kepada Nanasehab bahawa dia akan pergi kepada Baba, berjumpa dengannya dan berdoa bukan sahaja untuk kakinya yang pincang dan fikiran yang sentiasa berubah tetapi yang penting memberikannya kebahagiaan yang kekal.

Beberapa ketika selepas itu, Kakasehab pergi ke Ahmednagar dan tinggal di sana dengan Kakasaheb Mirikar atas urusan untuk mendapatkan undi bagi kerusi di Dewan Perundangan Bombay. En. Balasaheb Mirikar, anak kepada Kakasaheb Mirikar, seorang Mamlatdar untuk Kopergaon, juga datang ke Ahmednagar atas urusan yang berkaitan dengan Pameran Kuda di sana. Selepas pilihanraya berakhir, Kakasaheb Dixit ingin hendak pergi ke Shirdi dan kedua - dua Mirikar, ayah dan anak juga berfikir untuk menghantar seseorang yang sihat untuk menemaninya ke sana. Di sana sai Baba telah membuat persediaan untuk

menyambutnya. Shama menerima telegram dari bapa mertuanya di Ahmednagar, menyatakan bahawa isterinya sedang sakit serius dan dia harus datang bersama isterinya untuk melawat dia. Dengan izin Baba, Shama pergi ke sana dan melawat ibu mertuanya. Dia mendapati beliau sudah bertambah baik. Nanasehab dan Appasaheb Gadre ternampak Shama semasa di dalam perjalanan untuk ke Pameran Dixit dan membawanya ke Shirdi bersamanya. Kakasaheb Dixit dan Mirikar anak beranak juga diberitahu tentang kedatangan Shama. Pada waktu malam, Shama datang berjumpa Mirikar yang telah memperkenalkan dia kepada Kakasehab. Mereka menguruskan agar Shama harus pergi ke Kopergaon dengan Kakasehab menggunakan keretapi malam iaitu pada pukul 10 malam. Selepas ianya selesai, suatu perkara yang menghairankan telah berlaku. Balasehab Mirikar

mengalihkan tudung yang menutupi potret Baba yang besar dan menunjukkan kepada Kakasehab. Dia terkejut kerana Dia yang hendak ditemuinya di Shirdi sudah berada di sini dalam bentuk potretNya memberikan salam, pada ketika ini. Dia terharu lalu memberi penghormatan di depan potret itu. Potret ini dimiliki oleh Megha. Kaca yang menghiasinya telah pecah dan dihantar kepada Mirikar untuk dibaiki. Pembaikan yang diperlukan sudahpun dilakukan dan potret itu akan dikembalikan kepada kakasehab dan Shama.

Sebelum pukul sepuluh, mereka pegi ke stesen dan menempah tiket tetapi bila keretapi sampai, mereka mendapati bahawa tempat duduk kelas kedua sudah penuh dan tidak ada tempat untuk mereka. Namun mereka bernasib baik sebab pengawal keretapi adalah kenalan Kakasehab dan dia telah meletakkan mereka ke kelas pertama. Dengan itu, perjalanan mereka menjadi lebih selesa dan menyeronokkan di Kopergaon. Keseronokan mereka bertambah apabila berjumpa dengan Nanasehab Chandorkar yang juga hendak ke Shirdi.Kakasehab dan Nanasehab saling berpelukan dan selepas mandi di sungai suci Godavaru, mereka memulakan perjalanan ke Shirdi. Setelah sampai di sana dan mendapat darshan Baba, minda kakasaheb menjadi cair, matanya dipenuhi airmata dan dia diselubungi perasaan ceria. Baba berkata kepadanya yang dia juga menunggu kedatangannya dan dia menghantar Shama untuk menyambutnya.

Kakasehab kemudiannya menghabiskan masa yang mengembirakan bersama Baba bertahun - tahun lamanya. Dia membina Wada di Shirdi yang dia jadikan sebagai rumahnya yang kekal. Pengalaman - pengalaman yang diperolehi dari Baba sangat banyak dan mustahil untuk diceritakan semuanya di sini. Pembaca

dinasihatkan untuk membaca (Kakasehab Dixit) Istimewa dari ‘ Majalah Sri Sai Leela ‘. Vol 12, No.6-9. Kita tutup kisah ini dengan menyebut satu faktor sahaja. Baba telah memujuknya dengan berkata yang di akhirnya “ Dia akan membawa dia dalam bas berhawa dingin (viman) “, (iaitu, menyediakan dia dengan kematiaan yang mengembirakan). Ini ternyata benar. Pada 5hb Julai

1926 A.D., dia sedang dalam perjalanan menggunakan keretapi dengan Hemadpant dan berckap tentang Sai Baba. Dia seolah - olah amat asyik terhadap Sai Baba. Tiba - tiba dia meletakkan kepalanya di bahu Hemadpant dan menghembuskan nafas terakhir tanpa ada tanda - tanda kesakitan dan keresahan.

Sri Tembye Swami

Kita sampai ke cerita seterusnya, yang menunjukkan bagaimana Orang - orang Keramat menyayangi satu sama lain dengan kasih sayang persaudaraan. Sri Vasudevanand Saraswati, dikenali sebagai Sri Tembye swami, di Rajamahendri (Andhra Country), di tebing Godavari. Dia seorang yang taat, ortodoks, Jnani dan Bakti Yogi kepada Tuhan Dattatreya. E, Pundalikrao, peguambela di Nanded (Bandar Nizaam) pergi berjumpa dia dengan beberapa orang kawannya. Semasa mereka sedang bercakap dengannya, nama Shirdi dan Sai Baba secara tak langsung disebut. Mendengar nama Baba, Swami memberi tanda hormat dengan tangannya dan mengambil kelapa, memberikan kepada Pundalikrao dan berkata kepadanya, “ Tawarkan ini kepada abang saya Sai, dengan pranam saya dan permintaan supaya dia tidak melupakan saya, tetapi selamanya menyayangi saya “. Dia juga menambah yang Swami - swami tidak biasa tunduk hormat kepada orang lain, tetapi dalam

hal ini pengecualian harus dibuat. En. Pundalikrao berkenan untuk membawa buah dan mesej beliau kepada Baba. Swami itu adalah betul apabila memanggil Baba dengan panggilan abang, kerana dia mengekalkan Agnihotra (api suci) siang dan malam, dengan cara ortodoksnya. Baba juga mengekalkan Agnihotra iaitu Dhuni yang sentiasa menyala di dalam Masjid.

Selepas sebulan, Pundalikrao dan yang lain - lain pergi ke Shirdi dengan kalapa dan sampai ke Manmad. Apabila mereka merasa dahaga, mereka pergi ke anak sungai untuk minum air.Oleh kerana air tidak boleh diminum dengan perut yang kosong, mereka mengeluarkan sedikit bekalan seperti Chivda (Nasi hancur dicampurkan dengan rempah). Chivda ini pedas rasanya dan untuk melembutkannya seseorang mencadangkan supaya memecahkan kelapa dan campurkan hasil kikisan dengannya. Dengan itu, mereka telah membuatkan Chiva menjadi lebih enak dan sedap. Malangnya kelapa itu pecah dan ia adalah kelapa yang diamanahkan kepada Pundalikrao. Oleh kerana mereka sudah hampir sampai ke Shirdi, Pundalikrao teringatkan amanah itu dan merasa bersalah bila mengetahui ia sudah pecah dan digunakan. Ketakutan dan gementar, dia datng ke Shirdi berjumpa Baba. Baba sudah menerima mesej wayarles mengenai kelapa dari Tembye Swami. Baba meminta Punalikrao memberikan barang yang dihantar oleh adiknya. Dia segera memegang kaki Baba, mengaku kesalahannya dan kecuaian, brtaubat dan memohon maaf dari

Baba. Dia menawarkan untuk memberi buah lain sebagai ganti tetapi Baba tidak mahu menerima dan mengatakan nilai kelapa itu lebih jauh, banyak kali lebih dari yang biasa dan bahawa ia tidak dapat digantikan dengan yang lain. Baba juga menambah, “Sekarang awak jangan risau lagi tentang hal ini. Adalah di atas

permintaan saya buah kelapa itu diamanahkan kepada awak dan pecah di dalam perjalanan. Kenapa awak harus bertanggunjawab terhadapnya? Jangan melayan perasaan dalam membuat perkara yang baik serta perbuatan buruk. Hilangkan kebanggaan dan keegoan sepenuhnya dalam semua perkara dan dengan itu kemajuan spiritual akan lebih pantas ".Betapa indahnya nasihat spiritual yang Baba berikan!

Balaram Dhurandhar (1878 - !925)

En. Balaram Dhurandhar tergolong kepada komuniti Pathare Prabhu, dari Santacruz, Bombay. Dia adalah peguambela di Mahkamah Tinggi Bombaydan kadangkala Pengetua di Sekolah perundangan Kerajaan, Bombay. Seluruh keluarga Dhurandhar adalah alim dan kuat beragama. En. Balaram berkhidmat dengan komunitinya dan menulis serta menerbitkan akaun untuk itu. Dia kemudian menukar perhatian kepada perkara spiritual dan keagamaan. Dia belajar tentang Gita, ulasan Jnaneshwari, filosofi yang lain dan metafizik dengan berhati - hati. Dia adalah pengikut kepada Vithoba di Pandharpur. Dia mula berhubung dengan Sai Baba dalam tahun 1912 A.D.. Enam bulan lepas, saudaranya Babiji dan Vamanrao datang ke Shirdi dan mengambil darshan Baba. Mereka balik dan menceritakan pengalaman manis kepada Balaram dan yang lain- lain. Kemudian mereka membuat keputusan untuk berjumpa Baba. Sebelum mereka datang ke Shirdi, Baba mengisytiharkan secara terbuka bahawa - " Hari ini banyak Darbar Saya datang ke sini ". Saudara - saudara Dhurandhar merasa hairan mendengar kenyataan Baba yang disampaikan kepada mereka sebab mereka tidak memberitahu awal tentang kedatangan mereka. Semua orang memberi tunduk hormat kepada Baba dan duduk bercakap denganNya. Baba

memberitahu mereka - “ Ini adalah orang - orang Darbar yang saya beritahu sebelum ini “ dan berkata kepada Dhurandhar bersaudara - “ Kita sudah mengetahui satu sama lain selama enam generasi “. Kesemua bersaudara itu lemah lembut dan sederhana. Mereka berdiri dengan berpegangan tangan, memandang kaki Baba. Kesemua emosi seperti airmata, rerambut yang berdiri, tekak yang tersekat - sekat dan lain - lain menyentuh perasaan mereka dan mereka semuanya gembira. Kemudian mereka pegi ke penginapan, makan dan selepas berehat, datang ke Masjid. Balaram duduk dekat dengan Baba, mengurut kakiNya. Baba yang menyedut Chilim menyerahkan chilim kepadanya dan memberi isyarat supaya dia menyedut. Balaram tidak biasa merokok, namun dia masih menerima paip tersebut, menghisap dengan kepayahan dan mengembalikan dengan hormat. Ini adalah masa yang sangat bertuah bagi Balaram. Dia menghidapi Asthma selama enam tahun. Asap itu

telah menyembuhkan penyakitnya dan tidak lagi menganggunya. Lebih kurang enam tahun kemudian, pada hari tertentu dia diserang Asthma. Ianya tepat pada masa Mahasamadhi Baba.

Hari lawatan ini adalah hari Khamis dan Dhurandhar bersaudara bertuah dapat menyaksikan Chavadi. Balaram melihat cahaya Pandurang di wajah Baba dan pagi esoknya di Kakad - Arti, fenomena yang sama - cahaya daripada Dewa tercinta - Pandurang kelihatan lagi di wajah Baba.

En. Baklaram Dhurandhar menulis di Marathi, Kehidupan Maharashtra Keramat Tukaram tetapi tidak berjaya diterbitkan. Ia diterbitkan kemudian, oleh saudaranya dalam tahun 1928. Dalam catatan pendek tentang kehidupan Balaram dinyatakan di

permulaan buku. Kisah mengenai lawatan Balaram telah disokong penuh di dalamnya.(Vide muka surat 6 dalam buku itu).

Penghormatan Untuk Baba - Sejahtera Untuk Semua

Epilog

Kita telah siap dengan bab 51 dan sekarang kita sampai ke bab terakhir(no.52 dalam buku asal). Di dalam ini Hemadpant memberi kesimpulan kenyataan dan berjanji untuk memberi indeks, memberi kandungan untuk semua bab dalam ayat sebagaiman diberikan di dalam buku suci Marathi tetapi malangnya indeks itu tidak ditemui di dalam kertas Hemadpant. Oleh itu, ditulis dan dibekalkan oleh yang dapat dan yang layak dan pengikut Sai Baba, En. B.V. Deo (Pesara Mamladtar) dari Thana.Oleh kerana kita memberikan di dalam buku - buku Ingeris dan indeks pada permulaan dan kandungan setiap bab di atasnya. Kita tidak perlu mempertimbangkan indeks untuk bab terakhir maka kita mnganggap bab ini sebagai Epilog. Malangnya Hemadpant tidak sempat untuk menyemak semula manuskrip untuk bab ini dan menyediakannya untuk pihak akhbar. Apabila ia dihantarkan kepada pihak akhbar, En. Deo mendapati ia belum siap dan kurang bijak di beberapa tempat tetapi ia terpaksa diterbitkan sebagaimana ia dijumpai. Topik utama yang diterangkan di dalam dengan secara ringkas diberikan di bawah.

Kehebatan Sadguru Sai

Kita meniarap di kakiNya dan memohon bantuan dari Sai Samarth yang merangkumi semua benda yang bernyawa dan tidak bernyawa yang ada di alam semesta dari God Brahma, periuk belanga, rumah - rumah, kediaman yang besar termasuk langit, yang menyelimuti semua makhluk sama rata tanpa membezakan., kepada para pengikut yang serupa dan yang mengetahui tentang

tidak menghormati atau penghinaan, suka atau tidak suka. Jika kita mengingati Beliau dan menyerah diri kepadaNya, Beliau akan memenuhi semua impian dan membuatkan kita mencapai tujuan kehidupan.

Lautan kewujudan biasa ini sangat susah untuk diseberangi. Gelombang keasyikan memukul kuat di sana terhadap benteng pemikiran yang buruk dan memecahkan pokok ketabahan. Angin keegoan bertiup dengan kuat dan menjadikan lautan bergelora dan gelisah. Buaya - buaya di dalam bentuk kemarahan dan kebencian bergerak di sana tanpa rasa takut. Pusaran di dalam bentuk pemikiran ‘ Saya ‘ dan ‘ Diri Saya ‘ dan keraguan - keraguan yang lain berpusar di sana tanpa henti dan tidak terhingga banyaknya ikan - ikan dalam bentuk pencelaan, kebencian dan perasaan cemburu bermain di sana. Walaupun lautan ini sangat ganas dan dahsyat, Sadguru Sai adalah Agasti (Pemusnah) nya dan pengikut - pengikut Sai tidak perlu takut sedikit pun terhadapnya. Sadguru kita adalah perahu yang akan membawa kita dengan selamat menyeberangi lautan ini.

Berdoa

Sekarang meniaraplah di hadapan Sai Baba dan pegang kakinya serta berdoa seperti berikut untuk semua:- Jangan biarkan minda kita bersiar - siar dan inginkan semua kecuali kepadamu. Biarkan hasil kerja ini (Satcharita) berada di setiap rumah dan biar ia dipelajari setiap hari. Hindari segala masalah daripada mereka yang sentiasa belajar tentangnya.

Fala - Shruti (Ganjaran Kajian)

Sekarang diterangkan sedikit tentang ganjaran yang diperolehi hasil dari mempelajari hasil kerja ini. Selepas mandi di sungai suci Godavari dan selepas mengambil darshan ke atas Samadhi di Samadhi - mandir di Shirdi, anda harus membaca atau mendengar Satcharita. Jika anda melakukan ini kesemua kesusahan tiga kali ganda yang menimpa anda akan hilang. Berfikir mengenai cerita - cerita Sai, anda secara tidak langsung akan berminat dengan kehidupan spiritual dan jika anda meneruskan bacaan denga rasa kasih sayang, semua dosa - dosa anda akan terhapus. Jika anda hendak mengelakkan putaran kelahiran dan kematian, bacalah cerita - cerita Sai dan ingatlah dia selalu dan melampirkan diri anda di Kaki Beliau. Jika anda menyelam di dalam lautan cerita - cerita Sai kemudian menceritakannya kepada yang lain, anda akan mendapat rasa yang sentiasa baru darinya dan menyelamatkan para pendengar dari kebinasaan. Kalau anda bermeditasi ke atas bentuk Sai, ianya akan hilang dan membawa anda kepada kesedaran diri. Ianya sangat sukar untuk mngetahui atau menyedari sifat Diri atau Brahma tetapi jika kita menghampiri melalui Sugun Brahma (Bentuk Sai) progress anda akan menjadi mudah. Jika para pengikut

menyerahkan diri dengan sepenuhnya kepadaNya, maka dia akan masuk ke dalamNya dan menjadi satu denganNya seperti sungai masuk ke dalam laut. Bila anda sudah bersatu dengannya dalam mana - mana tiga keadaan iaitu, bangun, mimpi dan tidur, anda akan terlepas dari ikatan samsara. Jika sesiapa selepas mandi membaca cerita ini dengan kasih sayang serta kepercayaan, dan menghabiskannya dalam masa seminggu, masalah - masalahnya akan hilang. Jika dia mendengar atau membaca setiap hari semua bahaya akan terhapus. Dengan mempelajarinya, seorang yang berniat untuk mendapat kekayaan, akan mendapatnya dan

peniaga yang jujur akan berjaya di dalam hidupnya. Dia akan mendapat ganjaran berdasarkan kepercayaan dan kesetiaannya. Tanpa ini, tidak akan ada pengalaman sepertinya. Jika anda membaca dengan perasaan hormat, Sai akan merasa senang hati dan menghilangkan kejahilan dan kemiskinan. Dia akan memberikan ilmu pengetahuan, kekayaan dan kemakmuran. Dengan minda yang menumpukan sepenuh perhatian, jika membaca setiap hari, ia akan memberikan kebahagiaan yang tidak terhingga. Seseorang yang mempunyai kebajikan di hatinya, harus mempelajarinya dengan berhati - hati dan dia akan sentiasa mengingati Sai dengan rasa bersyukur dan ceria di dalam kelahiran demi kelahiran. Hasil kerja ini harus dibaca di rumah terutama sekali pada hari Guru - Pournima (Bulan penuh Ashadha), Gokul -Ashtami, Rama Navami dan Daara (Hari ulangtahun Baba). Jika anda mempelajari buku ini dengan berhati - hati, semua impian anda akan dipenuhi dan jika anda sentiasa mengingati Baba di hati, anda akan dengan mudah menyeberangi Bhava (Sansar) sagar, Dengan mempelajarinya, penyakit akan sembuh, yang miskin akan menjadi kaya, yang dihina dan yang tertindas mendapat kemakmuran dan minda akan dapat menghilangkan semua idea dan mendapat kestabilan.

Para pembaca yang baik dan setia dan pendengar - pendengar, kami juga memberikan tunduk hormat kepada anda semua, dan memohon permintaan istimewa kepada anda. Jangan lupakan Beliau yang ceritanya anda telah baca dari hari ke hari atau dari bulan ke bulan. Semakin bersungguh - sungguh anda membaca atau mendengar cerita - certa ini, semakin banyak galakan yang sai berikan untuk berkhidmat dan berguna kepada anda. Kedua - dua penulis dan pembaca mesti bekerjasama di dalam hasil kerja ini, saling membantu dan berbahagia.

Prasad Yachana

Kita menutup certa ini dengan berdoa kepada Yang Maha Berkuasa diikuti nikmat Prasad - Semoga pembaca - pembaca dan para pengikut mendapat pengabdiaan yang lengkap dan sepenuh hati ke atas Kaki Sai. Semoga bentuknya sentiasa kekal di mata mereka dan semoga mereka melihat Sai (Tuhan) di dalam semua makhluk. Amin!

Penghormatan Untuk Sri Sai - Sejahtera Untuk Semua